Kajian ini berkaitan kesan modul kelompok bimbingan Teori Pilihan (*Choice Theory)* Terapi Realiti (*Reality Therapy)* (TPTR) terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah. Bab ini membincangkan latar belakang kajian dan penyataan masalah yang melibatkan isu-isu yang berkaitan perkembangan kerjaya murid sekolah menengah. Selain itu, pengkaji juga menyenaraikan persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi konsep dan definisi operasi, kepentingan kajian, batasan kajian dan rumusan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar belakang kajian

Murid yang berada di tingkatan empat harus membuat pengkhususan dalam aliran bidang yang bakal diikuti selaras dengan potensi, minat dan kecekapan mereka. Keselarasan ini akan memudahkan mereka merancang kerjaya untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dalam bidang pengajian tertentu berdasarkan pakej-pakej subjek tertentu yang di ambil diperingkat sekolah. Oleh itu murid harus menentukan bidang yang dikehendaki jika tidak keadaan sebaliknya akan dialami (Zafar, 2019). Kerjaya murid harus bermula daripada awal lagi di sekolah dengan penyampaian maklumat kerjaya dan persekitaran kerjaya (Lau, Chung, dan Wang, (2021). Oleh itu kerjaya melalui pendidikan menggunakan modul dan bimbingan kerjaya menjadi satu strategi pendidikan yang dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu di peringkat tempatan dan luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan kerjaya diperkatakan oleh pengkaji tempatan dan luar negara. Norazhar, Abd Rahman, dan Bakar, (2018) menegaskan kerjaya dan individu bergerak selari dalam perancangan yang dalam kehidupan seseorang. Seterusnya Yahya dan Mahmud (2022) menyatakan kerjaya sangat berpengaruh dalam kehidupan seseorang. Manakala Budi, Sugiharto dan Sunawan (2021) menyebut tentang kerjaya dan individu sebagai amat penting dan disebut kaunseling kerjaya hayat.

Justeru kepentingan kerjaya juga dialami di peringkat sekolah di luar negara seperti di Australia, Denmark, Finland, Britain, Kanada dan Hong Kong. Australia menubuhkan sebuah agensi yang dinamakan *National Job Network*. Manakala di Denmark menubuhkan *Counseling House* oleh agensi *Instituted One-Stop Center*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerajaan Finland membina *student personal study program* untuk murid sebelum terlibat dalam pendidikan vokasional atau latihan dalam sesi kaunseling individu dan kelompok. Murid di Britain dibiayai oleh kerajaan apabila mengekalkan rekod pencapaian (ROA) yang baik dan juga dalam pelan tindakan individu (IAP). Kerajaan Kanada pula menyediakan kerjaya dengan membangunkan dasar kerjaya yang inovatif. Fokus kerjaya murid ditumpukan terhadap penambahbaikan tugas dan pengkhususan kerja, pendidikan koperasi, pameran kerjaya, dan pelbagai program karyawan. Manakala di Hong Kong, tumpuan diberikan kepada sumber-sumber bimbingan kerjaya tentang laluan kerjaya dan perhubungan. Tugasan tersebut disempurnakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling selaku guru kerjaya di sekolah menengah dengan menyediakan program perkhidmatan kerjaya. Nurfarahzatul Ashikin, Mohamad Zubir, dan Muhamad Hussin (2022). Oleh itu, program kerjaya dan kaunseling mendapat sokongan yang baik daripada kerajaan yang dinyatakan di atas. Pendidikan kerjaya dilaksanakan sekolah mendapat sambutan yang baik diperingkat kerajaan. Ini menunjukkan usaha kerjaya harus dimulai dari muda hingga sepanjang hayat.

Oleh itu, pada peringkat usia murid sekolah menengah, mereka telah membuat persediaan untuk ke peringkat dewasa dengan lebih prihatin tentang rancangan untuk pekerjaan masa hadapan. Selain itu, terdapat murid yang sukar menghubungkaitkan subjek mereka murid dengan kursus pengajian yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi. Keadaan ini berlaku kerana waktu persekolahan mereka kurang mendapatkan maklumat pendidikan kerjaya tentang penerokaan dan membuat keutusan kerjaya di sekolah menengah. Didapati sebanyak 46% murid sekolah menengah tidak mendapat pendidikan kerjaya secara mencukupi menyebabkan mereka sukar mengaitkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesesuaian subjek di sekolah dengan pilihan kursus pengajian dan peluang kerjaya masa depan mereka (Mufrihah, Hasanah, Aisa, dan Wahyuningrum, 2021).

Selanjutnya, Hermawan dan Farozin (2018) menyatakan penerokaan kerjaya merupakan proses dalam kerjaya. Ia merupakan suatu bentuk maklumat untuk menambah ilmu pengetahuan yang dilaksanakan secara meluas. Oleh itu, penerokaan kerjaya menjadi unsur penting dalam membuat keputusan kerjaya. Manakala Nor Hazwani dan Sheerad (2020) pula mentakrifkan penerokaan kerjaya sebagai proses individu yang kompleks untuk mencapai peningkatan diri dan pengetahuan persekitaran bagi mencapai matlamat kerjaya. Penerokaan kerjaya melibatkan aktiviti-aktviti seperti mengumpul maklumat dan pengethauan, tentang pencaraian kerja, perancangan peluang dan pemilihan kerjaya. Selain itu, melibatkan tingkah laku seperti berbincang mengenai peluang, memmuridi kebolehan dan kemahiran tertentu serta memperolehi pendidikan untuk kejayaan. Penerokaan kerjaya merupakan aktiviti yang dilaksanakan dalam kerjaya. Oleh itu, menurut Mahmud, Bakar, Amat, Mansor dan Amran (2022) penerokaan kerjaya yang sistematik dan menyeluruh, membuatkan murid mula mengumpul maklumat bagi membantu mereka membuat keputusan kerjaya yang jelas dan berjaya.

Kepentingan penerokaan kerjaya dalam membuat keputusan kerjaya dan banyak dikenalpasti oleh pengkaji. Kajian banyak tertumpu kepada penilaian terhadap kaedah yang berbeza tentang penerokaan sama ada formal dan tidak formal berkaitan aktiviti pencarian kerja dan mengenalpasti motivasi dan aspek individu tentang penerokaan kerjaya. Rangka kajian bersepadu penerokaan kerjaya melibatkan kepercayaan penerokaan mengenai tingkahlaku pencarian kerjaya dan reaksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penerokaan. Dalam konteks ini, penerokaan kerjaya bermaksud sebagai tingkahlaku yang bertujuan mengakses maklumat mengenai pekerjaan, kerja atau organisasi yang sebelumnya tidak terlintas dan terfikir. Tingkahlaku penerokaan kerjaya melibatkan tiga dimensi iaitu tumpuan peribadi dan persekitaran. Kedua, jumlah bilangan maklumat yang diperolehi melalui prestasi temuduga dan mendapat tawaran kerja. Ketiga, melibatkan diri dalam organisasi, sosialisasi dan sikap terhadap kerjaya yang berubah-ubah. Individu meneroka diri dan persekitaran dalam tahap yang berbeza-beza dalam mencari maklumat kerjaya yang sesuai. Tingkahlaku penerokaan kerjaya melibatkan maklumat yang baharu dan berguna, maklumat yang diperolehi sinonim dengan diri dan jangkaan berhubungkait yang tinggi dengan dirinya. Oleh kerana itu, individu yang kurang memperolehi maklumat yang kurang menyebabkan timbul perbezaan motivasi antara individu yang lebih dan yang kurang meneroka maklumat (Jiang et. al, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber lain juga memberi maklumat kerjaya yang terkini selari dengan perkembangan teknologi maklumat. Dengan mengakses melalui internet, maklumat kerjaya dapat diperolehi dengan melayari laman web maklumat pekerjaan yang tertentu. Bantuan oleh kaunselor sekolah turut membantu murid menyalurkan sumber maklumat kerjaya dan penerangan sesuatu pekerjaan. Menurut Hajmi dan Jamaludin (2022) Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan pentaksiran psikometrik untuk tingkatan satu hingga lima bagi ujian personaliti, ujian minat kerjaya dan ujian kecerdasan pelbagai bagi perkembangan kerjaya murid. Akan tetapi perkembangan kerjaya di negara ini perlu digiatkan usaha dalam memenuhi keperluan sistem pendidikan kerjaya. Oleh itu perhubungan antara peringkat persekolahan dan latihan peringkat pekerjaan perlu diselaraskan agar laluan kerjaya ditunjukkan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jelas untuk masa hadapan murid. Kekurangan ini terdapat di sekolah yang tidak diajar di sekolah (Desa, Asaari, Razak dan Abd Jabar, 2019). Dengan demikian cabaran yang baru telah membawa perubahan yang signifikan kepada bidang pekerjaan dan pekerja. Oleh itu kaunselor kerjaya perlu melaksanakan transformasi daripada pendekatan konvensional kepada pendekatan yang lebih menyeluruh dengan perancangan kerjaya melibatkan keluarga, komuniti dan elemen-elemen yang lain.

Membuat keputusan kerjaya merupakan peringkat mesti diambil dan dilalui oleh seseorang sama ada murid sekolah, kolej atau universiti. Walaubagaimanapun, terdapat sesetengah seseorang yang membuat keputusan kerjaya dengan mudah dan tanpa kesukaran yang nyata, namun ramai juga seseorang yang menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya mereka. Untuk membantu seseorang yang mengalami kesukaran dalam proses membuat keputusan kerjaya mereka perlu mencari dan mengenal pasti bidang kesukaran mereka. Seseorang yang membuat keputusan kerjaya yang ideal adalah seseorang yang menyedari keperluan untuk membuat keputusan kerjaya. Seseorang bersedia mencapai dan membuat keputusan dengan betul melalui proses yang sistematik untuk mencapai keputusan yang paling sesuai dengan matlamatnya. Seseorang yang membuat keputusan kerjaya yang ideal mengalami kesukaran yang boleh merosakkan atau menghalang proses membuat keputusan kerjaya. Kesukaran membuat keputusan kerjaya dialami berbeza-beza kepada seseorang mengikut keadaan kesukaran timbul sebelum atau semasa penglibatan sebenar dalam proses membuat keputusan kerjaya. Sumber yang mencetuskan kesukaran didapati daripada kognitif atau afektif. Dengan itu kesan kesukaran keputusan menghalang proses atau membawa kepada keputusan yang rendah daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keputusan yang optimum. Oleh itu intervensi diperlukan untuk mengatasi kesukaran membuat keputusan kerjaya (Ramli et.al, 2022).

Oleh itu, kepentingan menguasai kemahiran membuat keputusan kerjaya perlu diberi keutamaan (Erni Marlina, Roznim dan Nor Azah, 2021). Program-program perkembangan kerjaya harus dilaksanakan bagi memberi keyakinan kepada murid dalam memilih kerjaya (Mahfud, Siswanto, Wijayanto dan Puspitasari, 2020). Lanjutan daripada itu, Salleh (2019) memberi pandangan tentang sistem pendidikan yang perlu menjana ke arah menyediakan sumber manusia atau modal insan yang berkualiti. Justeru itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berperanan penting bagi mencapai wawasan negara melalui perkembangan modal insan secara optimum di peringkat sekolah. Pencapaian ini tercapai melalui perancangan program yang sistematik, perkhidmatan yang berkualiti dan pelaksanaan program yang berkesan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lanjutan daripada itu, peranan guru bimbingan dan kaunseling adalah antaranya membantu murid merancang haluan pendidikan dan pemilihan kerjaya. Namun begitu, fokus peranan utama guru bimbingan dan kaunseling teralih kepada tambahan tugasan sampingan yang lain seperti mengajar subjek akademik, terlibat jawatan utama dalam penguatkuasaan disiplin dan sebagainya. Oleh kerana itu, kesannya menyebabkan guru berkenaan kurang bersedia untuk melaksanakan peranan membimbing murid dalam haluan perancangan pendidikan dan kerjaya mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, membantu dan mengenalpasti haluan pendidikan dan kerjaya murid merupakan usaha yang perlu dilaksanakan oleh kaunselor. Oleh kerana setiap murid memerlukan pekerjaan sebagai keperluan asas mereka bagi meneruskan kehidupan, justeru persaingan untuk mempunyai pekerjaan amat tinggi. Oleh yang demikian, persediaan awal yang teliti dan tersusun perlu untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan minat, kebolehan dan bakat yang dimiliki oleh murid (Gunawan, 2018).

Justeru itu, menurut Lau, Chung dan Wang (2021) murid yang dapat menangani aspek perkembangan diri yang menepati sistem dan budaya masyarakat dan meneruskan perkembangan ketika persekolahan dari satu peringkat ke peringkat merupakan pencapaian mereka melalui penglibatan dalam program kerjaya di sekolah. Dengan itu, usaha ini menunujukkan wajar dilaksanakan oleh perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya bagi membantu murid dalam aspek perkembangan kerjaya murid. Sebagaimana Noor Afzaliza Nazira dan Maizatul Haizan (2021) menjelaskan murid yang membina dan menunjukkan kesedaran tinggi tentang pekerjaan ketika persekolahan akan menceburi pekerjaan yang sesuai dengan minat dan personaliti mereka.

Penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya murid di waktu persekolahan merupakan adalah tempoh yang sesuai dilaksanakan oleh murid. Dengan itu, kajian penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid perlu dilaksanakan bagi menyesuaikan diri murid dengan kerjaya. Kestabilan pekerjaan dan prospek pasaran kerja memerlukan kepada tenaga kerja yang berbeza dan bersesuaian dengan masa kini dan abad ini. Oleh itu, murid perlu membina dengan kendiri yang kuat dan memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan antara pendidikan dan peluang masa depan melalui pembelajaran akan mudah dimuridi mereka. Akan tetapi pada masa kini peluang pekerjaan tidak sama diperolehi ketika abad yang lalu dengan bekerja setelah tamat persekolahan atau pengajian dan kekal bekerja sehingga ke akhir tempoh berkerjaya. Gaya kini telah berubah, statistik menunjukkan seorang pekerja secara purata bertukar kerja sebanyak lapan kali sebelum bersara dan keadaan itu terjadi pada pekerja yang sama berubah kerja sebanyak tiga kali dan lebih, Zulhazmi dan Muhd Khaizer (2021).

Penerokaan kerjaya dan membuat keputusan adalah proses kritikal untuk murid sekolah menengah di Malaysia, kerana ia meletakkan asas untuk laluan profesional masa depan dan pembangunan peribadi. Proses ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk bimbingan kerjaya, efikasi kendiri, aspirasi, dan pengaruh luar seperti keluarga, sekolah, dan status sosioekonomi. Maklum balas ini meneroka aspek utama penerokaan kerjaya dan membuat keputusan dalam kalangan murid sekolah menengah, mengambil pandangan daripada kajian penyelidikan yang berkaitan.

Faktor utama mempengaruhi penerokaan kerjaya dan membuat keputusan antaranya kesedaran dan kefahaman bimbingan kerjaya. Tahap kesedaran dan kefahaman tentang bimbingan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia agak tinggi, khususnya di wilayah seperti Labuan. Murid menyedari kepentingan menyelaraskan pilihan kerjaya mereka dengan minat dan kebolehan mereka, dan mereka menghargai maklumat kerjaya dalam merancang laluan masa depan mereka (Elias et al., 2023). Walau bagaimanapun, keberkesanan program bimbingan kerjaya boleh berbeza-beza bergantung kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh sekolah. Sebagai contoh, sekolah di Labuan telah memperkenalkan program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendedahan awal kepada murid Tingkatan 3, yang bertujuan untuk memberi bimbingan dan maklumat tentang pelbagai bidang kerjaya (Elias et al., 2023).

Aspirasi dan minat dalam kerjaya STEM dan TVET. Sistem pendidikan Malaysia memberi penekanan yang kuat pada bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) dan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional), kerana ini dilihat sebagai kritikal untuk memenuhi tuntutan abad ke-21. Kajian telah menunjukkan bahawa murid menengah rendah di Malaysia mempamerkan minat yang kuat dalam dimensi kerjaya Sosial, Penyiasatan dan Realistik, dengan keselarasan tinggi antara aspirasi dan minat mereka (Bakar dan Mahmud, 2020). Murid lelaki, khususnya, menunjukkan kecenderungan yang lebih kuat terhadap kerjaya Realistik, yang mungkin dipengaruhi oleh norma dan jangkaan jantina masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengaruh perancangan kerjaya terhadap membuat keputusan kerjaya. Perancangan kerjaya memainkan peranan penting dalam membentuk proses membuat keputusan kerjaya. Penyelidikan telah menemui korelasi positif yang kuat antara perancangan kerjaya dan pembuatan keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia. Murid yang melibatkan diri dalam perancangan kerjaya berstruktur lebih berkemungkinan membuat keputusan kerjaya yang termaklum dan difikirkan dengan baik, menonjolkan kepentingan menyediakan murid dengan akses kepada sumber dan program perancangan kerjaya (Ayu et al., 2022).

Cabaran dalam membuat keputusan kerjaya. Walaupun terdapat sumber bimbingan dan perancangan kerjaya, ramai murid menghadapi cabaran dalam membuat keputusan kerjaya yang termaklum. Cabaran ini termasuk kurangnya kesedaran tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pilihan kerjaya, akses terhad kepada maklumat kerjaya, dan pengaruh faktor luaran seperti jangkaan keluarga dan status sosioekonomi (Othman et al., 2023). Selain itu, keterkaitan pendidikan yang semakin berkurangan dan ketidaktentuan dalam sektor ekonomi boleh menjadi penghalang kepada murid untuk melanjutkan muridan atau membuat keputusan kerjaya (Othman et al., 2023).

Merujuk kepada modul kerjaya yang berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti oleh Glasser (2000) sangat berguna dalam membantu murid membuat penerokaan dan keputusan kerjaya. Ini kerana pendekatan ini memberi penekanan kepada tanggungjawab, pilihan, dan kawalan kendiri. Berikut merupakan keperluan dan kepentingan modul kerjaya berasaskan teori ini dalam konteks murid. Membantu murid mengenal pasti keperluan asas seperti yang digariskan oleh Teori Pilihan kepada lima keperluan asas manusia iaitu cinta dan kasih sayang, kuasa atau pencapaian, kebebasan, keseronokan dan kelangsungan hidup. Perkaitan terhadap kerjaya akan memberi ruang kepada murid ke arah meneroka jenis kerjaya yang memenuhi keperluan utama mereka. Contohnya, murid yang tinggi keperluan kuasa mungkin berminat dalam bidang kepimpinan, manakala yang tinggi keperluan keseronokan mungkin sesuai dalam bidang kreatif.

Selain itu, memupuk kesedaran kendiri dan refleksi kendiri kepada Terapi Realiti yang menekankan kesedaran tentang pilihan yang dibuat dalam hidup, termasuk pilihan kerjaya. Relevannya kepada kerjaya menjadikan modul ini membantu murid memahami bahawa mereka bertanggungjawab terhadap hala tuju kerjaya mereka, dan pilihan yang mereka buat hari ini seperti belajar bersungguh-sungguh atau membuat penyelidikan kerjaya agar memberi kesan kepada masa depan. Ianya juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan kemahiran membuat keputusan seperti yang dinyatakan dalam Terapi Realiti menggunakan pendekatan WDEP (*Wants, Doing, Evaluation, Planning*). Penyoalan yang sesuai bagi *Wants*- Apakah yang saya mahukan dalam kerjaya? *Doing*- Apakah yang sedang saya lakukan untuk mencapainya? *Evaluation*- Adakah tindakan saya membantu mencapai matlamat? *Planning*- Apa rancangan seterusnya?

Kesesuaiannya kepada kerjaya menjadikan proses ini sangat membantu dalam merancang laluan kerjaya dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan diri. Mendorong tindakan proaktif dengan menjadikan modul ini dorongan murid untuk mengambil inisiatif dan bertindak secara aktif dalam membuat penerokaan dan membuat keputusan kerjaya, bukan hanya mengikut orang lain. Menyokong pembentukan identiti kerjaya dengan Teori Pilihan menekankan pembinaan identiti diri melalui pilihan-pilihan bermakna. Modul ini boleh membimbing murid dalam membina identiti kerjaya yang selari dengan nilai dan minat peribadi mereka.

Oleh itu, keperluan memenuhi kecemerlangan dan kemajuan masa depan menuntut kepada kejayaan dan kecemerlangan dalam aspek afektif, psikomotor dan kemahiran insaniah selain akademik. Kejayaan dan kecemerlangan yang dilihat melibatkan gabungan semua komponen tersebut tanpa terpisah dalam senario masa kini (Lukman, 2022). Justeru, murid wajar bersedia menyelesaikan cabaran memilih kerjaya dalam membuat keputusan kerjaya yang menjadi aktiviti rutin bagi menentukan corak kehidupan murid masa di depan dalam menghadapi dunia pekerjaan yang bersifat kompleks dan mencabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengenal pasti "gap" atau jurang penyelidikan dalam kajian berkaitan penggunaan kaedah atau modul yang digunakan untuk membantu murid dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Penggunaan kaedah atau modul dalam intervensi bimbingan kerjaya untuk membantu murid membuat keputusan kerjaya. Berdasarkan tinjauan literatur terdahulu berikut merupakan beberapa jurang penyelidikan yang biasa ditemui dalam topik ini. Kekurangan kajian di peringkat menengah awal. Kebanyakan kajian kerjaya tertumpu kepada pelajar menengah atas atau universiti. Modul untuk murid sekolah rendah atau menengah rendah masih kurang diterokai. Modul yang tidak disesuaikan mengikut budaya atau konteks tempatan.

Kebanyakan modul dibangunkan berasaskan pendekatan Barat. Kurangnya modul tempatan yang relevan dengan konteks budaya dan sosioekonomi murid di Malaysia atau Asia Tenggara. Pendekatan teknologi masih kurang dimanfaatkan. Potensi penggunaan aplikasi mudah alih, VR atau AR, atau platform dalam talian untuk modul penerokaan kerjaya masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Kekurangan penilaian keberkesanan modul mengakibatkan banyak kajian tidak menyertakan ujian empirikal untuk melihat kesan sebenar modul ke atas murid contoh kefahaman kerjaya, motivasi, self-efficacy. Pendekatan yang tidak holistik. Modul lebih fokus kepada ‘pemilihan kerjaya’ berbanding proses penerokaan kendiri, minat, dan nilai diri yang penting dalam membuat keputusan kerjaya. Kekurangan integrasi dengan kurikulum sedia ada membuatkan modul kerjaya kurang disepadukan dengan pengajaran subjek lain atau program bimbingan yang sedang dilaksanakan di sekolah. Keterlibatan ibu bapa atau komuniti masih rendah, oleh kerana itu modul sedia ada kurang melibatkan pengaruh persekitaran seperti ibu bapa dan komuniti dalam proses penerokaan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terkini menunjukkan bahawa modul bimbingan kerjaya mempunyai potensi besar dalam meningkatkan keyakinan kerjaya, kesedaran kendiri dan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan murid. Namun begitu, terdapat beberapa jurang yang ketara, termasuk kekurangan pendekatan berasaskan teknologi, kurang penyesuaian budaya tempatan, dan kurang penilaian longitudinal terhadap keberkesanan intervensi. Kajian di Asia Tenggara, khususnya Malaysia dan Indonesia, mula meningkat tetapi masih terhad berbanding kajian dari Eropah dan Amerika Syarikat. Kajian oleh Silva dan Taveira (2025) membina modul intervensi untuk penerokaan awal kerjaya guru dan dapati ia memberi impak positif kepada pembentukan aspirasi kerjaya pelajar sekolah. Modul oleh Isriyah et al. (2025) menekankan elemen sokongan emosi dan sosial dalam membuat keputusan kerjaya. Menekankan pentingnya aspek psikososial dalam modul. Kajian tersebut menyoroti kepentingan integrasi sokongan emosi dan sosial dalam modul intervensi kerjaya untuk remaja, terutamanya dalam konteks di mana kerangka bimbingan kerjaya yang berstruktur masih terhad. Penekanan diberikan kepada bagaimana aspek psikososial dapat membantu mengurangkan ketidakpastian dalam membuat keputusan kerjaya dan meningkatkan aspirasi kerjaya pelajar. Modul oleh Munawwarah dan Muslihati (2024) untuk pelajar pendidikan khas, meningkatkan keyakinan kerjaya. Menunjukkan keperluan modul yang sesuai dengan keperluan khas. Kajiannya menyoroti peranan penting latihan asertif dalam membina keyakinan kerjaya pelajar pendidikan khas, yang sering menghadapi cabaran fizikal, mental, dan sosial dalam pembangunan kerjaya mereka. Intervensi ini membantu pelajar mengatasi halangan psikososial dan meningkatkan kesiapsiagaan mereka untuk memasuki dunia kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Li et al. (2025) terlibat dalam pembinaan skala keberkesanan kendiri dalam membuat keputusan kerjaya untuk pelajar sekolah menengah di China. Menyoroti pentingnya alat ukur dalam modul kerjaya. Kajiannya itu menyoroti kepentingan pengukuran keberkesanan kendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah, terutamanya dalam konteks reformasi peperiksaan masuk kolej di China. Skala MDMSES yang dibangunkan merangkumi lima faktor utama: pemerolehan maklumat, penilaian kendiri, penentuan kendiri, ketekunan dalam membuat keputusan, dan sokongan sosial. Skala ini menunjukkan kestabilan pengukuran yang kukuh dan kualiti psikometrik yang baik, menjadikannya alat yang berpotensi untuk digunakan dalam pelbagai konteks dan populasi pada masa hadapan.

Sementara itu kajian oleh Yusriah et al. (2025) melibatkan teknik model simbolik berjaya meningkatkan perancangan kerjaya pelajar sekolah agama. Kajian ini menyoroti bagaimana teknik model simbolik dapat digunakan dalam bimbingan kelompok untuk membantu pelajar di sekolah agama merancang kerjaya mereka dengan lebih berkesan. Melalui pendekatan ini, pelajar dapat memahami dan merancang laluan kerjaya mereka dengan lebih jelas, selaras dengan nilai-nilai yang dianjurkan dalam pendidikan Islam. Kajian oleh Govender et al. (2024) telah memfokuskan kepada pembangunan bahan pedagogi untuk guru, dengan impak terhadap pembangunan kerjaya pelajar. Kajian tersebut menyoroti bagaimana pendekatan literasi disiplin kritikal dapat memperkasa guru dalam menyampaikan pengajaran yang lebih bermakna, yang seterusnya memberi impak positif terhadap pembangunan kerjaya pelajar. Dengan mengintegrasikan kerangka ini dalam latihan guru, ia dapat membantu pelajar memahami hubungan antara kandungan akademik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aplikasi dunia sebenar, serta membina kesedaran kritikal yang diperlukan untuk membuat keputusan kerjaya yang bijak.

Menurut kajian Fris et al. (2025) melalui kajian RCT menunjukkan bahawa pendekatan coaching meningkatkan pemilihan kerjaya pelajar perubatan sesuai diadaptasi untuk peringkat menengah. Kajian ini menerangkan bagaimana pendekatan *coaching* dapat membantu pelajar perubatan dalam membuat keputusan kerjaya yang lebih baik. Walaupun kajian ini memfokuskan kepada pelajar perubatan, pendekatan serupa berpotensi untuk diadaptasi ke peringkat sekolah menengah bagi membantu pelajar dalam perancangan kerjaya mereka. Menerusi kajian oleh Chen (2024) membina modul berasaskan teknologi multimedia dan AI untuk membantu pelajar membuat keputusan kerjaya dengan sokongan digital. Kajiannya menunjukkan bagaimana alat AI, seperti Quark GaoKao, digunakan oleh ibu bapa untuk membantu dalam pemilihan kolej berdasarkan keputusan peperiksaan, data sejarah, dan lokasi yang diingini. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menekankan cabaran seperti cadangan AI yang mengelirukan dan penggunaan yang tidak bertanggungjawab oleh agensi perunding pihak ketiga.

Kajian oleh Wang et al. (2024) yang meneliti pelbagai intervensi kerjaya untuk pelajar sekolah menengah, termasuk teori kerjaya, mod intervensi, penilaian, dan hasil intervensi. Ulasan ini memberikan pandangan menyeluruh mengenai pendekatan yang berkesan dalam intervensi kerjaya. Kajian ini mengenal pasti tiga teori utama yang digunakan dalam intervensi kerjaya: teori konstruksi kerjaya, teori kerjaya kognitif sosial, dan teori pemprosesan maklumat kognitif. Mod intervensi yang paling banyak digunakan adalah kaunseling kumpulan dengan lapan sesi, masing-masing selama 45

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minit. Sistem penilaian utama yang digunakan adalah ujian pra dan pasca untuk kumpulan eksperimen dan kawalan. Hasil utama intervensi adalah pembangunan positif dalam kebolehsuaian kerjaya dan pembuatan keputusan kerjaya. Kajian tersebut mencadangkan pembangunan model bimbingan kerjaya bertiga peringkat yang terdiri daripada kurikulum kerjaya, kaunseling kumpulan kerjaya, dan kaunseling individu.

Kajian oleh Hedge dan Carter (2025) menilai keberkesanan sistem *Response to Intervention* (RTI) dalam menyokong keputusan kerjaya pelajar dari awal. Kajian ini menyoroti bagaimana sistem *Career Pathways* dapat memberikan struktur yang penting untuk perkembangan kerjaya, membantu individu membina kompetensi yang meningkatkan kebolehkerjaan serta membantu organisasi dalam pembangunan strategik pekerja. Penulis juga mencadangkan arah untuk penyelidikan masa depan bagi mempromosikan pertumbuhan dan kejayaan kerjaya individu, serta membantu majikan dalam mencipta atau mengukuhkan sistem *Career Pathways* yang akan mengurangkan bias dan meningkatkan prestasi organisasi dengan menyokong kemajuan pekerja mereka.

Kesimpulan gap penyelidikan menunjukkan kurangnya modul untuk pelajar rendah dan menengah disebabkan banyak kajian tertumpu pada pelajar sekolah menengah tinggi dan universiti. Modul masih tidak cukup disesuaikan secara budaya dan konteks kerana banyak kajian tertumpu pada pelajar sekolah menengah tinggi dan universiti. Pendekatan digital atau AI masih belum meluas. Hanya Chen (2024) gunakan AI dan multimedia untuk sokongan kerjaya. Kekurangan pengukuran keberkesanan intervensi. Melalui *Major Decision-Making Self-Efficacy Scale* (MDMSES) kajian oleh Li et al.(2025) dan Fris et al. (2025) hanya menekankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepentingan alat ukur. Ibu bapa dan komuniti kurang dilibatkan akibat daripada kebanyakan modul masih fokus kepada pelajar secara individual.

1.3 Penyataan Masalah

Setiap tahun murid sekolah atau institusi pengajian tinggi menamatkan persekolahan atau pengajian yang secara rutinnya ribuan mereka akan menceburi bidang pekerjaan sebagaimana jumlah yang mengikuti persekolahan dan pengajian. Namun hampir kebanyakan mereka perlu dibimbing dan diberi panduan dalam mencari usaha mencari pekerjaan lantaran kurang memahami kaedah dan strategi terbaik membuat persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan (Noor Afzaliza Nazira dan Maizatul Haizan, 2021). Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2024), kadar pengangguran pada bulan Disember 2024 adalah sebanyak 3.1% dan suku keempat 2024 pula sebanyak 3.2% menjadikan pengangguran telah mengalami penurunan sebanyak 0.1%. Namun begitu, kadar ini adalah sangat sedikit dan masih lagi mengalami kadar pengangguran yang tinggi. Oleh itu perancangan kerjaya adalah sangat penting terutama kepada murid yang akan memilih sesuatu kursus di peringkat pengajian tinggi. Maka wajarlah kerjaya diletakkan sebagai matlamat utama dalam kaunseling dan bimbingan kerjaya lantaran perkaitannya dengan membuat keputusan kerjaya. Oleh hal demikian, Lau, Baranovich dan Leong (2018) menambah murid akan melalui tempoh kehidupan dengan mempunyai pekerjaan yang sesuai mengikut minat, kebolehan dan pencapaian untuk kepuasan hidup sudah tentu murid sekolah harus menekan kepentingan masa depan melalui persediaan kerjaya pada peringkat murid lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu pengangguran sangat berkait rapat dengan isu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Hubungan ini boleh dijelaskan dari pelbagai sudut psikologi, pendidikan, ekonomi, dan pembangunan diri. Ramai individu, terutamanya lepasan sekolah atau universiti, menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan bukan semata-mata kerana tiada peluang, tetapi kerana mereka tidak jelas tentang laluan kerjaya yang sesuai (Gati dan Amir, 2010). Kurangnya penerokaan kerjaya dan kemahiran membuat keputusan kerjaya boleh menyebabkan pemilihan bidang pengajian yang tidak sejajar dengan keperluan pasaran, permohonan kerja secara rambang tanpa strategi, ketidakupayaan membina profil kerjaya yang kuat dan kebingungan identiti kerjaya yang menyumbang kepada pengangguran jangka panjang. Penerokaan kerjaya juga mempengaruhi pengangguran. Aspek kekurangan penerokaan akan memberi kesan terhadap pengangguran menyebabkan individu tidak mengenal potensi, kekuatan dan minat menyebabkan mereka tidak sepadanan pekerjaan. Manakala tiada pendedahan awal mengakibatkan kesan terhadap pengangguran menyebabkan tiada pendedahan kepada pelbagai laluan kerjaya sejak awal, pelajar membuat pilihan berdasarkan pengaruh luaran, bukan realiti diri dan pasaran (Lent et al., 2019).

Sementara itu kemahiran membuat keputusan lemah memberi kesan terhadap pengangguran iaitu membuat pilihan bidang pengajian atau kerja yang tidak strategik. Termasuk juga tidak tahu menyesuaikan diri akan mengakibatkan Tidak tahu bagaimana untuk "menjual diri" kepada majikan dengan kemahiran yang dimiliki. Kesemuanya ini akan memberi kesan langsung kekurangan penerokaan kerjaya iaitu pengangguran sukarela tersembunyi merujuk Individu yang tidak pasti arah kerjaya cenderung menangguh pencarian kerja sebenar. Ianya juga memberi *underemployment*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap individu bekerja dalam bidang tidak berkaitan atau di bawah kelayakan mereka merupakan suatu bentuk 'pengangguran terselindung'. Selain itu, juga mengakibatkan tekanan dan kecelaruan identiti kerjaya kesan keputusan kerjaya yang lemah memberi kesan psikologi dan motivasi negatif (Hartung dan Santilli, 2016).

Pembinaan modul seringkali tidak dijadikan sebagai satu objektif kajian kerana beberapa alasan antaranya modul sebagai alat, bukan objektif. Modul lebih sering dianggap sebagai alat atau bahan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Dalam banyak kajian, objektif utama adalah untuk mengkaji keberkesanan sesuatu pendekatan, kaedah, atau teori, dan modul hanyalah salah satu komponen dalam proses itu. Selain itu, keterbatasan fokus menjadikan objektif kajian biasanya berfokus pada hasil atau impak daripada penggunaan modul, seperti pengaruhnya terhadap pembelajaran atau pengajaran. Pembinaan modul mungkin dianggap sebagai langkah awal atau sokongan teknikal dalam penyelidikan, tetapi bukan objektif utama kajian itu sendiri. Sementara itu pula, fokus penyelidikan sering kali lebih tertumpu pada analisis, penilaian, atau eksperimen untuk memahami fenomena yang lebih luas, seperti cara modul digunakan atau kesan modul terhadap pelajar, pengajar, atau konteks tertentu. Pembinaan modul mungkin dianggap lebih sebagai proses yang diperlukan untuk melaksanakan kajian, bukan objektif kajian itu sendiri. Tambahan pula, kompleksiti dan keperluan praktikal. Pembinaan modul melibatkan banyak aspek teknikal, seperti reka bentuk, ujian, dan penyuntingan, yang mungkin memerlukan lebih banyak masa dan sumber. Oleh itu, penyelidik lebih cenderung untuk memberi tumpuan kepada hasil yang boleh diperoleh daripada penggunaan modul tersebut, daripada proses pembinaannya. Jadi, pembinaan modul mungkin dilihat lebih kepada tahap persediaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau sokongan dalam kajian, sementara objektif kajian lebih berfokus pada hasil atau impak daripada penggunaan modul tersebut.

Tidak semudah dikata "modul lama tak berguna", tapi lebih kepada konteks, keberkesanan, dan cabaran realiti semasa. Kekurangan modul sedia ada dapat dilihat pada relevansi konteks semasa yang mana kelemahannya banyak dibina sebelum wujudnya cabaran baharu seperti kerjaya digital, *gig economy*, atau AI. Kekurangan data empirik mengakibatkan tidak banyak modul diuji dengan metodologi saintifik seperti kajian kuasi-eksperimen atau RCT. Dalam aspek generik dan umum menonjolkan kelemahan modul terlalu umum dan tidak disesuaikan ikut tahap pendidikan, latar belakang pelajar, atau lokaliti. Aspek tumpuan teori semata-mata juga akibat daripada modul fokus pada pemahaman teori (seperti Holland atau Super) tetapi kurang diluncurkan dalam dunia kerja sebenar. Aspek kurangnya interaktif atau digitalisasi menjadikan modul lama berbentuk manual cetak yang menyebabkan tidak menarik minat Gen Z atau pelajar pasca-pandemik yang terbiasa dengan teknologi. Dalam aspek tidak melibatkan majikan atau industri mengakibatkan modul dibina oleh pendidik sahaja dengan tidak menyertakan suara industri, jadi kurang padanan dengan realiti pasaran kerja.

Oleh kerana itu, perlunya kepada membina modul baharu dengan modul perlu responsif kepada realiti baharu. Kerjaya kini tidak linear, merujuk kepada ramai graduan bekerja di luar bidang. Majikan pada masa kini menilai aspek *soft skills, agility, problem solving* dan bukan sekadar kelulusan. Sementara itu juga generasi baharu akan merujuk kepada keperluan baharu. Pelajar hari ini lebih mudah *hilang arah* kerana terlalu banyak pilihan. Oleh kerana itu mereka perlukan modul yang mempunyai elemen refleksi diri, disampaikan secara digital dan menggunakan pendekatan interaktif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau gamifikasi. Modul perlu kepada integrasi elemen kontemporari. Modul baharu boleh memasukkan perkara seperti kerjaya digital dan keusahawanan, psikologi positif dalam pembangunan kerjaya dan kecerdasan emosi dan kawalan kendiri. Pembangunan modul perlu berasaskan kepada bukti (*Evidence-Based*). Modul yang baharu boleh diuji dengan menjalankan ujian pra dan pos dan menggunakan skala keberkesanan seperti *Career Decision Making Difficulties Questionnaire* (CDDQ) atau *Career Adapt-Abilities Scale* (CAAS). Kesimpulan, modul sedia ada bukan tidak berguna, tetapi ianya memerlukan penambahbaikan, penyesuaian konteks, dan bukti keberkesanan. Dengan itu, membangunkan modul baharu bukan untuk menafikan modul lama akan tetapi untuk menambahbaik dan memastikan kesan yang lebih relevan dan berimpak.

Isu paling utama yang mendorong kepada keperluan kajian mengenai penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah adalah kekurangan kefahaman dan pendedahan awal terhadap pilihan kerjaya yang sesuai dengan minat, keupayaan, dan kehendak pasaran kerja. Kajian oleh Sofia Elias et al. (2023) mendapati bahawa walaupun tahap kesedaran murid terhadap peranan bimbingan kerjaya adalah tinggi, mereka masih memerlukan maklumat kerjaya yang mencukupi untuk merancang laluan kerjaya yang sejajar dengan personaliti dan permintaan pasaran (Elias et al., 2023). Selain itu, faktor seperti efikasi kendiri dalam membuat keputusan kerjaya turut menjadi kekangan kerana ramai murid belum bersedia secara psikologi untuk menghadapi pilihan kerjaya yang kompleks (Sulong dan Mahfar, 2024). Di samping itu, jangkaan hasil terhadap sesuatu kerjaya turut mempengaruhi pemilihan murid, namun ramai yang tidak cukup terdedah kepada realiti dunia kerjaya sebenar, justeru menimbulkan risiko pemilihan kerjaya yang salah (Karim et al., 2024). Hal ini diperkuatkan lagi oleh dapatan yang menunjukkan jurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketara antara aspirasi dan minat murid terhadap bidang tertentu seperti STEM dan TVET, yang mencerminkan perlunya intervensi program pembangunan kerjaya semenjak di peringkat menengah rendah (Abu Bakar dan Mahmud, 2020). Oleh itu, isu utama adalah kurangnya pendedahan awal, keterbatasan informasi kerjaya, serta sokongan efikasi kendiri yang mencukupi dalam kalangan murid sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan guru kaunseling sekolah telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu penerokaan dan keputusan kerjaya dalam kalangan murid, termasuk ujian psikometrik, program pembangunan kerjaya, dan pengenalan intervensi kurikulum, kerja dan nasihat. Kajian di Terengganu menunjukkan wujudnya 27 program intervensi berstruktur dalam kategori kerja, nasihat, pengenalan dan kurikulum (Mat Rashid et al., 2009). Di Labuan, pelbagai aktiviti diperkenalkan sejak tingkatan tiga bagi membimbing murid ke arah pemilihan kerjaya yang sesuai (Elias et al., 2023). Namun, walaupun murid menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan bimbingan kerjaya, keberkesanan inisiatif ini masih terbatas disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah tahap kompetensi dan *"career agility"* kaunselor yang sederhana dalam mempersiapkan murid untuk kerjaya masa depan berteraskan Revolusi Industri 4.0 (Balan et al., 2023), serta kurangnya pendedahan kaunselor terhadap perubahan pasaran kerja yang dinamik. Tambahan pula, ketidakwujudan struktur dan pendekatan standard dalam pelaksanaan bimbingan kerjaya menyebabkan keberkesanannya berbeza-beza antara sekolah (Rahman et al., 2013). Maka, walaupun usaha telah dijalankan, kajian penerokaan kerjaya masih diperlukan untuk menilai impak sebenar program sedia ada, mengenal pasti jurang pelaksanaan dan mencadangkan strategi yang lebih berkesan untuk membentuk murid yang mampu membuat keputusan kerjaya yang bermaklumat dan berdaya saing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Usaha-usaha lain diteruskan lagi yang melibatkan pendekatan dari segi modul kurikulum, intervensi bimbingan kerjaya, penggunaan teknologi, serta penglibatan komuniti dan industri. Gambaran umum inisiatif utama ke arah usaha membantu murid dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Antaranya ialah pelaksanaan modul bimbingan kerjaya. Modul ini membantu pelajar mengenal potensi diri, minat, dan nilai hidup dalam membuat keputusan kerjaya secara rasional dan berinformasi (Mahmud, Noah dan Ahmad (2017). Selain itu, program pendidikan dan bimbingan kerjaya berstruktur usaha yang dikemukakan termasuk aktiviti lawatan industri, pendedahan kepada TVET, seminar bersama alumni dan kerjaya, serta ujian minat kerjaya (Surat, et al. (2019). Latihan guru kaunseling juga diadakan bagi peningkatan profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling dalam aspek penggunaan teori seperti *Cognitive Information Processing (CIP)* serta teknik interaktif. (Nachiappan dan Sukri (2022) (Amatan dan Han (2019). Penggunaan teknologi dan bimbingan dalam talian. Kaedahnya adalah menggunakan *platform digital* bagi menyediakan akses kepada maklumat kerjaya dan kaunseling secara maya. (Nachiappan dan Mohamed (2019). Termasuk juga usaha inisiatif kolaboratif dengan industri. Suatu kerjasama dengan sektor swasta dan NGO membantu pelajar mengenali pelbagai pilihan kerjaya sebenar (Yasin, et. al. (2019).

Menurut data dan dasar pendidikan semasa, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa isu penerokaan dan membuat keputusan kerjaya memang memberi kesan nyata terhadap kesejahteraan murid dan pembangunan negara, terutamanya dalam beberapa aspek. ketidakpadanan kerjaya dan pendidikan. Laporan oleh Kementerian Sumber Manusia (MoHR) dan *TalentCorp* menunjukkan ramai graduan bekerja di luar bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajian mereka, yang menyumbang kepada masalah pengangguran siswazah. kesedaran yang kurang dan mendapatkan pendedahan awal agak atau sudah terlewat. Kajian seperti oleh Ibrahim (2017) menunjukkan murid menengah rendah mempunyai kesedaran kerjaya yang rendah, yang memberi kesan kepada keputusan subjek dan aliran. Manakala bidang TVET dan STEM masih kurang diminati oleh murid. Pelaksanaan pelbagai kempen seperti "TVET untuk Semua" dan Dasar STEM Negara menunjukkan usaha kerajaan menangani ketidakseimbangan minat kerjaya dengan keperluan pasaran kerja. Sementara itu data dari KPM melalui Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, jelas dinyatakan bahawa bimbingan kerjaya yang tidak konsisten antara sekolah telah menyumbang kepada kelemahan murid membuat keputusan masa depan.

Sementara itu, sebahagian kajian yang dijalankan memang terhad. Banyak kajian akademik tentang isu ini menggunakan sampel kecil misalnya hanya satu daerah atau sekolah sahaja. Manakala tumpuan kajian kepada murid sekolah menengah sahaja, bukan mewakili keseluruhan populasi murid Malaysia termasuk murid luar bandar, pendidikan khas, murid TVET. Kajian yang dijalankan pula kadang kala menggunakan pendekatan kualitatif atau instrumen soal selidik yang dibangunkan sendiri, yang kadang kala belum disahkan dan kebolehpercayan secara menyeluruh. Dengan mengambil contoh kajian oleh Nachiappan (2022) hanya menilai murid di Kelantan, sedangkan Malaysia mempunyai kepelbagaian budaya, ekonomi dan akses pendidikan yang luas. Oleh kerana itu, secara keseluruhan kajian sedemikian perlu dibuat dengan berhati-hati. Kesimpulannya, berasaskan kepada isu penerokaan kerjaya memang wujud, tetapi tahap keseriusannya mungkin berbeza-beza mengikut kawasan dan latar belakang murid. Ia bukan semata-mata masalah persepsi akademik, tetapi disokong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh data dasar dan cabaran tenaga kerja negara. Walau bagaimanapun, perlu kajian berskala nasional dan *longitudinal* bagi memahami dinamika sebenar secara lebih tepat dan menyeluruh.

Pengukuran variabel jantina dan SES (Status Sosioekonomi) dalam kajian pendidikan atau pembangunan modul adalah penting kerana kedua-dua faktor ini boleh mempengaruhi hasil pembelajaran atau keberkesanan sesuatu modul. Pengaruh jantina terhadap pembelajaran menunjukkan perbezaan dalam gaya pembelajaran. Contohnya, kajian menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan mungkin mempunyai cara yang berbeza dalam menyerap dan memproses maklumat. Oleh itu, penting untuk mengukur jantina untuk memahami bagaimana modul berfungsi untuk kedua-dua jantina dan menyesuaikan pendekatan sekiranya perlu. Sementara itu kesaksamaan dalam pendidikan, penting untuk memastikan bahawa modul yang dibangunkan adalah inklusif dan tidak berpihak kepada mana-mana jantina. Pengukuran ini membantu memastikan bahawa modul tidak mempunyai bias jantina dan memberi peluang yang sama kepada semua pelajar (Elhadary dan Ahmed, 2024) .

Seterusnya pengaruh SES terhadap pembelajaran ianya mengakses kepada sumber pembelajaran. Pelajar dengan latar belakang SES yang lebih rendah mungkin mempunyai akses yang lebih terhad kepada sumber pembelajaran, teknologi, atau sokongan luar. Ini boleh mempengaruhi bagaimana mereka berinteraksi dengan modul dan apakah mereka mendapat manfaat sepenuhnya daripadanya (Atiq et al., 2018) . Terdapatnya perbezaan dalam keupayaan kognitif dan motivasi. SES juga boleh mempengaruhi tahap motivasi, sokongan keluarga, dan persekitaran belajar yang tersedia untuk pelajar. Oleh itu, pengukuran SES membantu untuk menilai apakah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

faktor-faktor ini mempengaruhi keberkesanan modul dan jika perlu ada penyesuaian. Menwujudkan perancangan intervensi berdasarkan SES. Dengan mengetahui latar belakang SES, modul boleh disesuaikan atau dirancang dengan strategi yang lebih baik untuk membantu pelajar dari pelbagai lapisan sosial dan ekonomi (Ramachandaran et al., 2024).

Adakah modul ini akan digunakan untuk jantina dan SES tertentu sahaja? Tidak semestinya. Walaupun pengukuran jantina dan SES penting, modul ini biasanya dirancang untuk digunakan oleh pelbagai golongan, tidak kira jantina atau SES, dengan penyesuaian tertentu bagi memastikan keberkesanan maksimum untuk semua kumpulan (Moorthy et al., n.d.). Dengan itu, penilaian terhadap jantina dan SES membantu untuk memahami perbezaan individu dalam cara mereka menggunakan dan berinteraksi dengan modul. Menghasilkan modul yang lebih inklusif yang memenuhi keperluan pelajar daripada pelbagai latar belakang. Menyediakan strategi intervensi yang lebih sesuai, seperti sokongan tambahan bagi pelajar daripada SES yang lebih rendah atau mengatasi cabaran yang dihadapi oleh pelajar lelaki atau perempuan dalam konteks pembelajaran. Secara keseluruhan, walaupun modul tidak dikhususkan hanya untuk jantina atau SES tertentu, pengukuran kedua-dua faktor ini membantu dalam memahami pelbagai dimensi yang boleh mempengaruhi keberkesanan modul tersebut (Idris et al., 2024)..

Jantina memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju kerjaya seseorang. Banyak kajian menunjukkan bahawa pemilihan kerjaya sering dipengaruhi oleh stereotaip jantina, pembentukan identiti, serta ekspektasi masyarakat. Antara contoh pengaruh jantina, lelaki cenderung memilih bidang yang lebih berorientasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknikal, seperti kejuruteraan atau teknologi informasi. Manakala perempuan lebih kerap memilih bidang berorientasikan kemanusiaan dan perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, dan kebajikan (Salleh dan Mansor, 2022). Beberapa faktor yang mempengaruhi antaranya sosialisasi awal kanak-kanak berdasarkan jantina, representasi jantina dalam bidang tertentu dan persepsi tentang kebolehan diri dan peranan sosial (Baqutayan dan Razak, 2022).

Peranan status sosioekonomi (SES) individu termasuklah pendapatan keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, akses kepada sumber pembelajaran mempunyai hubungan langsung dengan peluang dan aspirasi kerjaya. Pengaruh SES individu dari latar belakang berpendapatan tinggi lebih terdedah kepada pelbagai sumber seperti tuisyen, bimbingan, teknologi yang menyokong aspirasi kerjaya tinggi. Sementara itu, mereka dari keluarga berpendapatan rendah mungkin menghadapi had dari segi peluang pendidikan tinggi, lalu terhad kepada kerjaya tertentu yang kurang kompetitif atau lebih cepat menghasilkan pendapatan (Moorthy et al., n.d.). Kesimpualannya, gabungan faktor jantina dan SES sering digunakan dalam kajian sosiologi moden. Gabungan ini untuk memahami halangan struktur yang dihadapi oleh kumpulan minoriti contohnya wanita dari keluarga miskin dalam bidang STEM. Menganalisis aspirasi kerjaya pelajar sekolah menengah mengikut latar belakang jantina dan ekonomi. Membentuk dasar awam dan program bimbingan kerjaya yang lebih inklusif dan adil (Rahim et al., 2019).

Isu pasaran kerja masa kini menunjukkan perubahan ketara akibat globalisasi, automasi, revolusi digital, serta impak pandemik yang merombak norma kerja tradisional. Dalam abad ke-21, majikan bukan sahaja mencari kelayakan akademik,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

malah lebih menekankan kemahiran insaniah dan kebolehan adaptasi yang tinggi dalam kalangan pekerja.

Ciri-ciri utama yang dikehendaki oleh majikan abad ke-21 yang menjadi keutamaan majikan masa kini antaranya kemahiran berfikir kritis dan penyelesaian masalah. Keupayaan untuk menganalisis maklumat secara mendalam dan menyelesaikan isu kompleks dengan strategi yang efektif. Ianya sangat penting dalam dunia yang tidak menentu dan cepat berubah. Kemahiran digital dan literasi teknologi merujuk kepada kecekapan dalam perisian pejabat, sistem digital, ai, *big data*, serta *e-commerce* (Binkley et al., 2012) . Pekerja yang melek atau celik teknologi mempunyai nilai tambah tinggi. Memiliki kreativiti dan inovasi menjadikan majikan menghargai individu yang boleh mencetuskan idea baharu atau cara kerja yang lebih baik. Termasuk juga kemahiran komunikasi yang efektif. Bukan sahaja secara lisan dan bertulis, tetapi juga komunikasi dalam pasukan merentas budaya dan bahasa.

Bekerja dalam berpasukan dan mempunyai kepimpinan diri (Trilling dan Fadel, 2009) . Keupayaan untuk bekerja dalam kumpulan, memimpin projek, dan menggalakkan kolaborasi yang berkesan. Kebolehsuaian dan ketahanan di dalam suasana kerja yang sentiasa berubah, pekerja mesti fleksibel dan mampu menyesuaikan diri. Melibatkan diri dalam pembelajaran sepanjang hayat (Greenhill, 2010). Kesediaan untuk terus belajar dan menambah kemahiran baharu adalah aset utama. Kursus yang diikuti dalam talian dan pensijilan mikro semakin mendapat tempat. Beretika profesional dan bertanggungjawab sosial. Integriti, etika kerja yang kuat, dan keprihatinan terhadap impak sosial serta kelestarian (World economic forum – future of jobs report, 2023). Kemahiran analitik dan keputusan berasaskan data mampu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menterjemah data kepada tindakan dan keputusan yang strategik (Saavedra dan Opfer, 2012) .

Isu-isu terkini yang terdapat dalam pasaran kerja. *Gig economy* semakin berkembang ramai individu bekerja bebas, bukan tetap. Menurut satu laporan oleh khazanah research institute, lebih 25% tenaga kerja malaysia terlibat dalam pekerjaan tidak tetap, dengan bilangan pekerja Gig meningkat secara signifikan dalam sektor penghantaran, teknologi, dan kandungan digital. Sementara itu, kajian oleh bank dunia menekankan bahawa ekonomi Gig dapat memperluas peluang pekerjaan terutama dalam kalangan belia dan golongan yang sukar mendapat pekerjaan tetap, namun memerlukan dasar yang jelas bagi melindungi hak pekerja dan memastikan kelestarian kerjaya jangka panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerja jarak jauh (*remote work*) jadi norma baharu, dengan permintaan tinggi untuk disiplin kendiri. Kajian oleh *Price water house coopers* Malaysia menunjukkan bahawa 65% majikan percaya kerja jarak jauh akan kekal sebahagian daripada amalan kerja mereka, dengan penekanan kepada keupayaan pekerja untuk mengatur kerja secara autonomi. Tambahan pula, laporan *World Economic Forum* menegaskan bahawa kerja jarak jauh mempercepat keperluan terhadap kemahiran literasi digital, pengurusan kendiri, dan keupayaan bekerja dalam pasukan secara maya.

Kekangan kemahiran (*skill mismatch*) menyebabkan ramai lepasan graduan tidak dapat kerja sesuai walaupun ada kelulusan tinggi. Kajian oleh Khazanah Research Institute mendapati bahawa lebih 30% graduan bekerja dalam bidang yang tidak memerlukan kelayakan universiti, menunjukkan berlakunya lebihan graduan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang tertentu dan kekurangan dalam bidang teknikal serta digital. Sementara itu, laporan bank negara malaysia menekankan bahawa pertumbuhan peluang pekerjaan kini lebih tertumpu kepada sektor yang memerlukan kemahiran khusus seperti ICT, kejuruteraan, dan perkhidmatan teknikal, namun graduan seringkali kurang bersedia dari segi pengalaman industri dan pengetahuan aplikasi sebenar.

Automasi dan AI menggantikan kerja rutin keperluan terhadap "*human-only skills*" seperti empati, kreativiti dan penilaian moral. Kajian oleh *World Economic Forum* (2023) menunjukkan bahawa walaupun lebih 40% pekerjaan sedia ada dijangka akan terjejas akibat automasi dalam dekad ini, kemahiran seperti kepimpinan, komunikasi interpersonal, pemikiran kreatif, dan kecerdasan emosi dijangka menjadi lebih berharga dan kritikal dalam semua sektor. Tambahan pula, laporan *mckinsey global institute* menekankan bahawa peranan pekerjaan masa hadapan akan tertumpu kepada aktiviti yang memerlukan interaksi manusia yang kompleks, penyelesaian masalah unik, dan penyesuaian terhadap konteks budaya dan sosial yang sukar diprogramkan oleh AI. Dalam bidang seperti kesihatan, pendidikan, keusahawanan dan khidmat pelanggan, empati dan etika memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan dan memberikan nilai tambah yang tidak boleh direplikasi sepenuhnya oleh teknologi. Kesimpulannya, majikan hari ini lebih tertarik kepada pekerja yang boleh belajar, berubah dan berkembang dengan cepat dalam dunia kerja yang sentiasa berubah. Bukan sekadar IQ, tetapi juga EQ, AQ (*adaptability quotient*) dan DQ (*digital quotient*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perancangan kerjaya masa kini memerlukan paradigma baru yang menyesuaikan diri dengan perubahan radikal yang dibawa oleh kecerdasan buatan (AI) dan teknologi maklumat, di mana pendekatan tradisional seperti kestabilan sektor atau pekerjaan tetap semakin kurang relevan. Kajian menunjukkan bahawa AI telah memberi kesan nyata terhadap pasaran kerja, contohnya dalam platform kerja bebas di mana pengenalan teknologi generatif seperti ChatGPT menyebabkan penurunan sebanyak 21% dalam iklan kerja untuk tugasan automasi seperti penulisan dan pengaturcaraan dalam masa hanya lapan bulan, sementara kerja yang masih kekal menjadi lebih kompleks dan bergaji tinggi (Demirci et al., 2025).

Dalam sektor kejuruteraan perisian pula, AI seperti model bahasa besar (LLM) semakin dilihat bukan sebagai pengganti tetapi sebagai rakan kongsi, mencetuskan simbiosis baharu antara manusia dan mesin yang meningkatkan produktiviti dan kreativiti (Terragni et al., 2025). Dalam bidang kesihatan pula, analisis terhadap lebih 42,000 iklan kerja mendedahkan permintaan tinggi terhadap kemahiran digital seperti analisis data, pembelajaran mesin, dan pengurusan projek, menandakan keperluan mendesak untuk integrasi teknologi dalam latihan dan kurikulum kerjaya (Chen , 2025). Ini menunjukkan bahawa masa depan kerjaya menuntut fleksibiliti, kemahiran antara disiplin, dan kesediaan untuk beradaptasi dengan aliran teknologi terkini. Maka itu, pendekatan perancangan kerjaya harus berpandukan data, analisis trend masa depan, dan pembangunan kemahiran berterusan, bukan sekadar pilihan berdasarkan minat atau peluang jangka pendek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyepaduan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi maklumat ke dalam pelbagai industri telah mencetuskan perbincangan penting mengenai kesannya terhadap pasaran pekerjaan masa depan dan perancangan kerjaya. Tindak balas ini memberikan analisis komprehensif mengenai potensi kesan AI dan IT terhadap pekerjaan, menarik pandangan dari pelbagai kertas penyelidikan untuk meneroka peluang dan cabaran yang mereka hadapi. AI dan IT mendorong penciptaan peranan dan industri pekerjaan baru, terutamanya dalam bidang seperti pembelajaran mesin, sains data, dan kejuruteraan AI. Teknologi ini membolehkan perniagaan berinovasi dan berkembang, membawa kepada peningkatan permintaan untuk profesional mahir yang dapat mengembangkan dan menguruskan sistem AI (Hamid et al., 2024) (Bera et al., 2024). Sebagai contoh, peranan seperti arkitek AI, penganalisis data, dan pakar keselamatan siber muncul sebagai komponen kritikal tenaga kerja moden (Subudhi, 2024) (Grover, n.d.).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, AI meningkatkan kemampuan manusia dalam sektor seperti penjagaan kesihatan, kewangan, dan pendidikan, yang membawa kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan. Ini telah membuka peluang bagi pekerja untuk memberi tumpuan kepada tugas yang lebih kreatif dan strategik, sementara pekerjaan berulang dan rutin semakin automatik (Shen, 2024) (Chen, 2024). Kebangkitan AI juga menimbulkan kebimbangan mengenai keperluan pekerja memperoleh kemahiran baru untuk kekal relevan dalam pasaran pekerjaan. Walaupun pekerja berkemahiran tinggi mungkin mendapat manfaat daripada permintaan untuk kepakaran khusus, mereka yang tidak mempunyai akses kepada program latihan semula mungkin sukar untuk menyesuaikan diri (Hamid et al., 2024) (Tabbassum et al., 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Evolusi pesat AI dan IT menggariskan pentingnya pembelajaran sepanjang hayat dan pengembangan kemahiran berterusan. Pekerja mesti sentiasa dikemas kini dengan teknologi baru muncul dan memperoleh kemahiran seperti analisis data, pemikiran kritis, dan penyelesaian masalah untuk kekal berdaya saing di pasaran pekerjaan (Kamisetty, 2024) (Bera et al., 2024). Peralihan ini amat relevan untuk profesional dalam IT, di mana peranan berkembang untuk menggabungkan tugas yang didorong oleh AI seperti keselamatan siber dan pembangunan perisian (Subudhi, 2024) (Grover, n.d.). Pelajar sekolah menengah dan profesional muda semakin optimis tentang peluang yang diberikan oleh AI, terutama mereka yang mempunyai keperibadian proaktif dan keberkesanan diri teknikal. Individu ini lebih cenderung melihat AI sebagai alat untuk pertumbuhan dan inovasi, menonjolkan pentingnya memupuk pemikiran yang merangkumi perubahan teknologi (Kim dan Kim, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan AI berbeza-beza di seluruh industri, dengan beberapa sektor mengalami perubahan yang lebih ketara daripada yang lain. Sebagai contoh, sektor IT di India melihat peralihan dari tugas intensif data rutin ke peranan yang lebih kompleks yang memerlukan kemahiran kognitif lanjutan. Trend ini menggariskan keperluan pekerja untuk menyesuaikan diri dengan permintaan khusus industri dan mengejar peranan yang sejajar dengan pasaran pekerjaan yang berkembang (Grover, n.d.). Penggunaan AI yang meluas menimbulkan kebimbangan etika dan privasi, terutama berkaitan dengan keselamatan data dan potensi berat sebelah dalam proses membuat keputusan. Isu-isu ini memerlukan pengembangan dasar dan peraturan yang kukuh untuk memastikan penggunaan AI yang bertanggungjawab (Chen, 2024) (Subudhi, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manfaat AI dan IT tidak dapat diakses secara universal, dengan wilayah dan populasi tertentu menghadapi halangan untuk diterima pakai. Pembuat dasar mesti menangani perbezaan ini untuk memastikan akses yang saksama kepada program pendidikan dan latihan semula, mencegah peminggiran selanjutnya kumpulan rentan (Tabbassum et al., 2024) (Tailor dan Kamble, 2023). Untuk mengurangkan kesan negatif AI terhadap pekerjaan, kerajaan dan organisasi mesti melabur dalam program pendidikan dan latihan yang melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan yang didorong oleh AI. Ini termasuk inisiatif untuk mempromosikan pendidikan STEM, serta program yang memupuk kreativiti, pemikiran kritis, dan kecerdasan emosi (Hamid et al., 2024) (Bera et al., 2024).

Pembuat dasar mesti mengutamakan pertimbangan etika dalam pembangunan dan pelaksanaan teknologi AI. Ini termasuk menetapkan garis panduan untuk ketelusan, akauntabiliti, dan keadilan dalam sistem AI untuk menangani kebimbangan mengenai bias dan diskriminasi (Chen, 2024) (Tailor dan Kamble, 2023). Kerjasama antara pemimpin industri, pendidik, dan pembuat dasar adalah penting untuk mewujudkan tenaga kerja yang bersedia untuk berkembang maju dalam ekonomi yang dipertingkatkan AI. Ini termasuk perkongsian untuk membangunkan kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri dan inisiatif untuk mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat (Subudhi, 2024) (Grover, n.d.). Kesan AI terhadap pekerjaan tidak seragam di semua wilayah dan sektor. Sebagai contoh, sektor IT di India mengalami dua kesan, dengan AI menggantikan peranan tertentu sambil mewujudkan peluang baru untuk profesional mahir (Grover, n.d.). Begitu juga, sektor seperti penjagaan kesihatan dan kewangan memanfaatkan AI untuk meningkatkan produktiviti, sementara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembuatan dan pengangkutan menyaksikan anjakan pekerjaan yang ketara disebabkan oleh automasi (Shen, 2024) (Bera et al., 2024).

Penyepaduan AI dan IT ke dalam pasaran pekerjaan memberikan peluang dan cabaran. Walaupun teknologi ini berpotensi untuk mendorong inovasi dan mewujudkan peranan baru, teknologi ini juga menimbulkan risiko untuk perpindahan pekerjaan dan ketidaksamaan pendapatan. Untuk menavigasi landskap yang berkembang ini, pekerja mesti menerima pembelajaran sepanjang hayat, pembuat dasar mesti mengutamakan pertimbangan etika, dan industri mesti bekerjasama untuk mewujudkan tenaga kerja yang bersedia untuk masa depan. Dengan mengambil langkah proaktif untuk menangani cabaran ini, masyarakat dapat memanfaatkan potensi AI dan IT untuk mewujudkan pasaran pekerjaan yang lebih adil dan mampan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, Mohd Redzwan (2021) berpendapat tentang penerokaan kerjaya merupakan proses bagi mengenalpasti dan meneroka kerjaya yang memberi kesan kepada seseorang murid. Murid tingkatan di menengah atas kurang memahami tentang kerjaya yang lebih meluas berbanding di peringkat pengajian tinggi. Sementara itu, murid yang rendah memahami tentang diri lebih merasai cabaran yang timbul dan mempunyai kompleksiti pada senario kini. Mereka juga mempunyai tingkahlaku penerokaan yang sangat lemah kerana dipengaruhi persekitaran yang tidak membantu mereka. Oleh itu, penerokaaan kerjaya adalah proses murid meneroka tentang diri dan dunia kerjaya yang akan diceburi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, masih juga terdapat murid yang belum menunjukkan persediaan membuat penerokaan kerjaya di peringkat sekolah. Noor Athirah dan Suppiah (2021) dalam kajiannya mengenai sikap 160 orang murid tingkatan 3 dan tingkatan 4 terhadap kerjaya sekolah menengah. Beliau mendapati hanya 32% daripada murid tersebut mengetahui tentang kehendak dirinya terhadap kerjaya. Manakala murid yang selebihnya iaitu 32% tidak tahu kehendak dirinya, 10% lagi tidak pernah memikirkan tentang kehendak diri dan sebanyak 26% pula tidak ada merasa keperluan untuk memikirkan apa-apa mengenai kerjaya pada masa kini. Oleh itu, ini menunjukkan kebanyakan murid sekolah menengah masih lagi tidak menyedari dan pasif terhadap kepentingan membuat penerokaan kerjaya.

Selanjutnya senario murid sekolah menengah tidak mampu membuat penerokaan kerjaya dan tidak memiliki cita-cita atau minat kerjaya yang jelas. Keadaan ini terjadi kepada murid yang tiada penerokaan kerjaya yang betul. Secara umumnya, murid yang gagal memilih pakej pengkhususan subjek yang sesuai berdasarkan minat, cita-cita dan potensi mereka terpaksa menerima pilihan pakej subjek yang ditetapkan pihak sekolah kepada mereka. Situasi kegagalan meneroka kerjaya peringkat sekolah menengah akan membawa kesan kepada pemilihan bidang dan kursus pengajian yang tidak diminati di institusi pengajian tinggi. Keadaan ini menimbulkan masalah dalam membuat keputusan kerjaya selepas tamat pengajian kelak. Kerjaya yang bakal ditawarkan sama ada tidak memenuhi kriteria dan kehendak mereka atau pun kerjaya tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak sesuai dengan kelulusan yang dicapai (Lau, Chung, dan Wang, 2019). Oleh itu, Lau et. al. (2018) sepatutnya ketika di alam persekolahan lagi murid harus bersedia meneroka dan memahami peranan diri dengan pendedahan dunia kerjaya. Dengan itu murid harus diberikan bimbingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerjaya agar memperolehi kemahiran untuk menghubungkaitkan akademik sekolah dengan dunia kerjaya, mempunyai pengetahuan, sikap dan kemahiran yang sesuai tentang kerjaya. Seharusnya mereka mempunyai kemampuan untuk membuat penerokaan yang tepat yang selari dengan kecenderungan, minat, dan kelayakan yang ada pada diri mereka.

Selanjutnya, Zool Hilmi, Norzaini dan Mohamad Sattar (2019) menyatakan murid maklum akan pengetahuan dan kepentingan penerokaan kerjaya namun penerokaan mereka tidak berstruktur, tersusun dan dimunculkan secara jelas yang menyebabkan cita-cita mereka juga sering berubah-rubah. Fenomena yang menggambarkan kesan tidak mempunyai penerokaan kerjaya yang mantap semasa diperingkat sekolah mengakibatkan timbulnya masalah apabila murid berkenaan berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Isu-isu lumrah yang berlaku apabila murid belum mempunyai penerokaan kerjaya akan terdapat ibu bapa yang mengawal dan memaksa anaknya memilih satu bidang atau program pengajian yang tidak diminati oleh anaknya. Terdapat juga murid yang tidak terpilih mengikuti program pengajian kerana tidak memenuhi kelayakan syarat akademik yang tertentu. Justeru, Norlizawati Hilmi, Norzaini dan Mohamad Sattar (2019) menyatakan murid sering mengalami masalah kesediaan menceburi bidang kerjaya. Murid yang mengalami kekeliruan dalam memilih kerjaya, memberi implikasi kepada kurang memberi komitmen dalam pekerjaan dan memberi kesan prestasi kepada sesebuah organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, kedapatan murid oleh Rozita, Nur Zafirah dan Juwairiah (2022) yang bekerja sambilan telah memberi implikasi kepada pendidikan mereka. Implikasi pencapaian dalam akademik mereka terjejas seperti tidak menyiapkan kerja sekolah, kurang perhatian pengajaran guru dan mengulangkaji dan sikap kurang peduli akibat penat bekerja sambilan. Begitu juga penglibatan mereka dalam kokurikulum gagal kerana didapati 12.7% tidak mengikuti aktiviti persatuan, 11.1% tidak menghadiri aktiviti kokurikulum dan 23% tidak menyertai aktiviti sukan. Selain itu masalah disiplin terjadi seperti datang lewat ke sekolah 23% dan ponteng sekolah 6%. Apabila bekerja menyebabkan minat terhadap muridan merosot 25.4% dan mengakibatkan sebanyak 17% mereka kurang keyakinan terhadap muridan yang mampu menjamin masa depan mereka. Sehinggakan peperiksaan SPM tidak menjadi keutamaan dalam membentuk kerjaya mereka. Dengan itu, perkembangan membuat keputusan kerjaya murid yang lebih baik terjejas pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Mohd Redzwan (2021) turut menjelaskan murid sekolah khususnya murid sekolah menengah seringkali menghadapi masalah dalam membuat keputusan kerjaya antara masalah yang dialami ialah tidak dapat membuat keputusan. Oleh itu, di sekolah murid mendapat bantuan daripada guru bimbingan dan kaunseling dalam permasalahan yang melibatkan kerjaya. Peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah amat penting dalam memberi bimbingan dan kaunseling tentang kerjaya terutama dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya oleh murid. Murid perlu berusaha bagi mengurangi masalah yang dialami. Murid juga telah menyelidiki dan menerima usaha-usaha yang dihulurkan daripada pihak-pihak tertentu bagi mengurangi permasalahan mereka. Oleh itu, usaha-usaha yang berterusan dan sesuai daripada pihak sekolah khususnya guru bimbingan dan kaunseling dalam kerjaya murid sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam membuat keputusan kerjaya, murid juga menghadapi masalah-masalah tertentu dan mengalami kesukaran membuat tindakan tersebut. Masalah tidak mampu membuat keputusan dengan tepat berpunca daripada tidak jelas dan tidak mengetahui kerjaya yang sesuai dengan kebolehan dan kecekapan diri serta tidak mempunyai minat dalam bidang tertentu. Murid yang tidak mengatur dengan baik terhadap minat, kebolehan, bakat dan sahsiah disebabkan tidak berpadanan dengan sifat peribadi. Oleh itu, berlaku ketidakstabilan dalam membuat keputusan kerjaya yang sesuai dengan kemampuan dan kebolehan semulajadi pada diri mereka. Dengan itu terhasil ketidaksempurnaan semasa membuat keputusan kerjaya oleh murid. Masalah yang menjadi kebiasaan murid adalah kekurangan pengetahuan atau maklumat tentang kerjaya. Murid tidak mendapat pendedahan dan penerangan yang mencukupi tentang peluang-peluang pekerjaan dan jenis pekerjaan yang boleh diceburi selepas tamat persekolahan (Vikneshwary, Ramlee dan Marinah, 2020).

Dengan itu, secara keseluruhannya pendedahan dan penerangan yang mencukupi membantu dan mengisi kekurangan dalam aspek bimbingan kerjaya murid. Oleh itu, Abdul Hanid (2017) menjelaskan penyebaran maklumat kerjaya yang bercorak reaktif dan segera sahaja menjadi aktiviti pengisian program kerjaya di sekolah. Justeru, menurut Nisrin Zalchary dan Abu Yazid (2019), kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan kaunseling diakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan telah melihat akan kepentingan ujian psikologi sejak puluhan tahun yang lalu dalam program bimbingan. Akan tetapi usaha-usaha ke arah pelaksanaan program bimbingan kurang mendapat sambutan dan menjadi kenyataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji yang terdahulu juga telah melaksanakan kajian-kajian intervensi kerjaya bagi membantu murid sekolah menengah melalui penggunaan teori perkembangan kerjaya (Mohd Sani, 2011; Devarajoo, 2002). Oleh kerana itu, Fam, Faridah dan Norasmah (2021) menyatakan kerjaya adalah melibatkan proses dan sistem yang menyeluruh dalam proses pemilihan dan pelaksanaan melalui penemuan atau melakukan kemahiran dan latihan, mencari pekerjaan dan menyesuaikan diri dengan pekerjaan. Akan tetapi bidang kerjaya dilihat terpisah antara perbezaan teori dengan strategi pelaksanaan tertentu dalam membuat keputusan kerjaya bagi membantu murid mendapat pekerjaan yang sesuai.

Justeru, pendekatan teori oleh kaunselor menjadi perkara yang bermakna setelah memahami dengan sebenar-benarnya penggunaan teori yang diapliksaikan. Dengan itu, penggunaan teori kaunseling tertentu yang mempunyai kekuatan tertentu untuk diaplikasikan penggunaannya dalam suasana di Malaysia. Oleh kerana kajian-kajian terhadap perkembangan kerjaya sekolah menengah yang mengaplikasikan teori kaunseling kurang dilaksanakan, maka penggunaan teori yang berfokuskan kaunseling, seperti teori pilihan terapi realiti atau TPTR, dalam membantu kerjaya murid sewajarnya diberi perhatian untuk melaksanakan kajian bagi menambah koleksi data penyelidikan dalam perkembangan kerjaya (Ahmad Jazimin, 2018)

Penggunaan TPTR menurut Asani, Panahali, Abdi dan Gargari (2024) mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti mesra pengguna, istilah dan ungkapan agak mudah, memiliki ungkapan dan hujah yang rasional dan unik dan mempunyai teknik penyoalan yang mudah digunakan untuk memahami klien kaunselor. Terapi ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan salah satu falsafah yang penggunaannya secara berterusan dalam kehidupan untuk perhubungan sesama manusia. Teori pilihan terapi realiti atau TPTR memerlukan masa yang tidak terlalu lama diaplikasikan kepada klien, sesuai dalam pelbagai diperingkat tahap kognitif klien dan diakhiri proses kaunseling dengan perancangan dan tindakan (Wubbolding; 2017; Sapora, 2013; Corey 2020, Ahmad Jazimin, 2018).

Rangkuman isu-isu utama yang mendorong keperluan kajian penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya sering berpunca daripada perubahan dalam konteks ekonomi, sosial, teknologi dan psikologi individu. Ketidakpastian Pasaran Pekerjaan. Dunia pekerjaan kini sangat dinamik dan tidak menentu (VUCA – *volatile, uncertain, complex, ambiguous*). Banyak pekerjaan baru muncul disebabkan teknologi (AI, automasi), manakala pekerjaan tradisional semakin pupus. Individu terutamanya pelajar tidak pasti tentang peluang kerjaya yang akan wujud selepas tamat pengajian. (Bowers-Brown dan Harvey, 2024). Dengan itu, kajian penting untuk bantu pelajar dan pencari kerja memahami trend kerjaya semasa dan masa depan kerja.

Kekeliruan identiti kerjaya dan tekanan psikologi. Ramai murid tidak pasti siapa mereka, apa kekuatan mereka, atau apa kerjaya yang sesuai. Proses membuat keputusan kerjaya boleh menimbulkan tekanan, keresahan, dan penangguhan keputusan (*career indecision*) (Kaplan, et.al., 2025). Oleh itu, penyelidikan penting untuk memahami faktor dalaman seperti minat, nilai, personaliti, dan efikasi kendiri. Kekurangan panduan dan intervensi awal. Kebanyakan sekolah dan institusi, bimbingan kerjaya masih lemah atau tidak konsisten. Pelajar sering membuat pilihan kerjaya berdasarkan tekanan sosial, jangkaan keluarga, atau maklumat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

salah (Amponsah, et. al., 2024). Oleh demikian, kajian membantu merancang intervensi bimbingan kerjaya yang lebih efektif dan berasaskan bukti.

Kesan globalisasi dan kemahiran abad ke-21. Globalisasi menuntut kemahiran yang lebih fleksibel, pemikiran kritikal, dan adaptasi terhadap budaya pelbagai. Individu perlu meneroka kerjaya bukan hanya di peringkat lokal tetapi juga persekitaran antarabangsa (Zewude, et. al., 2025). Oleh itu, kajian penerokaan kerjaya membantu pelajar melihat kerjaya secara lebih luas dan strategik. Kekurangan kejelasan laluan kerjaya. Sistem pendidikan tidak sentiasa memberikan peta jalan yang jelas antara bidang pengajian dan peluang kerjaya. Ramai murid ambil jurusan tanpa mengetahui kerjaya sebenar yang akan mereka ceburi (Li dan Lee, 2025). Sementara itu, penyelidikan boleh mendedahkan hubungan antara kursus akademik dan dunia pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan efikasi kendiri dalam keputusan kerjaya. Ramai murid tidak yakin dengan kemampuan mereka membuat keputusan penting. Teori seperti *Social Cognitive Career Theory* (SCCT) menekankan peranan efikasi kendiri dan harapan hasil (Boymurodova dan Hamdamova, 2025). Dengan itu, penyelidikan mengkaji cara membina keyakinan dan kecekapan dalam membuat keputusan. Kesimpulan, kajian penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya sangat penting untuk menangani kekeliruan dan keresahan pelajar. Membantu individu membuat keputusan yang bermakna dan selaras dengan identiti mereka. Menyesuaikan pendidikan dengan keperluan masa depan kerja. Membangunkan sistem sokongan kerjaya yang efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, kajian yang dilaksanakan adalah untuk melihat kesan modul bimbingan kelompok yang memfokuskan bimbingan kerjaya melalui penggunaan teori psikoterapi untuk membantu perkembangan kerjaya murid sekolah menengah. Kesesuaian penggunaan pendekatan kelompok TPTR terhadap penerokaan dan keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah adalah melihat kesan terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya melalui modul yang dibina dan instrumen yang digunakan. Dengan itu, penggunaan TPTR dapat dijadikan sebahagian pendekatan membantu murid dalam perkembangan kerjaya mereka. Seterusnya juga menyempurnakan objektif yang dibentuk dalam kajian ini.

1.4 Tujuan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan kajian ini dilaksanakan ialah untuk mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap dua pemboleh ubah bersandar iaitu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah.

Keputusan untuk tidak menjadikan pembinaan modul tidak dijadikan sebagai objektif kajian utama kerana ia lebih merupakan satu proses atau alat yang menyokong pencapaian objektif kajian sebenar, bukannya hasil kajian yang berdiri sendiri. Menurut Simmons et. al (2016) dalam konteks penyelidikan, objektif kajian biasanya difokuskan kepada pencapaian pengetahuan baharu, pengesahan teori, atau penilaian keberkesanan sesuatu intervensi. Pembinaan modul hanyalah satu fasa dalam penyelidikan pembangunan yang mana merujuk kepada objektif sebenar lebih tertumpu kepada menilai keberkesanan, kebolehlaksanaan, atau keberterimaan modul tersebut dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks tertentu. Peserta dalam program berasaskan modul sering menyatakan keinginan untuk kandungan dan contoh yang lebih komprehensif, menunjukkan keperluan untuk pengembangan dan penyempurnaan selanjut (Ragon et al., 2022). Selain itu, sekiranya pembinaan modul dijadikan objektif utama tanpa disertai penilaian empirikal, kajian tersebut cenderung bersifat deskriptif dan tidak menyumbang kepada pemahaman saintifik yang mendalam. Pembinaan modul sering tidak mempunyai pendekatan holistik, yang penting untuk subjek yang memerlukan pemahaman mendalam tentang konsep yang saling berkaitan (Morris et al., 2016). Oleh itu, modul biasanya dibina sebagai instrumen kajian dan objektifnya ditumpukan kepada menguji keberkesanan modul itu terhadap pencapaian murid, perubahan sikap, atau peningkatan kemahiran, bergantung kepada domain yang dikaji.

Selanjutnya lagi, keputusan untuk tidak menjadikan pembinaan modul sebagai objektif kajian turut dipengaruhi oleh keperluan penyelidikan untuk menunjukkan sumbangan signifikan dalam pengetahuan atau amalan, dan bukan sekadar menghasilkan bahan pembelajaran tanpa pengujian keberkesanan secara sistematik (Zuki et al., 2024).. Ringkasnya, pembinaan modul tidak dianggap sebagai objektif penyelidikan kerana terutama tertumpu pada aplikasi praktikal, penyelesaian masalah, dan penggunaan pengetahuan sedia ada untuk mencipta produk berfungsi (Wang dan Shen, 2022). Walaupun ia mungkin melibatkan beberapa elemen penyelidikan, seperti analisis keperluan atau penilaian, matlamat utamanya berbeza dengan penyelidikan, yang bertujuan untuk menjana pengetahuan baru dan memajukan pemahaman teori.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, pembinaan modul tidak dijadikan sebagai satu objektif kajian kerana beberapa alasan antaranya modul sebagai alat, bukan objektif. Modul lebih sering dianggap sebagai alat atau bahan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Dalam banyak kajian, objektif utama adalah untuk mengkaji keberkesanan sesuatu pendekatan, kaedah, atau teori, dan modul hanyalah salah satu komponen dalam proses itu (Lezcano et al., 2012).. Selain itu, keterbatasan fokus menjadikan objektif kajian biasanya berfokus pada hasil atau impak daripada penggunaan modul, seperti pengaruhnya terhadap pembelajaran atau pengajaran. Pembinaan modul mungkin dianggap sebagai langkah awal atau sokongan teknikal dalam penyelidikan, tetapi bukan objektif utama kajian itu sendiri (Bhattacharya et al., 2024). Sementara itu pula,fokus penyelidikan sering kali lebih tertumpu pada analisis, penilaian, atau eksperimen untuk memahami fenomena yang lebih luas, seperti cara modul digunakan atau kesan modul terhadap pelajar, pengajar, atau konteks tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembinaan modul mungkin dianggap lebih sebagai proses yang diperlukan untuk melaksanakan kajian, bukan objektif kajian itu sendiri (Richey dan Klein, 2014). Tambahan pula, kompleksiti dan keperluan praktikal. Pembinaan modul melibatkan banyak aspek teknikal, seperti reka bentuk, ujian, dan penyuntingan, yang mungkin memerlukan lebih banyak masa dan sumber (Bansal dan Dalrymple, 2016). Oleh itu, penyelidik lebih cenderung untuk memberi tumpuan kepada hasil yang boleh diperoleh daripada penggunaan modul tersebut, daripada proses pembinaannya. Jadi, pembinaan modul mungkin dilihat lebih kepada tahap persediaan atau sokongan dalam kajian, sementara objektif kajian lebih berfokus pada hasil atau impak daripada penggunaan modul tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul bimbingan kerjaya ini dibangunkan untuk digunakan dalam kalangan murid lelaki dan perempuan yang berasal dari latar belakang status sosioekonomi rendah. Pemilihan kumpulan sasaran ini adalah berdasarkan dapatan kajian lepas yang menunjukkan bahawa murid dari latar belakang ini sering mengalami kekangan dalam membuat keputusan kerjaya yang matang disebabkan oleh keterbatasan akses kepada maklumat, sokongan, serta pendedahan terhadap peluang kerjaya (Ismail et al., 2021; Mustapha dan Mahmood (2021).

Pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah sering kali membuat keputusan kerjaya yang didorong oleh keperluan kewangan keluarga dalam jangka pendek, berbanding aspirasi atau minat sebenar mereka, disebabkan oleh tekanan untuk menyumbang kepada ekonomi keluarga seawal mungkin (Aziz dan Hassan, 2019). Manakala faktor jantina pula turut mempengaruhi persepsi terhadap keupayaan dan peranan dalam dunia kerja. Justeru itu, pendekatan yang bersifat khusus dan sensitif terhadap latar belakang murid adalah perlu agar bimbingan yang diberikan lebih bermakna, realistik dan sejajar dengan keperluan sebenar mereka (Lim dan Lee, 2021).

Modul ini dibina dengan mengintegrasikan prinsip Teori Pilihan Terapi Realiti yang menekankan kepada tanggungjawab individu dalam membuat pilihan serta keupayaan membina masa depan melalui proses pemikiran yang rasional dan berfokuskan kendiri (Sazalia dan Rosadah, 2019). Dengan itu, intervensi ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kesedaran kendiri, kejelasan matlamat kerjaya, dan daya tindak murid terhadap cabaran realiti kehidupan mereka. Walaupun modul ini memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran tertentu, ia juga boleh dijadikan asas bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan intervensi yang lebih menyeluruh untuk kumpulan murid yang berbeza pada masa akan datang.

Dalam Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977) menyatakan bahawa manusia belajar melalui pemerhatian, peniruan, dan pemodelan tingkah laku. Dalam konteks kelompok besar, pelajar boleh belajar secara pasif melalui ceramah, demonstrasi atau perkongsian daripada fasilitator atau rakan sebaya. Sementara itu, dalam kelompok kecil, pembelajaran menjadi lebih aktif apabila peserta berpeluang berinteraksi, mencuba kemahiran sosial, dan menerima maklum balas secara langsung.

Penggunaan rawatan kelompok kecil dan kelompok besar dalam intervensi kaunseling adalah bergantung kepada objektif intervensi, keperluan klien, serta keberkesanan pendekatan yang diambil. Rawatan kelompok kecil sering digunakan apabila intervensi memerlukan interaksi yang lebih mendalam, perbincangan yang bersifat peribadi, dan pemantauan yang lebih dekat oleh kaunselor. Dalam kelompok kecil, peserta lebih selesa untuk berkongsi pengalaman dan dapat membina kepercayaan dengan lebih mudah, yang menyumbang kepada keberkesanan intervensi. Menjelaskan rasional penggunaan rawatan kelompok kecil dan kelompok besar adalah penting untuk menunjukkan kenapa kedua-dua pendekatan itu dipilih dalam sesuatu kajian atau intervensi. Rasional penggunaan rawatan kelompok kecil dan kelompok besar. Kelompok kecil, kelebihan dan rasional menjadikan interaksi lebih mendalam dan membolehkan setiap peserta mendapat perhatian lebih dekat dan ruang untuk berkongsi secara terbuka. Sokongan emosi yang lebih kukuh menjadikan suasana yang lebih selamat dan intim membina kepercayaan dalam kalangan peserta. Pemantauan yang lebih terperinci membuatkan pengkaji atau fasilitator dapat memerhati perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tingkah laku atau emosi peserta dengan lebih teliti. Sesuai untuk pendekatan terapi seperti Teori Pilihan Terapi Realiti, yang menekankan perhubungan dan tanggungjawab individu. Contoh rasional, rawatan kelompok kecil digunakan bagi membolehkan pendekatan terapi realiti dijalankan secara lebih mendalam, memberi ruang kepada peserta untuk meneroka isu peribadi dengan lebih selamat dan terbimbing (Corey, Corey, dan Corey, 2018).

Sebaliknya, rawatan kelompok besar lebih sesuai digunakan dalam konteks psikoedukasi, seperti bengkel atau ceramah, di mana objektifnya adalah untuk memberikan maklumat umum, meningkatkan kesedaran, atau membina kemahiran asas kepada kumpulan sasaran yang lebih besar. Ia juga lebih menjimatkan masa dan sumber dalam pelaksanaan program berskala besar. Kelompok besar memiliki kelebihan dan rasional tersendiri. Penyampaian maklumat secara menyeluruh dan seragam yang sesuai untuk pendedahan awal, ceramah motivasi, atau sesi psikoedukasi. Efisien dari segi masa dan sumber boleh menjangkau lebih ramai peserta dalam masa yang singkat.

Mewujudkan kesedaran awal bagi memberi pendedahan umum kepada konsep asas sebelum peserta menyertai kelompok kecil untuk eksplorasi lanjut. Meningkatkan dinamik sosial untuk memberi peluang peserta melihat bahawa mereka tidak bersendirian dalam menghadapi isu tertentu. Contoh rasional, sesi kelompok besar dijalankan bagi menyampaikan prinsip asas Teori Pilihan kepada semua peserta secara seragam sebelum intervensi kelompok kecil dimulakan. Gabungan bagi kedua-dua rawatan secara pendekatan berfasa dengan menggunakan kedua-dua kelompok besar dan kecil membolehkan pendekatan berstruktur dan berfasa. Contohnya fasa 1 diisikan secara kelompok besar dengan memberi penerangan, kesedaran umum, dan motivasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya fasa 2 dengan kelompok kecil secara eksplorasi individu, pemerkasaan diri, dan pemantapan tingkah laku.kombinasi rawatan kelompok besar dan kecil dipilih bagi memastikan peserta mendapat pendedahan teori secara menyeluruh, diikuti dengan ruang refleksi dan aplikasi kendiri dalam kelompok yang lebih fokus (Gladding, 2016).

1.5 Objektif

Objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut;

1.5.1 mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

1.5.2 mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan jantina murid.

1.5.3 mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan tahap sosioekonomi murid.

Daripada objektif kajian, rumusan kajian berbentuk eksperimen ini bagi menguji kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar dalam meningkatkan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya murid. Di samping itu, perbandingan kesan pemboleh ubah kajian juga diuji dalam dua jenis kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar dengan kelompok kawalan. Manakala, kesan jantina dan interaksi antara jantina, dan tahap sosioekonomi dan interaksi antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosioekonomi juga diuji untuk mengesahkan pemboleh ubah bersandar yang dikaji meningkat adalah disebabkan oleh rawatan kelompok dan bukan kerana disebabkan oleh kesan dan interaksi jantina dan tahap sosioekonomi.

1.6 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada objektif yang dibina maka persoalan kajian dibentuk iaitu;

1.6.1 Adakah terdapat perbezaan kesan jenis rawatan kelompok bimbingan kecil, kelompok bimbingan besar dan kumpulan kawalan terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya?

1.6.2 Adakah kesan jantina dan interaksi antara jantina mempengaruhi kesan rawatan terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya?

1.6.3 Adakah kesan tahap sosioekonomi dan interaksi antara tahap sosioekonomi mempengaruhi kesan rawatan terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya kelompok rawatan?

1.7 Hipotesis kajian

Dalam kajian penyelidikan, hipotesis null dan hipotesis alternatif adalah dua jenis hipotesis yang digunakan untuk menguji hubungan atau perbezaan antara pemboleh ubah. Jenis hipotesis yang digunakan bergantung kepada tujuan kajian dan pertanyaan penyelidikan yang ingin dijawab. Hipotesis null menyatakan bahawa tiada hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau tiada perbezaan antara pemboleh ubah yang dikaji. Ia adalah hipotesis yang menyatakan tiada kesan atau hubungan yang signifikan dalam kajian. Hipotesis null digunakan untuk menguji andaian bahawa tiada perubahan atau kesan dalam eksperimen. Dengan kata lain, ia menyatakan bahawa sebarang perbezaan atau hubungan yang dilihat dalam kajian adalah akibat daripada kebetulan semata-mata, bukan kerana kesan yang sebenar. Contoh, jika kajian bertujuan untuk menilai keberkesanan sebuah modul pembelajaran, seperti "Tiada perbezaan dalam pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan modul ini." Dalam analisis statistik, hipotesis null biasanya diuji dengan ujian statistik untuk menentukan sama ada ia boleh diterima atau ditolak. Jika bukti menunjukkan kesan yang signifikan, hipotesis null akan ditolak. Hipotesis null adalah hipotesis yang sering digunakan dalam kajian untuk menyatakan bahawa tiada perbezaan atau kesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan jenis hipotesis dalam kajian penyelidikan sangat bergantung kepada tujuan kajian dan pertanyaan penyelidikan yang ingin dijawab. Rasional untuk memilih jenis hipotesis, sama ada hipotesis null (H_0) atau hipotesis alternatif (H_1), adalah berdasarkan beberapa faktor utama yang perlu dipertimbangkan oleh penyelidik. Rasional Pemilihan Jenis Hipotesis Null (H_0). Hipotesis null digunakan untuk menguji tiada perbezaan atau tiada hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Rasional di sebalik memilih hipotesis null adalah untuk menganggap bahawa tiada perubahan atau perbezaan wujud sehingga bukti yang kuat membuktikan sebaliknya (Field, 2013). Pentingnya menggunakan hipotesis null dalam ujian statistic. Dalam kebanyakan ujian statistik, hipotesis null adalah titik permulaan, kerana ia membolehkan penyelidik menguji kesahan atau keraguan terhadap kesan yang ada. Ujian statistik (seperti t-test, ANOVA) digunakan untuk menguji hipotesis null dengan cara melihat kebarangkalian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(p-value) bahawa perbezaan atau hubungan yang ditemui adalah disebabkan oleh kebetulan. Hipotesis null lebih konservatif kerana ia menganggap bahawa perubahan atau hubungan hanya akan diakui jika ada bukti yang cukup untuk menolaknya. Ini melindungi daripada kesilapan jenis I (menolak hipotesis null yang benar). Contoh, dalam kajian keberkesanan modul pembelajaran, hipotesis null mungkin menyatakan bahawa "modul tidak memberi kesan terhadap pencapaian pelajar" (Boslaugh, 2007).

Hipotesis alternatif digunakan apabila penyelidik mempunyai jangkaan atau andaian bahawa terdapat kesan atau hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji. Hipotesis ini menggambarkan harapan penyelidik bahawa kesan atau perubahan akan wujud. Hipotesis alternatif lebih spesifik dalam mengandaikan bahawa terdapat kesan atau hubungan yang nyata. Ia adalah jawapan yang ingin diperoleh dari kajian tersebut, dan sering kali lebih berfokus pada hasil atau impak tertentu. Biasanya, apabila hipotesis null ditolak, hipotesis alternatif diterima sebagai penjelasan yang lebih baik. Contoh: Dalam kajian modul pembelajaran, hipotesis alternatif mungkin menyatakan bahawa "modul mempunyai kesan yang signifikan terhadap peningkatan pencapaian pelajar" (Creswell, 2018).

Dalam kajian sains sosial, pendidikan, dan banyak bidang lain, hipotesis null adalah standard kerana ia memberi asas yang objektif untuk menguji kesan. Ia juga membantu dalam mengelakkan bias dan memastikan bahawa kesimpulan hanya dibuat apabila ada bukti yang cukup kuat. Dengan memilih hipotesis null, penyelidik dapat mengurus kesilapan jenis I *(false positive)*, iaitu apabila hipotesis null yang benar ditolak, dan kesilapan jenis II *(false negative)*, iaitu apabila hipotesis null yang salah diterima. Banyak ujian statistik yang digunakan dalam penyelidikan, seperti t-test, chi-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

square, dan ANOVA, biasanya menganggap hipotesis null sebagai asas dan menguji kesahihannya. Ujian ini membolehkan penyelidik menentukan sama ada terdapat cukup bukti untuk menolak hipotesis null dan menerima hipotesis alternatif (Gujarati, 2003). Kesimpulan, Pemilihan jenis hipotesis bergantung kepada tujuan kajian, di mana hipotesis null lebih bersifat konservatif dan digunakan sebagai titik permulaan untuk menguji ketiadaan kesan, manakala hipotesis alternatif digunakan apabila penyelidik mengandaikan terdapat kesan yang nyata. Kedua-dua jenis hipotesis ini penting dalam memastikan keberkesanan kajian dan menjamin ketepatan hasil yang diperoleh.

Memang benar bahawa terlalu banyak hipotesis dalam kajian boleh menyebabkan peningkatan potensi ralat atau kesalahan statistik, tetapi dalam konteks penyelidikan, penggunaan pelbagai hipotesis adalah perkara biasa dan boleh dikendalikan dengan pendekatan yang betul. Masalah utama bukanlah berapa banyak hipotesis yang digunakan, tetapi bagaimana hipotesis tersebut diuji dan bagaimana kesalahan statistik dikendalikan dalam analisis. Semakin banyak hipotesis diuji, semakin tinggi kemungkinan kita akan menemui kesan yang kelihatan signifikan secara kebetulan. Ini dikenali sebagai masalah *"multiple comparisons"* atau *"multiple testing"*. Jika kita menguji banyak hipotesis tanpa mengawal untuk kemungkinan kesilapan jenis I, kita mungkin akan menolak hipotesis null (yang sebenarnya benar) lebih sering daripada yang sepatutnya, menghasilkan kesilapan jenis I yang berlebihan. Field, A. (2013). Jika terlalu banyak hipotesis diuji, terdapat risiko bahawa kita akan gagal untuk mengesan kesan yang sebenar apabila kita hanya memberi perhatian kepada beberapa hipotesis sahaja atau jika ujian statistik digunakan dengan cara yang kurang tepat. Ini boleh membawa kepada kesilapan jenis II (tidak menolak hipotesis null walaupun sebenarnya terdapat kesan yang wujud) (Wasserman, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu cara untuk mengurangkan kesilapan apabila banyak hipotesis diuji adalah dengan menggunakan kaedah pembetulan untuk uji berganda *(multiple comparisons)*. Beberapa teknik pembetulan yang biasa digunakan. Pembetulan Bonferroni membahagikan tahap signifikansi (α) dengan jumlah ujian yang dilakukan. Sebagai contoh, jika α = 0.05 dan 10 ujian dilakukan, maka tahap signifikansi untuk setiap ujian akan menjadi 0.005 (0.05/10). Kaedah Holm-Bonferroni adalah pembetulan yang lebih berkuasa berbanding Bonferroni dan lebih fleksibel dalam mengurangkan peluang kesilapan jenis I. *False Discovery Rate* (FDR) merupakan kaedah yang digunakan untuk mengawal kadar penemuan palsu apabila banyak hipotesis diuji, memberi perhatian kepada peratusan kesilapan yang dibenarkan dalam keputusan yang dijumpai (Benjamini dan Hochberg, 1995). Pastikan bahawa setiap hipotesis diuji dengan ujian statistik yang tepat, berdasarkan jenis data dan struktur kajian. Jika data tidak memenuhi andaian untuk ujian statistik tertentu (misalnya normaliti atau homogeniti varian), memilih ujian yang salah boleh meningkatkan ralat (Altman, 1991).

Sebelum memulakan kajian, adalah penting untuk menyusun hipotesis secara terperinci berdasarkan kerangka teori yang jelas. Hipotesis yang dibangunkan berdasarkan teori atau kajian terdahulu lebih cenderung memberi kesan yang signifikan dan mengurangkan keperluan untuk menguji terlalu banyak hipotesis yang tidak relevan. Mengelakkan hipotesis yang terlalu banyak atau berulang tanpa asas teori yang kukuh dapat membantu menyederhanakan kajian dan fokus kepada pemboleh ubah yang benar-benar relevan (Kerlinger dan Lee, 2000). Dalam kajian saintifik, amalan pendaftaran awal kajian adalah penting untuk memastikan bahawa penyelidik tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan analisis data secara berulang untuk mencari kesan yang signifikan selepas data dikumpulkan. Dengan mendaftarkan hipotesis dan analisis yang dirancang sebelum kajian, ia dapat mengurangkan risiko analisis data yang berlebihan atau penyalahgunaan kebebasan statistic (Nosek, et, al., 2018).

Penggunaan banyak hipotesis tidak semestinya meningkatkan ralat secara drastik. Walaupun banyak hipotesis boleh diuji dalam kajian, melalui pendekatan terarah, penggunaan kaedah statistik yang tepat dan pembetulan untuk ujian berganda dapat mengurangkan potensi kesilapan. Kajian besar biasanya melibatkan pelbagai hipotesis, tetapi jika setiap hipotesis dibangunkan dan diuji secara rasional, kesilapan statistik boleh dikendalikan dengan baik. Penggunaan hipotesis yang jelas dan berdasarkan teori mengurangkan risiko menguji hipotesis yang tidak relevan atau tidak bernas. Sebaiknya, hipotesis harus dipilih berdasarkan keperluan kajian dan soalan penyelidikan yang jelas, dan bukannya menguji terlalu banyak hubungan atau perbezaan yang tidak mempunyai justifikasi teori yang kuat. (Mohri, et. al.,2018).

Kesimpulan, memang benar bahawa terlalu banyak hipotesis boleh meningkatkan risiko kesilapan statistik, tetapi dengan pengurusan yang betul, seperti pembetulan ujian berganda dan pemilihan hipotesis yang jelas dan terarah, kesilapan ini dapat dikurangkan. Penting bagi penyelidik untuk mengelakkan ujian hipotesis yang tidak relevan dan memastikan setiap hipotesis yang diuji mempunyai justifikasi teori yang kukuh serta perancangan yang teliti. Dengan pendekatan ini, penggunaan banyak hipotesis tidak akan meningkatkan ralat secara berlebihan dalam kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebanyak tiga hipotesis utama dan 47 hipotesis sampingan untuk menguji pemboleh ubah bersandar yang ditetapkan melalui rujukan daripada pengkaji terdahulu. Justeru pendekatan TPTR didapati berkesan terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan pengujian terhadap hipotesis-hipotesis di bawah.

1.7.1 Mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya.

1.7.1.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan,

1.7.1.2 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan,

1.7.1.3. Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1.4 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar,

1.7.1.5 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan.

1.7.1.6 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil

1.7.1.7 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar.

1.7.1.8 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan

1.7.1.9 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1.10 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar.

1.7.1.11 Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan.

1.7.1.12 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan,

1.7.1.13 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan,

1.7.1.14 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

1.7.1.15 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1.16 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan.

1.7.1.17 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil.

1.7.1.18 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar.

1.7.1.19 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan.

1.7.1.20 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1.21 Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar.

1.7.1.22 Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan.

1.7.1.23 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

1.7.1.24 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

1.7.1.25 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina.

1.7.2.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

1.7.2.2 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan lelaki.

1.7.2.3 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2.4 Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

1.7.2.5 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

1.7.2.6 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian membuat keputusan kerjaya kelompok rawatan lelaki.

1.7.2.7 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian membuat keputusan kerjaya kelompok rawatan perempuan.

1.7.2.8 Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2.9 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

1.7.2.10 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

1.7.2.11 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dan membuat keputusan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan sosioekonomi.

1.7.3.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan sosioekonomi sederhana, kelompok rawatan sosioekonomi rendah dan kelompok kawalan.

1.7.3.2 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan sosioekonomi sederhana.

1.7.3.3 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan sosioekonomi rendah.

1.7.3.4 Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan sosioekonomi sederhana, kelompok rawatan sosioekonomi rendah dan kelompok kawalan.

1.7.3.5 Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan sosioekonomi sederhana, kelompok rawatan sosioekonomi rendah dan kelompok kawalan.

1.7.3.6 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian membuat keputusan kerjaya kelompok rawatan sosioekonomi sederhana.

1.7.3.7 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian membuat keputusan kerjaya kelompok rawatan sosioekonomi rendah.

1.7.3.8 Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan sosioekonomi sederhana, kelompok rawatan sosioekonomi rendah dan kelompok kawalan.

1.7.3.9 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan sosioekonomi sederhana, kelompok rawatan sosioekonomi rendah dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3.10 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan sosioekonomi sederhana, kelompok rawatan sosioekonomi rendah dan kelompok kawalan.

1.7.3.11 Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan sosioekonomi sederhana, kelompok rawatan sosioekonomi rendah dan kelompok kawalan.

1.8 Kepentingan kajian

Kesignifikan penulisan dan perbahasan tentang kerjaya masih berterusan dibuktikan secara kajian oleh para pengkaji Zool Hilmi et.al (2019) dan Mohd Redzwan (2021). Oleh itu, kepentingan penulisan kajian ini kepada Kementerian Pendidikan dan guru bimbingan kaunseling yang melibatkan kandungan aspek teoritikal, maklumat baharu serta sumber maklumat pendidikan kerjaya kepada murid.

a. Aspek teoritikal

Walaupun kurang penggunaan teori psikoterapi dalam membincangkan kajian tentang perkembangan pendidikan kerjaya namun teori-teori psikoterapi sesuai diaplikasikan dalam bidang pendidikan khususnya kajian perkembangan pendidikan kerjaya. Aplikasi pendekatan teori percaya bahawa kebanyakan murid mempunyai masalah yang sama iaitu tidak merasai kepuasan dengan perhubungan yang ada pada mereka masa kini. Mereka bermasalah dalam ketidakupayaan untuk berhubung dengan individu yang signifikan dengan mereka. Oleh itu mereka memerlukan individu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memandu bertingkahlaku yang mengembirakan dengan membimbing mereka tentang pilihan-pilihan terdapat dalam sekitaran terhadap perkara dan situasi semasa yang mereka alami (Corey, 2015). Dengan itu, kekurangan murid memperolehi maklumat kerjaya atau maklumat terbatas diperolehi, dapat dibantu dengan penggunaan teori TPTR dalam kajian ini. Selain itu menurut Gladding (2015) realiti terapi menghasilkan banyak idea dan perbincangan yang berkaitan kelompok berbanding individu dan perbincangan meliputi pelbagai bidang dalam pendidikan yang dapat diaplikasikan. Oleh itu, perbincangan kepada masalah murid terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya dibincangkan secara lebih menyeluruh dalam kajian ini.

b. Tambahan Sumber baharu kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Sumbangan kajian ini merupakan salah sumber dapatan yang baharu dalam menyampaikan maklumat tentang perkembangan kerjaya disekolah menengah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Maklumat kajian berkaitan penggunaan teori psikoterapi menjadikan tambahan koleksi dalam sumbangan penggunaan teori TPTR di Malaysia. Selain itu, hasil kajian ini menjadi rujukan kepada guru di sekolah tentang perkembangan dan keberkesanan progam bimbingan kelompok kerjaya. Program kerjaya murid akan menjadi lebih terancang dan terlaksana dengan mengambil kira kepentingan perancangan dan pengurusan oleh pentadbir sekolah. Oleh kerana itu, pencapaian kemahiran pendidikan kerjaya menjadi seiringan dengan kecemerlangan pencapaian akademik murid.

Selain itu, transfromasi pendidikan di sekolah melalui konsep pendemokrasian pendidikan akan terlaksana dengan kemunculan pendidikan dan program kerjaya yang menyokong perancangan kurikulum persekolahan. Ini menjadikan program kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

senang dilaksanakan dalam kurikulum. Selain itu guru kaunseling menjadikan kajian ini koleksi pendekatan program kerjaya yang sedia ada dilaksanakan di sekolah. Pelaksanaan dapat disesuaikan mengikut matlamat dan objektif yang ingin dicapai dalam program kerjaya yang dirancangkan untuk murid. Dengan itu juga, penemuan punca-punca cabaran kepada perkembangan kerjaya di sekolah dapat dikaji dan dikesan awal hasil kajian ini. Oleh itu, pihak sekolah dapat mengenalpasti kelemahan dan kekurangan dalam program kerjaya di sekolah menengah melalui asas maklumat yang terdapat dalam kajian ini.

c. Sumber maklumat kepada murid

Seterusnya murid memperolehi sumber maklumat pendidikan kerjaya melalui penglibatan mereka dalam kajian ini. Kajian berbentuk quasi eksperimen memberi pengalaman kepada murid akan keberkesanan program bimbingan kelompok kepada perkembangan kerjaya mereka. Dengan itu, murid mengikuti program ini mengalami perubahan dalam pendidikan dan perkembangan kerjaya untuk masa depan kerjaya mereka. Murid akan mengenalpasti kehendak diri, mengenalpasti kehendak persekitaran, merancang matlamat dan kemahuan, merancang daya tindak dan terarah, menilai perancangan, dan pelaksanaan pelan tindakan dan komitmen. Manakala pelaksanaan kajian dilaksanakan dengan terancang secara bersama murid dan kaunselor sekolah. Dengan demikian itu, murid meneroka dan membuat keputusan kerjaya melalui rangka panduan aktiviti yang disediakan dalam program dan aktiviti bimbingan kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Kemahiran dan kecekapan baharu murid

Selanjutnya, murid dapat membina perubahan baharu ke atas kemahiran meneroka dan membuat keputusan kerjaya. Dengan penggunaan inventori dalam program bimbingan kelompok, murid akan mengenalpasti cabaran yang ada pada diri mereka dan akan mengatasi kekurangan dan kelemahan kemahiran yang telah dikenalpasti dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Dengan itu, murid dapat mengalami perubahan ke atas tingkahlaku sedia ada kesan daripada menggunakan kemahiran baharu yang diperolehi melalui langkah-langkah yang dimuridi dalam kelompok tentang mengenal diri, mengenalpasti maklumat, pemilihan dan membuat keputusan kerjaya. Justeru itu, murid dapat mencipta kecekapan dalam meneroka dan membuat keputusan kerjaya melalui penilaian pemikiran terhadap maklumat diperolehi dan didedahkan tentang perkembangan kerjaya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Penanda aras kerjaya murid

Seterusnya, pencapaian murid dalam program bimbingan kelompok ini dapat dijadikan panduan terhadap aras pencapaian perkembangan kerjaya murid sekolah menengah. Oleh itu, murid yang berupaya berhadapan dengan cabaran perkembangan diri, sama ada biologi, sosial dan persekitaran masyarakat telah mempunyai perkembangan kerjaya. Oleh itu, murid harus memiliki pengalaman diri melalui kecekapan, minat dan ciri-ciri personaliti dan juga pengalaman kerjaya serta sumber maklumat kerjaya untuk memenuhi perkembangan kerjaya. (Super, Savickas dan Super (1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan kajian

Kajian yang dilaksanakan ini bagi melihat kesan penggunaan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya murid sekolah menengah. Oleh itu, batasan kajian ini dirujuk kepada pemboleh ubah, subjek kajian, lokasi kajian, dan kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kajian.

a. Pemboleh ubah yang terhad

Pemboleh ubah yang terhad merujuk kepada pemboleh ubah (variabel) yang skopnya tidak luas atau tidak merangkumi pelbagai dimensi, sama ada dari segi kandungan, cara pengukuran, atau aplikasi dalam kajian. Dalam konteks penyelidikan, ini bermaksud kajian hanya menumpukan pada beberapa pemboleh ubah sahaja dan tidak mengambil kira faktor lain yang berpotensi mempengaruhi dapatan atau keputusan kajian. Bimbingan kerjaya murid dilaksanakan antaranya untuk mendapatkan dapatan tentang aspek penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya murid. Pemboleh ubah utama kajian adalah modul bimbingan kelompok TPTR dan pemboleh ubah moderator adalah jantina dan sosioekonomi. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan menumpukan aspek pemboleh ubah moderator kepada aspek umur, kaum, lokasi dan sebagainya. Namun dalam kajian ini, pemboleh ubah moderator difokuskan kepada kesan modul bimbingan kelompok TPTR ke atas aspek jantina dan sosioekonomi bagi jenis rawatan kepada kelompok bimbingan kecil (KBK) dan kelompok bimbingan besar (KBB).

b. Pemilihan subjek kajian

Dalam kajian ini, subjek kajian terdiri dari kalangan murid sekolah menengah tingkatan empat lelaki dan perempuan. Mereka diagihkan melalui peringkat saringan pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemilihan secara rawak bebas yang memenuhi ciri yang dikenalpasti dalam kumpulan yang bentukkan. Pada peringkat kedua saringan, pemilihan sampel bertujuan dilaksanakan bagi memperolehi ciri subjek yang seimbang dalam kelompok dari segi jantina antara setiap kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Tujuan pembentukan subjek kelompok bagi menyamai situasi yang dialami di kelas dan di sekolah secara pecahan penempatan dalam kumpulan. Subjek kelompok rawatan ditempatkan sama ada dalam kelompok bimbangan kecil atau kelompok bimbingan besar berbanding satu sahaja bagi kelompok kawalan. Perbezaan kelompok kecil dan kelompok cuma dibezakan dengan ciri bilangan sahaja namun kedua-dua kelompok menerima rawatan pendekatan dan strategi yang sama melalui modul bimbingan kelompok berbanding kelompok kawalan yang menerima program yang sedia dilaksanakan oleh pihak sekolah kepada kelompok mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Lokasi kajian

Pemilihan lokasi kajian ini dibuat berdasarkan beberapa faktor utama yang menyokong keberkesanan dan kesesuaian tempat tersebut dalam mencapai objektif kajian. Kesesuaian dengan skop kajian mempunyai ciri-ciri yang secara langsung berkait dengan tajuk dan objektif kajian. Sebagai contoh, jika kajian melibatkan isu sosial, ekonomi atau alam sekitar, lokasi ini menyediakan latar belakang dan konteks sebenar yang membolehkan pengumpulan data yang relevan dan bermakna. Ketersediaan responden atau data yang dipilih kerana ia mempunyai jumlah populasi atau kelompok sasaran yang mencukupi dan sesuai untuk kajian. Ini membolehkan proses persampelan dilakukan secara berkesan dan memastikan kebolehpercayaan dapatan kajian. Kemudahan akses dan logistik adalah mudah diakses dari segi geografi, infrastruktur serta jaringan komunikasi, sekali gus memudahkan proses pengumpulan data di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lapangan, temu bual, pemerhatian, atau aktiviti-aktiviti kajian lain. Kepentingan tempatan dan perkaitan semasa di kawasan yang sedang mengalami isu atau fenomena yang menjadi fokus kajian. Oleh itu, kajian di lokasi ini mampu memberikan gambaran sebenar serta maklumat yang terkini dan relevan dengan perkembangan semasa. Peluang sumbangan ilmiah dan praktikal dijangka dapat menyumbang kepada pengetahuan sedia ada serta memberi cadangan penambahbaikan terhadap isu yang dikaji, baik kepada pihak berkuasa tempatan, komuniti setempat mahupun pembuat dasar.

Selanjutnya, lokasi kajian terletak di Hulu Terengganu yang terdiri dari dua buah sekolah menengah harian. Kedudukan sekolah berada di luar bandar dengan mempunyai ciri persamaan dalam suasana sekitaran sekolah dan dalam kalangan murid yang bersosio ekonomi dan berpencapaian akademik yang rendah dan sederhana. Manakala bagi pemilihan subjek dalam kalangan murid yang memperolehi skor yang rendah dan sederhana berdasarkan nilai min dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Tujuan penentuan skor subjek bagi nilai min rendah dan sederhana dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya untuk memilih mereka yang layak dan dikenalpasti mendapatkan bimbingan. Dengan itu, mereka ini yang dipilih sahaja yang akan difokuskan kepada bimbingan dan memudahkan proses aplikasi keberkesanan rawatan sebagai mewakili keseluruhan murid skor yang rendah dan sederhana dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Manakala pengagihan murid ke dalam kelompok dibuat dalam kalangan murid di sekolah-sekolah daerah Hulu Terengganu yang terdiri murid-murid tingkatan empat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Faktor logistik dan luaran

Seterusnya Coleman (2018) menjelaskan sebelum kajian eksperimen dilaksanakan, aspek taklimat prosedur, bentuk program atau latihan, kesesuaian jangka masa ditentukan dahulu. Dengan itu, gangguan ke atas faktor logistik dan faktor luaran yang menganggu proses kajian dapat diperhatian dan dikawal oleh pengkaji. Justeru fokus kajian ini adalah terhadap kesan modul bimbingan kelompok TPTR berdasarkan teori psikoterapi dalam meningkatkan perkembangan kerjaya murid sekolah menengah. Dalam modul ini dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil dengan pengisian aktiviti yang berasaskan kepada TPTR. Walaupun kaedah eksperimen quasi adalah fokus kajian dijalankan, pengkaji sedaya mampu untuk mengawal ke atas pemboleh ubah ekstranus yang akan mempengaruhi dapatan kajian. Akan tetapi terdapat juga pemboleh ubah ekstranus yang tidak mampu dikawal pengkaji seperti faktor pengalaman responden, responden kajian, keadaan cuaca dan suasana tempat dilaksanakan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Jurang kajian yang masih wujud

Walaupun kajian ini telah memperkenalkan modul intervensi berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti dalam bentuk kelompok bimbingan yang tersusun, terdapat beberapa jurang yang masih boleh diperbaiki untuk penyelidikan akan datang. Kajian yang lebih luas yang merangkumi pelajar di kawasan luar bandar, sekolah vernakular, pelajar berkeperluan khas dan juga pelajar aliran TVET boleh memperkukuh keabsahan modul ini dalam pelbagai konteks pendidikan (Ibrahim, Mohd Salleh, dan Hassan, 2023). Kajian ini masih terhad kepada konteks sekolah menengah di kawasan tertentu dan tidak mewakili populasi pelajar secara nasional, sekali gus menghadkan kebolehgunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(generalisability) modul kepada konteks lain seperti pelajar luar bandar, pelajar pendidikan khas atau pelajar TVET *(Technical and Vocational Education and Training)* (Ibrahim et al., 2023).

Seterusnya, reka bentuk kajian yang digunakan adalah bersifat kuasi-eksperimen dengan ukuran pra dan pasca intervensi dalam jangka pendek terhadap perkembangan kerjaya atau kesejahteraan psikologi murid dalam tempoh yang lebih panjang. Hal ini tidak membolehkan pengkaji menilai keberkesanan jangka panjang modul terhadap pembentukan identiti kerjaya atau kesejahteraan psikologi pelajar. Penyelidikan masa depan dicadangkan untuk mengguna pakai reka bentuk kajian longitudinal bagi menilai kelestarian kesan intervensi dari aspek tingkah laku, matlamat pendidikan dan pilihan kerjaya (Lent, 2022; Watson dan Stead, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, pendekatan kuantitatif yang digunakan menghadkan pemahaman mendalam terhadap pengalaman subjektif murid dalam proses penerokaan kerjaya dan refleksi kendiri. Kajian kualitatif atau reka bentuk campuran dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang proses perubahan dalaman yang dialami pelajar semasa mengikuti sesi bimbingan (Creswell dan Creswell, 2018). Oleh itu, kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang melibatkan sampel lebih luas, pelbagai kaedah penyelidikan, dan penilaian jangka panjang agar impak intervensi dapat dinilai secara lebih komprehensif dan kontekstual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Definisi konsep

Huraian definisi ke atas modul kelompok bimbingan TPTR bagi modul kelompok dan kaunseling kelompok, kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar, penerokaan kerjaya, membuat keputusan kerjaya, status sosioekonomi (SES), Career Decision-Making Difficulties Questionnaire (CDDQ), Teori Pilihan Terapi Realiti dan murid dijelaskan secara konsep dan operasi dalam sub kajian ini.

1.11.1 Modul kelompok dan kaunseling kelompok

Jamaludin (2008) menyatakan modul merupakan perbincangan sesuatu tajuk tertentu yang tersusun dan berurutan yang terdapat dalam satu unit pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, Evi (2020) menjelaskan modul kerjaya adalalah salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran untuk strategi kaunseling kerjaya. Kaunseling kerjaya telah bermula dalam sistem persekolahan sebagaimana Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) meletakkan perkhidmatan bimbingan akademik dan kerjaya di sekolah dilaksanakan dan diperluaskan dengan mementingkan kegiatan-kegiatan bimbingan kerjaya.

Sementara itu, Jones-Smith (2019) menjelaskan tujuan menjalankan kelompok bimbingan bermatlamat pendekatan pencegahan, perkembangan atau pemulihan dalam program dan aktiviti yang dioperasikan. Tambahan pula Tasca, Mikail dan Hewitt (2021) menyatakan pelaksanaan kelompok bimbingan adalah memberi kesedaran dan kemahiran bagi menghalang masalah yang akan berlaku pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun bagi Zuraidah (2010) kelompok bimbingan merupakan aktiviti yang memberi fokus kepada menyediakan dan menyebarkan maklumat melalui aktiviti dalam kumpulan. Di samping itu, Balkin dan Kleist (2022) pula menambah kelompok bimbingan dikendalikan oleh seorang ketua bagi menyampaikan maklumat atau berkongsi pengalaman kepada ahli-ahli seperti gambaran suasana dalam sebuah kelas. Oleh itu, Sommers-Flanagan dan Sommers-Flanagan (2018) menyokong kelompok bimbingan berfungsi secara profesional dalam pembangunan insan.

Seterusnya Benson (2018) menjelaskan walaupun kebiasannya kelompok bimbingan yang terlalu ramai sehingga 20 hingga 40 orang namun ianya memberi kesan terhadap peluang berinterkasi berkurangan dan kaunselor kelompok kurang fokus kepada perkongsian emosi dalam kalangan ahli-ahli kelompok. Oleh itu, Erford (2016) menjelaskan kelompok bimbingan dapat dilaksanakan dengan strategi dua kelompok iaitu kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar. Namun pelaksanaan bergantung kepada matlamat akhir yang ingin dicapai oleh kelompok dengan bercirikan bilangan ahli, kriteria ahli, pendekatan atau teori yang digunakan dalam kelompok bimbingan. Bilangan ahli kelompok bimbingan kecil mempunyai seramai enam hingga lima belas orang. Sementara kelompok bimbingan besar terbentuk apabila melebihi lima belas orang dan boleh mencapai seratus orang ahli atau sehingga tiada bilangan ahli. Manakala Cockrell (2020) pula hampir selari menerangkan bilangan kelompok bimbingan besar dapat dibentuk dengan ahli 15 hingga 40 orang. Pengkaji menggunakan strategi dua kelompok iaitu kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar dijalankan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya Sapora dan Ruhaya (2012) menjelaskan matlamat pelaksanaan kelompok bimbingan adalah beridentitikan peribadi, kerjaya, memberi pertolongan, pendidikan dan vokasional. Terdapat persamaan kelompok bimbingan dengan kaunseling kelompok adalah bertujuan untuk membantu ahli-ahli kelompok tetapi perbezaannya adalah pada perbincangan masalah dan membina kemahiran bagi membuat pertimbangan dan pilihan pada setiap perkembangan hidup ahli-ahli kelompok.

Perbezaan antara modul kelompok dan kaunseling kelompok terletak pada struktur, pendekatan, dan tujuan utamanya. Kedua-dua istilah ini sering digunakan dalam konteks intervensi psikologi atau pendidikan, tetapi mereka mempunyai peranan yang berbeza. Modul kelompok merujuk kepada satu bahan atau rancangan intervensi bertulis yang mengandungi aktiviti-aktiviti terancang, objektif, isi kandungan, dan kaedah pelaksanaan yang digunakan dalam konteks kelompok.Apa beza modul kelompok dengan Kaunseling kelompok. Ciri-ciri modul kelompok digunakan sebagai panduan atau rujukan dalam melaksanakan program secara berkumpulan. Ianya boleh digunakan oleh guru, kaunselor, atau fasilitator Ketika mengendalikan kelompok. Ia juga bersifat struktur yang telah ditetapkan langkah demi langkah. Objektif modul biasanya melibatkan aspek pendidikan, pencegahan, pembangunan sahsiah, atau intervensi ringan. Contoh bagi modul kelompok seperti modul peningkatan motivasi belajar, modul kendiri remaja, modul komunikasi berkesan. Contoh kandungan modul terdiri daripada tajuk sesi, objektif sesi, aktiviti seperti ice breaking, perbincangan, simulasi, refleksi, alat bantu visual atau bahan cetakan dan penilaian kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala kaunseling kelompok ialah satu proses intervensi psikologi yang berlaku dalam satu kumpulan kecil, dikendalikan oleh kaunselor bertauliah, bertujuan membantu ahli kumpulan mencapai kesedaran diri, menyelesaikan masalah, dan meningkatkan kefungsian psikososial. Kelompok ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti bersifat terapeutik dan dinamik. Memberi fokus kepada pengalaman peribadi, emosi, dan pertumbuhan diri. Kaunselor menggunakan teknik kaunseling seperti refleksi, empati, konfrontasi dalam suasana selamat dan sokongan kumpulan. Pemilihan topik lebih mendalam dan sensitif, seperti trauma, tekanan, hubungan keluarga, identiti diri. Kandungannya tiada struktur tetap seperti dalam modul namun lebih kepada mengikut keperluan ahli kumpulan. Terdapat beberapa jenis kelompok seperti kaunseling kelompok perkembangan, kaunseling kelompok sokongan dn kaunseling kelompok terapi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, perbandingan ringkas dapat dinyatakan dalam aspek tujuan, modul kelompok terarah kepada pendidikan atau intervensi ringan namun bagi kaunseling kelompok lebih kepada terapi atau sokongan psikologi. Dalam aspek kandungan, modul kelompok memasukkan aktiviti terancang dalam bentuk modul manakala kaunsleing kelompok pula tidak berstruktur tetap dan fokus kepda isu. Bagi aspek pelaksana modul kelompok dilibatkan guru, fasilitator atau kaunselor sementara kaunseling kelompok pula hanya kaunselor bertauliah sahaja. Modul kelompok memfokuskan kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan pencegahan manakala kaunseling kelompok fokus kepada emosi, tingkah laku dan pertumbuhan diri. Pendekatan bagi modul kelompok terarah kepada aspek struktur dan didaktik namun kaunseling kelompok pula pendekatan tertumpu kepada interaktif dan reflektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Definisi operasional

Dalam konteks kajian ini, pendekatan TPTR telah diasaskan oleh William Glasser dan Robert Wubbolding. Pendekatan TPTR menjadi panduan dalam membimbing murid yang bermasalah dalam kendiri penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Fokus penyelesaian masalah murid dengan merujuk kepada modul kelompok bimbingan TPTR yang dibina berasaskan andaian-andaian terhadap individu tentang tingkah laku manusia dalam pendekatan TPTR. Tingkah laku murid yang bermasalah dalam penerokaan dan kendiri membuat keputusan kerjaya diatasi dengan penyesuaian dengan modul kelompok bimbingan TPTR melalui dunia dalaman (*quality world*), dunia luaran (*real world*), keperluan asas (*basic needs*), R kepada *realationship* iaitu mewujudkan hubungan yang erat, W pula mewakili kepada *wants, needs and perceptions* iaitu meneroka kehendak, keperluan, dan persepsi, D merujuk kepada *doing and directions* iaitu meneroka keseluruhan tingkah laku klien yang melibatkan tingkah laku, pemikiran, perasaan dan fisiologi, E merujuk kepada *evaluation* iaitu membantu menilai tingkah laku dan P mewakili *planning and commitment* plan bertindak dan kerjasama. Pendekataan TPTR dan kelompok bimbingan TPTR hampir semua mempunyai persamaan yang dinyatakan di atas. Terdapat perbezaan pada R iaitu *relationship* merujuk kepada perhubungan antara peserta dan pengendali. Hubungan kedua-dua pihak dalam pendekatan TPTR meliputi semua aspek tingkah laku, pemikiran, perasaan dan fisiologi termasuk objektif yang ingin dicapai bersama yang berbeza dengan bimbingan TPTR yang menfokuskan kepada mencapai objektif yang telah digariskan dalam perencanaan bersama peserta (Ahmad Jazimin, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.2 Kelompok Bimbingan Besar (KBK) dan Kelompok Bimbingan Kecil (KBK)

Berdasarkan pendekatan teori TPTR, pengkaji membina modul kelompok bimbingan TPTR mengikut kesesuaian murid dan latar belakang budaya tempatan. Berdasarkan kajian kepustakaan pembinaan modul, pengkaji merangka pengisian aktiviti-aktiviti kelompok bimbingan kecil (KBK) dan aktiviti-aktiviti kelompok bimbingan besar (KBB) termasuklah lampiran-lampiran aktiviti untuk digunakan dalam pelaksanaan modul kelak.

Definisi operasional

Definisi operasi KBK dalam kajian ini adalah satu model kelompok kecil yang berstruktur. Modul bimbingan TPTR yang dibina dengan menetapkan struktur yang mengandungi bilangan ahli seramai 30 subjek (R1a=10 subjek, R1b=10 subjek, R1c=10 subjek), masa, matlamat dan arahan. Seterusnya, kaunselor mengendalikan KBK melalui model rawatan yang dibina menggunakan pendekatan TPTR. Selain itu, modul kelompok bimbingan TPTR berfokuskan kepada bimbingan meningkatkan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Sebanyak lapan sesi kelompok dengan pengisian 16 aktiviti dan latihan ke arah penstrukturan semula pemikiran dan kemahiran untuk meningkatkan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya ahli KBK.

Dalam kajian ini KBB adalah satu model kelompok bimbingan besar yang berstruktur dan menetapkan ciri yang mengandungi matlamat, tempoh masa, bilangan sesi dan arahan bagi meningkatkan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya ahli KBB. Seterusnya, bilangan ahli yang ramai bersaiz sebuah kelas iaitu 30 orang dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan modul kelompok bimbingan TPTR. KBB dikendalikan oleh seorang kaunselor menggunakan modul kelompok bimbingan TPTR yang merangkumi aktiviti dan latihan ke arah penstrukturan semula pemikiran dan kemahiran bagi mencapai peningkatan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya ahli KBB.

1.11.3 Penerokaan kerjaya

Stumpf (1987) menyatakan tingkah laku penerokaan memberi maksud seseorang meneroka persekitaran dan diri, cara seseorang meneroka, jumlah penerokaan yang diperolehi, kekerapan meneroka, jumlah maklumat dan bidang utama yang diterokai. Ia juga merupakan proses kompleks melibatkan diri, pengetahuan persekitaran dan matlamat kerjaya. Menurut Jiang et.al (2019) menjelaskan konsep penerokaan merujuk kepada kesediaan untuk mencari maklumat. Murid bersedia menggunakan sumber-sumber maklumat seperti ibu bapa, orang rapat dengannya, adik beradik, rakan, guru, kaunselor, bahan bacaan, cerita filem yang di selidikinya. Selain kesediaan, penerokaan juga berkait dengan berapa banyak maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber yang diselidiki. Oleh itu, tingkah laku penerokaan merujuk kepada sikap murid dalam mencari maklumat dan sejauhmana maklumat diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Definisi operasional

Dalam kajian ini, penekanan penerokaan kerjaya terhadap kaedah dan cara yang dilakukan oleh murid untuk mengetahui tentang maklumat kerjaya. Dengan itu, penerokaan kerjaya mengfokuskan kepada tingkah laku sepanjang proses-proses yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilalui dalam sesi penerokaan daripada modul kelompok bimbingan TPTR. Selain itu juga, penerokaan kerjaya juga melibatkan aspek penetapan matlamat kerjaya dan bagaimana seseorang murid melihat ke arah masa depan. Dengan tujuan tersebut penggunaan pengukuran secara soal selidik *Career Exploration Survey-Revised* (CESR) digunakan.

Career Exploration Survey - Revised (CES-R) dikembangkan dari *Career Exploration Survey* (CES) yang pertama kali dirancang oleh Stumpf, Colarelli, dan Hartman pada tahun 1983. Versi awal dari CES merupakan alat ukur yang sangat berpengaruh dalam kajian penerokaan kerjaya dan telah digunakan secara luas dalam penyelidikan dan pengembangan intervensi kerjaya. Versi Asli oleh Stumpf, S. A., Colarelli, S. M., dan Hartman, K. (1983) dalam *Development of the Career Exploration Survey* (CES), *Journal of Vocational Behavior, 22(2), 191–226*. Manakala Versi Revisi (CES-R) yang telah direvisi yang dikenali sebagai *Career Exploration Survey-Revised* (CES-R) telah diubahsuaikan dalam berbagai penyelidikan lanjutan untuk menyesuaikan dengan konteks populasi atau budaya tertentu. Salah satu contoh pengembangan ulang CES dapat ditemukan dalam Nasta, K. A. (2007). *Influence of career self-efficacy beliefs on career exploration behavior*. SUNY Master's Thesis. Dalam tesis ini, beliau mengembangkan versi yang direvisi dari CES dengan menambahkan dimensi baru yang berkaitan dengan *self-efficacy* dalam penerokaan kerjaya. Kesimpulannya, *Career Exploration Survey - Revised* merupakan hasil pengubahsuaian dari instrumen asli CES yang dikembangkan oleh Stumpf et.al.(1983) dan berbagai versi yang disemak atau adaptasi yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lain seperti Nasta (2007) untuk konteks atau tujuan penyelidikan tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.4 Membuat keputusan kerjaya

Kerjaya merupakan bidang keseluruhan pekerjaan yang dialami seseorang sepanjang hayat. Ginevra, Nota dan Ferrari (2015) mendefinisikan kerjaya sebagai kebolehan diri untuk menggerakkan sumber kognitif, motivasi dan kaedah yang dianggap sesuai dan utama mengikut matlamat tugasan. Sementara itu Savickas (2020) pula berpendapat kerjaya sebagai kebolehan yang memberikan hasil tindakan yang berkesan. Sebalikya Patton dan McMahon (2021) mendefinisikan kerjaya suatu kebolehan yang dimilikinya dan menjadikan kebolehan dirinya penyebab kepada seseorang untuk bertindak lebih baik dan tepat.

Selanjutnya Edralin (2019) merujuk kepada membuat keputusan kerjaya sebagai seseorang memilih laluan kerjaya atau pengkhususan pengajian. Manakala Ireland dan Lent (2018) memberikan membuat keputusan kerjaya dengan merujuk kepada murid yang berkebolehan menyelesaikan tugasan yang diperlukan dalam sesuatu kerjaya yang diceburi. Justeru itu, membuat keputusan kerjaya sebagai seseorang mencapai tingkah laku dan tugasan berkaitan dengan membuat keputusan dalam bidang kerjayanya.

Manakala McDonald dan Hite (2023) pula menjelaskan kerjaya meliputi pelaksanaan secara berterusan hasil gabungan membuat keputusan sepanjang hayat seseorang. Oleh itu, kerjaya sebagai gabungan ekonomi, sosiologi, psikologi, pendidikan, fizikal dan peluang mencipta sebuah kerjaya. Dengan itu, kerjaya adalah persediaan sebelum seseorang menceburi dunia pekerjaan dengan menjawat jawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan berperanan pula selepas bersara. Manakala Gati, Levin dan Landman-Tal (2019) pula menyatakan kerjaya merupakan kebolehan individu dalam melaksanakan tugasan yang baharu dan sukar atau menghadapi kesukaran dalam pelbagai lapangan dalam kehidupan.

Definisi operasional

Dalam kajian ini, penggunaan soal selidik membuat keputusan kerjaya merujuk kepada soal selidik *Career Decision Difficulties Questionaires* (CDDQ) yang dibina oleh Gati, Krausz dan Osipow (1996). Penggunaan soal selidik CDDQ untuk melihat kesan kebimbangan kerjaya dan membantu untuk mengatasi kesukaran dalam membuat keputusan adalah antara teras kaunseling kerjaya. CDDQ berdasarkan kepada taksonomi kesukaran membuat keputusan kerjaya yang dicadangkan oleh Gati et. al. (1996). Kemudian dikembangkan menjadi satu kaedah untuk individu yang sukar mencari kerjaya dan menjadi langkah awal dalam menyediakan keperluan sebagai bentuk bantuan dalam membuat keputusan kerjaya. Rangka kerja pembinaan CDDQ berdasarkan pendekatan membuat keputusan bagi mencirikan kesukaran membuat keputusan kerjaya individu. Terdapat tiga kategori utama kesukaran dan dibahagikan kepada 10 kategori kesukaran tertentu. Kategori kesukaran dalam kekurangan motivasi untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan kerjaya, kekurangan kebiasaan yang umum, dan kepercayaan yang tidak berfungsi tentang membuat keputusan kerjaya. Kekurangan maklumat yang melibatkan proses membuat keputusan kerjaya, kekurangan maklumat tentang diri, kekurangan maklumat tentang pelbagai pekerjaan, kekurangan maklumat tentang cara mendapatkan maklumat tambahan dan maklumat yang tidak boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.5 Status Sosioekonomi (SES)

Definisi SES bergantung pada konteks penggunaannya, tetapi secara umum, SES adalah singkatan bagi Status Sosioekonomi (*Socioeconomic Status*). Status Sosioekonomi (SES) merujuk kepada kedudukan seseorang atau sesuatu kumpulan dalam masyarakat berdasarkan gabungan pendapatan, pendidikan, dan pekerjaan. Ia digunakan untuk mengukur tahap kesejahteraan ekonomi dan sosial seseorang individu, keluarga, atau komuniti. Terdapat tiga komponen utama SES iaitu pendapatan mengenai tahap kewangan seseorang atau isi rumah, pendidikan merupakan tahap kelayakan akademik atau pendidikan yang dimiliki dan pekerjaan iaitu jenis dan kedudukan pekerjaan dalam hierarki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

<u>Definisi operasional</u>

Pertama iaitu pendapatan mengenai tahap kewangan seseorang atau isi rumah. Pendapatan merujuk kepada jumlah wang atau sumber kewangan yang diterima oleh seseorang individu atau isi rumah dalam tempoh tertentu seperti bulanan atau tahunan. Ia boleh juga datang dari pelbagai sumber seperti gaji, keuntungan perniagaan, pencen, pelaburan, bantuan kerajaan, atau elaun. Fungsinya dalam SES adalah penunjuk utama kemampuan seseorang untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan dan pakaian, tempat tinggal yang selesa, akses kepada pendidikan dan penjagaan Kesihatan, kemudahan gaya hidup dan keselamatan kewangan. Contohnya seseorang individu A berpendapatan RM2,000 sebulan dan menyewa bilik kecil di bandar. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu B berpendapatan RM10,000 sebulan, memiliki rumah sendiri dan boleh menyimpan serta melabur. Maka hubungan dengan SES lebih tinggi pendapatan seseorang, biasanya lebih tinggi juga status sosioekonomi mereka. Namun, ia perlu dilihat bersama pendidikan dan pekerjaan untuk penilaian yang lebih menyeluruh.

Bagi yang kedua pula iaitu pendidikan merupakan tahap kelayakan akademik atau pendidikan yang dimiliki. Pendidikan merujuk kepada tahap pembelajaran formal yang telah dilalui oleh seseorang individu, seperti tiada pendidikan formal, sekolah rendah, sekolah menengah, Sijil atau Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana atau PhD. Pendidikan berfungsi dalam SES dan memainkan peranan penting dalam membentuk status sosioekonomi seseorang. Ini kerana ia meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan stabil. Ia juga mempengaruhi tahap pendapatan jangka panjang. Ianya juga memberi kesan kepada cara seseorang berfikir, membuat keputusan, dan mengakses maklumat. Sebagai contoh individu A hanya tamat sekolah rendah dan bekerja dalam sektor buruh am. Manakala individu B memiliki ijazah sarjana dan bekerja sebagai pengurus dalam sebuah syarikat multinasional. Dalam hubungan dengan SES tahap pendidikan yang lebih tinggi biasanya dikaitkan dengan pendapatan yang lebih tinggi dan pekerjaan berstatus tinggi, justeru meningkatkan status sosioekonomi keseluruhan.

Manakala yang ketiga ialah pekerjaan iaitu jenis dan kedudukan pekerjaan dalam hierarki sosial. Pekerjaan merujuk kepada jenis kerja yang dilakukan oleh seseorang serta kedudukannya dalam struktur sosial dan ekonomi. Ia merangkumi aspek seperti tahap kemahiran yang diperlukan, kestabilan pekerjaan, tanggungjawab dan pengaruh dalam masyarakat. Jenis pekerjaan berfungsi dalam SES dan memainkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peranan penting dalam menentukan pendapatan yang diperoleh seperti gaji tetap, elaun, bonus dan sebagainya. Status sosial dalam komuniti seperti doktor, guru, buruh am. Termasuk juga iaitu akses kepada sumber dan peluang seperti insurans, pencen, dan kemudahan syarikat. Situasi kepada pekerjaan contohnya individu A bekerja sebagai buruh binaan dengan pendapatan harian dan tiada jaminan pekerjaan tetap. Sementara individu B bekerja sebagai jurutera profesional dengan gaji bulanan tetap dan manfaat syarikat. Maka hubungan dengan SES pekerjaan yang lebih berstatus tinggi dari segi kemahiran, tanggungjawab dan kestabilan biasanya membawa kepada pendapatan lebih tinggi dan pengiktirafan sosial yang lebih besar, sekaligus meningkatkan status sosioekonomi seseorang. Oleh yang demikian kepentingan SES akan dapat menilai tahap kemiskinan dan ketaksamaan dalam masyarakat. Selain itu dapat menentukan akses kepada peluang pendidikan, penjagaan kesihatan, dan pekerjaan. Manakala yang lainnya dapat mengkaji jurang sosial dan merangka dasar awam untuk memperbaiki kesejahteraan rakyat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.6 Murid

Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) mentakrifkan murid sebagai individu yang sedang belajar di sekolah dengan menerima ilmu dan pendidikan yang diajar oleh guru secara formal. Murid sekolah terdiri daripada dua buah kategori iaitu rendah dan menengah. Pendidikan menengah merupakan tahap kedua peringkat pendidikan formal selepas peringkat asas pendidikan di peringkat rendah dengan diperkukuhkan sebagai persediaan untuk menghadapi pendidikan tinggi atau vokasional. Kurikulum yang seragam diaturkan bagi memastikan pembelajaran yang konsisten. Persekolahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menengah bermula umur 13 tahun dengan pembelajaran selama enam tahun. Pembelajaran murid dinilai melalui peperiksaan bagi mengukur prestasi mereka.

Definisi operasional

Merujuk kepada kajian ini, murid tingkatan empat yang terpilih daripada dua buah sekolah sekolah menengah harian di Hulu Terengganu. Ciri-ciri pemilihan murid hampir serupa berdasarkan latarbelakang pendidikan tingkatan empat, akademik rendah dan sederhana dalam pencapaian peperiksaan terkini tingkatan 3. Manakala latar belakang keluarga pula terdiri murid sosioekonomi (SES) yang rendah dan sederhana. Mereka berada dalam lingkungan kategori keluarga B40.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.7 *Career Decision-Making Difficulties Questionnaire* (CDDQ)

Menurut Gati, Krausz, dan Osipow (1996), membuat keputusan kerjaya secara konseptual didefinisikan sebagai suatu proses sistematik yang melibatkan pengenalpastian, penilaian, dan pemilihan antara beberapa alternatif kerjaya berdasarkan maklumat yang relevan, nilai peribadi, dan matlamat jangka panjang individu. Membuat keputusan kerjaya bukan tindakan spontan tetapi melalui langkah-langkah terancang seperti mengenal pasti pilihan, menilai maklumat, dan memilih dengan bijak. Individu perlu tahu apa pilihan yang ada dan menilai setiap satu dari segi kelebihan dan kekurangannya. Keputusan dibuat berdasarkan data sebenar seperti maklumat kerjaya, kelayakan pendidikan, potensi pasaran kerja, dan sebagainya. Nilai seperti minat, gaya hidup, keselamatan kerja, dan pencapaian peribadi menjadi asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting dalam pemilihan. Kekuatan Model Gati, Krausz dan Osipow (1996) ialah menggabungkan aspek kognitif dan emosi dalam proses membuat keputusan. Ia juga memberi perhatian kepada kesukaran yang dihadapi individu, lalu membina alat (CDDQ) untuk mengukurnya. Ditambah pula dengan menekankan kesiapsiagaan individu, bukan hanya faktor luaran.

Definisi operasional

Definisi operasional membuat keputusan kerjaya oleh Gati, Krausz, dan Osipow (1996) merujuk kepada proses yang melibatkan pemilihan pilihan kerjaya secara sistematik berdasarkan informasi yang relevan, kejelasan matlamat, dan kemampuan individu untuk membuat keputusan yang rasional. Menurut Gati, Krausz, dan Osipow (1996), membuat keputusan kerjaya bukan sekadar memilih pekerjaan secara rawak, tetapi melibatkan komponen-komponen penting seperti mengenalpasti pilihan kerjaya yang sesuai, pengumpulan maklumat berkaitan diri sendiri dan peluang kerjaya, penilaian alternatif secara logik dan rasional, pemilihan pilihan terbaik berdasarkan maklumat yang ada, dan pelaksanaan keputusan dan kesediaan menghadapi hasilnya. Mereka juga membangunkan *Career Decision-Making Difficulties Questionnaire* (CDDQ) untuk menilai kesukaran yang dialami individu dalam membuat keputusan kerjaya, yang memberi fokus kepada tiga kelompok utama kesukaran iaitu kurangnya kesiapsiagaan (*Lack of Readiness*), Kekurangan maklumat (*Lack of Information*) dan Maklumat yang tidak konsisten (*Inconsistent Information*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Career Decision-Making Difficulties Questionnaire (CDDQ) ialah alat psikometrik yang dibangunkan untuk mengenal pasti jenis-jenis kesukaran yang dialami oleh individu ketika membuat keputusan kerjaya. Ia bertujuan untuk membantu kaunselor memahami halangan dalaman atau luaran yang mengganggu proses pemilihan kerjaya yang rasional. CDDQ mengenal pasti tiga kategori utama kesukaran iaitu *Lack of Readiness* (Kurang Kesiapsiagaan). Ianya berlaku sebelum proses membuat keputusan bermula. Sebagai contoh tiada motivasi, kekeliruan identiti, pengaruh luar yang tidak sihat. Bagi *Lack of Information* (Kekurangan Maklumat) ianya berkaitan dengan maklumat yang tidak mencukupi tentang diri sendiri (minat, nilai, kekuatan), pilihan kerjaya yang ada, dan kaedah mendapatkan maklumat. Sementara itu, bagi kesukaran *Inconsistent Information* (Maklumat Tidak Konsisten) berlaku apabila maklumat yang diterima bercanggah atau sukar ditafsir. Contohnya konflik antara kehendak diri dan harapan keluarga, terlalu banyak pilihan, atau ketakutan membuat keputusan yang salah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.8 Teori Pilihan Terapi Realiti

Teori Pilihan Terapi Realiti adalah dua pendekatan psikologi yang sangat berkait rapat, keduanya dikembangkan oleh William Glasser (1998), namun memiliki fokus dan aplikasi yang berbeza. Teori Pilihan adalah asas falsafah psikologi Glasser. Teori pilihan adalah falsafah yang menerangkan bagaimana dan mengapa manusia berkelakuan dalam usaha mereka untuk memenuhi lima keperluan asas yang semula jadi. Ciri-ciri utama bagi menjelaskan bahawa semua tingkah laku adalah pilihan, dan kita mempunyai kawalan terhadapnya. Ia menyatakan bahawa semua tindakan manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah usaha untuk memenuhi lima keperluan asas iaitu *survival* (kelangsungan hidup), *love and belonging* (kasih sayang dan rasa dimiliki), *power* (kawalan atau dikuasai), *freedom* (kebebasan) dan *fun* (kesenangan). Ia juga menekankan bahawa masalah psikologi berlaku apabila seseorang tidak dapat memenuhi keperluan asas ini dengan cara yang berkesan. Fokusnya adalah memberikan pemahaman teori tentang bagaimana manusia berfikir, merasa, dan bertindak. Ia adalah asas kepada pelbagai pendekatan termasuk pendidikan, perniagaan, dan kaunseling.

Terapi Realiti adalah aplikasi praktikal Teori Pilihan. Definisi Terapi Realiti adalah kaedah kaunseling yang dibina berdasarkan prinsip-prinsip Teori Pilihan. Ia digunakan untuk membantu individu membuat pilihan yang lebih baik dan lebih bertanggungjawab dalam hidup mereka. Ciri-ciri utama difokuskan kepada kini dan masa depan, bukan masa lalu. Ia menekankan pertanggungjawaban peribadi yang mana klien diajar untuk mengawal pilihan sendiri dan memperbaiki hubungan penting. Terapi ini tidak menumpukan kepada simptom, seperti kemurungan atau kecemasan, tetapi pada kelakuan semasa dan pilihan yang dibuat. Terapis akan menolong klien menjawab soalan seperti "Apa yang kamu mahu?" "Apa yang kamu sedang buat sekarang?" "Adakah cara ini membantu kamu?" dan "Apa pilihan lain yang kamu ada?". Fokus terapi ini sangat praktikal dan berorientasikan penyelesaian yang digunakan secara langsung dalam sesi terapi untuk membantu perubahan tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Definisi operasional

Bagi memahami perbezaan di antara gabungan perkataan dengan tidak bergabung perkataan tersebut, dijelaskan secara ringkas berkenaannya. Teori Pilihan adalah Teori Psikologi oleh William Glasser. Teori ini menjadi asas kepada Terapi Realiti. Ia menjelaskan mengapa manusia berkelakuan seperti yang mereka mahu lakukan. Ia juga menekankan bahawa semua tingkah laku adalah pilihan untuk memenuhi lima keperluan asas psikologi iaitu cinta dan rasa dimiliki, kuasa dan pencapaian, kebebasan, kesenangan dan kelangsungan hidup. Terapi Realiti merupakan kaedah Kaunseling yang berdasarkan Teori Pilihan. Ia memfokuskan kepada sesi terapi atau kaunseling. Terapi ini digunakan untuk membantu individu mengenal pasti apa yang mereka inginkan, apa yang mereka lakukan sekarang dan sama ada perbuatan mereka membantu atau tidak. Terapis membantu klien mengambil tanggungjawab dan buat pilihan yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) pula adalah gabungan nama untuk pendekatan keseluruhan. Ianya bukan teori atau terapi yang berbeza. Istilah ini kebiasaannya digunakan dalam bidang pendidikan, kaunseling, dan psikologi untuk merujuk kepada secara keseluruhannya pendekatan Glasser yang merangkumi teori dan praktik. TPTR digunakan secara meluas dalam pendidikan, rehabilitasi dan pengurusan tingkah laku untuk menggabungkan falsafah dan teknik bersama. Kesimpulannya, analogi mudah untuk memahami TPTR adalah komponen Teori Pilihan yang berfungsi sebagai falsafah atau teori dianalogikan kepada sebuah peta sebagai penunjuk arah. Manakala komponen Terapi Realiti pula berfungsi sebagai kaedah atau amalan yang dianalogikan sebuah kereta yang membawa penumpang ke satu destinasi. TPTR pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berfungsi sebagai gabungan keseluruhan yang dapat dianalogikan kepada gabungan sebuah peta dengan sebuah kereta yang menjadikan dan membawa kepada suatu keseluruhan perjalanan.

1.12 Rumusan

Keseluruhan perbincangan bab satu meliputi aspek pengenalan, latar belakang, penyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian dan definisi konsep. Rumusan bab satu membincangkan kajian yang dijalankan secara eksperimen quasi untuk melihat kaedah modul kelompok bimbingan pendekatan teori TPTR memberi kesan kepada tingkah laku penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan kelemahan tingkah laku tersebut dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Oleh itu, kelompok bimbingan modul TPTR menjadi salah satu usaha mengisi ruang pendidikan kerjaya kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ini perbincangan menyentuh tentang kajian kepada teori yang dijadikan panduan menjalankan kajian. Teori yang diambil bagi perbincangan kajian ini terdiri teori TPTR iaitu mengenai modul kelompok bimbingan, teori yang berkaitan penerokaan kerjaya dan teori mengenai membuat keputusan kerjaya. Perbincangan juga membincangkan kajian lepas tentang kelompok bimbingan dan TPTR, penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah. Pengkaji menghuraikan kajian lepas berdasarkan kajian oleh pengkaji-pengkaji yang lepas diperingat tempatan dan luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Pendekatan teori

Dalam kajian ini terdapat tiga pendekatan yang digunakan bagi menerangkan dan menyokong mengenai pemboleh ubah yang dikaji. Teori yang dipilih adalah teori TPTR bagi huraian pemboleh ubah kelompok bimbingan. Manakala pendekatan kerjaya yang menghuraikan mengenai pemboleh ubah yang dikaji iaitu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya.

2.2.1 Teori Pilihan Terapi Realiti (*Choice Theory Reality Therapy*)

Teori ini diasaskan oleh William Glasser seorang psikologi klinikal yang lahir di Cleveland Ohio pada 11 Mei 1925. Beliau berpendapat keperluan asas manusia dapat difahami melalui penggunaan *Choice Theory* (Glasser, 2000). Sementara itu, *Reality Therapy* merupakan strategi kaunseling bagi membantu manusia berasaskan kepada WDEP yang diperkenalkan oleh Glasser dan Wubbolding. Setiap huruf mewakili perkataan yang merujuk W kepada *want, needs, and perceptions* (kehendak, keperluan dan persepsi). Bagi D merujuk kepada *direction and doing* (terarah dan melakukan). Manakala E mewakili kepada *evaluation* (penilaian). Terakhir P merujuk kepada *planning and commitment* (pelan bertindak dan komited) (Wubbolding, 2000).

TPTR digunakan sebagai asas falsafah kepada kajian ini. Teori ini menekankan kepada pendekatan kognitif dan kemanusiaan yang berpendapat tingkah laku manusia berasal sepenuhnya daripada dunia dalaman dirinya sendiri. Kenyataan pendapat tersebut daripada buku *Quality School Education and Lead Management* oleh Glasser

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mengambil pendapat asal Teori Kawalan *(Control Theory)* yang menegaskan bahawa tingkah laku manusia digerakkan dari dalam diri seseorang dan maklumat merupakan sesuatu yang diperolehi daripada luar diri seseorang. Selain itu, teori ini juga menjelaskan fungsi otak manusia yang mempengaruhi persepsi dalam diri seseorang. Fokus penekanan teori ini kepada konteks perbincangan yang lebih realiti. Oleh itu, seseorang perlu bertanggungjawab kepada tingkah laku yang dipilih dan tidak mengambil kira tingkah laku yang telah berlaku. Dengan itu, seseorang mempunyai pilihan terhadap tingkah laku yang membantu dirinya bagi memenuhi keperluan pada masa sekarang dan akan datang.

Seterusnya fokus teori ini juga kepada konsep dan idea yang seseorang bertanggungjawab terhadap tingkah lakunya. Oleh itu, menurut Glasser (1998) masalah manusia berpunca daripada keperluan asas mereka tidak dipenuhi. Beliau menyatakan keseluruhan tingkah laku seseorang dipandukan daripada keperluan asas yang merangkumi aspek fisiologi dan psikologi. Keperluan fisiologi iaitu *survival* dan keperluan psikologi terdiri daripada *love, power, freedom* dan *fun*. Oleh itu, asas keperluan yang lima ini perlu dipenuhi bagi membolehkan seseorang membuat pilihan dan bertanggujawab ke atas pilihannya. Dengan itu, tanggungjawab akan menjadikan seseorang berupaya memenuhi dan bersedia dengan cabaran dan halangan bagi mencapai keperluannya. Begitu juga tingkah laku seseorang berdasarkan keinginan dalamannya yang berasaskan lima keperluan. Dengan itu seseorang dapat mengawal dengan berkesan kehidupannya setelah bersedia dan berusaha mencapai matlamat diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Reality Therapy oleh William Glasser (1950) dikenali berdasarkan daripada *Choice Theory*. *Reality Therapy* dikembangkan bersama Glasser seperti Wubbolding, Brickell memfokuskan konsep kehidupan manusia yang memerlukan kasih, kegembiraan, kebebasan, kekuasaan, kelangsungan hidup untuk meneruskan kehidupan ke dalam dunia yang berkualiti. Terapi ini menggunakan pendekatan kognitif dan kemanusiaan.

Satu pendekatan yang mendorong seseorang melihat kepada realiti yang sebenar. Seseorang bertanggungjawab terhadap tingkah laku yang dipilih. Dengan itu, seseorang mampu menilai secara realiti tingkah laku sama ada apa yang telah dilakukan atau apa yang telah terjadi. Ini adalah kerana seseorang memilih tingkah laku yang membantu memenuhi keperluan pada masa kini dan masa hadapan. Secara nyata seseorang berhadapan dengan keperluan yang digerakkan oleh keperluan psikologi seperti menyayangi dan disayangi, pencapaian harga diri, pembentukan identiti sama ada membentuk identiti kejayaan atau identiti kegagalan.

Terapi ini bermanfaat kepada konsep keseluruhan tingkah laku (*total behavior*) yang merangkumi tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi dengan menggunakan kaedah akronim *WDEP*. *W* memerlukan penerokaan kehendak, keinginan persepsi seseorang dan komitmen untuk berubah. Bagi *D* pula membantu seseorang dengan meninjau tahap kemampuan melakukan tingkah laku bagi mencapai matlamatnya. Manakala *E ,* menilai terhadap pilihan seseorang yang tentukan sendiri. Dan *P* bagi perancangan yang akan dilakukan seseorang bagi memenuhi segala matlamat yang dinginkan (Glasser, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Keperluan asas (*Basic needs*)

Glasser (1998) berpendapat masa sekarang sangat berharga dan masa lepas tidak memberi manfaat. Beliau juga menolak konsep mimpi dan ego. Pendapat beliau disokong Wubbolding (2000) yang mimpi tidak dapat kawal. Setiap manusia mempunyai rasa keinginan yang memenuhi keperluan asas. Glasser menekan prinsip manusia melihat dunia melalui keperluan asas iaitu menyayangi dan disayangi, kegembiraan, kebebasan, kekuasaan dan kelangsungan meneruskan kehidupan. Oleh itu manusia mempunyai kebebasan dan membuat pilihan yang merangkumi komponen *doing, thinking, feeeling* dan *physiology* iaitu melibatkan aspek dalaman diri manusia yang terdiri daripada fizikal dan psikologi. Dengan itu manusia bertanggungajawab terhadap pilihannya yang diingini, difikirkan dan dirasai dan dialaminya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keperluan asas fizikal manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti makan, minum, dan tidur. Dengan itu, seseorang inginkan keselesaan, makanan dan kewangan yang mencukupi, kesihatan yang baik, kemudahan tempat tinggal yang selamat, seksual dan sanggup mengambil risiko. Selain itu juga manusia memerlukan kasih sayang dan disayangi untuk menjalinkan hubungan dengan orang sekeliling dan diterima dalam sebuah kumpulan. Memiliki perasaan cinta dan intim, dan rasa dipunyai oleh rakan dan orang sekeliling. Dengan itu mereka berhubung dengan keluarga dan rakan (Glasser, 1998; Ahmad Jazimin, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuasa merupakan keperluan kendiri yang berkait penghargaan, dihargai dan bersaing. Sesorang suka dilihat sebagai orang penting dan diterima oleh keluarga dan rakan. Dengan memiliki kemahiran, kecekapan dan ingin bersaing, dihargai, berfaedah pada orang lain, dan merasa diri bernilai serta berjaya melakukan sesuatu. Manakala seseorang yang mempunyai kebebasan apabila dapat memilih dan membuat keputusan apa yang terbaik seseorang inginkan dalam hidup. Ia meliputi sifat kreatif, inovatif, memiliki idea bebas memilih, berketrampilan kepimpinan dan bekomunikasi interpersonal. Keseronokan pula adalah keperluan psikologi untuk gembira, ketawa, bermain, belajar tentang sesuatu yang menyeronokkan, mempunyai hobi dan aktiviti yang disukai dan humor (Glasser, 1998).

2.2.3 Apa yang individu inginkan (*Quality world)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seseorang cenderung membentuk tingkah laku berkesan atau tingkah laku tidak berkesan dengan pilihannya iaitu melalui *choice theory* seseorang mempunyai pilihan ke arah kejayaan atau kegagalan. Keperluan asas menentukan apa yang seseorang inginkan (*quality world)*. Oleh itu masalah atau konflik (*quality world*) timbul apabila keinginan seseorang tidak dapat memenuhi atau tidak sama dengan apa yang dingini *(perceived world)*. Dengan itu berlaku kesakitan *(painful*) dan keseronokan *(pleasure)* melalui skala imbangan *(comparing scale).* Justeru mempengaruhi tingkah laku keseluruhan *(total behavior)* meliputi aspek tingkah laku, pemikiran, perasaan, fisiologi. Keperluan asas membantu seseorang melihat secara objektif pembentukan sesuatu personaliti seseorang dan personaliti berjaya atau gagal. *Reailty Therapy*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyediakan kaedah membantu seseorang membina kekuatan psikologi untuk menilai dan menghargai tingkah laku semasa.

2.2.4 Keseluruhan tingkahlaku *(Total behavior)*

Menurut Glasser (1998), tingkah laku keseluruhan menyumbang ke arah pembentukan identiti yang berjaya atau identiti gagal. Pembentukan identiti gagal terjadi apabila seseorang gagal memenuhi prinsip keperluan asasnya dengan cara bertanggungjawab. Seseorang yang gagal akan merasakan kecewa dalam kehidupan. Oleh itu, dia menafikan kegagalan yang dihadapi untuk mengurangkan derita yang dihadapi. Akibatnya seseorang memilih simptom negatif yang membawa tingkah laku yang tidak efektif. Lalu dia tidak bertanggungjawab setelah emosi dan fikiran terganggu. Dengan itu, realiti terapi membantu seseorang yang gagal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5 Tingkah laku berkesan dan tingkah laku tidak berkesan

Terdapat tiga peringkat seseorang mempunyai tingkah laku tidak berkesan menurut Glasser dan Wubbolding (1995). Pertama, berputus asa bermaksud seseorang mempunyai persepsi putus harapan setelah tiada jalan penyelesaian atau tidak mencapai matlamat terhadapa masalah yang dialaminya. Kedua, peringkat seseorang memilih simptom negatif akibat daripada perasaan berputus asa. Seseorang melibatkan diri dalam kegiatan bersifat anti sosial dan tidak berfaedah. Justeru, seseorang yang cenderung ke arah kecelaruan psikologi bersifat psikosomatik (Gilliland dan James,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1998). Peringkat ketiga pula, seseorang akan melibatkan diri dalam semua kegiatan tidak berfaedah iaitu pergantungan yang negatif. Dengan itu fikiran dan perasaan seseorang menyatakan kegiatan yang tidak memberi kepuasan kepada dirinya. Oleh itu tanggapan salah ini berterusan sehingga membentuk delusi dalam dirinya.


Manakala tingkah laku berkesan mempunyai tiga peringat juga. Pertama seseorang telah menyempurnakan kehendaknya tanpa menjejaskan keperluan orang lain. Peringkat kedua pula seseorang melakukan kegiatan secara konstruktif dengan beramal baik, befikiran positif, mempunyai keyakinan diri, mempnyai kesungguhan diri dan menjaga fisiologi secara berkesan. Peringkat terakhir, seseorang bergantung kepada kegiatan yang membina iaitu merasa tidak selasa dan gelisah jika seseorang tidak melaksanakan aktiviti yang memberi kepuasan kepada diri seperti membaca, berlari, berjoging, bersukan dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.1

Kerangka teori TPTR



Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Jazimin (2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.6 Prosedur WDEP

WDEP adalah pendekatan yang dikenalkan oleh William Glasser dalam Teori Pilihan *(Choice Theory)* yang menekankan bagaimana individu membuat keputusan dan memilih tindakan berdasarkan kehendak, keperluan, dan keinginan mereka. WDEP adalah akronim untuk *Wants, Doing, Evaluation,* dan *Planning,* dan ia digunakan untuk membantu individu menyusun dan menilai pilihan mereka dalam kehidupan, termasuk dalam konteks kerjaya dan pembentukan keputusan. *Wants* (Keinginan), bahagian ini merujuk kepada apa yang individu inginkan atau perlukan dalam kehidupan mereka. Dalam konteks kajian kerjaya, ini boleh merangkumi aspirasi kerjaya, nilai peribadi, dan harapan mengenai gaya hidup atau impian profesional mereka. *Doing* (Melakukan) merujuk kepada tindakan atau perlakuan individu yang membawa mereka lebih dekat atau lebih jauh daripada pencapaian matlamat mereka. Dalam konteks kerjaya, ia termasuk aktiviti yang sedang dilakukan untuk mencapai objektif kerjaya, seperti pembelajaran, kerja sukarela, atau pengalaman yang berkaitan dengan kerjaya.

Evaluation (Penilaian), di sini individu menilai keputusan dan tindakan mereka untuk melihat sama ada mereka berada di jalur yang betul. Ini termasuk mengkaji semula keputusan kerjaya yang dibuat, melihat hasil daripada tindakan yang diambil, dan menilai sama ada mereka memenuhi keinginan mereka. *Planning* (Perancangan), berdasarkan penilaian, individu merancang langkah seterusnya. Ini termasuk menyusun strategi dan tindakan yang akan diambil untuk memenuhi keinginan dan matlamat kerjaya mereka di masa depan (William Glasser Institute, 2023). Kesimpulan, pendekatan WDEP dalam Teori Pilihan oleh William Glasser tetap relevan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks kajian kerjaya, kerana ia membantu individu mengenal pasti matlamat kerjaya mereka, menilai tindakan yang diambil untuk mencapainya, dan merancang langkah seterusnya dengan bijak. Pendekatan ini menekankan keperluan penyesuaian dalam membuat keputusan kerjaya, yang sangat berguna dalam dunia yang berubah dengan cepat (Fisher, 2013).


Terdapat empat aspek penting menurut Wubbolding (2017) terdiri empat aspek perlakuan iaitu tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi. WDEP sebuah model ke arah yang positif dan proses penerokaan bermula dengan prosedur WDEP. Aspek penting adalah tindakan kerana individu digalakkan untuk meneroka perlakuan lain yang boleh dilakukan. Oleh itu perancangan yang realistik dan mudah adalah wajar dilakukan kerana perancangan yang baik mempunyai pembahagian kepada unit-unit yang kecil. Dengan unit yang kecil memudahkan dilaksanakan pada hari yang ditentukan dengan menetapkan perkara, masa, tempat dan kekerapan yang perlu dilakukan. Peringkat tindakan perancangan merupakan yang paling penting dalam prosedur kaunseling terapi ini. *WDEP* merujuk kepada *W want, needs, and perception* (kehendak, keinginan dan persepsi), *D* merujuk kepada *direction and doing* (terarah dan lakukan) manakala *E* merujuk kepada *evaluation (penilaian)* dan *P* merujuk kepada *planning and commitment* (pelan bertindak dan komited). Rajah 2.2 menujukkan prosedur WDEP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.2

Prosedur dalam Reality Therapy berfokus WDEP



Sumber : William Glasser Institute (2023). *Reality Therapy and Choice Theory*. Glasser Institute.

Tahap pertama *W* merujuk kepada kehendak seseorang yang terdapat dalam dunia kualiti mereka (*quality world).* Mereka dibantu mengenalpasti tingkah laku yang diingini sama ada selari dengan apa yang digambarkan. Kehendak, keinginan, dan persepsi diteroka bagi mengetahu keutamaan terhadap keinginannya. Kepekaan kepada kehendak dan matlamat seseorang difokuskan ketika dalam sesi. Termasuk meneroka keperluan asas psikologinya sudah dipenuhi seperti keperluan, menyayangi, kuasa, kegembiraan, kebebasan dan kelangsungan hidup dan tahap pencapaian menyelesaikan keperluan asas (William Glasser Institute, 2023).

Manakala tahap kedua, *D* merujuk kepada doing and direction (buat dan arah). Pada tahap yang melihat keseluruhan tingkah laku *(total behavior)* melibatkan tindakan, pemikiran, perasaan, fisiologi berasaskan keperluan psikologi. Oleh itu, tahap seseorang yang memerlukan bantuan dengan mengenalpasti dengan jelas tentang keseluruhan tingkah laku (*total behavior)* yang meliputi aspek seperti tindakan, pemikiran, perasaan dan termasuk fisiologi (Glasser, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya tahap tahap *E* merujuk *evaluation* (penilaian) ke atas tingkah laku yang dilakukan. penilaian dibuat berdasarkan perlakuan individu ingin lakukan dan penilaian tingkah laku yang selari dengan kehendak individu sendiri. Penilaian pada akan dijalankan terhadap pilihan keputusan yang dibuat dan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Tujuan penilaian dibuat untuk melihat kesesuaian atau tidak sesuai dengan realiti individu. Seseorang akan melalui teknik konfrantasi untuk melihat nilai pada dirinya agar lebih positif dan realistik dalam menilai tingkah lakunya sendiri (Glasser, 2000).

Selanjutnya pada tahap terakhir iaitu *P* merujuk kepada *planning* , Wubbolding (2000) menyatakan perancangan yang baik mempunyai aspek mudah dicapai, boleh diukur, kesegeraan, konsisten, dan dikawal selia oleh seseorang. Strategi SAMI2C3 iaitu *simple* (mudah), *attainable* (boleh dicapai dan tidak sukar), measureable (boleh diukur dan dinilai keberkesanan), *immediate* (perancangan yang segera dilakukan), i*nvolved* (penglibatan GBK dan klien terlibat), *controlled by client* (dapat dikawal oleh klien berdasarkan minat dan keinginan), *committed* (memberi kerjasama) dan *consistent* (perancangan yang dipersetujui dilaksanakan berterusan secara konsisten). Perbincangan huraian TPTR, secara rumusannya modul yang menggunakan TPTR adalah kaedah yang terbaik dalam membina sesebuah modul

TPTR amat sesuai digunakan dalam kajian membangunkan murid sekolah. Teori ini melihat murid sekolah memenuhi keperluan asasnya sebagai murid sekolah merangkumi sayang dan ingin disayangi; penghargaan kendiri; kegembiraan; kebebasan dan kreativiti dan *survival*. Murid ingin memiliki rasa sayang dan disayangi oleh rakan, *senior* dan *junior* dan guru di sekolah. Malahan murid tersebut dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyayangi diri, rakan-rakan dan warga sekolah serta memiliki semangat patriotisme yang tinggi dengan menyayangi negara, agama dan bangsa (Glasser, 1998).

Sebagai seorang murid, penghargaan kendiri yang tinggi pada perlu ada dalam diri seorang murid di sekolah. Penerimaan rakan, *senior, junior*, keluarga dan warga sekolah penting dalam kehidupan di sekolah. Murid perlu memiliki sifat dan ciri yang unggul bagi membimbing diri sendiri dan rakan-rakan ke arah kehidupan yang positif. Ini ditekan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bukunya Panduan Pembinaan Jati Diri Murid bahawa murid dapat mengawal diri dalam menangani dan menghadapi sesuatu isu dan permasalahan yang dihadapi. (KPM, 2015).

Selain itu, sebagai murid, idea dan kreativiti dimiliki oleh murid. Lantaran itu, mereka mempunyai ruang dan peluang yang luas untuk mempersembahkan bakat yang dimiliki oleh mereka. Murid-murid yang hidup berdikari, mereka terpaksa mengharungi pelbagai pancaroba yang terdapat di persekitaran mereka (KPM, 2015). Ini menyebabkan mereka perlu memiliki kebebasan dan kreativiti dalam membuat keputusan. Secara teori murid yang mempunyai daya saing, mampu menghadapi cabaran, memiliki personaliti dan tingkah laku yang sedemikian. Oleh itu, TPTR membincangkan psikologi berkaitan dengan *survival*. Manakala tingkah laku yang tidak berkesan dapat dibantu berdasarkan *Reality Therapy* untuk memilih tingkah laku yang berkesan (Glasser, 2000).

Oleh kerana *Choice Theory* ini adalah motivasi dalaman sudah pasti boleh membangunkan diri murid dan dapat memenuhi keperluan asas mereka. Sekiranya murid ini tidak merasa gembira kerana hubungan yang tidak baik disebabkan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengaruh luar *external control*, beliau merasa menderita, keperluan asas tidak dapat dipenuhi malah berlaku kecederaan psikologi yang membawa kepada tingkah laku yang tidak efektif dalam mencapai matlamat dirinya. GBK akan terus mengaplikasikan *Reality Therapy* akan berkongsi kemahuan psikologi dan fisiologi murid untuk menolong mereka mencapai matlamat yang diinginkan. Dalam tahap W ini, GBK mengaplikasikan *Reality Therapy* untuk mendapatkan komitmen murid sebagai klien untuk membincangkan isu untuk diselesaikan. Komitmen ini penting untuk menjamin kebertanggungjawaban murid di atas pilihannya (Fisher, 2013).

Tahap yang kedua dalam terapi adalah tahap D yang bawa maksud buat dan arah (*doing and direction*). Dalam tahap ini GBK meneroka keseluruhan tingkah laku klien *(total behavior)* dari segi tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi murid selaras dengan keperluan psikologi murid tersebut (Wulbbolding, 2000). Tindakan ini bertujuan untuk melihat pola keseluruhan tingkah laku klien dan apa yang diharapkan dalam sesi ini. Seterusnya GBK membincangkan dengan klien tentang arah tuju klien yang sebenarnya. GBK berperanan untuk membincangkan pilihan klien berasaskan apa yang murid inginkan. Di tahap ini, GBK meminta pandangan klien untuk mengenal pasti apa yang ingin dilakukan untuk mencapai matlamat.

Tahap ketiga dalam proses *Reality Therapy* adalah tahap menilai perlakuan klien. Tahap E penilaian *(evaluation).* Dalam tahap ini GBK menilai setiap komitmen dan perlakuan yang klien ingin lakukan (Wulbbolding 2000). Penilaian juga dibuat terhadap pilihan keputusan klien sebagai murid. Peranan GBK adalah menilai tingkah laku klien agar selaras dengan kehendak murid. GBK menggunakan kemahiran konfrontasi untuk mengesahkan keputusan klien. GBK menekankan bahawa klien

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertanggungjawab terhadap keputusan yang mereka pilih. Penilaian ini dilakukan oleh GBK dari semasa ke semasa.

Tahap yang terakhir dalam proses kaunseling *Reality Therapy* ini ialah merancang pelan bertindak. Dalam proses ini Wulbbolding (2000) dan Glasser (2000) menamakan sebagai *planning* (P). Aspek P atau merancang ini sangat penting untuk GBK mengaplikasikannya. Ciri-ciri perancangan yang sesuai adalah perancangan yang mudah, boleh dicapai, boleh diukur, kesegeraan, penglibatan dan komitmen murid. Keempat-empat tahap tadi melengkapkan strategi WDEP diperkenalkan oleh Glasser.

2.3 Pendekatan penerokaan kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori asal penerokaan kerjaya telah dibangunkan pada awal 1960-an (Jordaan, 1963). Penerokaan kerjaya pada kebelakangan ini telah menjadi amat penting kerana proses kerjaya telah berkembang yang menyebabkan banyak teori dan penyelidikan baru muncul (Bartley dan Robistschek, 2000; Blustein, 1997). Perspektif penerokaan kerjaya telah dipertimbangkan secara meluas sebagai satu bentuk maklumat bagi mencari maklumat pekerjaan (Blustein, 1992; Taveira dan Moreno, 2003).

Penerokaan kerjaya merupakan elemen penting dalam perkembangan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Penerokaan kerjaya boleh ditakrifkan sebagai proses kompleks yang melibatkan individu untuk mendapatkan dan meningkatkan pengetahuan diri dan alam sekitar, dan akhirnya mencapai matlamat kerjaya (Taveira dan Moreno, 2003). Penerokaan kerjaya merangkumi pelbagai aktiviti termasuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengumpulan maklumat dan pengetahuan mengenai pencarian kerja, perancangan, peluang dan pilihan kerjaya. Penerokaan kerjaya melibatkan tingkah laku yang berkaitan dengan kerjaya seperti bercakap dengan seseorang tentang peluang, belajar tentang kebolehan, kemahiran yang diperlukan dan memperolehi pendidikan untuk kemajuan (Betz dan Voyten, 1997). Oleh itu, penerokaan kerjaya terdiri daripada pelbagai aktiviti yang digunakan untuk mempromosikan perkembangan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya.

Walau bagaimanapun, hanya melalui penerokaan kerjaya yang sistematik dan teliti, seseorang dapat mengumpulkan maklumat yang secukup untuk membantunya membuat pilihan kerjaya yang jelas dan berjaya (Atkinson dan Murrell, 1988). Namun berbeza Nesdale dan Pinter (2000) yang menemui dalam kajian mereka apabila seseorang mencari pekerjaan melalui latihan pekerjaan, menyediakan resume, menjawab iklan dan temu ramah meningkatkan kebarangkalian mendapatkan pekerjaan bertentangan dengan seseorang tidak yang mengambil bahagian dalam aktiviti penerokaan. Di samping itu, satu lagi kajian mendapati seseorang yang menunjukkan ketekunan dalam penerokaan pekerjaan dan mengemukakan surat permohonan, peluang untuk berjaya dan memperolehi pekerjaan yang memuaskan juga lebih besar (Jepsen dan Dickson, 2003). Dengan itu, penting seseorang meneroka kerjaya dengan struktur yang betul dan melibatkan pelbagai jenis aktiviti mencari kerjaya untuk mencari pekerjaan.

Tambahan pula, motivasi yang menggerakkan untuk meneroka kerjaya kebanyakan adalah muncul daripada perasaan intrinsik yang berkembang dari rasa ingin tahu secara semulajadi dan keinginan untuk menentukan nasib sendiri. Sekiranya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu tidak diberikan sumber yang bersesuaian untuk menyiapkan dengan sempurna tanpa tidak menerima bantuan dan galakkan khusus, sudah tentu tugas kerjayanya dapat berubah menjadi tidak menyenangkan dan tidak efektif (Blustein, 1997). Sebaliknya, apabila individu menggabungkan keperluan, kehendak, nilai dan aspirasi mereka sendiri dalam penerokaan kerjaya, ianya menjadi pembelajaran pengalaman kerjaya yang sangat hebat (Atkinson dan Murrell, 1988). Oleh itu, seseorang yang meneroka kerjaya adalah tindak balas penggerak dalaman yang akan memotivasikan dengan mempertingkatkan proses tersebut menjadi lebih bermakna kepada diri melalui dimensi penerokaan kerjaya yang dilibatkan.

2.3.1 Model penerokaan kerjaya Stumpt

05-4506 tbupsi

Penerokaan kerjaya ditakrifkan sebagai tingkah laku dan kognitif yang bertujuan mengakses maklumat mengenai pekerjaan, tugasan pekerjaan, atau organisasi yang tidak pernah terjangka dan terfikir sebelumnya maka tingkah laku yang menentukan proses penerokaan. Menurut Olian (1981) CES bertujuan untuk memudahkan pembangunan teori dan penyelidikan mengenai bagaimana penerokaan mempengaruhi keputusan kerjaya dan hasil pekerjaan, seperti kepuasan kerja, komitmen, dan perolehan. Menyediakan rangkaian pembolehubah untuk menyiasat dinamik proses penerokaan. Memberikan set ukuran kriteria untuk memeriksa kesan ciri peribadi dan rawatan pendidikan terhadap tingkah laku dan kepercayaan penerokaan kerjaya. Menurut London dan Stumpf (1982), apabila maklumat yang dicari tetapi tidak diperolehi, maka tindak balas afektif terhadap proses penerokaan memainkan peranannya. Kepercayaan pula berfungsi sebagai pengalaman individu pada masa lalu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap perbezaan mengenai nilai tingkah laku penerokaan masa depan. Tingkah laku penerokaan masa depan dipengaruhi oleh bagaimana individu menilai keperluan kerjaya mereka, aspirasi masa depan, dan persepsi terhadap peluang yang tersedia.

Tinjauan Penerokaan Kerjaya (CES) oleh Stumpf, Colarelli dan Hartman (1983) merupakan senarai yang merangkumi penerokaan kerjaya, reaksi terhadap penerokaan dan kepercayaan tentang penerokaan kerjaya. CES adalah berfungsi untuk melihat sifat penerokaan kerjaya yang dijangka mengubah kerjaya sebagai satu peluang, permulaan berkerjaya dan meneroka kerjaya yang berubah mengikut masa (Stumpf dan Rabinowitz, 1981), (Stumpf dan Colarelli, 1980). Rangkuman CES dijelaskan sebagaimana yang berikut.

a) Proses penerokaan kerjaya

05-4506 tbupsi

Terdapat pelbagai tingkah laku yang boleh dikelaskan sebagai penerokaan walaupun sementara ianya termasuk klasifikasi untuk tingkah laku yang berkaitan dengan kerjaya yang bermakna . Proses penerokaan melibatkan empat komponen iaitu (1) di mana seseorang meneroka, (2) bagaimana seseorang meneroka, (3) berapa banyak orang yang meneroka, dan (4) apa yang diteroka iaitu tumpuan penerokaan (Stumpf dan Colarelli, 1980).

Seseorang boleh mengumpulkan maklumat kerjaya daripada pelbagai sumber, namun terdapat dua sumber adalah utama iaitu persekitaran dan diri sendiri. Kajian mengenai meneroka dan memilih kerjaya dan perkembangan kerjaya serta sumber rujukan yang lain adalah memberi penekanan terhadap kepentingan persekitaran dan diri sebagai sumber maklumat (Greenhaus dan Sklarew, 1981).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagaimana cara seseorang meneroka kerjaya juga penting. Individu boleh meneroka diri mereka dan persekitaran dengan tujuan dan cara yang bersistematik, secara berterusan atau seketika. Model penerokaan kerjaya secara amnya mengandaikan individu bertujuan dan bersistem dalam pencarian kerjaya mereka. Penerokaan kerjaya biasanya berhasil secara positif melalui penerokaan kerjaya yang berkaitan dan yang menguntungkan. Namun, model sedemikian tidak disokong secara keseluruhan (Stumpf dan Colarelli, 1981).

Walaubagaimanapun dengan mengetahui di mana dan bagaimana seseorang meneroka tidak menunjukkan kekerapan penerokaan atau jumlah maklumat yang diperolehi. Sebaliknya kekerapan seseorang mencari dan memperolehi maklumat kerjaya kerana lama menganggur, pendapatan yang tidak tetap dan reaksi keinginan terhadap pekerjaan dikaitkan dengan memperolehi kerjaya (Schwab, 1980).

Proses penerokaan tambahan iaitu pertimbangan bilangan pekerjaan yang pelbagai tahap dan fokus atau halatuju bagi individu menghargai kerjaya yang berkaitan. Seseorang yang mempunyai sedikit bilangan pekerjaan adalah jelas untuk meneroka dan mempamerkan proses penerokaan kerjaya berbanding seseorang yang mempunyai matlamat kerjaya yang kurang fokus (Stumpf dan Colarelli, 1980).

b) Reaksi terhadap penerokaan kerjaya

Daripada hasil penerokaan, seseorang menyatakan reaksi perasaan tentang kepuasan maklumat yang diperoleh atau yang belum diperoleh. Dengan itu, proses penerokaan selanjutnya akan berubah setelah berpuas hati dengan maklumat yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penerokaan seseorang boleh berubah iaitu daripada cara seseorang meneroka mungkin kurang bertujuan dan sistematik, jumlah penerokaan mungkin berkurang dan fokus menjadi meningkat (Beehr dan Schuler, 1981; Schuler, 1980).

Reaksi tindak balas lain yang terlibat terhadap penerokaan kerjaya ialah kebimbingan atau tekanan. Tekanan merupakan pengalaman seseorang merasai dan mengalami ketidakpastian tentang dapatan hasil yang diinginkan atau yang berharga. Oleh kerana tekanan boleh mempengaruhi proses keputusan dan membawa kepada penangguhan seperti penafian dan penarikan keputusan. Oleh itu tekanan yang dialami semasa proses penerokaan boleh menjejaskan tingkah laku kepercayaan penerokaan masa depan (Greenhaus dan Sklarew , 1981).

c) Kepercayaan penerokaan kerjaya

Penerokaan kerjaya adalah proses sedar seseorang membayangkan untuk bertindak mengikut kepercayaan dan persepsi tanpa mengira secara realistik. Oleh itu, adalah penting seseorang untuk mempertimbangkan kepercayaan tentang peluang kerjaya. Oleh kerana penerokaan sering dibayangkan suatu keadaan ketidakpastian, dengan itu kepentingan untuk mengetahui persepsi individu mengenai kerjaya dan jangkaan mencapai matlamat kerjaya adalah perlu. Terdapat dua dimensi kepastian yang relevan iaitu prospek pekerjaan dan kepastian meraih pilihan kerjaya yang menjadi pilihan seseorang. Persepsi seseorang terhadap prospek pekerjaan secara umumnya menyatakan kepentingan kerjaya untuk pekerjaan seseorang dipengaruhi oleh keperluan dan kesediaan untuk mengubah situasi ekonomi (Dreher dan Dougherty, 1980). Kepastian mendapatkan hasil lebih khusus terletak kepada pilihan seseorang individu. Walaupun keadaan penerokaan kerjaya mungkin tidak berhasil, namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran unik melalui pengalaman dan rangkaian rakan dan kenalan dapat mewujudkan jangkaan yang tinggi untuk kejayaan penerokaan kerjaya.

Pengukuran tingkah laku meneroka kerjaya yang mempengaruhi motivasi seseorang untuk meneroka bagi mencapai matlamat dengan meneliti aspek iaitu di mana untuk meneroka dan bagaimana untuk meneroka. Kepercayaan adalah tentang hasil seseorang yang diinginkan dan yang mempengaruhi jumlah usaha yang mereka lakukann. Oleh itu, seseorang dapat memodifikasi proses penerokaan melalui pertanyaan tentang penerokaan persekitaran, penerokaan diri dan kaedah penerokaan yang sistematik (Wanous, 1980). Individu mempunyai berbeza-beza tahap penguasaan untuk mendapatkan pelbagai bidang kerjaya. Corak penerokaan mungkin berbeza mengikut kepentingan bidang penerokaan kerjaya dan mungkin berubah disebabkan penerokaan (Greenhaus dan Sklarew, 1981).

05-4506 tbupsi

2.3.2 Dimensi penerokaan kerjaya


Stumpt et. al (1983) menyatakan dimensi penerokaan kerjaya melibatkan tiga dimenasi iaitu proses penerokaan, reaksi terhadap penerokaan dan kepercayaan. Dalam proses eksplorasi mengandungi enam ciri bahagian penerokaan seperti dalam Rajah 2.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.3

Model proses penerokaan kerjaya



Sumber : Stumpt et. al. (1983)

Ciri yang pertama bagi dimensi proses penerokaan iaitu penerokaan alam sekitar iaitu merujuk kepada tahap penerokaan kerjaya mengenai pekerjaan, skop pekerjaan dan organisasi dalam tempoh tiga bulan yang lalu. Yang kedua, penerokaan diri sendiri iaitu tahap penerokaan kerjaya yang melibatkan penilaian kendiri dan tinjauan semula dalam tempoh tiga bulan yang lalu. Manakala ketiga iaitu bilangan pekerjaan yang dipertimbangkan iaitu merujuk bilangan seseorang memperolehi maklumat bidang pekerjaan yang berbeza dan pelbagai. Dan ketiga penerokaan bertujuan-sistematik iaitu merujuk kepada perolehan seseorang memperolehi maklumat tentang diri sendiri dan persekitaran melalui cara merancang atau berstruktur atau bereksperimen dengan aktiviti kerjaya yang berbeza. Dan keempat kekerapan iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merujuk kepada purata bilangan seseorang mencari maklumat kerjaya setiap minggu dalam tempoh dua bulan. Dan kelima jumlah maklumat merujuk kepada jumlah maklumat yang diperolehi mengenai pekerjaan, pekerjaan, organisasi dan diri sendiri. dan terakhir fokus iaitu merujuk kepada perasaan seseorang merasakan keinginan terhadap pekerjaan, skop pekerjaan dan organisasi. Dalam kajian ini model proses penerokaan kerjaya difokuskan aspek di mana iaitu penerokaan diri sendiri dan penerokaan persekitaran. Manakala aspek bagaimana pula melibatakn penerokaan yang bertujuan. Aspek berapa banyak dan menjurus tidak dilibatkan kerana diluar untuk mengukur tingkah laku penerokaan kerjaya (Nasta, 2007).

Manakala dimensi bagi reaksi terhadap penerokaan melibatkan tiga ciri bahagian. Ciri pertama kepuasan dengan maklumat iaitu merujuk kepada kepuasan dengan maklumat yang diperolehi mengenai pekerjaan, skop kerja dan organisasi berbanding kepentingan, kebolehan dan keperluan. Bagi ciri yang kedua ialah tekanan penerokaan iaitu jumlah tekanan yang tidak diingini seseorang itu harus berhadapan yang berfungsi sebagai proses penerokaan kerjaya berbanding dengan peristiwa-peristiwa kehidupan penting yang lain. Dan ketiga ciri tekanan pemutusan iaitu jumlah tekanan yang tidak diingini yang dirasakan sebagai fungsi proses pembuatan keputusan kerjaya berbanding mempertimbangkan peristiwa kehidupan penting yang lain.

Seterusnya dimensi kepercayaan merangkumi sebanyak enam ciri bahagian. Ciri pertama iaitu carian pekerjaan iaitu merujuk kepada peluang bidang pekerjaan yang menguntungkan dalam kerjaya seseorang. Yang kedua ialah kepastian hasil penerokaan kerjaya iaitu merujuk kepada tahap perasaan kepastian seseorang akan mencapai kedudukan seperti yang dikehendaki. Dan ketiga ialah sumber bahan iaitu merujuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada kebarangkalian peluang seseorang meneroka persekitaran kerjaya mencapai kepada matlamat kerjaya. Dan keempat sumber bahan carian dalaman iaitu merujuk kepada kebarangkalian tingkah laku kerjaya masa lalu dan retrospeksi akan membawa kepada matlamat kerjaya. Manakala ciri sumber bahan cara atau kaedah merujuk kepada kebarangkalian seseorang meneroka kerjaya secara sistematik yang membawa kepada matlamat kerjaya yang diingini. Ciri terakhir iaitu tahap keutamaan seseorang meletakkan kepentingan untuk mendapatkan kerjaya.

2.4 Pendekatan membuat keputusan

Menurut Spokane, et. al., (2000), dalam psikologi kerjaya, pendekatan *Person-Environment Fit (PE-fit)* memberi tumpuan kepada kesesuaian individu dan ciri-ciri pelbagai pilihan kerjaya. Pendekatan ini mengandaikan bahawa yang lebih besar akan membawa kepada hasil kerja yang lebih baik yang muncul daripada kepuasan, ketekunan dan kejayaan. Rangka kerja PE-*fit* dikaitkan dengan suatu proses menganalisis data yang bersesuaian dan membandingkan alternatif-alternatif yang bersesuaian untuk mengenal pasti kerjaya yang terbaik. Sementara itu, Zytowski (2008) pula mencadangkan kajian mengenai keputusan kerjaya dilihat sebagai persamaan dengan padanan mengenai hubungan antara aspek-aspek diri dan kerjaya.

Pitz dan Harren (1980) membincangkan cabaran yang muncul dalam menerapkan model berasaskan teori membuat keputusan. Pada perspektif membuat keputusan, seseorang lebih baik dalam membuat keputusan apabila melibatkan hanya beberapa alternatif dan beberapa atribut. Tambahan pula, dunia kerjaya yang moden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai alternatif yang tidak berkesudahan dengan pelbagai pekerjaan, jurusan, pekerjaan, dan majikan yang sangat luas. Keadaan lebih rumit kerana pelbagai atribut yang membezakan alternatif yang berfungsi sebagai faktor yang perlu dipertimbangkan semasa membuat keputusan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan model berasaskan teori sebagai kerangka untuk kaunseling kerjaya adalah tidak mencukupi. Justeru adalah penting untuk menyesuaikan model-model ini kepada ciri-ciri unik keputusan kerjaya. Oleh itu, bagi mengurangkan masalah keputusan yang kompleks dalam komponen asas, individu ada baiknya memfokuskan pada setiap komponen secara individu yang membawa kepada pilihan yang lebih baik.

2.4.1 Model membuat keputusan kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat tiga jenis model utama berasaskan keputusan iaitu normatif, deskriptif, dan preskriptif (Bell, et. al., 1988). Ketiga-tiga dianalisis dan dibezakan mengikut andaian asas yang mendasari keputusan kerjaya. Model normatif merujuk kepada prosedur untuk membuat pilihan yang optimum semasa menilai setiap alternatif yang dipertimbangkan berpandukan dua aspek iaitu merasakan kegunaan dan meanggarkan kebarangkalian (Brown, 1990). Prosedur tipikal untuk meletakkan keinginan keseluruhan alternatif melalui model gantian iaitu mengandaikan terdapat perubahan antara kebaikan dan keburukan setiap alternatif dan memberi gantian terlebih dahulu (Zakay dan Barak, 1984).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model normatif juga memerlukan andaian psikologi penting mengenai sifat manusia. Pertama, berdasarkan kepada andaian bahawa manusia adalah sempurna untuk membuat keputusan. Model normatif boleh berfungsi sebagai permulaan rujukan untuk analisis teori ideal atau proses membuat keputusan, bukan berkaitan keputusan harian dan konsultasi kerjaya yang berkesan. Kedua, sebaliknya model pampasan mengandaikan bahawa pembuat keputusan mempunyai sumber yang tidak terhad yang boleh digunakan secara bebas (Pitz dan Harren, 1980). Namun, analisis keputusan berskala besar sangat memakan masa dan melibatkan pengumpulan data komprehensif serta pengagregatan maklumat yang canggih. Oleh itu, adalah normal bahawa GBK kerjaya tidak cenderung untuk membimbing klien menggunakan pengiraan berdasarkan teori keputusan normatif.

Model deskriptif merujuk kepada cara seseorang mendokumenkan membuat keputusan. Proses membuat keputusan sebenar dalam situasi kehidupan sebenar adalah berbeza antara model ideal dan normatif. Oleh kerana terdapat pelbagai jenis perbezaan individu dan kepentingan individu dalam membuat keputusan, tidaklah menghairankan bahawa tidak ada satu teori yang diterima menerangkan cara seseorang membuat keputusan. Antara teori yang lebih menonjol terhadap model deskriptif ialah teori kepuasan oleh Simons (1955), yang menyatakan bahawa seseorang yang sering menunaikan alternatif yang terbaik daripada mengumpul maklumat yang banyak dan memproses maklumat yang rumit. Selain itu, termasuk juga teori dominasi oleh Montgomery (1989) yang menumpukan kepada mencari alternatif yang dominan terhadap yang lain iaitu alternatif lain dalam beberapa aspek dan yang sekurang-kurangnya dalam satu aspek yang lebih baik. Model deskriptif menyatakan perbezaan cara individu membuat keputusan daripada apa yang mungkin dijangkakan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang rasional contohnya keutamaan mereka adalah tidak wajar dan penilaian diramalkan adalah berat sebelah (Kahneman dan Tversky, 2013). Walau bagaimanapun model deskriptif tidak diterima oleh kebanyakan ahli teori kerjaya kerana pada asasnya hanya mendokumenkan dalam penglibatan pemutusan kemanusiaan.

Model preskriptif bertujuan untuk mengurangkan kelemahan kedua-dua model normatif dan model deskriptif iaitu ketidakmampuan keputusan disebabkan oleh situasi maklumat separa dan sumber daya kognitif yang terhad dan bias yang didokumenkan membawa kepada keputusan yang kurang optimum (Bell et al., 1988). Model preskriptif mengemukakan rangka kerja membuat keputusan yang lebih baik danl mengakui batasan manusia yang sesuai dengan cara intuitif individu membuat keputusan. Model preskriptif dinilai untuk nilai pragmatik mereka, iaitu kemampuan mereka untuk memudahkan pengambilan keputusan individu. Sebagai contoh, model preskriptif menggalakkan melepaskan matlamat yang tidak dapat dicapai untuk membuat keputusan rasional yang optimum dan bertujuan untuk matlamat yang realistik ke arah membuat pilihan yang memuaskan (Phillips, 1994). Matlamat model preskriptif dalam konteks membuat keputusan kerjaya adalah menyediakan rangka kerja dan proses yang sistematik untuk membuat keputusan kerjaya yang lebih baik serta bukan kerana usaha keputusan yang optimum atau paling rasional (Gati dan Tal , 2008).

Secara rumusannya, pendekatan membuat keputusan memberi tumpuan kepada proses yang terlibat dalam mengumpul dan memproses maklumat yang relevan untuk keputusan kerjaya. Oleh itu, suatu model yang mengadopsi dan mengadapsi daripada model membuat keputusan untuk meningkatkan prospek pencapaian yang bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan ini penting kepada kerjaya dan kebolehan kerja kerana memberi tumpuan kepada mengukur cabaran yang dihadapi seseorang dalam membuat keputusan kerjaya.

2.4.2 Model PIC *(Prescreening, In-Depth Exploration, and Choice)*

Pemilihan model *PIC* bagi penyelidikan ini adalah melalui keserasian elemen yang terdapat dalam model tersebut bagi proses penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Gati dan Asher (200l) mencadangkan model PIC bagi menggalakkan membuat keputusan kerjaya dengan memberi tumpuan kepada tiga peringkat teras dalam proses membuat keputusan kerjaya *Prescreening, In-Depth Exploration* dan *Choice* (PIC). Matlamat peringkat Prescreening adalah mencari satu kategori pekerjaan yang kecil dan mudah dijumpai yang memenuhi syarat dari semua pilihan yang berkaitan. Bagi memaparkan carian sistematik yang mengambil kira pelbagai faktor dan aspek yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya mengandungi dua sebab. Pertama, faktor yang kurang berkepentingan profesional berbanding faktor pengguna. Selain itu faktor yang berkaitan termasuk juga tempoh latihan, pendapatan, persekitaran tempat kerja, kerja berpasukan, pembangunan profesional (Gati, 1998). Kedua, cadangan berdasarkan kepentingan inventori menyebabkan kategori pekerjaan terlalu meluas untuk melanjutkan pemilihan. Umpamanya terdapat 59 pekerjaan yang sesuai dengan kod tiga mata Holland IRE yang jelas tidak praktikal untuk mencari banyak alternatif secara terperinci (Holland, 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat peringkat penerokaan mendalam (*in-depth prescreening*) adalah untuk meneliti dan memeriksa pilihan yang tepat dan mencari alternatif yang sesuai dengan keutamaan dan kebolehan seseorang. Ia melibatkan pengumpulan maklumat yang relevan tentang setiap alternatif yang tepat untuk menguji empat keserasian keadaan (Gati dan Tal, 2008) iaitu (a) sama ada sesuai dengan rujukan klien, (b) faktor-faktor terpenting kepada klien, (c) kesesuaian terhadap kedudukan antara ciri-ciri utama yang dipertimbangkan dan kesediaan klien untuk menilai ciri-ciri, (d) menilai peluang ditawar masuk ke dalam latihan atau bidang pengajian yang berkaitan untuk merealisasikan setiap alternatif yang bertepatan.

Matlamat Peringkat ketiga adalah pilihan iaitu keinginan mencari alternatif yang paling sesuai atau menilai alternatif terbaik. Asas andaian peringkat pilihan ialah alternatif-alternatif yang muncul sebagai bertepatan di peringkat prescreening diselidiki dengan teliti semasa tahap penerokaan mendalam dan peringkat terakhir yang hanya didapati sesuai dimasukkan ke dalam senarai pendek. Pilihan biasanya melibatkan pemberat yang sistematik terhadap kelebihan dan kelemahan yang berkaitan pada setiap alternatif. Alternatif yang nisbah tertinggi dengan kelebihan berbanding kelemahan dikenalpasti sebagai yang terbaik. Akhirnya, GBK yang mempunyai intuisi mengenai alternatif mana yang harus dipilih, keputusan analisa sistematik dapat dibandingkan dengan intuisi. Sekiranya pilihan adalah sepadan, jelas memberi keyakinan yang lebih kuat kepada alternatif yang dipilih adalah betul. Oleh itu, mengetahui sebab-sebab perbezaan adalah penting jika terdapat yang perbezaan kesimpulan antara kedua-duanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, model PIC gabungan teori membuat keputusan dengan P-E*fit* adalah cara yang memudahkan kebolehan dan keupayaan seseorang agar dapat disesuaikan dengan ciri-ciri alternatif kerjaya yang berbeza-beza, menggunakan proses membuat keputusan yang sistematik, analitikal dan dinamik. Menggunakan model PIC mengurangi beban kognitif yang seterusnya membawa kepada keputusan kerjaya yang lebih baik iaitu model preskriptif. Selain itu, tiga peringkat teras PIC boleh dimasukkan dalam lima, enam, atau tujuh langkah sama ada secara nyata atau tidak nyata.

2.4.3 Taksonomi kesukaran membuat keputusan kerjaya

Kategori kesukaran membuat keputusan kerjaya yang seperti yang dicadangkan Gati, et. al., (1996) adalah berdasarkan tiga peringkat taksonomi. Pertama adalah kesukaran yang timbul sebelum memulakan proses membuat keputusan kerjaya dan kesukaran yang timbul semasa proses. Kebiasaan yang melibatkan kesukaran adalah kerana kurangnya kesediaan untuk memasuki proses membuat keputusan kerjaya. Kemudian, kesukaran yang melibatkan kekurangan maklumat dan kesukaran dalam menggunakan maklumat yang tersedia wujud kerana maklumat yang tidak konsisten. Setiap tiga kategori kesukaran utama (kekurangan kesediaan, kekurangan maklumat, dan maklumat yang tidak konsisten) dibahagikan kepada sepuluh kategori kesukaran khusus. Penerangan ringkas mengenai setiap kategori kesukaran tertentu dinyatakan selanjutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesukaran yang timbul sebelum memulakan proses membuat keputusan kerjaya iaitu kekurangan kesediaan. Kategori utama kekurangan kesediaan mengandungi tiga kategori kesukaran tertentu iaitu; (a) skor tinggi dalam kurang motivasi mencerminkan kekurangan kesediaan untuk membuat keputusan pada keadaan semasa, (b) Skor yang tinggi dalam ketidakpastian mencerminkan kesukaran umum dalam membuat keputusan, dan (c) skor yang tinggi dalam kepercayaan tidak berfungsi ini mencerminkan persepsi yang tersasar tentang proses membuat keputusan kerjaya, jangkaan yang tidak munasabah dan pemikiran yang gagal berfungsi.

Manakala kesukaran yang timbul semasa proses membuat keputusan iaitu melibatkan kekurangan maklumat dan maklumat yang tidak konsisten. Kekurangan maklumat mengandungi empat kesukaran iaitu (a) skor yang tinggi dalam kekurangan maklumat mengenai proses membuat keputusan mencerminkan kekurangan pengetahuan mengenai cara membuat keputusan dengan bijak khususnya kekurangan pengetahuan mengenai langkah-langkah tertentu yang terlibat dalam proses membuat keputusan kerjaya, (b) skor yang tinggi dalam kekurangan mengenai maklumat diri mencerminkan keadaan seseorang merasakan dirinya tidak mempunyai maklumat yang mencukupi tentang diri sendiri seperti keutamaan tentang kerjaya, kebolehan diri dan sebagainya (c) skor yang tinggi dalam kekurangan maklumat mengenai pekerjaan mencerminkan kekurangan maklumat mengenai pelbagai pilihan kerjaya yang sedia ada seperti alternatif yang sedia ada atau ciri-ciri setiap alternatif, (d) skor yang tinggi dalam kekurangan maklumat tentang cara mendapatkan maklumat mencerminkan kekurangan maklumat mengenai cara mendapatkan maklumat tambahan atau bantuan yang boleh memudahkan pengambilan keputusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekurangan kedua yang terlibat semasa membuat keputusan kerjaya iaitu maklumat tidak konsisten. Kategori maklumat tidak konsisten terdiri daripada tiga kategori kesukaran tertentu. (a) skor yang tinggi dalam maklumat yang tidak boleh dipercayai menunjukkan seseorang merasakan yang maklumat dipunyai bercanggah dengan dirinya sendiri atau pertimbangan mengenai sesuatu pekerjaan, (b) skor yang tinggi dalam konflik dalaman mencerminkan keadaan kekeliruan dalaman. Konflik dalaman terjadi apabila beberapa faktor yang tidak sepadan antara satu sama lain yang berpunca mungkin dari kesulitan dalaman yang menjejaskan banyak faktor pada pandangan individu sebagai penting, (c) skor yang tinggi dalam konflik luar mungkin menunjukkan jurang antara keutamaan individu dan pilihan yang disuarakan oleh orang lain adalah penting kepadanya atau percanggahan pendapat antara dua orang lain adalah penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Rumusan model penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya

Proses penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya menjadi semakin penting dalam membentuk masa depan murid. Justeru, penyelidikan ini bukan sahaja menilai keberkesanan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR), malah turut berusaha merumuskan suatu model konseptual yang dapat digunakan sebagai panduan dalam pelaksanaan bimbingan kerjaya di sekolah. Rumusan model ini dibentuk berdasarkan hasil dapatan kajian kuantitatif yang melibatkan aspek rawatan, jantina dan latar belakang sosioekonomi, serta sokongan literatur sedia ada berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi proses penerokaan kerjaya dan keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Model yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirumus ini bertujuan menyediakan suatu rangka kerja intervensi yang berstruktur dan relevan untuk membantu guru bimbingan dan kaunseling (GBK) merancang program pembangunan kerjaya yang lebih sistematik dan berkesan, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan psikososial dan kejayaan akademik murid secara menyeluruh.

2.5.1 Model Penerokaan Kerjaya

Model Penerokaan Kerjaya yang diperkenalkan oleh Stumpf et al. (1983) memberikan kerangka yang komprehensif dalam memahami proses penerokaan kerjaya individu. Model ini menekankan tiga dimensi utama iaitu kesedaran diri *(self-exploration)*, penerokaan alam pekerjaan *(environmental exploration)*, dan tahap penglibatan serta pengetahuan *(amount of information and extent of engagement)*. Dimensi ini mencerminkan keperluan pelajar untuk memahami diri sendiri, meneroka maklumat kerjaya secara aktif, serta mengintegrasikan maklumat tersebut dalam membuat keputusan kerjaya yang bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dimensi Penerokaan Diri *(Self-Exploration)* merujuk kepada proses introspektif di mana individu menilai minat, nilai, kemahiran, dan keutamaan mereka sendiri. Melalui refleksi ini, individu memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang diri mereka, yang penting dalam membuat keputusan kerjaya yang sesuai. Kajian oleh Stumpf et al. (1983) menunjukkan bahawa penerokaan diri adalah komponen penting dalam proses penerokaan kerjaya, membantu individu mengenal pasti pilihan kerjaya yang selaras dengan identiti dan aspirasi peribadi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dimensi Penerokaan Persekitaran *(Environmental Exploration)* melibatkan pengumpulan maklumat tentang pelbagai pilihan kerjaya, termasuk tugas pekerjaan, peluang kemajuan, dan keperluan pendidikan. Aktiviti ini membantu individu memahami dunia pekerjaan dan menilai bagaimana pilihan kerjaya tertentu sesuai dengan profil diri mereka. Stumpf et al. (1983) menekankan bahawa penerokaan persekitaran yang aktif dan sistematik dapat meningkatkan kesedaran individu terhadap peluang kerjaya yang tersedia dan memperbaiki proses membuat keputusan kerjaya.

Model Penerokaan Kerjaya ini juga menekankan dua dimensi utama iaitu tahap penglibatan *(extent of engagement)* dan jumlah maklumat *(amount of information)* yang diperoleh semasa proses penerokaan kerjaya. Bagi Tahap Penglibatan, ia merujuk kepada sejauh mana individu secara aktif terlibat dalam aktiviti penerokaan kerjaya, termasuk penilaian kendiri dan penerokaan persekitaran. Kajian oleh Stumpf et al. (1983) menunjukkan bahawa tahap penglibatan yang tinggi dalam aktiviti penerokaan kerjaya berkait rapat dengan peningkatan kesedaran diri dan pemahaman terhadap pilihan kerjaya yang tersedia. Penglibatan aktif ini membantu individu dalam membuat keputusan kerjaya yang lebih bermakna dan sesuai dengan aspirasi peribadi mereka.

Sementara itu, Jumlah Maklumat *(Amount of Information)* merujuk kepada kuantiti dan kualiti maklumat yang dikumpul oleh individu mengenai diri mereka sendiri dan peluang kerjaya yang ada. Maklumat ini termasuk pengetahuan tentang tugas pekerjaan, keperluan pendidikan, peluang kemajuan, dan kesesuaian dengan nilai serta minat peribadi. Stumpf et al. (1983) menekankan bahawa pengumpulan maklumat yang mencukupi adalah penting untuk membuat keputusan kerjaya yang tepat dan berinformasi. Model ini terus relevan dalam konteks semasa, terutamanya dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu pelajar dan pencari kerja memahami dan menavigasi pilihan kerjaya mereka. Kajian oleh Xu dan Tracey (2017) mendapati bahawa penerokaan diri dan persekitaran berkait rapat dengan kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya, menunjukkan kepentingan kedua-dua dimensi ini dalam proses perancangan kerjaya. Dalam konteks pelajar sekolah menengah, penerokaan kerjaya merupakan asas penting dalam membantu mereka mengenal pasti minat, nilai, dan keupayaan diri serta peluang kerjaya yang sesuai. Kajian ini mengaplikasikan model ini sebagai asas dalam menilai tahap penerokaan kerjaya pelajar sebelum dan selepas intervensi modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR). Intervensi ini dirancang bagi memperkukuhkan aspek kesedaran kendiri dan keupayaan membuat pilihan. Seterusnya pula bertanggungjawab atas pilihan agar selari dengan dimensi penerokaan yang digariskan oleh Stumpf et al.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini yang mengaplikasikan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR). Kesedaran diri disokong melalui intervensi TPTR yang menekankan kebertanggungjawaban, pilihan, dan pemahaman kendiri selari dengan dimensi pertama model Stumpf. Penerokaan Alam Pekerjaan digalakkan melalui aktiviti dalam modul yang membimbing pelajar meneliti pelbagai laluan kerjaya dan syaratnya. Modul TPTR juga meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam proses penerokaan, dengan membantu mereka mengenalpasti keperluan asas dan membuat pilihan kerjaya yang lebih bermakna dan sesuai. Melalui modul TPTR, pelajar digalakkan untuk menilai keperluan asas dan pilihan kerjaya berdasarkan realiti dan nilai peribadi, yang secara langsung menyokong dimensi kesedaran diri dan penglibatan aktif dalam penerokaan kerjaya. Di samping itu, aktiviti penerokaan alam pekerjaan dalam modul ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman pelajar tentang pelbagai laluan kerjaya, seterusnya memperkukuh keputusan kerjaya yang lebih bermakna dan berfokus. Oleh itu, Model Penerokaan Kerjaya Stumpf menjadi asas teoritikal penting dalam mengukur keberkesanan modul TPTR yang dibangunkan dalam kajian ini, khususnya dari aspek perubahan tahap penerokaan dan keputusan kerjaya pelajar.

2.5.2 Model PIC (Prescreening, In-Depth Exploration, and Choice)

Model PIC (Prescreening, In-Depth Exploration, and Choice) merupakan salah satu model membuat keputusan kerjaya yang diperkenalkan oleh Gati dan Asher (2001). Model ini amat relevan dalam konteks pendidikan dan bimbingan kerjaya kerana ia menstrukturkan proses membuat keputusan kerjaya kepada tiga tahap yang sistematik dan praktikal, menjadikannya sesuai untuk pelajar sekolah menengah yang sedang berada dalam fasa penerokaan kerjaya. Proses membuat keputusan kerjaya terbahagi kepada tiga peringkat utama iaitu Saringan Awal *(Prescreening),* Penerokaan Mendalam *(In-Depth Exploration)* dan Pemilihan *(Choice).* Model PIC ini bertujuan untuk membantu individu membuat keputusan kerjaya secara terancang, bertahap, dan berasaskan maklumat yang diperoleh secara progresif.

Model PIC menyediakan kerangka sistematik untuk membuat keputusan kerjaya. Tahap pertama, iaitu *Prescreening*, bertujuan untuk membantu individu menyingkirkan pilihan kerjaya yang tidak sesuai berdasarkan kriteria asas seperti keperluan pendidikan, minat, atau kekangan peribadi. Proses ini membantu mengecilkan skop pilihan kepada yang lebih bersifat nyata dan praktikal serta mudah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikawal, memudahkan individu untuk memberi tumpuan kepada pilihan yang paling relevan dengan diri mereka. Pendekatan ini selari dengan kaedah *sequential elimination* yang dicadangkan oleh Tversky (1972), di mana individu menilai dan menyingkirkan alternatif berdasarkan aspek-aspek tertentu yang penting bagi mereka. Pada peringkat awal ini, individu menyingkirkan pilihan kerjaya yang jelas tidak sesuai berdasarkan kriteria asas seperti keperluan pendidikan, minat, atau kekangan peribadi. Ini membantu mengecilkan skop pilihan kepada yang lebih realistik.

Dalam Model PIC peringkat kedua iaitu *In-Depth Exploration* memainkan peranan penting dalam proses membuat keputusan kerjaya. Pada tahap ini, individu menjalankan penerokaan yang lebih mendalam terhadap beberapa pilihan kerjaya yang telah disaring pada peringkat sebelumnya. Proses ini melibatkan pengumpulan maklumat terperinci mengenai aspek-aspek seperti tugas kerja, peluang kemajuan, nilai yang dipenuhi oleh kerjaya tersebut, serta kesesuaian dengan keperibadian dan aspirasi individu. Tujuannya adalah untuk memastikan pilihan kerjaya yang dibuat adalah berinformasi dan selaras dengan keperluan serta kehendak peribadi individu.

Kajian terkini oleh Yates (2025) menyokong kepentingan tahap ini dengan mendapati bahawa graduan yang melibatkan diri dalam penerokaan mendalam terhadap pilihan kerjaya mereka cenderung membuat keputusan yang lebih tepat dan memuaskan. Melalui wawancara separa berstruktur dengan 30 graduan di UK, kajian tersebut mengenal pasti bahawa proses penerokaan mendalam membantu individu memahami dengan lebih baik kesesuaian antara pilihan kerjaya dan diri mereka sendiri, serta meningkatkan keyakinan dalam membuat keputusan akhir. Peringkat ini melibatkan penerokaan lebih mendalam terhadap beberapa pilihan kerjaya yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggal. Individu mengumpul maklumat tentang aspek seperti tugas kerja, peluang kemajuan, nilai yang dipenuhi oleh kerjaya tersebut, dan kesesuaian dengan keperibadian mereka.

Dalam Model PIC tahap ketiga iaitu *Choice* (Pemilihan) merupakan fasa akhir dalam proses membuat keputusan kerjaya. Pada peringkat ini, individu membuat keputusan akhir berdasarkan maklumat yang telah dikumpul dan dianalisis, dengan mempertimbangkan kesesuaian pilihan kerjaya dengan nilai peribadi, minat, keupayaan, serta realiti semasa seperti peluang pekerjaan dan sokongan sosial.

Kajian terkini oleh Yates (2025) menyokong kepentingan tahap ini, dengan mendapati bahawa graduan yang melalui proses pemilihan yang teliti cenderung membuat keputusan kerjaya yang lebih memuaskan dan selaras dengan aspirasi peribadi mereka. Kajian tersebut menekankan bahawa proses pemilihan yang berasaskan refleksi mendalam dan penilaian kritikal terhadap pilihan yang ada dapat membantu individu mencapai keputusan yang lebih bermakna dan berkesan dalam jangka panjang. Setelah maklumat diperoleh dan dianalisis, individu membuat keputusan akhir berdasarkan kesesuaian, nilai peribadi, dan pertimbangan realiti semasa.

Model ini menekankan penggunaan maklumat secara berperingkat dan berstrategi, serta keperluan untuk refleksi kendiri dan pemahaman nilai peribadi dalam membuat keputusan. Justeru, ia amat serasi untuk digabungkan dalam modul bimbingan kerjaya yang berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR), yang turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menekankan kesedaran kendiri, tanggungjawab, dan pemilikan terhadap keputusan hidup.

Dalam konteks modul TPTR yang dibangunkan, struktur aktiviti bimbingan telah dirangka mengikut logik PIC pelajar mula mengenal pasti pilihan kerjaya yang relevan (prescreening), menjalankan aktiviti eksplorasi nilai dan maklumat kerjaya (in-depth exploration), dan akhirnya digalakkan membuat pilihan kerjaya secara berfikir dan bertanggungjawab (choice). Ini menunjukkan kesesuaian model PIC sebagai asas dalam menstruktur dan menilai keberkesanan modul membuat keputusan kerjaya bagi pelajar sekolah menengah.

2.5.3 Model Normatif, Deskriptif, dan Preskriptif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bell, Raiffa dan Tversky (1988), model membuat keputusan boleh dikategorikan kepada tiga jenis utama, iaitu model normatif, model deskriptif, dan model preskriptif. Ketiga-tiga model ini memberi asas teori yang penting dalam memahami bagaimana individu sepatutnya membuat keputusan, bagaimana mereka sebenarnya membuat keputusan, dan bagaimana mereka boleh dibantu untuk membuat keputusan yang lebih baik.

Setiap kategori ini mempunyai pendekatan dan tujuan tersendiri dalam memahami dan menyokong proses membuat keputusan, termasuk dalam konteks pemilihan kerjaya. Model Normatif *(Normative Models)* dalam membuat keputusan menerangkan bagaimana seseorang *seharusnya* membuat keputusan secara rasional dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

logik, berdasarkan prinsip-prinsip matematik dan ekonomi. Model ini menekankan pemilihan alternatif yang memaksimumkan utiliti atau faedah yang dijangka, tanpa mengambil kira faktor psikologi atau emosi. Ia mengandaikan bahawa individu mempunyai maklumat lengkap dan keupayaan kognitif yang tidak terhad untuk menganalisis semua pilihan yang ada. Ia tidak mengambil kira faktor psikologi atau emosi tetapi lebih menekankan proses membuat keputusan ideal dalam keadaan sempurna. Contoh model ini termasuk Model Rasional Klasik.

Namun, kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa dalam situasi sebenar, individu sering kali menyimpang daripada model normatif ini disebabkan oleh batasan kognitif dan pengaruh emosi. Sebagai contoh, konsep *bounded rationality* yang diperkenalkan oleh Simon (1957) mencadangkan bahawa individu membuat keputusan yang rasional dalam had kemampuan kognitif dan maklumat yang tersedia. Kajian oleh Zhang et al. (2023) turut menyokong pandangan ini dengan menekankan bahawa dalam konteks organisasi, keputusan sering kali dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tekanan masa dan maklumat yang tidak lengkap.

Model Deskriptif *(Descriptive Models)* dalam membuat keputusan menekankan bagaimana individu sebenarnya membuat keputusan dalam kehidupan sebenar, dengan mengambil kira pengaruh emosi, persepsi, pengalaman lepas, dan batasan kognitif. Model ini lebih bersifat psikologi dan realistik, berbanding model normatif yang mengandaikan keputusan dibuat secara rasional dan logik sepenuhnya. Salah satu teori utama dalam model deskriptif ialah Teori Prospek (Prospect Theory) yang diperkenalkan oleh Kahneman dan Tversky (1979). Teori ini menunjukkan bahawa individu cenderung membuat keputusan berdasarkan potensi keuntungan atau kerugian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

relatif kepada titik rujukan tertentu, dan bukan semata-mata berdasarkan hasil akhir. Sebagai contoh, individu lebih sensitif terhadap kerugian berbanding keuntungan yang setara, fenomena yang dikenali sebagai *"loss aversion"*. Kajian terkini oleh Morelli, Casagrande dan Forte (2021) menekankan bahawa model deskriptif memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang proses kognitif dalam membuat keputusan, termasuk bagaimana persepsi dan emosi mempengaruhi pilihan individu dalam situasi ketidakpastian .

Model Preskriptif *(Prescriptive Models)* dalam membuat keputusan bertujuan untuk membantu individu membuat keputusan yang lebih baik dengan menggabungkan unsur-unsur dari model normatif dan deskriptif. Model ini direka untuk memandu dan memperbaiki proses membuat keputusan dengan menyediakan struktur, strategi, atau alat yang menyokong individu dalam membuat pilihan yang lebih sesuai dan bertanggungjawab. Contoh model preskriptif termasuk Model Gelatt dan Model PIC.

Model Gelatt (1962) menekankan bahawa proses membuat keputusan melibatkan penilaian terhadap maklumat yang tersedia, kemungkinan hasil, dan nilai peribadi individu. Model ini menggabungkan elemen rasional dan intuitif, serta memperkenalkan konsep "ketidakpastian positif" (*positive uncertainty*), iaitu pendekatan yang menerima ketidakpastian sebagai sebahagian daripada proses membuat keputusan dan mendorong individu untuk tetap fleksibel dalam menghadapi perubahan dan maklumat baru. Model ini telah digunakan secara meluas dalam kaunseling kerjaya untuk membantu individu membuat keputusan yang lebih adaptif dan bermakna .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model PIC *(Prescreening, In-Depth Exploration, and Choice)* yang dikembangkan oleh Gati dan Asher (2001) merupakan pendekatan berstruktur dalam membuat keputusan kerjaya. Model ini terdiri daripada tiga peringkat utama. *Prescreening* menyingkirkan pilihan kerjaya yang tidak sesuai berdasarkan kriteria asas seperti minat, nilai, dan keperluan pendidikan. *In-Depth Exploration* meneroka secara mendalam pilihan yang tinggal dengan mengumpul maklumat terperinci mengenai tugas kerja, peluang kemajuan, dan kesesuaian dengan keperibadian. *Choice* membuat keputusan akhir berdasarkan analisis maklumat dan pertimbangan nilai peribadi serta realiti semasa. Model ini telah terbukti berkesan dalam membantu individu membuat keputusan kerjaya yang lebih terarah dan bermakna .

Dalam konteks modul bimbingan membuat keputusan kerjaya berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR), model preskriptif lebih sesuai digunakan kerana ia bukan sahaja memberi struktur kepada proses membuat keputusan, tetapi juga mengambil kira faktor psikologi, kesedaran kendiri, dan tanggungjawab individu dalam memilih laluan kerjaya. Modul ini dirangka untuk membimbing pelajar melalui proses membuat keputusan yang rasional tetapi juga selari dengan nilai, minat dan keperluan peribadiselari dengan tujuan model preskriptif.

2.6 Pendekatan Konseptual Kelompok

Pelaksanaan kajian ini, perbandingan ringkas tiga strategi kelompok iaitu kelompok bimbingan dan kelompok kaunseling bagi memenuhi keperluan fasilitator kelompok, rekabentuk atau proses kelompok dan sasaran ahli kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1 Perbandingan kelompok bimbingan dan kaunseling

Penjelasan perbandingan antara kelompok bimbingan dan kelompok kaunseling dalam Jadual 2.1 oleh Finer-Collin (1989) menyatakan kelompok bimbingan berdasarkan kepada pencegahan, manakala kelompok kaunseling berasaskan pencegahan dan rawatan. Kajian ini menggunakan kelompok bimbingan yang berasaskan bimbingan kecil dan bimbingan besar sebagai kelompok perkembangan dan rawatan biarpun lebih fokus kepada pencegahan seperti yang disebutkan oleh Finer-Collin (1989).

Jadual 2.1

Perbandingan antara bimbingan dan kaunseling

	Bimbingan	**Kaunseling**
Ketua /Fasilitator	1.Guru / Instruktur 2.GBK 3.Kefungsian Ketua 4.Individu yang berkemahiran untuk menyampaikan dalam program	1.GBK / psikologis yang berlatih spesifik bagi kelompok 2.Latihan perkembangan
Rekabentuk / Proses	1.Mangarah / mengajar 2.Bermaklumat 3.Kandungan yang teratur 4.Pengajaran berstruktur, persembahan, perbincangan berformat	1.Situasi kelompok berformat latihan yang berstruktur kepada kurang berstruktur 2.Berfokus kepada proses kelompok dan perasaan ahli kelompok
Populasi dibantu (Klien / Pesakit)	1.Kebanyakan ahli akan memperolehi faedah daripada kelompok bimbingan apabila maklumat sesuai dan tepat dengan keperluan klien	1.Ahli terdiri daripada individu yang berada dalam keadaan penyesuaian yang normal dan mampu menghadapinya 2.Terdapat sedikit neurotik dan emosi masih berfungsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Corey (2015) kelompok bimbingan ialah sebarang program yang diadakan secara kelompok dan memberi sumbangan kepada perkembangan individu ke arah memahami diri, perkembangan kendiri, sikap, minta dan kemampuan, fizikal, mental dan kematangan sosial, keperluan personal dan sosial ke tahap perkembangan yang maksima dan mencapai sebagai individu yang istimewa dan rakyat yang demokratik. Selain itu, pelaksanaan bimbingan di dalam bilik darjah juga dikategorikan kelompok bimbingan dengan mengaitkan permasalahan peribadi, bimbingan pendidikan atau vokasional, penyesuaian peribadi dan hubungan interpersonal. Dengan itu, Gladding (2015) menambah tentang tujuan kelompok bimbingan adalah bercirikan pencegahan dan perkembangan.

Selanjutnya perbandingan fasilitator atau ketua kelompok, kebiasaannya diketuai oleh seorang ketua, guru atau GBK yang berkemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan kelompok. dengan itu, latihan khusus diberikan dan diterima oleh guru atau GBK tentang modul atau struktur intervensi untuk disampaikan kepada kelompok. Proses atau reka bentuk kelompok bimbingan bersifatkan mengajar atau mengarah yang berstruktur dan lebih memfokuskan kepada informasi dan bermatlamatkan menyampai maklumat secara tersusun. Oleh itu peserta kelompok bimbingan iaitu individu yang memperolehi faedah daripada kelompok yang diterima yang bersesuaian dengan keperluan mereka (Finer-Collin, 1989). Sementara itu, menurut Gysbers dan Henderson (2014) bilangan bagi ahli kelompok bimbingan seperti dalam sebuah kelas iaitu antara 20 orang hingga 40 orang ahli. Terdapat dua jenis kelompok bimbingan iaitu kelompok bimbingan kecil ahli terdiri antara enam orang hingga 15 orang ahli dan kelompok bimbingan besar terdiri lebih daripada 15 orang ahli kelompok dan mencapai 100 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ahli serta berkemungkinan boleh menjadi tiada had bilangan ahli kelompok bimbingan besar.

Menurut Finer-Collin (1989), perbandingan dengan kelompok kaunseling ialah ketua atau fasilitator kelompok mestilah seorang GBK atau psikologis yang mempunyai latihan yang khusus dalam mengendalikan kelompok khususnya dalam teori-teori mengendalikan kelompok dan perkembangan kelompok. Menurut Jacobs, Masson, Harvill dan Schimmel (2011) kelompok kaunseling adalah proses interpersonal yang dilaksanakan oleh seorang kaunsleor terlatih yang profesional kepada seseorang yang mengalami masalah perkembangan. Reka bentuk atau proses kelompok kaunseling bersifat pencegahan dan rawatan berpandukan kepada format yang berstruktur kepada yang kurang berstruktur. Kelompok kaunseling memfokuskan kepada proses yang melibatkan perkongsian dan penyampaian perasaan ahli-ahli kelompok. Sementara bagi Trotzer (2013) kelompok kaunseling merupakan sebilangan individu yang berinteraksi dan mempunyai hubungan psikologi di antara seorang dengan seorang yang lain. Peserta kelompok kaunseling merupakan ahli yang berada dalam keadaan penyesuaian yang normal. Terdapat juga ahli-ahli yang mungkin mengalami tekanan atau sedikit murung tetapi emosi mereka bertahan menghadapinya dan berfungsi dengan baik melalui bimbingan GBK. Bilangan mereka menurut Zuraidah (2010) adalah kecil 8 orang hingga dua belas orang ahli bagi mewujudkan interaksi yang rapat dan mesra antara GBK dengan ahli kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, kajian ini akan dilaksanakan secara kelompok bimbingan. Dua kelompok rawatan yang akan dibentuk iaitu kelompok bimbingan besar dan kelompok bimbingan kecil. Pembentukkan kedua-dua kelompok bagi melihat kesan rawatan MKBTPTR ke atas sampel bagi memenuhi objektif yang dibina.

Psikoterapi merujuk kepada proses terapeutik yang melibatkan interaksi antara seorang terapis yang terlatih dan individu yang mencari bantuan untuk menangani masalah psikologi, emosi, atau perilaku. Tujuan utama psikoterapi adalah untuk membantu individu memahami diri mereka dengan lebih baik, mengatasi kesulitan, dan mengubah pola pemikiran atau tingkah laku yang tidak berfungsi atau merosakkan. Menurut American Psychological Association (n.d), psikoterapi adalah satu bentuk rawatan yang menggunakan kaedah bercakap untuk membantu individu mengenal pasti dan mengubah cara mereka berfikir, merasa, dan bertindak. Ini adalah proses kolaboratif antara seorang profesional terlatih dan seseorang yang mengalami masalah psikologi atau emosi.

Psikoterapi digunakan untuk menangani pelbagai isu, termasuk gangguan mental seperti kemurungan, kebimbangan, atau gangguan obsesif-kompulsif. Masalah hubungan antara pasangan, keluarga, atau rakan sekerja. Stres, trauma, atau kehilangan. Masalah penyesuaian diri terhadap perubahan dalam kehidupan. Sementara psikoterapi adalah proses rawatan yang sering digunakan untuk mengatasi masalah emosi atau mental, ia tidak semestinya merujuk kepada pendekatan Teori Pilihan atau WDEP. Psikoterapi adalah proses yang luas dan boleh melibatkan banyak pendekatan, seperti kaunseling kognitif-tingkah laku (CBT), psikoterapi psikoanalitik, psikoterapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

humanistik, atau psikoterapi berorientasikan emosi. Setiap pendekatan mempunyai kaedah dan teknik tertentu untuk membantu individu mengatasi cabaran mereka.

Sebaliknya, Teori Pilihan yang dikenalkan oleh William Glasser adalah pendekatan psikologi yang menekankan bagaimana individu memilih tindakan mereka berdasarkan kehendak dan keperluan dalaman. Walaupun Teori Pilihan digunakan dalam psikoterapi (terutama dalam Reality Therapy), ia adalah salah satu pendekatan dalam psikoterapi, bukan definisi atau bentuk umum psikoterapi itu sendiri. Psikoterapi adalah istilah umum untuk proses yang membantu individu menangani pelbagai masalah psikologi dan emosi. Sebaliknya Teori Pilihan adalah satu teori psikologi yang mengutamakan pilihan peribadi dan keinginan dalaman sebagai asas utama dalam membantu individu mengubah tingkah laku mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks yang telah dibincangkan sebelumnya mengenai WDEP dan Teori Pilihan oleh William Glasser, pengkaji merujuk kepada penggunaan WDEP dalam terapi kaunseling atau psikoterapi, di mana kaedah ini boleh digunakan untuk membantu individu memahami keinginan, penilaian tindakan mereka, dan merancang langkah penyesuaian kerjaya atau kehidupan yang lebih baik. Jadi, psikoterapi adalah konteks yang lebih luas di mana Teori Pilihan boleh diaplikasikan, tetapi tidak semestinya merujuk hanya kepada psikoterapi secara keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Kelompok bimbingan

Kelompok bimbingan dalam kajian ini memfokus kepada staretegi pencegahan untuk meningkatkan perkembangan ahli dalam pemilihan kerjaya. Kelompok bimbingan dilaksanakan dengan dua jenis strategi rawatan iaitu kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar. Kelompok bimbingan dari sudut sejarah, definisi dan ciri-ciri dibincangkan selanjutnya.

Gysbers (2004) menyatakan kelompok bimbingan diperkenalkan dalam persekitaran sekolah bermula dalam bidang vokasional dan personal pada tahun 1930an. Seterusnya John Dewer memperkenalkan kelompok bimbingan di sekolah pada tahun 1930an ke arah pengukuhan konsep pendidikan. Panggilan kepada guru pembimbing sebagai *'homeroom teachers"* juga dipanggil *'guidance hour' atau 'guidance room'*. Kelompok bimbingan berkembang maju seiring dalam bidang pendidikan, bimbingan dan kaunseling di Amerika Syarikat. Aktiviti bimbingan di sekolah-sekolah Amerika Syarikat menjadi berkembang maju dalam era 1950an hingga 1960an disebabkan kerjayaan memberi ruang lebih banyak terhadap peluang murid untuk perbincangan terbuka dan membuat kerja sendiri dalam situasi kelas. Dengan itu kelompok bimbingan berfungsi prosefesional sebagai program personal di sekolah-sekolah.

Kelompok bimbingan berkembang maju dengan pelbagai pendekatan dan istilah yang baharu diperkenalkan selaras dengan perkembangan kelompok kaunseling dan kelompok psikoterapi. Dengan itu, ciri-ciri dan fungsi yang sama kelompok bimbingan juga dipanggil sebagai kelompok psikopendidikan. Perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan kelompok bimbingan yang menjadi pesat dan pelbagai menyebabkan ia dilaksanakan dalam persekitaran luar sekolah seperti di hospital, agensi kesihatan mental, agensi perkhidmatan sosial dan universiti (Erford, 2007).

Corey (2015) menjelaskan tentang kelompok bimbingan mengenai apa-apa program yang dilaksanakan secara berkelompok dan menyumbang kepada perkembangan individu bagi memahami diri, sikap, minat dan kemampuan, fizikal, mental dan kematangan sosial, keperluan personal dan sosial ke tahap perkembangan yang maksima dan pencaapaian individu istimewa dan rakyat yang demokratik. Termasuk juga pengajaran dalam kelas tentang masalah peribadi, bimbingan pendidikan atau vokasional, penyesuaian dan hubungan interpersonal.

Kelompok bimbingan merupakan kelompok berstruktur yang umumnya mempunyai ketetapan matlamat sesi, jangka masa dan pengisian kelompok dirancang oleh GBK (Corey, 2015; Jacobs et. al., 2011; Finer-Collin, 1989). Perbincangan kelompok bimbingan tertumpu kepada permasalahan spesifik seperti mengatasi kesan sesuatu permasalahan dan memmuridi kemahiran spesifik seperti kemahiran relaksasi dan komunikasi. Kelompok bimbingan dikendalikan melalui kaedah berstruktur seperti juga dalam pembelajaran atau situasi dalam kelas yang melibatkan murid yang ramai. Dalam kajian ini kelompok bimbingan struktur dikendalikan melalui dua jenis kelompok iaitu kelompok bimbingan kecil antara 10 orang hingga 11 orang ahli yang membolehkan ruang interaksi lebih rapat seperti dalam kelompok kaunseling dan kelompok bimbingan besar 31 orang ahli yang bersaiz seperti dalam kelas yang mewujudkan situasi interaksi ahli-ahli kelompok bersama GBK yang agak terhad. Dengan bercirikan kelompok bimbingan struktur pendekatan yang dikendalikan GBK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah bertindak secara langsung, berorientasikan tugasan dan perancangan yang bermatlamat dalam jangka masa yang ditetapkan bagi setiap sesi (Gysbers dan Henderson, 2014).

Kelompok bimbingan berstruktur memiliki beberapa kebaikan antaranya menggalakkan ahli-ahli kelompok bekerjasama, mengurangkan kebimbangan, memfokuskan prestasi setiap ahli kelompok dan penglibatan yang aktif setiap ahli dalam kelompok. Akan tetapi, pendekatan kelompok bimbingan berstruktur mungkin tidak menggalakkan ahli memberikan kebebasan dan peluahan emosi (Trotzer, 2013). Namun begitu, kelompok bimbingan berstruktur telah menyediakan garis panduan kepada GBK sebelum sesi kelompok bermula, melaksanakan sesi kelompok, mencapat matlamat kelompok serta penamatan sesi kelompok. Dengan ciri yang dirancangankan intervensi awal yang dirangka oleh GBK bagi membantu ahli-ahli kelompok mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh mereka nanti. Dengan penstrukturan kelompok GBK dapat memberi tumpuan kepada matlamat kelompok dan membimbing ahli-ahli kelompok ke arah mencapai matlmat kelompok.

2.6.3 Model Perkembangan Kelompok

Perkembangan kelompok bergantung kepada kelancaran proses perjumpaan ahli-ahli membentuk sebuah kelompok mengikut keperluan mereka. pengkaji menjalankan rawatan kelompok dalam kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar dengan merujuk kepada satu model perkembangan kelompok bagi menilai dan memantau tahap perkembangan kelompok. Garis panduan GBK mengendalikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok mengikut cadangan Herlihy (1984) dalam Rajah 2.4 mempunyai enam peringkat proses perkembangan kelompok.

Rajah 2.4

Model peringkat perkembangan kelompok

Pembentukan *(Initiating)*	**Konflik *(Confrontation)***	**Kejelekitan *(Cohesion)***	**Produktiviti *(Productiveness)***	**Kasih sayang *(Affection)***	**Penamatan *(Termination)***
Orientasi peraturan Bilangan	Menyerang, menentang, konfrantasi ketua	Kelompok			
Pembentukan norma *(Forming Norming)*	Kekacauan *(Storming)*		Persembahan *(Performing)*		Kesedihan *(Mourning)*
Penyertaan	Berpengaruh			Kemesraan	
Tidak pasti, mencari Komunikasi dengan teliti Membuat andaian Sokongan	Keliru, marah Cabaran batasan dan halangan Berdikari	Kerjasama dalam kelompok Rasa kekitaan	Peringkat bekerja Struktur berfungsi Pemimpin dikongsi Saling bergantung	Fokus kepada hubungan Mengesan secara mendalam Seakan sekeluarga	Kesukaran dipengaruhi Penarikan diri Keperluan untuk penamatan

Sumber : *Herlihy (1984)*

i) Peringkat pertama : Pembentukan (*forming dan norming)*

Peringkat awal proses kelompok yang efektif bermula dengan mengenali antara satu sama lain. Ahli memperkenalkan diri secara ringkas dan menyembunyikan personaliti sebenar. Peranan GBK secara aktif menggalakkan ahli mengambil bahagian, membuang rasa ragu dan bimbing dalam kelompok. Perbincangan matlamat kelompok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diselaraskan dengan GBK dan ahli kelompok berdasarkan kerelaan termaklum yang ditetapkan bersama. Peringkat pertama menjadi persoalan kepada ahli kelompok sama ada diterima atau disukai yang melibatkan perasaan dan kurang berkomunikasi disebabkan masih mempunyai perasaan segan dan malu. Ketua kelompok mengatur persediaan dengan nada dan struktur sesebuah kelompok melalui panduan Finner-Collins (1989). Menyediakan situasi yang tenteram dari segi psikologi. Menunjukkan tingkahlaku dipermulaan dengan menjadi model kepada ahli seperti empati dan terima tanpa syarat. Menjelaskan peraturan terutama dalam kerahsiaan dan batasan masa. Menjalankan aktiviti suaikenal dalam kelompok kepada ahli yang memerlukan bantuan.

ii) Peringkat Kedua: Konflik/ Konfrantasi (*storming)*

Konflik timbul apabila ketua kelompok tidak menyediakan jawapan kepada ahli kelompok dan tiada kandungan dalam interaksi kelompok menyebabkan timbul situasi geram. Struktur kelompok yang disediakan mengurangkan dan mengelakkan serangan sesama ahli melalui tanda-tanda bantahan sama ada lisan atau bahasa badan. Tahap konfrantasi memberi gambaran kelompok berkembang dengan baik melalui anjakan kepada ahli untuk meneruskan atau tidak tingkahlaku tersebut sebagai cabaran dengan pengalaman tingkahlaku baharu. Konfrantasi boleh menjadi penamat sesebuah kelompok walaupuan salah satu langkah penting dalam perkembangan kelompok. Peranan ketua kelompok untuk peka tahap kerisauan, mengurangkan tekanan dan isu penarikan diri. Disamping menggalakkan perluahan, menyediakan contoh tingkahlaku konfrantasi dan merespon kepada konfrantasi untuk membantu kejelekitan ahli kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Peringkat Ketiga: Kekitaan (*cohesion)*

Perasaan kekitaan muncul setelah timbul kejelekitan dalam kelompok sebagai langkah penyatuan kepada kelompok dan cenderung untuk berkomunikasi secara terbuka. Dengan itu ahli sanggup menghadapi risiko dan memberi peneguhan sesama ahli dengan nilai yang dipegang oleh mereka melalui berkongsi kepimpinan dan saling bantu-membantu sehingga boleh bertukar ganti peranan fasilitator kelompok. Peranan ketua kelompok memberikan peneguhan ke arah mewujudkan kejelekitan dan kesedaran setelah timbul sesuatu yang baik dan kelompok menjadi menarik.

iv) Peringkat keempat: Produktiviti *(performing)*

Ahli-ahli dapat berkongsi matlamat dan mengfokuskan kepada matlamat diri dalam peringkat yang lebih stabil. Ahli-ahli juga dapat memainkan peranan masing dalam kelompok apabila timbul perasaan selamat atau selesa untuk membincangkan isu. Dengan itu kelompok berfungsi dengan baik dari struktur, peraturan dan meneruskan tugasan kerja ahli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v) Peringkat Kelima: Keberkesanan (*affection*)

Kelompok telah menjadi kukuh dalam usaha mencapai matlamat bersama dan menemui matlamat diri ahli masing-masing. Perhubungan yang rapat menjadikan ahli merasa yakin untuk mengkritik, berterus terang dalam perbincangan dan menilai semula tindak tanduk sesama sendiri. Dengan adanya ciri-ciri berikut, kelompok dikenalpasti mencapai keberkesanan apabila perhubungan dan mengambil berat antara satu sama lain menjadi keutamaan dalam melaksanakan tugasan ahli. Keutamaan dalam kelompok untuk meningkat perasaan keakraban dan penghargaan sesama ahli. Perkara kecil yang bermakna dalam kelompok disebut dan diingati semula oleh ahli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi) Peringkat keenam: Penamatan (*adjouring*)

Ketua kelompok memaklumkan kepada ahli-ahli kelompok agar bersedia untuk sesi penamatan kelompok. Makluman kepada ahli-ahli untuk menyelesaikan perasaan, pengalaman risau untuk berpisah dan kehilangan. Ketua kelompok membantu ahli-ahli membuat rumusan, gabungan pengalaman dan ucapan selamat berpisah sesama ahli dalam kelompok. Termasuk juga memproses semula perasaan untuk penamatan agar ahli kelompok menyedari akan mengalami perpisahan dan menerimanya.

Melalui enam peringkat perkembangan kelompok terdapat kepentingan, proses, peranan dan cabaran yang wujud. Dengan itu, GBK harus menyiapkan dengan pengetahuan, teknik dan kemahiran dalam mengendalikan kelompok agar perkembangan kelompok yang berkesan terhasil dengan interkasi yang aktif dalam kalangan ahli-ahli kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.4 Model Pembelajaran Kelompok Berstruktur

Kelompok bimbingan kajian ini adalah bersifat kelompok berstruktur secara kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar. Menurut Forsyth (2018) kelompok berstruktur adalah kelompok berperancangan intervensi yang berfokus kepada masalah interpersonal atau kemahiran yang spesifik. Sebelum memulakan kelompok, ketua kelompok mengenalpasti pembelajaran spesifik dan seterusnya memfokuskan kepada perkembangan tingkahlaku dengan memberi latihan bagi membantu ahli-ahli mempraktikkan kemahiran. Model pembelajaran kelompok berstruktur dalam Rajah


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 oleh Forsyth (2010) dengan lima tahap iaitu tahap orientasi, tahap pengalaman, tahap perbincangan, tahap analisis dan tahap efikasi.

Rajah 2.5

Model pembelajaran melalui kelompok berstruktur



Sumber : Forsyth (2010)

Tahap pertama, orientasi, ketua kelompok mengkaji isu-isu ahli kelompok untuk menetapkan fokus atau matlamat ahli-ahli bagi latihan dalam kelompok yang dilaksanakan. Pada tahap kedua, pengalaman GBK dan ahli kelompok berhubung dalam kelompok untuk berkongsi peristiwa yang dialami oleh ahli kelompok mengikut matlamat kelompok yang ditetapkan seperti main peranan, simulasi, tugasan perbincangan dan sebagainya. Kemudian tahap ketiga, ahli-ahli kelompok akan menyelesaikan latihan kelompok berdasarkan tahap kefahaman diri melalui perbincangan mereka dalam kelompok. Mereka seterusnya merumuskan pengalaman, berkongsi respon peribadi dan membuat interprestasi diri-diri masing dalam kelompok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikenali sebagai kelompok terbuka, berfokus kepada peranan dan subjektif bertanya, bertukar maklumat atau rakaman gambar.

Tahap kelima ahli kelompok memasuki tahap analisa dengan GBK membuat kajian pengalaman, menyusun makna dan membuat rumusan dari penglibatan aktiviti dalam kelompok. dalam pada itu, GBK dan ahli kelompok membantu antara satu sama lain untuk mengenal pasti tingkahlaku, diri sendiri dan ahli lain secara konsisten. Manakala tahap terakhir iaitu pembelajaran interpersonal dalam kelompok berstruktur merupakan tahap aplikasi. Ahli-ahli dalam kelompok dapat mengenalpasti tujuan akan kesan perubahan pemikiran dan tingkahlaku untuk aplikasi di luar persekitaran kelompok. Ahli-ahli kelompok memperolehi penstrukturan pemikiran baharu mengikut pengetahuan, kemahiran dan tingkahlaku baharu yang dikenalpasti bagi meningkatkan perkembangan pendidikan kerjaya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Perkaitan antara model perkembangan kelompok dan model pembelajaran kelompok berstruktur

Kajian ini menggunakan pendekatan bimbingan kelompok bagi menerapkan modul penerokaan dan pembuatan keputusan kerjaya dalam kalangan murid. Oleh itu, penggabungan antara Model Perkembangan Kelompok dan Model Pembelajaran Kelompok Berstruktur amat relevan untuk memastikan pelaksanaan intervensi berjalan secara terancang, berkesan dan menyeluruh.

Model Perkembangan Kelompok, seperti yang diperkenalkan oleh Tuckman (1965) yang merangkumi fasa forming, storming, norming, performing dan adjourning

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi gambaran bagaimana dinamik kumpulan berkembang dari peringkat awal pembentukan hingga ke tahap mencapai matlamat. Dalam konteks kajian ini, murid akan melalui fasa forming (pengenalan dan penyesuaian), kemudian norming dan performing apabila aktiviti bimbingan dijalankan dan ahli kumpulan mula bekerjasama serta menyumbang idea secara aktif dalam penerokaan kerjaya. Pemahaman terhadap dinamik kelompok adalah penting bagi kaunselor agar dapat mengawal suasana kelompok dan menangani cabaran interpersonal yang mungkin timbul dalam sesi bimbingan, kerana dinamika ini memberi kesan kepada keberkesanan intervensi serta kesejahteraan ahli kelompok (Corey, Corey, & Corey, 2023).

Sementara itu, Model Pembelajaran Kelompok Berstruktur pula memberi fokus kepada perancangan sistematik kandungan, aktiviti dan penilaian dalam setiap sesi kelompok. Pendekatan ini melibatkan struktur yang jelas seperti penetapan objektif sesi, penggunaan aktiviti berpandu seperti lakonan peranan, simulasi kerjaya, soal selidik minat dan refleksi kumpulan. Kaunselor bertindak sebagai fasilitator yang mengarah perjalanan kumpulan berdasarkan tahap kognitif dan emosi ahli kumpulan, serta menyepadukan hasil pembelajaran yang selari dengan objektif modul kerjaya. Sebagai contoh, dalam Modul ORANGE (2023), fasilitator berperanan membimbing peserta untuk mencapai perubahan kognitif, emosi, dan tingkah laku ke arah kesejahteraan psikologi, selaras dengan objektif modul tersebut. Selain itu, kajian oleh Mohd Ali (2010) mengenai pembangunan Modul Kesedaran Kerjaya (MKK) menekankan peranan fasilitator dalam membantu murid sekolah menengah mengenal pasti potensi diri dan hala tuju kerjaya mereka. Modul ini dibina untuk meningkatkan kesedaran kerjaya murid melalui aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh fasilitator terlatih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, kedua-dua model ini saling melengkapi dalam pelaksanaan kajian. Model perkembangan kelompok menyediakan kerangka psikososial bagi memahami interaksi dalam kumpulan, manakala Model Pembelajaran Kelompok Berstruktur memberikan rangka kerja pedagogi bagi merancang dan mengukur keberkesanan intervensi. Gabungan kedua-dua model ini memastikan pendekatan bimbingan kerjaya yang holistik, mesra murid, dan tersusun seterusnya memperkukuh proses penerokaan kerjaya dan membuat keputusan dalam kalangan murid sekolah.

2.8 Justifikasi aplikasi kelompok bimbingan dalam kajian

Justifikasi pemilihan kaedah kelompok bimbingan sebagai pendekatan dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya, terutamanya dalam kalangan murid. Interaksi sosial sebagai katalis penerokaan diri. Hanifa (2012) kelompok bimbingan menyediakan ruang untuk murid berkongsi minat, aspirasi, kerisauan dan persepsi tentang kerjaya secara terbuka. Proses ini membantu murid menyedari persamaan dan perbezaan dengan rakan sebaya, lalu memperkaya proses refleksi kendiri. Interaksi ini membolehkan mereka lebih terbuka terhadap pelbagai laluan kerjaya yang mungkin tidak difikirkan sebelum ini. Menyediakan sokongan psikososial. Salah satu cabaran utama dalam membuat keputusan kerjaya ialah kebimbangan, keraguan dan kurang keyakinan. Eng dan Murnizam (2023) menyatakan dalam kelompok, murid saling memberi dan menerima sokongan emosi. Ini meningkatkan *self-efficacy* dan motivasi dalaman murid dalam membuat pilihan kerjaya yang lebih yakin dan realistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan dalam kumpulan merangsang proses pemikiran kritis dan kolaboratif. Menurut Fong dan Bakar (2023) perbincangan dalam kumpulan mendorong murid untuk menilai pilihan kerjaya secara kritikal, mendengar pelbagai pandangan, dan belajar bagaimana orang lain membuat keputusan. Ini merangsang kemahiran berfikir aras tinggi seperti membuat penilaian, menilai risiko dan menganalisis nilai hidup sendiri dalam konteks kerjaya. Peluang simulasi dan latihan kemahiran. Menurut Shofiyulloh dan Wirastania (2020) kaedah kelompok sering melibatkan latihan simulasi, seperti lakonan peranan *(role play),* aktiviti "career mapping", dan "future self visualization". Aktiviti ini sukar dilaksanakan secara individu tetapi amat berkesan dalam kumpulan untuk membina kemahiran komunikasi, keyakinan diri, dan penerokaan kerjaya secara aktif. Berdasarkan penemuan penyelidikan, kajian seperti oleh Kajian oleh Wahyuningsih et al. (2025) meneliti keberkesanan teknik modeling dalam bimbingan kelompok untuk meningkatkan pemilihan kerjaya dalam kalangan murid Tingkatan 5. Melalui reka bentuk kajian pra-eksperimental, dapatan menunjukkan peningkatan signifikan dalam kejelasan matlamat kerjaya dan keyakinan membuat keputusan selepas intervensi. Justeru, ini menunjukkan teknik modeling dalam kelompok meningkatkan kemahiran perancangan kerjaya.

Kajian oleh Silva dan Taveira (2025) membincangkan peranan bimbingan kelompok dalam membantu murid menstrukturkan aspirasi kerjaya mereka secara bermakna, khususnya dalam konteks profesion perguruan. kepentingan psikologi vokasional dan pembangunan kerjaya dalam memahami dan membentuk aspirasi kerjaya murid. Intervensi bimbingan kelompok boleh membantu murid meneroka minat dan nilai peribadi mereka, serta memahami faktor kontekstual yang mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pilihan kerjaya. Pendekatan ini membolehkan murid membuat keputusan kerjaya yang lebih berinformasi dan selaras dengan matlamat jangka panjang mereka. Kelompok bimbingan membantu murid menstrukturkan aspirasi kerjaya mereka secara bermakna. Universiti Kebangsaan Malaysia (2024) melalui program UKM Career@Community telah membantu murid sekolah dalam memilih hala tuju dan memberi panduan merancang masa depan kerjaya dengan lebih baik. Program ini menyediakan platform kepada murid, terutamanya murid tingkatan lima, untuk mengenal minat dan eksplorasi kerjaya serta mengetahui cara dalam membuat perancangan hala tuju kerjaya.

Menurut Fris et al. (2025) meneroka keberkesanan intervensi bimbingan kerjaya dalam mengurangkan tekanan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid perubatan. Kajian ini menggunakan reka bentuk ujian terkawal rawak untuk menilai impak bimbingan kerjaya terhadap tekanan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid perubatan di peringkat sarjana. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid yang menerima bimbingan kerjaya melaporkan penurunan tekanan yang signifikan berbanding kumpulan kawalan. Bimbingan tersebut membantu murid mengenal pasti nilai peribadi, minat, dan pilihan kerjaya yang sesuai, serta meningkatkan keyakinan mereka dalam membuat keputusan kerjaya. Bimbingan kelompok meningkatkan keputusan kerjaya dalam kalangan murid perubatan. Universiti Kebangsaan Malaysia (2024) melalui Pusat Pembangunan Karier (UKM-Karier) telah melancarkan Kit MyKARIER yang mengandungi panduan langkah demi langkah, alat praktikal, dan aktiviti terancang bagi membantu murid mengenal pasti minat dan bakat, serta meneroka pelbagai pilihan kerjaya yang ada. Kit ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran baharu agar sesuai dengan keperluan kerjaya masa hadapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah ini sesuai dengan teori kerjaya terkini dan selari dengan Teori Pembelajaran Sosial Kerjaya (Krumboltz) yang menekankan pengaruh pengalaman sosial dan persekitaran dalam pilihan kerjaya. Krumboltz (2009) memperkenalkan konsep *Planned Happenstance*, yang menekankan kepentingan peristiwa tidak dirancang dalam pembangunan kerjaya. Beliau mencadangkan bahawa individu harus mengembangkan lima kemahiran utama untuk memanfaatkan peluang yang tidak dijangka. Keingintahuan, meneroka peluang pembelajaran baru. Ketabahan, mengatasi halangan dalam mencapai matlamat. Fleksibiliti, menyesuaikan diri dengan perubahan dan situasi baru. Optimisme, melihat peristiwa tidak dijangka sebagai peluang positif. Keberanian mengambil risiko, bersedia untuk mengambil tindakan walaupun menghadapi ketidakpastian. Kajian oleh Mohd Yunus et al. (2024) menyokong aplikasi teori ini dalam kaunseling kerjaya, terutamanya dalam membantu murid mengenal pasti minat dan nilai mereka, serta membina kemahiran membuat keputusan yang berkesan. Kajian ini juga menekankan peranan peristiwa tidak dirancang dalam membentuk laluan kerjaya individu.

Kos efektif dan mudah diimplementasi di sekolah. Bimbingan kelompok di sekolah menengah di Malaysia telah dikenalpasti sebagai pendekatan yang kos efektif dan mudah diimplementasi, membolehkan guru bimbingan dan kaunseling (GBK) mengendalikan lebih ramai murid dalam masa yang singkat. Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan sumber, tetapi juga meningkatkan keberkesanan intervensi kaunseling dalam kalangan murid. Secara praktikal, kaunselor atau guru bimbingan dapat mengendalikan lebih ramai murid dalam masa yang singkat melalui kelompok, berbanding sesi individu. Ia juga menjimatkan masa, sumber dan mewujudkan suasana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan dinamik. Satu kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menilai keberkesanan kos program bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bimbingan kelompok membolehkan GBK menyampaikan intervensi kepada kumpulan murid secara serentak, menjimatkan masa dan sumber berbanding sesi individu. Ini amat bermanfaat dalam konteks sekolah yang mempunyai bilangan murid yang ramai dan sumber yang terhad. Selain itu, bimbingan kelompok memupuk interaksi sosial dan sokongan rakan sebaya, yang penting dalam pembangunan sahsiah dan kesejahteraan mental murid. Melalui sesi kelompok, murid dapat berkongsi pengalaman, membina kemahiran komunikasi, dan meningkatkan keyakinan diri. Ia menyokong pelaksanaan bimbingan kelompok sebagai strategi yang efektif dan efisien dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Seterusnya memberikan justifikasi kepada pihak sekolah dan pembuat dasar untuk mengutamakan pendekatan ini dalam usaha meningkatkan kesejahteraan murid secara menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, bimbingan kelompok merupakan pendekatan yang bukan sahaja berkesan dan efisien, malah memperkukuh dimensi emosi, sosial dan kognitif dalam kalangan murid yang sedang meneroka laluan kerjaya. Ia berupaya mengurangkan keraguan, mempertingkatkan motivasi, dan menyediakan ruang sokongan berstruktur bagi murid membuat keputusan yang lebih tepat dan yakin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Justifikasi pemilihan pembolehubah moderator jantina dan status sosioekonomi

Perbezaan jantina dalam proses pemilihan kerjaya sering dikaitkan dengan faktor seperti efikasi kendiri, kepekaan terhadap risiko, dan pengaruh sosial. Efikasi kendiri merujuk kepada keyakinan individu terhadap keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas atau mencapai matlamat tertentu. Dalam konteks pemilihan kerjaya, beberapa kajian menunjukkan perbezaan efikasi kendiri antara jantina. Kajian oleh Nur Nasiyati et al. (2022) mendapati bahawa murid perempuan menunjukkan efikasi kendiri yang lebih tinggi dalam aspek maklumat pekerjaan dan penyelesaian masalah berbanding murid lelaki. Sebaliknya, kajian oleh Anis Fatima Savugathali (2016) tidak menemui perbezaan signifikan dalam efikasi kendiri berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan enam. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti pengalaman pembelajaran, sokongan sosial, dan persepsi terhadap peranan jantina dalam masyarakat.

Kepekaan terhadap risiko merujuk kepada sejauh mana individu cenderung untuk mengelakkan atau mengambil risiko dalam membuat keputusan. Dalam konteks pemilihan kerjaya, kepekaan terhadap risiko boleh mempengaruhi pilihan individu terhadap bidang kerjaya tertentu. Namun, kajian spesifik mengenai perbezaan jantina dalam kepekaan terhadap risiko dalam pemilihan kerjaya di Malaysia masih terhad. Pengaruh sosial, termasuk peranan keluarga, rakan sebaya, dan masyarakat, memainkan peranan penting dalam proses pemilihan kerjaya. Kajian oleh Mohd Helmi Ali et al. (2022) menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti harapan keluarga dan norma sosial mempengaruhi pemilihan kerjaya murid universiti. Persepsi terhadap peranan jantina dalam masyarakat juga boleh mempengaruhi pilihan kerjaya individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasnya, perbezaan jantina dalam efikasi kendiri, kepekaan terhadap risiko, dan pengaruh sosial dapat mempengaruhi cara individu mendekati proses pemilihan kerjaya. Memahami perbezaan ini penting bagi kaunselor dan pendidik dalam menyediakan sokongan yang sesuai untuk membantu murid membuat keputusan kerjaya yang bijak dan berkesan.

Perbezaan kecenderungan pemilihan kerjaya antara murid lelaki dan perempuan, khususnya dalam konteks pendidikan menengah di Malaysia. Lee (2022) menyatakan kecenderungan murid lelaki terhadap bidang teknikal dan mekanikal. Murid lelaki cenderung memilih kerjaya yang bersifat realistik, melibatkan kerja praktikal, teknikal, atau fizikal yang memerlukan kemahiran tangan dan penyelesaian masalah konkrit seperti mekanik automotif dan jurukimpal. Kecenderungan murid perempuan terhadap bidang sosial dan perkhidmatan. Sebaliknya, murid perempuan lebih cenderung kepada minat kerjaya yang bersifat artistik dan sosial. Minat kerjaya artistik memerlukan kreativiti, ekspresi diri, dan kepekaan estetik, seperti kerjaya sebagai pelukis, pereka fesyen, dan pekerja sosial.

Menurut Mohamad Zhurad dan Mohd Nasrun (2022) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan ini seperti stereotaip jantina terhadap persepsi tradisional mengenai peranan jantina dalam masyarakat boleh mempengaruhi pilihan kerjaya murid. Pendedahan awal kepada bidang tertentu sejak awal boleh membentuk minat dan aspirasi kerjaya murid. Sokongan sosial daripada keluarga, rakan sebaya, dan guru boleh mempengaruhi keyakinan murid dalam memilih kerjaya tertentu. Implikasi terhadap pendidikan dan kaunseling kerjaya, penting bagi pendidik dan kaunselor untuk menyediakan pendedahan yang seimbang. Memberikan maklumat dan pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang luas mengenai pelbagai bidang kerjaya kepada semua murid tanpa mengira jantina. Menggalakkan pemikiran kritis bagi membantu murid menilai minat dan kebolehan mereka secara objektif, bebas daripada stereotaip jantina. Menyediakan sokongan yang sesuai bagi memberikan bimbingan dan sokongan yang disesuaikan dengan keperluan individu murid dalam proses pemilihan kerjaya.

Akses kepada maklumat kerjaya yang mencukupi membolehkan murid membuat keputusan yang lebih tepat mengenai pilihan kerjaya mereka. Maklumat ini merangkumi pengetahuan tentang pelbagai bidang pekerjaan, keperluan kelayakan, prospek kerjaya, dan laluan pendidikan yang sesuai. Kekurangan maklumat boleh menyebabkan murid membuat pilihan yang tidak selaras dengan minat atau kebolehan mereka, yang akhirnya boleh menjejaskan kepuasan dan kejayaan dalam kerjaya. Kajian oleh Haron dan Sumeri (2022) menekankan bahawa minat murid terhadap bidang tertentu, seperti teknologi automotif, mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat mereka untuk menceburi kerjaya dalam bidang tersebut. Ini menunjukkan bahawa maklumat yang mencukupi mengenai bidang kerjaya dapat mempengaruhi minat dan seterusnya niat kerjaya murid. Selain itu, kajian oleh Mahadi dan Abdullah (2021) menunjukkan bahawa salah satu aspek penting dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan kerjaya adalah maklumat mengenai profesion berkenaan. Kekurangan maklumat boleh menyebabkan murid menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya yang tepat. Oleh itu, penyediaan maklumat kerjaya yang komprehensif dan mudah diakses adalah penting dalam membantu murid membuat keputusan kerjaya yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cabaran utama murid B40 dalam pemilihan kerjaya kekangan ekonomi yang menyekat pilihan kerjaya. Hazyq (2022) berpendapat kekangan kewangan menyebabkan ramai murid B40 menolak tawaran pendidikan tinggi walaupun mereka berkelayakan. Sebagai contoh, terdapat murid cemerlang dari keluarga B40 yang menolak tawaran biasiswa kerana tidak mampu menanggung kos sampingan seperti pengangkutan dan perbelanjaan harian. Intervensi untuk menyokong murid B40 dengan meningkatkan akses kepada maklumat kerjaya. Menyediakan platform maklumat kerjaya yang mudah diakses dan relevan untuk murid B40, termasuk maklumat tentang pelbagai profesion, laluan pendidikan, dan peluang latihan.

Murid B40 kurang pendedahan kepada pelbagai pilihan kerjaya. Mereka sering terhad kepada maklumat kerjaya yang sempit, menyebabkan mereka kurang mengetahui tentang pelbagai laluan kerjaya yang tersedia. Kajian oleh Selamat et al. (2023) menunjukkan bahawa walaupun remaja B40 di kawasan perumahan awam menunjukkan minat terhadap keusahawanan, mereka menghadapi kekangan dalam pengetahuan asas dan pendedahan kepada bidang tersebut. Intervensi untuk menyokong murid B40 dengan mengadakan program bimbingan kerjaya yang disesuaikan dengan latarbelakang mereka. Mengadakan program bimbingan kerjaya yang mengambil kira latar belakang sosioekonomi murid B40, membantu mereka mengenal pasti minat dan potensi kerjaya yang sesuai.

Sementara itu, akses yang terhad kepada program pembangunan kerjaya. Menurut Sumari, et al. (2015) melalui program pembangunan kerjaya seperti latihan kemahiran dan bimbingan kerjaya kurang tersedia atau tidak mudah diakses oleh murid B40. Ini mengehadkan peluang mereka untuk membina kemahiran yang diperlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam pasaran kerja. Intervensi untuk menyokong murid B40 melalui sokongan kewangan dan logistik. Menurut Sulaiman, et al. (2021) dengan menyediakan bantuan kewangan dan sokongan logistik seperti pengangkutan dan perumahan untuk murid B40 yang ingin melanjutkan pelajaran atau mengikuti latihan kemahiran.

Murid daripada latar belakang sosioekonomi rendah (SES rendah) sering kali menghadapi cabaran dalam membentuk aspirasi kerjaya yang luas dan bercita-cita tinggi. Faktor-faktor seperti kekurangan sumber maklumat, jaringan sosial yang terhad, dan persepsi terhadap batasan sosial serta peluang ekonomi memainkan peranan penting dalam menyempitkan pilihan kerjaya mereka. Murid dari latar belakang sosioekonomi rendah (SES rendah) sering menghadapi cabaran dalam mengakses maklumat dan sumber kerjaya yang mencukupi, yang boleh menyempitkan aspirasi kerjaya mereka. Kajian oleh Bennett et al. (2021) mendapati bahawa murid SES rendah kurang terdedah kepada maklumat mengenai pilihan pendidikan tinggi, laluan kerjaya, dan peluang pekerjaan berbanding rakan sebaya mereka. Kekurangan ini boleh menyebabkan mereka membuat keputusan kerjaya berdasarkan maklumat yang terhad atau tidak tepat, yang akhirnya menjejaskan kepuasan dan kejayaan dalam kerjaya.

Di Malaysia, inisiatif seperti Sistem e-Profil Kerjaya Murid (SePKM) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu murid merancang halatuju pendidikan dan kerjaya mereka. SePKM menyediakan platform dalam talian yang membolehkan murid mengakses maklumat kerjaya, menilai minat dan personaliti mereka, serta mendapatkan bimbingan yang sesuai. Namun, keberkesanan sistem ini bergantung kepada tahap kesedaran dan penggunaan oleh murid, terutamanya mereka dari latar belakang SES rendah yang mungkin kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdedah kepada teknologi atau bimbingan yang mencukupi. Untuk memperluas aspirasi kerjaya murid SES rendah, adalah penting untuk menyediakan akses yang lebih baik kepada maklumat kerjaya yang berkualiti, memperkukuh bimbingan dan kaunseling di sekolah, serta melibatkan komuniti dan keluarga dalam proses perancangan kerjaya murid.

Murid daripada latar belakang sosioekonomi rendah (SES rendah) sering menghadapi kekangan ekonomi dan sosial yang menyempitkan aspirasi kerjaya mereka. Faktor-faktor seperti tekanan kewangan, tanggungjawab keluarga, dan kekurangan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam membentuk pilihan kerjaya mereka. Faktor-faktor kekangan ekonomi dan sosial antaranya tekanan kewangan dan tanggungjawab keluarga. Kajian oleh FINCO (2023) mendapati bahawa 39.5% murid dari keluarga B40 memilih untuk bekerja selepas SPM berbanding melanjutkan pelajaran, disebabkan oleh kekangan kewangan, manakala 14.8% lagi menyatakan tanggungjawab keluarga sebagai faktor utama keputusan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, akses terhad kepada pendidikan tinggi juga mempengaruhi. Murid dari latar belakang SES rendah sering menghadapi halangan dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi disebabkan oleh kos yuran, perbelanjaan harian, dan kekurangan maklumat mengenai peluang pendidikan. Kajian oleh Universiti Putra Malaysia menunjukkan bahawa faktor-faktor ini boleh menghalang aspirasi mereka untuk melanjutkan pelajaran. Manakala kurangnya sokongan sosial dan role model turut juga mempengaruhi. Ketiadaan sokongan sosial dan kekurangan role model dalam komuniti mereka boleh menyebabkan murid kurang motivasi untuk mengejar kerjaya yang lebih tinggi. Kajian oleh *American Psychological Association* menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa kelas sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi aspirasi kerjaya, trajektori dan pencapaian individu. Kurangnya pendedahan kepada pelbagai pilihan kerjaya merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh murid dari latar belakang sosioekonomi rendah terutamanya dalam kalangan kumpulan B40 di Malaysia. Kekangan ini boleh menyempitkan aspirasi kerjaya mereka dan menghalang potensi sebenar daripada direalisasikan.

Selain itu, faktor kurangnya pendedahan kerjaya adalah kerana pendedahan terhad kepada pilihan kerjaya. Kebanyakan murid hanya terdedah kepada kerjaya konvensional seperti doktor, peguam, dan akauntan, sedangkan terdapat banyak bidang lain yang mempunyai kebolehpasaran tinggi seperti digital dan keselamatan siber. Kurangnya pendedahan ini menyebabkan murid tidak menyedari pelbagai pilihan kerjaya yang tersedia. Seterusnya juga kekurangan maklumat mengenai tren pekerjaan masa depan. Murid sering menghadapi kesukaran dalam memilih bidang pengajian yang tepat kerana kekurangan maklumat mengenai tren pekerjaan masa depan. Analisis oleh Kementerian Sumber Manusia dapat memberi pendedahan kepada murid mengenai sektor-sektor yang dijangka berkembang pesat, serta kemahiran khusus yang diperlukan dalam sektor-sektor tersebut. Sementara itu kurangnya kesedaran dan panduan prospek kerjaya turut juga terlibat. Sebilangan siswazah adakalanya tidak pasti dengan hala tuju mereka selepas menamatkan pengajian. Kurangnya pendedahan dan panduan prospek kerjaya mengakibatkan mereka membuat kesilapan apabila tidak meneliti potensi kerjaya yang sesuai dengan kelayakan akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Konseptual MBKTPTR dalam intervensi KBK dan KBB


Kerangka konseptual adalah berkait dengan soalan kajian bagi mencapai objektif kajian. Kerangka ini dibina untuk menghubungkaitkan MKBTPTR dengan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya subjek. Subjek kajian terdiri murid tingkatan empat dari dua buah sekolah menengah Hulu Terengganu. Subjek dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pembeolehubah bebas iaitu MKBTPTR mengkaji kesan ke atas pembolehubah terikat penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Pembolehubah jantina dan SES juga turut diuji untuk melihat kesan ke atas MKBTPTR. Kedua-dua pembolehubah ini diuji bagi melihat kesan modul yang dijalankan ke atas kedua-dua pembolehubah tersebut. Perbezaan juga di lihat pada ujian pra dan pos bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dan kesan antara rawatan kumpulan kecil dan kumpulan rawatan besar terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Perbezaan ujian pra dan ujian pos juga dijalankan melihat kesan MKBTPTR ke atas jantina. Rajah 2.6 kerangka konseptual kajian ditunjukkan bagi melaksanakan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.6

Kerangka konseptual intervensi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11 Kajian-kajian Lepas

Perbincangan literatur dibahagikan kepada dua pembahagian. Perbincangan bahagian pertama kajian-kajian lepas mengenai teori TPTR dan intervensi yang berkaitan. Pembahagian kedua mengenai kajian-kajian lepas penerokaan dan membuat keputusan kerjaya dan kajian intervensi yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.1 Kajian-kajian lepas kelompok TPTR

Kajian oleh Nor Afiti (2015) bagi mengukur kesan kaunseling kelompok TPTR terhadap kemurungan, kebimbangan, kelangsangan, motivasi, pencapaian dan persepsi negatif terhadap ibu bapa bercerai. Kajian berbentuk quasi eksperimen dengan pra dan pos ujian kumpulan rawatan (20 subjek) dan kumpulan kawalan (10 subjek) secara persampelan bertujuan. Seramai 30 orang murid tingkatan dan dua dari dua buah sekolah menengah. Kumpulan rawatan didedahkan lapan sesi kaunseling kelompok TPTR selama 16 jam keseluruhan. Inventori ibu bapa bercerai digunakan untuk mengukur data pra dan pos ujian. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi pada min, ANCOVA dan *pos hoc* pada aras signifikan .05. Dapatan meenunjukkan kaunseling kelompok TPTR berkesan secara signifikan terhadap kemurungan, kebimbingan, motivasi pencapaian, dan persepsi negatif ibu bapa dalam kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Kesimpulan kaunseling kelompok TPTR berkesan membantu menangani masaalah psikologi ibu bapa bercerai.

Seterusnya Ahmad Jazimin, Zakaria, Abdul Malek, Mohammad Nasir, Mohammad Aziz Shah dan Kamaruzaman (2011) menjalankan kajian untuk membangunkan dan mengesahkan modul kaunseling kelompok TPTR. Pembinaan modul berdasarkan kajian literatur pada fasa pertama. Kaedah *mix method* kualitatif dan kuantitatif digunakan pengkaji. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis kandungan buku-buku berkaitan kaunseling kelompok TPTR melalui analisis dokumen. Manakala kesahan diperolehi daripada pakar-pakar secara kuantitatif melalui skor kumulatif dan analisis daripada tujuh pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Mason (2016) terhadap kesan potensi sesi kaunseling kelompok berstruktur terhadap jurang pencapaian akademik apabila melaksanakan program-program kaunseling sekolah yang komprehensif. Murid diberi galakan dan sokongan melalui *reality therapy* supaya murid merasai terjaga dan dimiliki oleh kumpulan tertentu atau sekolah. Kemudian murid diminta menitikberatkan kepentingan pencapaian akademik, peribadi atau pelasaran sosial dan pembangunan kerjaya. Penggunaan Terapi Realiti sangat sesuai dalam kelompok kerana memberi peluang kepada ahli untuk meneroka dan memenuhi keperluan mereka. Penggunaan WDEP oleh GBK membantu memilih perkara yang berguna pada waktu tertentu melaksanankannya pada waktu tersebut. Seterusnya dapat membantu murid untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kesan tingkah laku semasa mereka.

Kajian oleh Loyd (2005) menyelidik sejauh mana pendedahan kepada Teori Pilihan meningkatkan kepuasan murid sekolah menengah dalam 4 keperluan psikologi: kepunyaan, kuasa, kebebasan, dan keseronokan. Reka bentuk pra dan pos ujian yang tidak dirakam, digunakan secara puratanya. Untuk 5 sesi, kumpulan rawatan menerima pendedahan kepada prinsip Teori Pilihan. Selepas pasca pertama, kumpulan kawalan juga menerima pendedahan kepada prinsip teori pilihan. Satu ujian pos kedua telah ditadbir kepada setiap kumpulan. Ujian ANOVA telah dijalankan ke atas semua data mengenai kepuasan yang dirasakan oleh setiap 4 keperluan psikologi selepas berakhirnya pendedahan kedua. Keputusan menunjukkan bahawa pendedahan murid sekolah menengah ke prinsip Teori Pilihan mempunyai kesan positif yang positif terhadap persepsi mereka terhadap kepuasan dalam 3 dari 4 keperluan psikologi. Kajian ini boleh membuktikan bermanfaat kepada pendidik mengajar murid untuk memenuhi keperluan mereka dalam kaedah yang sesuai dan berkesan boleh membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengurangkan pilihan tingkah laku yang mengganggu dan merosakkan dan boleh meningkatkan pilihan tingkah laku yang memenuhi keperluan mereka dengan berkesan.

Kianipour dan Hoseini (2012) mengkaji keberkesanan *Choice Theory* terhadap pengajaran guru dan pencapaian akademik murid. Kajian yang dijalankan berbentuk eksperimen. Terdapat dua kumpulan ujian iaitu pra dan pos. Populasi kajian melibatkan semua guru di sebuah pejabat pendidikan di sebuah bandar di Iran dan guru daripada sekolah rendah yang dipilih berdasarkan sampel rawak mudah. Sebanyak lapan sesi latihan *Choice Theory* diberikan kepada guru-guru melebihi tempoh sebulan. Kajian ini menggunakan ujian ANOVA untuk menganalisis data kajian. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan perkongsian *Choice Theory Reality Therapy* dengan guru dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan murid. Integrasi *Reality Therapy* dalam bilik darjah dapat meningkatkan motivasi dalaman dalam kalangan murid. Selain itu dapatan dalam kajian ini menerangkan lagi tentang hubungan di antara guru dan murid. Ini kerana perkara yang disampaikan dan dikongsi kan oleh guru memberi pengaruh yang besar terhadap prestasi murid itu sendiri dan juga aspek pembelajaran mereka.

Seterusnya kajian oleh Mateo, Makundu, Barnachea Dan Paat (2014) dari Filipina mengkaji tentang keberkesanan program psiko pendidikan berdasarkan *choice theory* untuk meningkatkan efikasi kendiri dalam kalangan murid. seramai 25 orang mahasiswa berisiko prestasi rendah terlibat dan 12 orang sahaja melengkap tiga sesi program iaitu sembilan lelaki dan tiga perempuan. Rekabentuk kajian eksperimen melalui pra dan pos ujian. Soal selidik *general self efficacy scale* (GSES) digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjawab pra dan pos ujian melalui persetujuan termaklum daripada murid. Dapatan menunjukkan program psiko pendidikan menggunakan *choice theory* dapat meningkatkan efikasi kendiri dalam kalangan murid.

Rumusan kajian lepas terhadap kelompok bimbingan TPTR oleh pengkaji lepas memberikan kesan yang signifikan terhadap aspek yang dikaji. Namun penggunaan kelompok bimbingan TPTR ke atas perkembangan kerjaya didapati tiada dijalankan diperingkat tempatan. Oleh itu, pengkaji berpendapat kajian berkaitan dengan MKBTPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya sesuai dilaksanakan di peringkat tempatan untuk melihat kesannya ke atas perkembangan kerjaya murid. Kajian-kajian juga lepas didapati membincangkan tentang perkembangan psikologi kanak-kanak dan remaja, efikasi kendiri umum, fungsi tingkah laku. Namun didapati kurang memfokus perkembangan kerjaya. Oleh itu pengkaji berpendapat kajian MKBTPTR dilaksanakan terhadap perkembangan kerjaya murid sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.2 Kajian-kajian lepas TPTR

Kajian-kajian lepas yang akan dibincangkan di bawah meliputi kajian yang menggunakan pendekatan secara terpisah sama ada Teori Pilihan atau Terapi Realiti dan Teori Pilihan Terapi Realiti. Pelbagai fokus yang diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu dalam penggunaan pendekatan TPTR dalam kajian mereka. Fokus TPTR yang dibincangkan di bawah meliputi fokus disiplin, akademik, seksual, tingkah laku, komunikasi, kualiti hidup, personaliti dan psikologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Abdi Safar, et. al., (2019) bertujuan untuk membandingkan keberkesanan kumpulan terapi realiti dan psikoterapi positif dalam meningkatkan keyakinan yang tidak rasional dan ketabahan psikologi murid sekolah tinggi lelaki di Shahrekord. Kepercayaan tidak rasional oleh murid yang berbakat cemerlang boleh mempengaruhi ketahanan psikologi mereka dan seterusnya mengakibatkan hasil sosial dan akademik yang buruk. Selepas itu, kumpulan terapi realiti dan intervensi psikoterapi positif dilakukan dalam tempoh lapan dan sepuluh minggu untuk kumpulan eksperimen. Di samping itu, *Jones Irrational Beliefs Test* (IBT) dan *Kobasa' s Psychological Hardiness Scale* digunakan untuk mengumpul data. Setelah enam bulan, pasca ujian dilaksanakan kepada para murid terlibat. Kemudian data dianalisis menggunakan ujian berulang ANOVA dan *Bonferroni post hoc*. Penemuan menunjukkan bahawa terapi realiti kumpulan dan psikoterapi positif membawa kepada penurunan kepercayaan yang tidak rasional manakala terapi tersebut meningkatkan ketabahan psikologi dalam murid bakat cemerlang (P <0. 001). Sebaliknya, keputusan ujian *pasca-hoc* menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kesan terapi realiti kumpulan dan psikoterapi positif terhadap keyakinan yang tidak rasional dan ketabahan psikologi dalam murid bakat cemerlang (P> 05). Kesimpulannya terapi realiti kumpulan dan psikoterapi positif mengurangkan kepercayaan yang tidak rasional dan meningkatkan ketahanan psikologi para murid berbakat cemerlang. Oleh itu, terapi ini boleh digunakan sebagai intervensi yang berkesan untuk kumpulan yang disasarkan.

Kajian oleh Çelik dan Odacı (2018) adalah untuk mengkaji kecekapan program berstruktur yang dibangunkan berdasarkan prinsip-prinsip konsep terapi realiti untuk membangunkan kesedaran, pemahaman dan menangani strategi untuk penangguhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akademik oleh murid. Hipotesis kajian adalah menguji murid yang menyertai program latihan yang menangguhkan penangguhan akademik berdasarkan terapi realiti akan mempunyai pengurangan mata penangguhan akademik berbanding murid kumpulan kawalan dan pengurangan ini akan berterusan pada langkah susulan 1 dan 3 bulan selepas akhir permohonan. Kesimpulan kajian eksperimen ini adalah menunjukkan bahawa penangguhan akademik murid yang menghadiri program latihan untuk mengatasi penangguhan akademik yang dibangunkan berdasarkan terapi realiti akan berkurang dengan ketara berbanding penangguhan murid akademik tanpa latihan ini. Hasil kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara titik min pada ujian pasca dan ujian susulan kumpulan eksperimen. Hasil ini menyokong hipotesis penyelidikan dan ditafsirkan sebagai menunjukkan bahawa program latihan untuk menangani penangguhan akademik berdasarkan terapi realiti mengurangkan penangguhan akademik dan merupakan program yang berkesan dalam menjaga aras kestabilan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, kajian oleh Roozbahani, Heidari, Davoodi dan Salimi (2017) bertujuan menentukan keberkesanan terapi kumpulan mengenai kualiti hidup para peserta yang menghadiri *Conference of viewing* (Didan) dari *Living Word Institute*. Kaedah penyelidikan adalah reka bentuk semi-eksperimen dan *pretest-posttest* dengan kumpulan kawalan. Komuniti statistik semua peserta berada di persidangan rujukan pada tahun 1394. Para sukarelawan dipilih secara persampelan secara rawak dan secara rawak ditugaskan untuk kumpulan percubaan dan kawalan (n1 = n2 = 15). Kualiti hidup semua peserta diukur dengan Soal Selidik Kualiti Hidup WHO (1996). Intervensi berdasarkan terapi realiti dilakukan dalam 9 sesi kumpulan selama dua minggu untuk kumpulan eksperimen dan tidak ada program yang dilakukan untuk kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada akhir intervensi, kualiti hidup semua peserta diukur semula (selepas ujian) dan dianalisis dengan menggunakan analisis multivariate covariance. Keputusan menunjukkan bahawa intervensi berasaskan terapi mempunyai kesan yang signifikan terhadap kualiti hidup peserta (P <0.01). Berdasarkan hasil kajian, dapat disimpulkan bahwa realiti terapi adalah kaedah pendidikan-terapeutik yang sesuai untuk meningkatkan kualiti hidup individu.

Noryati dan Ahmad Jazimin (2016) mengkaji tingkah laku ponteng sekolah di kalangan murid di sebuah sekolah menengah di Perak, Malaysia berdasarkan *Choice Theory*. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis psikologi kawalan luaran dan dalaman, keperluan asas dan jumlah tingkah laku murid yang terlibat dengan masalah ponteng. Rekabentuk kajian adalah satu kajian kes. Data telah dikumpulkan oleh temu bual dan dokumen analisis berstruktur. Data dianalisis dengan menggunakan perisian NVivo. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa tiga komponen unsur-unsur kasih sayang dan kekitaan, keseronokan dan kebebasan adalah keperluan asas yang paling dominan di kalangan responden. Selain itu, dapatan juga menunjukkan masalah yang dapat dikenal pasti dalam kalangan murid ponteng ini adalah berpunca daripada masalah keluarga, rakan-rakan dan persekitaran sekolah. Penggunaan *Choice Theory* dalam kajian ini membantu Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam memahami gejala ponteng dengan melihat kepada *basic need* murid tersebut. Pengkaji juga dapat melihat psikologi kawalan dalaman dan kawalan luaran murid tersebut.

Kajian seterunya berkaitan dengan *Choice Theory* telah dijalankan oleh Tanrikulu (2014) yang bertujuan untuk melihat masalah buli siber dari perspektif *Choice Theory*. Kajian yang dijalankan ini membincangkan dengan lebih lanjut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan dengan isu yang menyebabkan berlaku masalah siber buli. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati *Choice Theory* sesuai digunakan untuk memahami masalah siber buli. Penggunaan *Choice Theory* juga dapat memahami tingkah laku buli siber dengan lebih berkesan berdasarkan keperluan asas yang terdapat dalam *Choice Theory*. Oleh itu, jelas menunjukkan *Choice Theory* adalah sangat sesuai digunakan untuk memahami masalah yang berlaku berkaitan dengan buli siber.

Satu kajian telah dijalankan oleh Mateo, Makundu, Barnachea dan Paat (2014) di Filipina mengkaji tentang keberkesanan program psiko pendidikan berdasarkan *Choice Theory* untuk meningkatkan efikasi dalam kalangan murid. Seramai 25 orang mahasiswa berisiko prestasi rendah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut hanya 12 orang murid sahaja yang melengkapkan tiga sesi program tersebut iaitu sembilan lelaki dan tiga orang perempuan. Reka bentuk kajian adalah berbentuk eksperimen. Data diperolehi melalui ujian pra dan ujian pos. Setelah mendapat persetujuan termaklum daripada murid ujian pra yang menggunakan *General Sel-Efficacy Scale* (GSES) diedarkan kepada murid manakala ujian pos yang menggunakan soal selidik yang sama dijalankan pada akhir sesi. Hasil dapatan menunjukkan program psiko pendidikan menggunakan *Choice Theory* ini dapat meningkatkan efikasi kendiri dalam kalangan murid.

Selanjutnya kajian oleh Yuan (2015) tentang perspektif GBK terhadap kanak-kanak yang bercirikan personaliti indigo berdasarkan pendekatan TPTR. Tujuan kajian adalah meneliti personaliti kanak-kanak yang bercirikan indigo dan mengukur keberkesanan TPTR dalam membantu mereka ke arah perkembangan positif. Rekabentuk kualitatif secara kajian kes digunakan untuk memperoleh maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui sampel bertujuan terhadap empat orang GBK di Miri Sarawak. Data dianalisis menggunakan perisian *Nvivo* versi 10.0. dapatan kajain menunjukkan TPTR berkesan membantu GBK dalam proses menjalinkan hubungan dengan kanak-kanak bercirikan indigo. Daripada itu juga membantu golongan kanak-kanak mendalami dunia mereka melalui penilaian secara menyeluruh.

Kajian yang menggunakan *Choice Theory* telah dijalankan oleh Esa Abd. Samad (2011) untuk mengkaji tingkah laku buli dalam kalangan murid. Kajian ini berbentuk kajian kes yang dijalankan melalui kaedah *single case multiple site* dalam kalangan lima orang informan utama dan enam orang informan tambahan. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur. Hasil kajian menunjukkan responden kajian dipengaruhi oleh psikologi kawalan luaran yang menyebabkan mereka melakukan tingkah laku buli untuk memenuhi keperluan asas seperti kuasa, kasih sayang dan kesepunyaan, kebebasan, kegembiraan dan kelangsungan hidup. Pengkaji mendapati *Choice Theory* dapat digunakan dalam mengenal pasti atau mendiagnosis masalah-masalah yang dialami oleh murid.

Selain itu Kavitha (2012) juga telah menjalankan kajian yang melihat tingkah laku seksual bebas dari perspektif *Choice Theory*. Kajian yang dijalankan terhadap pelatih sebuah pusat perlindungan dan pemulihan negeri ini bertujuan untuk mengenal pasti tingkah laku keseluruhan pelatih yang terlibat dengan tingkah laku seksual berdasarkan aspek kehendak, pemikiran, perasaan dan perlakuan, mengenalpasti tanggapan pelatih yang terlibat dengan tingkah laku seksual tentang dunia realiti dan mengenalpasti dunia kualiti yang ada dalam diri pelatih yang terlibat dengan masalah seksual. Reka bentuk kajian kes ini melibatkan seramai empat orang responden utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan seorang informan tambahan. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual. Hasil kajian menunjukkan penggunaan *Choice Theory* ini membantu pengkaji dalam memahami kehendak terhadap keperluan asas responden. Hasil kajian menjelaskan responden kajian melakukan tingkah laku seksual bebas untuk menjadikan diri mereka berkuasa, bebas, seronok, memenuhi keperluan kasih sayang dan kelangsungan hidup.

Kajian ringkas yang telah dijalankan oleh Mocan (2013) menjelaskan lagi tentang fungsi Terapi Realiti dalam konteks klinikal dan pendidikan. Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada kanak-kanak dan juga remaja. Berdasarkan beberapa kajian kes yang telah dirujuk menunjukkan Terapi Realiti memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan fungsi tingkah laku. Mocan menekankan bahawa Terapi Realiti, berasaskan Teori Pilihan oleh William Glasser, berfokus pada pengoptimuman pilihan dan tindakan individu untuk memenuhi keperluan asas mereka, serta meminimumkan kesilapan persepsi yang menyebabkan ketidakselesaan. Pendekatan ini melibatkan strategi tingkah laku, penekanan pada tujuan dan penyelesaian, mobilisasi sumber, dan penglibatan dalam tindakan. Terapi ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan memfasilitasi pemulihan beberapa patologi, dengan menekankan pentingnya memilih alternatif yang lebih positif dalam kehidupan seharian. Menurut Mason juga, hasil positif yang diketengahkan menekankan pentingnya kajian yang seterusnya dijalankan supaya keberkesanan dan kecekapan Terapi Realiti dapat dilaksanakan dengan tepat dalam amalan klinikal.

Davis (2011) dalam penulisannya membincangkan tentang satu kaedah untuk menggunakan Terapi Realiti terhadap kanak-kanak dalam suasana kaunseling. Selain itu ia juga dapat digunakan melalui medium yang selesa dan kaedah yang berkesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak sebagai contoh lukisan. Dengan gabungan lukisan dan kaedah WDEP kanak-kanak dan GBK perlu mendapat perspektif baru untuk menangani kehendak, keperluan, dan tingkah laku, di samping membina senario yang berpotensi untuk berurusan dengan masalah melalui alat yang ketara dan perkembangan yang sesuai.

Terapi Realiti mengesyorkan sebagai satu kaedah bimbingan vokasional kognitif-tingkah laku. Terapi realiti membantu individu memenuhi keperluan sesuatu dan kasih sayang, mendapatkan kekuatan dan pengiktirafan, kegembiraan dan kebebasan. Memenuhi empat keperluan tersebut merupakan jalan menuju kejayaan yang hebat dalam pencapaian kerjaya. Lapan komponen digariskan untuk kegunaan trapuetik dan praktikal untuk bimbingan vokasional. GBK dan klien membina hubungan dan menyelidiki isu-isu klien. Klien perlu memberi tumpuan kepada tanggungjawab diri untuk tindakan dan perancangan kerjaya semasa. Kemudian klien menilai tingkah laku mereka agar isu-isu dan apa-apa keperluan dapat diputuskan pada masa sekarang. Setelah keputusan dibuat, seterusnya melaksanakan apa yang perlu dilakukan. Reka bentuk pelaksanaan perlu berubah secara beransur-ansur mengikut keperluan. Klien berkomitmen secara lisan untuk mengikuti pelan perancangan yang digariskan. Sekiranya komitmen itu tidak dipenuhi, rancangan itu perlu dikaji atau disemak semula. Matlamat yang munasabah diwujudkan. Ini termasuk tanggungjawab klien untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk menghapuskan kesukaran dalam kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati belum terdapat kajian berkaitan dengan TPTR yang digunakan terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Pengkaji mendapati kajian TPTR ini hanya dijalankan untuk melihat fungsi tingkah laku, efikasi kendiri, perkembangan psikologi kanak-kanak dan remaja, buli dan lain-lain lagi yang tidak mempunyai fokus terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Oleh itu, pengkaji berpendapat kajian berkaitan dengan TPTR ke atas penerokaan dan membuat keputusan adalah perlu bagi melihat kesannya dari aspek kerjaya.

2.11.3 Kajian-kajian lepas pendekatan kelompok

Perbincangan melibatkan penggunaan pendekatan kelompok turut juga dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Huraian perbincangan memfokuskan kepada kajian yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kelompok melalui pelbagai pendekatan dalam rawatan. Perbincangan kajian yang dimuatkan melibatkan ahli kelompok yang terdiri dalam kalangan murid sekolah. Fokus kajian yang pelbagai dikaji seperti psikologi, personaliti dan kerjaya.

Fauziah menjalankan (2014) kajian kepada 55 orang remaja di tiga pusat perlindungan wanita. Tujuan kajian adalah mengukur keberkesanan rawatan kaunseling kelompok Pendekatan Pemuasatan Insan (KKPPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi ad-Din (KKPKAD) ke atas konsep kendiri (KK), kemurungan (K) dan daya tahan (DT) remaja hamil luar nikah. Soal selidik menggunakan *Multidemensional Self Concept Scale* (MSCS), *Beck Depression Inventori* (BDI) dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adolescent Resiliency Attitude Scale (ARAS). Analisis ANOVA dan MANCOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada KKPPI dan KKPKAD ke atas KK, DT dan K. Dapatan pada ukuran min pra dan pos ujian mendapati KKPKAD lebih tinggi berbanding KKPPI kerana kekuatan KKPKAD pada kaedah amalan kerohanian dan kebolehan GBK memberi alternatif-alternatif dalam menyelesaikan masalah klien. Dapatan kajian menunjukkan KKPPI dan KKPKAD memberi kesan yang signifikan kepada pemboleh ubah terikat utama iaitu KK, DT dan K dalam kalangan remaja hamil luar nikah di semua lokasi.

Selanjutnya kajian oleh Bistamam et al., (2015) menjalankan kaunseling kelompok berstruktur REBT terhadap aspek psikologi ke atas remaja yang ibu bapa bercerai bagi mengukur kesan modul terhadap kesedihan (SED), kebimbingan (BIM), tekanan (TEK), dan kemurungan (KMR) berdasarkan skor pra dan pos ujian ujian remaja ibu bapa bercerai. Soal selidik menggunakan Inventori Remaja Ibu bapa Bercerai (IRIBB). Seramai 60 orang remaja yang terdiri 30 lelaki dan 30 perempuan dalam agihan enam kelompok iaitu dua kelompok rawatan lelaki, dua kelompok rawatan perempuan dan dua kelompok kawalan. Data dianalisis menggunakan min, MANCOVA dan *pos hoc* pada aras signifikan .05. Dapatan kajian menunjukkan modul yang digunakan berkesan menurunkan pemboleh ubah psikologi SED, BIM,TEK, dan KMR. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat kesan jantina dan peringkat persekolahan menengah terhadap rawatan kepada semua pembolehubah.

Selain itu kajian turut dijalankan oleh Yusni, Melati, Fatanah, Ahmad Fathy dan Krishamoorty (2015) secara bimbingan kelompok bagi melihat kesan modul bimbingan kelompok konsep kendiri terhadap peningkatan konsep kendiri murid. Sampel terdiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

127 orang murid sekolah rendah dan dibahagikan kepada empat kumpulan yang terdiri kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Soal selidik menggunakan *Tennessee Self Concept Scale:2* khusus untuk kanak-kanak. Reka bentuk kajian adalah quasi eksperimental Solomon empat kumpulan. Kumpulan rawatan menerima rawatan selama tujuh minggu manakala kumpulan kawalan menjalani aktiviti bimbingan sekolah seperti biasa. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat kesan bagi ujian pra. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat kesan rawatan berdasarkan jantina dan pencapaian akademik. Keseluruhannya modul bimbingan kelompok ini berkesan dalam meningkatkan konsep kendiri murid.

Kajian oleh Maree (2019) mengkaji tentang nilai pembinaan kelompok kaunseling kerjaya dalam di sekolah tinggi. Pengkaji menggunakan persampelan *purposive* untuk memilih peserta yang telah mendapatkan kaunseling kerjaya. Reka bentuk yang digunakan adalah kaedah rawatan secara *mixed method*. Peserta kajian seramai (N = 57) telah melengkapkan alat kajian yang digunakan *Career Adapt-Abilities Scale–South Africa* (CAAS-SA) sebelum dan selepas rawatan intervensi. Alat kajian *Career Interest Profile* dan *Maree Career Matrix* digunakan untuk memudahkan intervensi, manakala CAAS-SA digunakan untuk menguji hipotesis penyelidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesesuaian kerjaya lelaki dan perempuan telah meningkat secara sepenuhnya di semua subkala CAAS-SA. Didapati tiada perbezaan berdasarkan jantina. Namun, terdapat perbezaan antara kedua-dua skor jantina lelaki dan jantina perempuan dan perbezaan pada skor subskala Kawalan dan Keyakinan ketika pra ujian dan pos ujian. Kajian menunjukkan nilai pembinaan kelompok kaunseling kerjaya pada nilai yang tetapkan mengikut kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusan kajian lepas pengkaji mendapati kurang kajian terhadap kelompok bimbingan yang melihat kesan ke atas penerokaan dan membuat keputusan kerjaya sekolah menengah. Fokus kajian kebanyakan melibatkan aspek konsep kendiri dan penghargaan kendiri dalam kalangan murid. Dengan itu pendekatan TPTR melalui MKBTPTR akan menjadi pendekatan alternatif yang sesuai dalam membantu murid dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya.

2.11.4 Kajian-kajian lepas penerokaan kerjaya

Perbincangan mengenai kajian penerokaan kerjaya telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pelbagai fokus yang ditemui oleh pengkaji dalam kajian pengkaji terdahulu dalam memfokuskan kajian mereka terhadap penerokaan kerjaya. fokus kajian yang melibatkan penerokaan kerjaya melibatkan tumpuan terhadap penerokaan dalam dan diri, penerokaan sikap dan peranan terhadap kerjaya, lokus kawalan diri terhadap kerjaya, penerokaan kesesuaian kerjayan mengikut jantina, penerokaan kerjaya dan kebolehsuaian tingkah laku, dan meneroka penyesuaian kerjaya. Kajian-kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu dalam perbincangan di bawah mensasarkan terhadap golongan remaja.

Kajian oleh Lazarides, Rohowski, Ohlemann, dan Ittel (2016) yang bertujuan menyokong penerokaan kerjaya murid terhadap murid yang mendaftar kursus wajib iaitu pendidikan vokasional sekolah menengah di Jerman. Kajian melibatkan hubungan antara ciri-ciri bilik kelas murid (sokongan untuk autonomi, kecekapan dan keterkaitan), motivasi intrinsik murid dan penerokaan kerjaya mereka (penerokaan diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan alam sekitar). Analisis data dilakukan kepada1780 orang murid mewakilli 7 hingga 10 murid lelaki (lelaki: 54, 2%) dari 13 sekolah menengah di Jerman. Hasil daripda pemodelan persamaan struktur mendapati bahawa sokongan yang diberikan oleh murid terhadap autonomi, kecekapan dan keterkaitan dalam kelas secara signifikan mempunyai kaitan positif dengan motivasi intrinsik dan penerokaan diri mereka. Sokongan yang diberikan oleh murid untuk kecekapan adalah sangat positif berkaitan dengan penerokaan alam sekitar. Perkaitan yang diberikan oleh murid di dalam kelas secara signifikan mempunyai kaitan positif dengan pencapaian mereka. Motivasi intrinsik secara signifikan berhubungkait secara positif dengan penerokaan dan pencapaian diri dan persekitaran. Keputusan menunjukkan bahawa pendekatan dalam model yang diuji berbeza untuk lelaki dan perempuan. Penemuan dibincangkan berkaitan dengan implikasi mereka untuk penyediaan kerjaya di sekolah, serta berkaitan dengan proses motivasi gender.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Ginevra, Pallini, Vecchio, Nota, dan Soresi (2016) melalui pendekatan berdasarkan Reka Bentuk Kehidupan. Kajian bertujuan untuk mengkaji hubungan antara beberapa pembentukan yang berkaitan terhadap remaja bagi mengendalikan pasaran kerjaya semasa dan peranan mereka yang mempengaruhi kepelbagaian dalam kesesuaian kerjaya, sikap positif terhadap masa depan dan orientasi kehidupan masa depan. Kajian menekankan kepada peranan atau sikap positif terhadap orientasi masa depan dan juga kehidupan masa depan terhadap perkaitan antara hubungan penyesuaian kerjaya dan personaliti. Kajian melibatkan seramai 774 orang remaja yang terdiri 408 orang lelaki dan 366 orang perempuan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kesesuaian kerjaya diramalkan secara tidak langsung melalui sikap positif terhadap orientasi masa depan, kehidupan pada masa depan dan keraguan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerjaya. Manakala implikasi hasil kajian yang dijalankan tentang pentingnya memberikan penekanan kepada menyokong penyesuaian kerjaya, mempunyai harapan, beroptimistik dan berorientasikan masa depan dalam masa remaja.

Nik Muhammad (2016) menjalankan kajian mengenai tahap kematangan kerjaya dan efikasi kendiri dalam membuat keputusan kerjaya. Seramai 50 responden iaitu 25 lelaki dan 25 perempuan murid tingakatan enam di sebuah sekolah menengah. Kajian ini menggunakan soal selidik inventori kematangan kerjaya (IKK) dan soal selidik Efikasi kendiri membuat meputusan kerjaya atau *Career Decision Making Slf Efficacy Scale Short-form* (CDMSE-SF). Hasil kajian mendapati tahap kematangan kerjaya adalah sederhana. Hasil efikasi kendiri dalam membuat keputusan kerjaya murid didapati tinggi. Hasil kajian juga mendapati tiada perbezaan signifikan antara kematanga kerjaya dengan efikasi kendiri dalam membuat keputusan kerjaya murid berdasarkan jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Mohd Azrul (2014) untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kematangan kerjaya murid tahun akhir di empat buah pusat latihan teknologi tinggi (ADTEC) yang terpilih. Kajin ini melihat perhubungan kematangan kerjaya dikenalpasti dengan pemboleh ubah jantina, penyertaan program kerjaya, pencapaian akademik, nilai bekerja, *career decision making self efficacy* (CDMSE) dan penghargaan kendiri. Hasil didapati tahap kematangan kerjaya berada tahap sederhana tinggi dan tiada perbezaan berdasarkan jantina dan pencapaian akademik murid. hasil juga mendapati wujud perhubungan nilai bekerja, CDMSE dan penghargaan kendiri dengan kematangan kerjaya. Keseluruhannya, CDMSE, penghargaan kendiri nilai bekerja hanya 60.4% dariapa variasi kematangan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Tressler (2015) telah menjalankan kajian untuk meningkatkan tingkah laku penerokaan kerjaya melalui kerangka mesej. Seramai 164 orang murid kolej terlibat dalam kajian. Kajian ini meneroka kesan kerangka mesej ke atas tingkah laku penerokaan kerjaya untuk memahami bagaimana kerangka mesej boleh diaplikasikan dalam domain kerjaya. Dengan kaedah tersebut akan membantu murid dalam memilih kerjaya. Hasil dapatan kajian menunjukkan lokus kawalan dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya mempengaruhi tindak balas tingkah laku terhadap mesej.

Kajian oleh Maree (2019) mengkaji tentang nilai pembinaan kelompok kaunseling kerjaya dalam di sekolah tinggi. Pengkaji menggunakan persampelan *purposive* untuk memilih peserta yang telah mendapatkan kaunseling kerjaya. Reka bentuk yang digunakan adalah kaedah rawatan secara *mixed method*. Peserta kajian seramai (N = 57) telah melengkapkan alat kajian yang digunakan *Career Adapt-Abilities Scale–South Africa* (CAAS-SA) sebelum dan selepas rawatan intervensi. Alat kajian *Career Interest Profile* dan *Maree Career Matrix* digunakan untuk memudahkan intervensi, manakala CAAS-SA digunakan untuk menguji hipotesis penyelidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesesuaian kerjaya lelaki dan perempuan telah meningkat secara sepenuhnya di semua subkala CAAS-SA. Didapati tiada perbezaan berdasarkan jantina. Namun, terdapat perbezaan antara kedua-dua skor jantina lelaki dan jantina perempuan dan perbezaan pada skor subskala Kawalan dan Keyakinan ketika pra ujian dan pos ujian. Kajian menunjukkan nilai pembinaan kelompok kaunseling kerjaya pada nilai yang tetapkan mengikut kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Šverko dan Babarović (2019) untuk menilai kebolehgunaan model pembinaan kerjaya yang disesuaikan untuk menerangkan peralihan kerjaya selepas sekolah ketika remaja. Kajian pertama memberi tumpuan terutamanya kepada hubungan silang kerangka antara sumber adaptasi dan penyesuaian respons. Manakala pada kajian kedua pula meneroka proses penuh penyesuaian kerjaya dalam tempoh jangka masa panjang termasuk semua empat dimensi adaptasi. Sebagai langkah kesediaan penyesuaian, GPA, ciri personaliti dan teras penilaian kendiri digunakan. Sumber kebolehgunaan diukur dengan empat aspek penyesuaian iaitu kebimbangan, kawalan, rasa ingin tahu dan keyakinan. Sementara respons yang diadaptasi dijalankan sebagai penglibatan dalam pembinaan kerjaya dan kesukaran membuat keputusan kerjaya. Hasil analisa menyokong model pembinaan kerjaya penyesuaian dalam kedua-dua kajian. Secara keseluruhannya, penemuan dari dua kajian ini menyokong model penyesuaian pembinaan kerjaya menunjukkan bahawa sumber kebolehsuaian dan tingkahlaku yang diadaptasikan mempunyai peranan mediasi dalam proses pembinaan kerjaya dalam ketika remaja.

Orang dewasa muda yang bersedia untuk dunia kerja dijangka menjadi individu yang mempunyai tanggungjawab untuk mengurus kerjaya mereka dan mempunyai kemahiran penyesuaian kerjaya. Dengan itu, tujuan kajian oleh Öztemel dan Yıldız-Akyol (2019) adalah untuk mengkaji sama ada kebahagiaan, sokongan sosial, dan orientasi masa depan dapat meramalkan penyesuaian kerjaya dewasa muda. Instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Skala Keupayaan-Kemampuan, Borang Kebahagiaan Oxford, Skala Multidimensi Sokongan Sosial, Skala Sikap Menuju Masa Depan, dan Borang Maklumat Peribadi yang disediakan oleh para penyelidik. Keputusan menunjukkan bahawa kebahagiaan, sokongan sosial yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirasakan, sikap positif terhadap masa depan, dan sikap yang dirancang untuk masa depan adalah sangat positif berkaitan dengan kesesuaian karir. Keputusan ini menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap kebahagiaan yang tinggi dan sikap positif dan terancang ke arah masa depan, dan mereka yang menerima sokongan sosial yang positif dari hubungan sosial mereka seperti ibu bapa, rakan-rakan, dan orang lain yang lain, lebih menyesuaikan diri dengan kerjaya.

Rumusannya, kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu dalam mengkaji penerokaan kerjaya memberi tumpuan pelbagai aspek terhadap remaja. Aspek-aspek tersebut membantu remaja dalam memfokuskan penerokaan dalam diri, sikap, tingkah laku dalam memenuhi kebolehsuaian kerjaya. Dengan demikian remaja akan menyesuaikan tingkah laku terhadap membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.5 Kajian-kajian lepas membuat keputusan kerjaya

Perbincangan tentang kajian lepas terhadap membuat keputusan kerjaya turut dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pemilihan perbincangan kajian-kajian terdahulu memfokus kepada penglibatan remaja diperingkat persekolahan menengah atas dan kolej dalam membuat keputusan kerjaya. Pelbagai fokus perbincangan kajian yang lepas dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu sebagai sokongan kepada kajian ini. Kajian yang lepas yang dapat dikemukakan dalam membuat keputusan kerjaya adalah meliputi fokus kepada penglibatan akademik, pengaruh jantina, sokongan sosial, proses membuat keputusan kerjaya, gaya didikan keibubapaan, pengaruh psikologi dan proses membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Bounds (2017) terhadap faktor kontekstual dalam pembangunan kerjaya remaja Amerika Afrika. Seramai 104 orang murid sekolah tinggi mendaftar mengikuti program *upward bound.* Tiga soal selidik dijawab oleh para murid iaitu *Career Decision Self Efficacy Short Form* (CDSE-SF), *Ethnic Identity* dan *Academic Self Concept Scale* (ASCS). Dapatan kajian menunjukkan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya secara signifikan berhubung dengan identiti etnik dan konsep kendiri akademik. Tetapi konsep kendiri akademik adalah peramal yang kuat efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berbanding identiti etnik.

Selanjutnya Lam dan Santos (2017) mengkaji tentang program intervensi efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya, kesediaan kerjaya dan kesukaran membuat keputusan kerjaya. Kajian berbentuk eksperimental melibatkan 244 orang murid tingkatan enam dan pelaajr dua buah kolej di Kuala Lumpur dan Selangor. Soal selidik yang digunakan ialah *Career Decision Self Efficay (CDSE), Career Indecision* dan *Career Decision Diffculties (CDDs).* Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan kerjaya dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina murid.

Seterusnya kajian oleh Waziri (2017) tentang keberkesanan program kaunseling terhadap aspirasi murid sekolah menengah, efikasi kendiri, halangan kerjaya, pengetahuan memilih kolej dan pemilihan bidang pembelajaran. Soal selidik yang dibina untuk mengukur lima bidang iaitu aspirasi murid, efikasi kendiri, gangguan halangan, pengetahuan proses kemasukan kolej dan pemilihan kursus pengajian. Kajian menggunakan kuasi eksperimental yang melibatkan 88 orang murid. Dapatan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan tidak terdapat perbezaan sinifikan bagi pemilihan bidang, efikasi kendiri, halangan kerjaya, pengetahuan memilih kolej dan aspirasi kerjaya murid.

Kajian oleh Bacanli (2016) dengan mengadaptasi Soal Selidik Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (CDDQ) terhadap murid sekolah tinggi Turki dan untuk mengkaji perbezaan jantina, perbezaan gred, dan perbezaan antara murid yang memutuskan dan yang belum membuat keputusan. Sampel terdiri daripada 2509 murid; 1332 (53.09%) adalah remaja perempuan dan 1177 (46.91%) adalah remaja lelaki dari sembilan sekolah akademik di Ankara, Turki. Hasil kajian menunjukkan bahawa struktur versi CDDQ Turki adalah serupa dengan struktur CDDQ asal. Pada kebiasaan umum, remaja perempuan dilaporkan menghadapi kesulitan yang lebih besar dan dipercayai kesulitan yang tidak dapat diselesaikan berbanding remaja lelaki. Remaja lelaki dilaporkan kurang bermotivasi yang lebih tinggi berbanding remaja perempuan. Murid yang belum pasti membuat keputusan dilaporkan mempunyai lebih banyak kesukaran berbanding murid yang telah membuat keputusan.

Kemudian, kajian Gilstrap (2016) kepada 124 orang murid di 32 buah sekolah di Mississippi, Misouri, Michigan, Louisiana dan Tennessee. Tujuan kajian untuk mengkaji pengaruh halangan kerjaya, sokongan sosial, dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Kajian ini menggunakan soal selidik *My Perceptions of Barries Scale (MPB), Multidemensional Scale of Perceived Social Support (MSPPSS)* dan *Career Decision Self Efficacy Scale Short Form (CDSE-SF).* Dapatan kajian mendapati sistem sokongan dan halangan perkahwinan mempunyai pengaruh ke atas pemilihan universiti. Dengan itu, keputusan menunjukkan sokongan sosial berdasarkan rakan peramal penting sebagai pilihan murid untuk memasuki kolej selepas tamat sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menengah dan menjangkakan dirinya menjadi murid kolej dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

Selanjutnya kajian oleh Nyhof (2013) untuk mengkaji keberkesanan program intervensi kerjaya murid junior dan senior sekolah menengah. Soal selidik yang digunakan ialah *Career Decision Self Efficacy Scale Short Form* (CDSE-SF) dan *Perception of Educational Barriers Scale* (PEB). Hasil kajian pada sub skala efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya didapati secara ketara meningkat pada penetapan matlamat. Dapatan skor efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya oleh murid perempuan lebih tinggi berbanding murid lelaki.

Kajian oleh Gati, Saka, dan Krausz (2001) mengkaji corak kesukaran membuat keputusan kerjaya yang dihadapi oleh 417 orang dewasa muda yang menggunakan satu atau lebih sistem bimbingan kerjaya dibantu komputer (CACGS) yang terdapat di salah satu pusat kaunseling Pentadbiran Veteran Israel, dan menilai keberkesanannya CACGS dalam mengurangkan kesukaran membuat kerjaya mereka. Kesulitan membuat keputusan kerjaya didapati paling tinggi untuk individu yang sebelum proses pra-pemeriksaan proses membuat keputusan kerjaya dan paling rendah bagi mereka yang berada di peringkat pilihan. Pengurangan kesukaran selepas menggunakan CACGS adalah signifikan secara statistik dalam tujuh daripada 10 kategori kesukaran yang diperiksa: pengurangan yang ketara ditemui untuk kesulitan yang berkaitan dengan kekurangan maklumat. Tiada pengurangan sedemikian diperhatikan untuk kesulitan yang berkaitan dengan konflik luar. Persepsi para peserta dibantu melalui penggunaan dialog CACGS. Pencapaian tertinggi adalah bagi individu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan ketiga-tiga sistem tersebut. Manakala pencapaian yang paling rendah adalah bagi mereka yang hanya mengakses salah satu dari tiga CACGS.

Kajian Sovet dan Metz (2014) membandingkan hubungan gaya keibubapaan dengan membuat keputusan kerjaya remaja dari konteks Barat dan Timur. Khususnya, 575 murid sekolah tinggi Perancis dan 613 murid sekolah menengah Korea Selatan menyelesaikan soal selidik menilai gaya keibubapaan, kesulitan membuat keputusan kerjaya, dan keputusan kerjaya diri. Remaja Korea mempunyai kepercayaan diri yang lebih rendah dari keyakinan diri dan kesulitan membuat keputusan kerjaya yang lebih tinggi daripada remaja Perancis. Gaya keibubapaan otoritarian yang dikaitkan dengan skor yang lebih tinggi mengenai keputusan kerjaya diri dan skor yang lebih rendah pada ukuran kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam sampel Korea sementara gaya keibubapaan berwibawa dikaitkan dengan skor yang lebih tinggi mengenai keberkesanan diri keputusan kerjaya dan skor yang lebih rendah pada ukuran kesukaran membuat keputusan kerjaya dalam sampel Perancis. Keputusan menunjukkan kesan yang signifikan terhadap gaya jantina dan keibubapaan dalam hasil membuat keputusan kerjaya kedua-dua sampel.

Kebimbangan perkembangan kerjaya dan yang agak kronik ditunjukkan Xu dan Tracey (2014) dalam kajian tentang individu mengalami kesulitan ketika memilih kerjaya. Secara khusus, persoalan-persoalan antara kesulitan membuat keputusan kerjaya (Kuesioner Kesilapan-Membuat Keputusan Kerjaya, ukuran keraguan kerjaya perkembangan) dan faktor personaliti *Bigfive* dikaji dalam kalangan peserta dari tiga kelompok pendidikan: 248 murid sekolah menengah, 167 kepada pelatih latihan kerja (OJT), dan 186 murid universiti. Hasilnya menunjukkan bahawa murid universiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengalami kurang keriangan kerjaya perkembangan daripada murid sekolah menengah dan pelatih OJT, yang menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan individu mempengaruhi kelaziman kesukaran tersebut. Walau bagaimanapun, faktor personaliti *Extroversion* dan *Neuroticism* secara konsisten menjelaskan peratusan kepelbagaian yang lebih besar dalam tahap kebimbangan kerjaya perkembangan peserta dalam ketiga-tiga sampel berbanding dengan tahap pendidikan atau umur. Keputusan ini menunjukkan bahawa kebimbangan kerjaya perkembangan sebenarnya mungkin lebih dikaitkan dengan personaliti.

Kajian Shin dan Kelly (2015) bertujuan untuk mengkaji strategi ketahanan dan membuat keputusan sebagai peramal kesukaran yang berpengalaman semasa proses membuat keputusan kerjaya. Murid kolej (n = 364) memberi respons kepada langkah-langkah ketahanan, strategi membuat keputusan kerjaya, dan kesukaran keputusan kerjaya. Keputusan menunjukkan bahawa strategi ketahanan dan membuat keputusan menyumbang 46% daripada varians dalam kesukaran keputusan kerjaya. Ketahanan mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap masalah yang dihadapi semasa membuat keputusan daripada pada masalah yang dihadapi pada permulaan proses. Hasilnya menunjukkan pentingnya mengurangkan penangguhan di semua peringkat pengambilan keputusan dan keperluan untuk menggalakkan ketahanan untuk menangani kesulitan keputusan.

Kajian Cassie dan Chen (2012) bertujuan melihat perbezaan kesan intervensi pendidikan terhadap kematangan kerjaya murid sekolah menengah. Perbincangan dimensi kematangan kerjaya melibatkan konguren, kepastian kerjaya, kesediaan kerjaya, efikasi kendiri membuat keputusan kerjayadan eksplorasi kerjaya. Responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdiri 370 murid gred 10 dari lapan buah sekolah awam di Kanada. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan kerjaya murid lelaki mempunyai pengaruh positif efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Manakala perkembangan kematangan kerjaya pada kedua-dua jantina menunjukkan berlaku secara berbeza.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang lepas yang dimuatkan terhadap membuat keputusan kerjaya mempunyai kesan masing-masing dan tersendiri. Dengan itu, melalui kajian yang dijalankan ini akan dapat memberi satu lagi kesan sumbangan kepada aspek membuat keputusan kerjaya berdasarkan kepada MKBTPTR.

2.11.6 Kajian lepas aplikasi teori pilihan terapi realiti tentang kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian-kajian berikut menunjukkan bahawa pendekatan Teori Pilihan Terapi Realiti berkesan dalam menyokong individu, terutamanya murid, dalam proses penerokaan dan pemilihan kerjaya dengan menekankan tanggungjawab kendiri dan pemilihan tingkah laku yang sesuai.

Modul ini dibangunkan oleh Haziq Azree dan Zalipah (2024). untuk membantu murid sekolah menangani stres, kebimbangan, dan kemurungan melalui pendekatan Teori Pilihan dan Terapi Realiti. Walaupun fokus utama adalah kesejahteraan psikologi, modul ini juga menyokong penerokaan kerjaya dengan menekankan tanggungjawab kendiri dan pemilihan tingkah laku yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Nurul Fathihah (2023) bagi menilai kesan bimbingan kelompok berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti terhadap aspek psikologi murid berpencapaian rendah. Hasil kajian menunjukkan peningkatan dalam kepuasan dan kesejahteraan psikologi, yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi keyakinan dalam membuat keputusan kerjaya.

Selanjutnya kajian oleh Yusron, Putri dan Andieni (2017) menilai keberkesanan kaunseling realiti dalam membantu mahasiswa program Bimbingan dan Kaunseling memantapkan keputusan kerjaya mereka. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam kestabilan keputusan kerjaya selepas intervensi.

Sementara itu, kajian oleh Mason dan Dye (2017) menekankan penggunaan Terapi Realiti dalam program kaunseling sekolah untuk meningkatkan pencapaian akademik dan kemahiran membuat keputusan kerjaya murid. Pendekatan ini membantu murid mengenal pasti keperluan asas mereka dan membuat pilihan yang bertanggungjawab dalam konteks akademik dan kerjaya.

Manakala, kajian oleh Hashemi, Pordanjani dan Barabadi (2019) untuk menilai keberkesanan terapi realiti kumpulan berasaskan Teori Pilihan terhadap keberkesanan kendiri kerjaya dalam kalangan murid universiti. Melalui reka bentuk pra-ujian dan pasca-ujian dengan kumpulan kawalan, 30 murid telah dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kawalan. Kumpulan eksperimen menjalani 10 sesi terapi realiti kumpulan. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam keberkesanan kendiri kerjaya, termasuk dimensi realistik, penyiasatan, artistik, sosial, konvensional, dan keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penerangan tentang kerjaya dalam kerangka Teori Pilihan dengan menjelaskan kerjaya sebagai hasil pilihan kendiri. Glasser (1998) menekankan bahawa semua tingkah laku adalah pilihan. Dalam konteks kerjaya, seseorang individu memilih laluan kerjaya berdasarkan keinginan untuk memenuhi keperluan asas psikologi, seperti kuasa (ingin berjaya, dihormati), kebebasan (autonomi dalam kerja), cinta dan kepunyaan (berhubung dengan orang lain melalui kerjaya), keseronokan (minat terhadap bidang kerja), kelangsungan hidup (keselamatan kewangan). Peranan *World of Quality*, Glasser memperkenalkan konsep "Dunia Berkualiti" (Quality World) iaitu gambaran mental tentang apa yang penting bagi seseorang individu. Dalam kerjaya, ini merujuk kepada gambaran ideal seseorang tentang pekerjaan impian mereka, model peranan kerjaya, nilai dan matlamat hidup yang mereka inginkan melalui kerjaya. Perubahan tingkah laku ke arah pilihan kerjaya yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Pilihan menggalakkan individu menilai apakah tingkah laku mereka sekarang membawa mereka ke arah kerjaya yang mereka inginkan. Jika tidak, mereka diajar untuk memilih tingkah laku baharu yang lebih konstruktif dan bertanggungjawab. Kesimpulan, walaupun Glasser tidak membincangkan secara eksplisit soal kerjaya, prinsip-prinsip Teori Pilihan, menggalakkan kesedaran kendiri, menyokong pemilihan kerjaya berdasarkan nilai peribadi dan keperluan psikologi, memberikan pendekatan berorientasikan tanggungjawab dan realiti, yang sangat sesuai digunakan dalam modul bimbingan dan kaunseling kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fokus utama Wubbolding (2011) adalah kepada pengembangan dan aplikasi Terapi Realiti yang diasaskan oleh William Glasser, termasuk dalam konteks pembangunan diri dan pemilihan kerjaya. Wubbolding ialah salah seorang tokoh utama yang memperluas kerangka Terapi Realiti, menjadikannya lebih sistematik dan sesuai untuk pelbagai konteks, termasuk pendidikan dan bimbingan kerjaya. Wubbolding memperkenalkan struktur WDEP satu pendekatan sistematik dalam Terapi Realiti yang sesuai digunakan dalam konteks kerjaya. W – Wants: Apakah yang individu inginkan dalam hidup dan kerjaya mereka? D – Doing: Apakah yang mereka lakukan sekarang untuk mencapai matlamat tersebut? E – Evaluation: Adakah tindakan semasa mereka membantu atau menghalang pencapaian matlamat kerjaya? P – Planning: Apakah rancangan yang realistik dan bertanggungjawab untuk masa depan kerjaya? Pendekatan ini membantu murid atau klien membuat keputusan kerjaya secara aktif dan sedar, berdasarkan keperluan dan pilihan peribadi mereka. Kerjaya sebagai ruang pemenuhan keperluan psikologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selaras dengan Teori Pilihan, kerjaya dilihat bukan hanya sebagai pekerjaan, tetapi sebagai satu cara untuk memenuhi keperluan asas seperti kuasa dan pencapaian, kepunyaan dan hubungan, kebebasan dalam memilih dan mengawal hidup serta keseronokan melalui aktiviti bermakna. Penekanan pada tanggungjawab dan reality. Wubbolding menekankan bahawa individu bertanggungjawab ke atas pilihan kerjaya mereka. Jika mereka tidak berpuas hati dengan haluan semasa, mereka perlu mengenal pasti alternatif dan merancang tindakan baru selaras dengan prinsip *pemilihan kerjaya berdasarkan realiti dan kawalan diri*. Kesimpulan, Wubbolding (2011) memberi kerangka praktikal untuk menggunakan Terapi Realiti dalam membantu individu memilih dan membina kerjaya yang sesuai dengan nilai, keperluan, dan matlamat hidup

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Pendekatan WDEP sangat berguna dalam sesi kaunseling kerjaya untuk murid sekolah menengah, kolej, atau individu dewasa.

Manakala itu pula, Duffy dan Sedlacek (2007), penulis meneliti bagaimana konsep *"calling"* (panggilan kerjaya) berkait rapat dengan perkembangan kerjaya, terutamanya dari segi makna, motivasi, dan kepuasan dalam pilihan kerjaya. Ia menjelaskan bahawa *"calling"* merujuk kepada perasaan bahawa seseorang itu dipanggil untuk menjalankan sesuatu kerja yang memberi makna peribadi yang mendalam, menyumbang kepada sesuatu yang lebih besar daripada diri sendiri, dan selari dengan nilai dan identiti peribadi. Individu yang merasakan mereka mempunyai *"calling"* cenderung membuat pilihan kerjaya yang lebih mantap, bersemangat, dan berdaya tahan. Perbezaan antara "mempunyai" dan "mencari" *calling,* yang telah mempunyai calling lebih jelas dalam arah kerjaya, tinggi dalam kepuasan dan komitmen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, yang sedang mencari calling dalam proses penerokaan kerjaya, memerlukan sokongan untuk membina identiti kerjaya. Kedua-duanya memberi implikasi penting kepada strategi bimbingan kerjaya, terutamanya dalam kalangan remaja dan murid sekolah menengah yang masih mencari arah. Implikasi terhadap bimbingan dan intervensi kerjaya dengan mencadangkan supaya intervensi kerjaya memberi ruang kepada murid. Menyatakan nilai peribadi dan tujuan hidup, meneroka kerja yang selari dengan identiti dan aspirasi dalaman, dan membina hubungan antara kerjaya dan konsep kendiri yang lebih luas (makna, spiritualiti, sumbangan sosial). Kesimpulan, kajian ini menekankan bahawa membangunkan *"calling"* adalah satu dimensi penting dalam perkembangan kerjaya, bukan hanya dari segi pilihan pekerjaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tetapi juga dari segi makna dan kesungguhan dalam menjalani kerjaya tersebut. Ini sangat relevan untuk pendekatan kaunseling kerjaya yang lebih holistik dan berpaksikan individu.

Sementara itu, kajian oleh Kim dan Lee (2014) membincangkan secara langsung kesan intervensi Terapi Realiti dalam konteks pemilihan kerjaya murid sekolah menengah. Kajian ini menilai keberkesanan kaunseling kelompok berasaskan Terapi Realiti terhadap dua aspek penting dalam pembangunan kerjaya murid. Peningkatan keupayaan membuat keputusan kerjaya, dan pengurangan kebimbangan berkaitan kerjaya. Intervensi yang digunakan berpandukan prinsip *Choice Theory* dan *Reality Therapy* dengan struktur sesi kelompok yang membantu murid mengenal pasti keperluan dan matlamat kerjaya peribadi *(Wants).* Menilai tingkah laku semasa dan kesannya terhadap kerjaya *(Doing dan Evaluation).* Merancang langkah-langkah konkrit ke arah kerjaya yang dikehendaki *(Planning).* Meningkatkan tanggungjawab dalam membuat pilihan kerjaya.

Hasil kajian, murid dalam kumpulan intervensi menunjukkan peningkatan signifikan dalam kemahiran membuat keputusan kerjaya berbanding kumpulan kawalan. Tahap kebimbangan berkaitan kerjaya mereka juga berkurang dengan ketara. Terapi Realiti berkesan dalam menggalakkan kesedaran kendiri dan pemilikan tanggungjawab, dua faktor penting dalam proses membuat keputusan kerjaya yang sihat. Kesimpulan, kajian ini memberikan bukti empirikal bahawa Terapi Realiti dalam bentuk kaunseling kelompok merupakan pendekatan yang berkesan dalam menyokong murid sekolah menengah membuat keputusan kerjaya dengan lebih yakin dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertanggungjawab, serta membantu mengurangkan kebimbangan yang berkaitan dengan proses tersebut.

Kajian oleh Rahman, Ibrahim, dan Shamsuddin (2018) membincangkan aplikasi Terapi Realiti dalam konteks bimbingan kerjaya di sekolah menengah Malaysia, dengan tumpuan kepada pelaksanaan praktikal dan kesan terhadap murid. Kajian ini dijalankan di sekolah menengah di Malaysia dan memberi penekanan kepada relevansi Terapi Realiti dalam bimbingan kerjaya murid tempatan, terutama dalam menghadapi cabaran, ketidakpastian arah kerjaya, kurangnya motivasi kendiri dan kecenderungan membuat keputusan berdasarkan tekanan luar (contoh: keluarga, rakan sebaya). Prinsip Terapi Realiti dalam bimbingan kerjaya digunakan dalam sesi bimbingan kerjaya, termasuk pemilikan tanggungjawab terhadap pilihan kerjaya. Penilaian tingkah laku sekarang berhubung matlamat masa depan. Pembangunan rancangan konkrit ke arah kerjaya pilihan. Penerapan konsep "WDEP" *(Wants, Doing, Evaluation, Planning)* dalam membantu murid menstrukturkan pilihan dan tindakan mereka secara lebih sedar dan berfokus.

Penemuan dan Cadangan, kaunseling berasaskan Terapi Realiti membantu murid lebih sedar tentang minat dan potensi diri, serta meningkatkan motivasi dalaman untuk meneroka kerjaya. Murid yang mengikuti sesi bimbingan ini lebih proaktif dalam membuat perancangan kerjaya dan menunjukkan keyakinan yang lebih tinggi. Kajian mencadangkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling (GBK) di sekolah boleh mengadaptasi Terapi Realiti secara fleksibel dalam program pembangunan kerjaya. Kesimpulan, kajian ini menyokong penggunaan Terapi Realiti sebagai pendekatan efektif dalam pembangunan kerjaya murid sekolah menengah Malaysia. Ia bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja selari dengan keperluan murid, tetapi juga menggalakkan pendekatan yang berasaskan tanggungjawab, pilihan, dan kesedaran kendiri dalam pemilihan kerjaya.

Manakala itu pula, penulisan oleh Fall, Holden dan Marquis (2010) yang membincangkan pelbagai teori kaunseling dan psikoterapi, termasuk Reality Therapy dan aplikasinya dalam pelbagai bidang, seperti pendidikan, hubungan interpersonal, dan pembangunan kerjaya. Dalam bab berkaitan Terapi Realiti, pendekatan ini menghuraikan untuk membantu individu menyedari kehendak dan keperluan mereka, termasuk dalam aspek kerjaya. Menggalakkan tanggungjawab peribadi terhadap pilihan hidup dan kerjaya. Menyokong individu untuk menilai sama ada tingkah laku semasa selari dengan matlamat masa depan, termasuk matlamat kerjaya. Penerapan dalam bimbingan kerjaya, Terapi Realiti digambarkan sebagai sesuai digunakan dalam bimbingan kerjaya, khususnya bagi individu yang berdepan konflik dalaman mengenai laluan kerjaya. Mengalami ketidakpastian atau kebimbangan kerjaya dan memerlukan pendekatan yang berfokus kepada penyelesaian dan tindakan konkrit.

Penekanan penggunaan model WDEP *(Wants, Doing, Evaluation, Planning)* sebagai alat praktikal untuk membantu klien meneroka dan merancang masa depan kerjaya secara berstruktur. Integrasi dengan teori lain, Terapi Realiti boleh digabungkan dengan teori lain, seperti teori perkembangan kerjaya atau teori kognitif, untuk membentuk pendekatan holistik dalam kaunseling kerjaya. Kesimpulan, Fall et al. (2010) menekankan bahawa Terapi Realiti bukan sekadar intervensi psikologi, tetapi boleh dimanfaatkan sebagai alat kaunseling kerjaya yang memberi fokus kepada tindakan, kesedaran kendiri, dan tanggungjawab terhadap pilihan masa depan. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadikannya sangat relevan untuk digunakan dalam program pembangunan kerjaya, termasuk di sekolah menengah.

Sementara itu, kajian oleh Muthiah dan Hassan (2021) membincangkan secara khusus peranan Terapi Realiti dalam menyokong murid remaja membuat keputusan kerjaya yang berkesan dalam konteks pendidikan Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan kepada bagaimana prinsip dan teknik Terapi Realiti digunakan untuk membantu murid remaja menilai, memilih dan merancang kerjaya berdasarkan kesedaran kendiri dan tanggungjawab peribadi. Murid sering menghadapi kekeliruan dalam memilih kerjaya, tekanan daripada keluarga dan rakan sebaya, serta ketidakupayaan membuat keputusan secara rasional. Menggunakan model WDEP *(Wants, Doing, Evaluation, Planning)* sebagai kerangka untuk intervensi, yang membantu murid. Mengenal pasti minat, nilai dan kehendak kerjaya *(Wants).* Meneliti tindakan semasa dan kesesuaiannya dengan matlamat kerjaya *(Doing).* Menilai tingkah laku serta membuat refleksi kendiri *(Evaluation).* Merancang langkah kerjaya secara sistematik dan realistik *(Planning).*

Dapatan kajian, murid yang mengikuti sesi berasaskan Terapi Realiti menunjukkan peningkatan keyakinan dalam membuat keputusan kerjaya. Mereka menjadi lebih proaktif, jelas dalam matlamat, dan bertanggungjawab terhadap pilihan kerjaya sendiri. Pendekatan ini sesuai digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling (GBK) di sekolah untuk menyokong proses pembangunan kerjaya murid. Kesimpulan, kajian ini menyokong bahawa Terapi Realiti adalah pendekatan yang berkesan dalam membantu murid remaja Malaysia membuat keputusan kerjaya yang berasaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesedaran diri dan tanggungjawab, sejajar dengan keperluan konteks pendidikan semasa.

2.12 Rasional penggunaan rawatan kelompok kecil dan kelompok besar

Rawatan kelompok merujuk kepada kaedah di mana individu dirawat dalam kumpulan bersama terapis atau fasilitator. Dalam konteks kajian atau pembangunan modul, penggunaan kelompok kecil dan kelompok besar membawa kepada manfaat yang berbeza bergantung kepada objektif yang ingin dicapai. Kelompok kecil biasanya terdiri daripada 3 hingga 10 orang, dan interaksi dalam kumpulan ini lebih mendalam, dengan setiap ahli mendapat peluang untuk berkongsi pengalaman dan menerima perhatian lebih daripada fasilitator. Dalam kelompok kecil, peserta dapat berkongsi pengalaman secara lebih terbuka dan membina hubungan yang lebih intim dengan fasilitator dan rakan-rakan mereka. Setiap peserta berpeluang menerima lebih banyak perhatian daripada fasilitator atau terapis, yang membolehkan intervensi lebih berfokus kepada keperluan individu. Kajian menunjukkan bahawa rawatan dalam kelompok kecil lebih berkesan untuk menangani isu-isu emosi dan sosial yang kompleks kerana ia membolehkan perbincangan yang lebih peribadi dan perancangan tindakan yang disesuaikan dengan keperluan individu (Yalom, 2005). Corey (2016) mencadangkan bahawa kelompok kecil memberikan peluang kepada peserta untuk lebih terlibat dalam sesi dan memberi perhatian peribadi yang lebih mendalam. Yalom (2005) menekankan bahawa dalam kelompok kecil, proses terapeutik lebih berkesan kerana ahli-ahli kelompok dapat berinteraksi secara langsung dan memberi sokongan satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelompok besar merujuk kepada kumpulan yang lebih besar, biasanya terdiri daripada lebih daripada 10 orang, dan interaksi antara peserta lebih terbatas berbanding kelompok kecil. Rasional Penggunaannya, pendekatan penyampaian maklumat yang lebih luas. Dalam kelompok besar, interaksi lebih terhad, tetapi ia sangat sesuai untuk pendidikan dan latihan yang memerlukan penyampaian maklumat atau kemahiran dalam skala besar. Pendedahan kepada perspektif yang lebih pelbagai. Peserta dalam kelompok besar dapat mendengar pelbagai pandangan dan pengalaman yang berbeza, yang boleh memperluas pemahaman mereka tentang isu-isu tertentu. Skalabiliti dan jangkauan, dalam kajian atau intervensi yang melibatkan jumlah peserta yang besar, kelompok besar membolehkan jangkauan yang lebih luas dan lebih ekonomikal, kerana ia memerlukan sumber yang lebih sedikit berbanding rawatan kelompok kecil. Kemahiran bekerja dalam kumpulan besar, dalam konteks kerjaya atau latihan, kelompok besar memberi peluang kepada peserta untuk belajar cara berkomunikasi dan bekerja dalam persekitaran yang lebih luas, seperti kemahiran kepimpinan dan kerjasama dalam kumpulan besar. Johnson dan Johnson (2009) menekankan bahawa kelompok besar sangat berkesan untuk pembelajaran dalam skala besar, tetapi untuk kesan yang lebih mendalam dan peribadi, pendekatan kelompok kecil diperlukan. Kajian oleh Burlingame, et.al. (2004) menyoroti perbezaan antara kelompok kecil dan besar dalam konteks terapi psikologi dan memberi penekanan bahawa kelompok kecil lebih berkesan untuk intervensi yang lebih mendalam.

Perbezaan antara kelompok kecil dan kelompok besar interaksi dan sokongan emosional. Dalam kelompok kecil, peserta berpeluang untuk berinteraksi lebih intim, memberi ruang untuk membina hubungan sokongan yang lebih mendalam. Ini sangat penting dalam konteks terapi atau pembangunan kerjaya yang memerlukan sokongan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

emosi dan penglibatan individu. Dalam kelompok besar, interaksi terbatas dan lebih fokus pada penyampaian maklumat, yang sesuai untuk latihan atau seminar yang tidak memerlukan interaksi mendalam (Johnson dan Johnson, 2009). Skop dan fokus kelompok kecil lebih sesuai untuk rawatan atau perbincangan mendalam mengenai isu-isu peribadi atau kerjaya yang kompleks. Manakala kelompok besar lebih sesuai untuk sesi pendidikan, pembelajaran umum, atau penerangan konsep yang memerlukan penyampaian kepada jumlah orang yang besar. Kos dan skalabiliti kelompok kecil memerlukan lebih banyak sumber, termasuk fasilitator atau terapis yang lebih ramai berbanding kelompok besar. Sementara kelompok besar lebih efisien dalam konteks sumber kerana satu fasilitator boleh menangani lebih banyak peserta pada masa yang sama (Burlingame, et.al., 2004). Kesimpulannya, penggunaan kelompok kecil dan kelompok besar dalam kajian atau intervensi perlu dipilih berdasarkan tujuan dan keperluan kajian itu sendiri. Jika tujuannya adalah untuk menangani masalah individu secara mendalam atau membimbing dalam pemilihan kerjaya, maka kelompok kecil lebih berkesan. Sebaliknya, jika tujuan utama adalah untuk pendidikan umum, latihan kemahiran, atau penyampaian maklumat, kelompok besar lebih sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.13 Isu semasa berkaitan kerjaya

Kerjaya merupakan aspek penting dalam kehidupan individu kerana ia bukan sahaja menentukan taraf ekonomi seseorang, malah memberi makna kepada kehidupan melalui pencapaian, pengiktirafan, dan sumbangan kepada masyarakat. Namun, dalam dunia moden yang pesat berubah, kerjaya tidak lagi sekadar soal mendapatkan pekerjaan tetap. Di Malaysia, pelbagai isu semasa berkaitan kerjaya muncul akibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

globalisasi, kemajuan teknologi, serta perubahan sosial dan ekonomi. Penerangan berikut membincangkan beberapa isu utama berkaitan kerjaya masa kini di Malaysia.

Pengangguran Siswazah yang masih tinggi

Pengangguran siswazah di Malaysia terus menjadi isu yang membimbangkan, berpunca daripada jurang ketara antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Kajian mendapati bahawa majikan menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap tahap kemahiran siswazah yang baru tamat pengajian, terutamanya dalam aspek komunikasi Bahasa Inggeris, kemahiran berfikir kritikal, dan motivasi kendiri (Teoh et al., 2023). Walaupun ramai siswazah memiliki kemahiran asas seperti penggunaan ICT dan kerja berpasukan, kelemahan dalam menyampaikan idea, menyelesaikan masalah serta berinteraksi dengan pihak industri telah dikenal pasti sebagai penghalang utama untuk mendapatkan pekerjaan (Nadarajah, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, majikan menekankan keperluan terhadap kemahiran insaniah (soft skills) seperti kepimpinan dan sikap proaktif, yang sering kali kurang dikuasai oleh siswazah baharu (Ab Aziz et al., 2023). Kajian oleh Salahuddin et al. (2023) turut mengesahkan bahawa ketidakpadanan pekerjaan dan kekurangan kemahiran meningkatkan kadar pengangguran, di mana majikan sukar menemui graduan yang benar-benar bersesuaian dengan visi dan operasi syarikat mereka (Salahuddin et al., 2023). Menurut Jeffri dan Rahim (2023), antara faktor tambahan termasuklah sikap graduan yang terlalu memilih kerja bergaji tinggi dan kurang pengalaman praktikal, sekaligus melemahkan keyakinan majikan terhadap keupayaan lulusan tempatan (Jeffri dan Rahim, 2023). Oleh itu, sinergi antara institusi pengajian tinggi dan sektor industri perlu diperkukuh melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelarasan kurikulum, latihan praktikal dan penglibatan awal graduan dalam dunia pekerjaan.

Perubahan Trend Pekerjaan di Malaysia

Trend pekerjaan di Malaysia semakin berubah pasca pandemik dengan pertumbuhan pesat dalam *gig economy*, kerja fleksibel, dan remote working yang memberikan alternatif kepada pekerjaan konvensional. Kajian mendapati bahawa ramai rakyat Malaysia menyertai kerja gig akibat tekanan kewangan semasa pandemik, namun mereka mendapati struktur kerja yang fleksibel ini memberikan peluang pendapatan yang mampan, walaupun berdepan cabaran seperti kekurangan perlindungan sosial dan kestabilan pendapatan (Mohamed dan Nik Mat, 2023).

Dalam masa yang sama, kerajaan Malaysia dilihat semakin menyokong pekerjaan fleksibel ini melalui dasar-dasar yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan pekerja gig, seperti bantuan latihan kemahiran dan perlindungan sosial yang lebih komprehensif (Ahmad et al., 2024). Walaupun sektor ini menyumbang kepada penghasilan pendapatan tambahan, ia turut mengundang risiko sosial seperti pengasingan dan ketidakpastian ekonomi. Maka, pembangunan polisi berdasarkan data menyeluruh dan pelaksanaan sistem sokongan diperlukan bagi menjamin kesaksamaan dan kesejahteraan pekerja dalam jangka panjang (Shakil, 2024). Selain itu, faktor motivasi seperti keinginan untuk kebebasan dan kendiri kewangan memainkan peranan penting dalam kejayaan pekerja gig, di mana teori penentuan kendiri (SDT) digunakan untuk memahami aspirasi dan kesejahteraan kewangan mereka (Nasir et al., 2024). Oleh itu, kerangka kerja masa depan perlu menekankan pada latihan berasaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi, perlindungan sosial yang inklusif, dan pemantauan polisi secara berterusan bagi memastikan pembangunan mampan sektor pekerjaan baru ini.

Ketidaksetaraan Jantina dalam Sektor Teknikal dan Kejuruteraan

Ketidaksetaraan jantina dalam sektor teknikal dan kejuruteraan di Malaysia kekal menjadi isu yang berakar dari peringkat pengambilan murid hingga ke tempat kerja. Kajian menunjukkan bahawa walaupun wanita Malaysia menyertai bidang STEM secara umum pada kadar setara dengan lelaki, penglibatan mereka dalam kejuruteraan dan teknologi masih rendah disebabkan kurangnya pengambilan awal dalam program berkaitan, bukan kadar putus pengajian (Goy et al., 2018). Hal ini disokong oleh kajian lain yang mendapati hanya sekitar 74% murid kejuruteraan wanita merancang untuk menceburi kerjaya kejuruteraan selepas tamat pengajian, dipengaruhi oleh pengalaman pembelajaran, pilihan pendidikan, dan ketidaksamaan peluang (Abdullah et al., 2018). Walaupun polisi dasar negara menyokong kesaksamaan jantina, norma sosial dan kekurangan model peranan wanita masih menjadi penghalang kepada penyertaan aktif dalam bidang ini (Idris et al., 2024).

Dalam konteks pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), data menunjukkan bahawa murid wanita menyertai program ini kerana peluang pekerjaan yang lebih baik, namun usaha meningkatkan representasi jantina yang saksama masih diperlukan untuk memastikan kemajuan berterusan dalam penyertaan dan kejayaan wanita dalam bidang teknikal (Mohamad et al., 2015). Maka, untuk mengatasi jurang ini, pendekatan menyeluruh yang merangkumi pemantapan dasar, penghapusan stereotaip jantina, dan sokongan berterusan kepada wanita dalam pendidikan dan kerjaya kejuruteraan amatlah penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseimbangan kerja dan kehidupan bagi wanita dan pekerja muda

Bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya keseimbangan kerja dan kehidupan boleh membantu individu memahami betapa pentingnya untuk menjaga kesihatan mental dan fizikal mereka. Ianya menekankan pentingnya pendidikan dan kesedaran dalam mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan serta kesan positifnya terhadap kesihatan mental dan fizikal. Kesedaran tentang keseimbangan kerja dan kehidupan, kajian oleh Kabat-Zinn (2018) menekankan bahawa meningkatkan kesedaran tentang pentingnya keseimbangan antara kerja dan kehidupan dapat memberi impak yang besar terhadap kesejahteraan individu.

Program-program pendidikan yang mengajar individu bagaimana untuk mengurus tekanan kerja dan kehidupan secara holistik dapat mengurangkan risiko gangguan kesihatan mental dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Pendidikan kesihatan mental di tempat kerja, Goh dan Lee (2021) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa pendidikan tentang kesihatan mental di tempat kerja membantu pekerja memahami hubungan antara keseimbangan kerja-kehidupan dan kesihatan mental. Mereka mendapati bahawa kesedaran yang lebih tinggi membawa kepada amalan yang lebih baik dalam menguruskan stres dan mempromosikan kesejahteraan di kalangan pekerja.

Pengaruh program pendidikan terhadap kesejahteraan kajian oleh Aghajani dan Pezeshki (2022) menunjukkan bahawa pendidikan dan latihan yang berfokus pada pengurusan keseimbangan kerja dan kehidupan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan fizikal dan mental. Program seperti ini boleh membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekerja menyesuaikan diri dengan tuntutan kehidupan moden yang serba cepat. Pentingnya pendidikan pengurusan stres, Huang dan Goh (2023) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa program kesedaran yang menggabungkan pengurusan stres dan keseimbangan kerja-kehidupan membawa kepada pengurangan simptom stres, kebimbangan, dan keletihan di kalangan pekerja. Mereka juga mendapati bahawa pekerja yang lebih menyedari cara untuk menguruskan masa dan menjaga kesihatan mental mereka cenderung untuk lebih berkesan dalam kerja dan kehidupan peribadi mereka.

Kesimpulannya, isu-isu berkaitan kerjaya di Malaysia masa kini sangat kompleks dan memerlukan pendekatan holistik daripada semua pihak termasuk kerajaan, institusi pendidikan, majikan dan individu sendiri. Penyesuaian dasar pendidikan, peningkatan latihan kemahiran, pemerkasaan perlindungan sosial serta perubahan budaya kerja yang lebih inklusif dan lestari adalah antara langkah penting yang perlu diambil. Dalam dunia kerjaya yang semakin dinamik, setiap individu perlu sentiasa bersedia untuk belajar, menyesuaikan diri dan berkembang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.14 Isu berkaitan kerjaya masa kini

Kerjaya bukan sahaja menentukan taraf ekonomi seseorang malah merupakan aspek penting dalam kehidupan individu kerana ia amat bermakna kepada kehidupan melalui pencapaian, pengiktirafan, dan sumbangan kepada masyarakat. Kerjaya tidak lagi sekadar soal mendapatkan pekerjaan tetap dalam dunia moden yang pesat berubah. Pelbagai isu semasa berkaitan kerjaya muncul akibat globalisasi, kemajuan teknologi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perubahan sosial dan ekonomi di Malaysia. Isu berikut menambahkan perbincangan berkaitan kerjaya masa kini di Malaysia.

Kajian yang meneliti hubungan antara kemahiran kesediaan kerja, efikasi kendiri, tingkah laku keusahawanan, dan eksplorasi kerjaya dalam kalangan graduan universiti di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa kemahiran kesediaan kerja mempunyai pengaruh signifikan terhadap efikasi kendiri, yang seterusnya mempengaruhi tingkah laku keusahawanan dan eksplorasi kerjaya graduan. Situasi ini mungkin berlaku kerana graduan kurang memberi perhatian serta tidak menunjukkan minat dan usaha dalam meningkatkan kemahiran kesediaan kerja semasa mengikuti pengajian di universiti. Kajian ini menekankan kepentingan institusi pengajian tinggi dalam memperkukuh pembangunan kemahiran kesediaan kerja dan keusahawanan dalam kalangan murid untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Halim dan Sahid (2020) memberikan perspektif penting mengenai tahap kesediaan kerja dan tingkah laku keusahawanan dalam kalangan graduan, dengan penemuan utama menunjukkan bahawa keupayaan graduan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan industri masih berada pada tahap yang rendah. Ini mencerminkan jurang antara apa yang diajarkan dalam institusi pendidikan dan apa yang diperlukan oleh sektor pekerjaan sebenar. Walaupun graduan menunjukkan minat dan potensi dalam bidang keusahawanan, kekurangan dalam kemahiran adaptif, pemikiran kritis, dan kecekapan teknikal menjadikan mereka kurang bersedia untuk memenuhi kehendak pasaran yang dinamik dan kompetitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terkini mengenai kemahiran kesediaan kerja dan keusahawanan graduan di Malaysia menekankan pentingnya pembangunan kecekapan digital, kemahiran insaniah, dan efikasi kendiri dalam membentuk graduan yang bersedia memasuki pasaran kerja serta terlibat dalam bidang keusahawanan. Mahmud et al. (2025) dalam kajiannya di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) mendapati bahawa kompetensi keusahawanan paling dominan dalam kalangan murid adalah "strategi pengaruh", yang menunjukkan keupayaan mereka membina hubungan strategik untuk merebut peluang keusahawanan (Mahmud et al., 2025). Sementara itu, Razalli et al. (2025) menekankan bahawa selain pencapaian akademik, kemahiran komunikasi, kerjasama berpasukan, celik digital dan pengalaman kerja melalui latihan industri adalah penentu utama kebolehpasaran graduan dalam era teknologi dan AI (Razalli et al., 2025).

Dalam konteks luar bandar, Mohamad et al. (2025) melaporkan bahawa literasi digital dan kecekapan keusahawanan mempunyai kesan ketara terhadap keusahawanan digital, namun sokongan kerajaan hanya berkesan apabila digabungkan dengan tahap literasi digital yang tinggi, menggesa keperluan latihan dan program pembangunan keusahawanan yang lebih efektif (Mohamad et al., 2025). Tambahan lagi, Wong dan Saraih (2024) mendapati bahawa efikasi kendiri, kemahiran insaniah, dan personaliti merupakan pemacu utama kebolehpasaran graduan di institusi teknikal, dengan kecerdasan emosi memainkan peranan sebagai pemoderasi yang meningkatkan adaptasi graduan terhadap perubahan pasaran kerja (Wong dan Saraih, 2024). Penemuan ini menunjukkan bahawa gabungan strategi pedagogi berasaskan industri, pembangunan sahsiah, dan peningkatan celik teknologi merupakan kunci kepada kelangsungan kerjaya dan daya keusahawanan graduan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengangguran dalam kalangan siswazah di Malaysia kekal menjadi isu yang membimbangkan dengan ketidaksesuaian antara kursus pengajian dan keperluan pasaran kerja serta kurangnya pendedahan praktikal dikenal pasti sebagai punca utama. Laporan oleh Khazanah Research Institute (2020) menyatakan bahawa lebih satu pertiga graduan tempatan memulakan kerjaya dalam bidang yang tidak sepadan dengan kelayakan mereka, dan ramai kekal dalam situasi tersebut untuk tempoh yang lama. Selain itu, kajian oleh Low dan Mah (2024) untuk mengenal pasti ketidakpadanan pekerjaan, kekurangan kemahiran kebolehpasaran, dan ketidakstabilan ekonomi sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pengangguran siswazah. Walaupun kadar pengangguran siswazah menurun kepada 3.7% pada 2022, isu ketidakpadanan pekerjaan masih berterusan, dengan ramai graduan bekerja dalam bidang yang tidak memerlukan kelayakan mereka. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk menyelaraskan kurikulum pendidikan tinggi dengan keperluan industri serta meningkatkan pendedahan praktikal bagi memastikan graduan lebih bersedia menghadapi pasaran kerja.

Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) dalam industri pembinaan Malaysia terus menjadi keutamaan, sejajar dengan penekanan awal oleh Misnan et al. (2006) mengenai pentingnya membentuk budaya keselamatan yang kukuh di tapak pembinaan. Terkini, kajian oleh Krishnasamy et al. (2025) menekankan perlunya pendekatan menyeluruh dalam mengurus risiko dan bahaya di tempat kerja, dengan memberikan panduan berharga kepada pembuat dasar dan pihak berkepentingan industri untuk meningkatkan standard keselamatan pekerjaan dalam sektor pembinaan Malaysia. Selain itu, kajian oleh Norhana dan Misnan (2023) mendapati bahawa sesetengah kontraktor pembinaan kurang menyedari aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keselamatan dan kesihatan, cenderung mengejar keuntungan berbanding keselamatan pekerja dan penduduk sekitar tapak pembinaan. Penemuan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kesedaran mengenai kepentingan OSH, pelaksanaan dan pematuhan terhadap amalan keselamatan masih memerlukan penambahbaikan. Oleh itu, penekanan terhadap pengurusan OSH yang berkesan dan pembentukan budaya keselamatan yang kukuh adalah penting untuk memastikan keselamatan pekerja dan kejayaan projek pembinaan di Malaysia.

Menurut Ibrahim et al. (2022) yang telah menjalankan kajian literatur yang mendalam mengenai fenomena bekerja dari rumah (WFH) semasa pandemik COVID-19, dengan fokus khusus pada prestasi pekerja dan kualiti hidup di Malaysia dan Indonesia. Kajian ini menganalisis pelbagai sumber terdahulu untuk menilai bagaimana WFH mempengaruhi produktiviti pekerja serta keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi. Hasil kajian menunjukkan bahawa WFH memberikan kelebihan dan kekurangan kepada pekerja dan organisasi, termasuk penurunan produktiviti pekerja. Kajian ini juga menekankan bahawa WFH secara umum tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana banyak bidang kerja yang tidak dapat dilakukan dari rumah, walaupun bagi ramai pekerja, WFH telah memberikan keseimbangan kerja-kehidupan. Penemuan ini tetap relevan dalam konteks pasca-pandemik, di mana model kerja hibrid menjadi semakin penting dalam landskap pekerjaan moden.

Wanita di Malaysia terus menghadapi diskriminasi dan tekanan kerja yang tinggi, khususnya dalam sektor perkhidmatan, walaupun terdapat peningkatan penyertaan mereka dalam tenaga kerja. Laporan oleh Pertubuhan Pertolongan Wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2024) mendedahkan bahawa hampir 60% wanita bekerja di Malaysia mengalami sekurang-kurangnya satu bentuk diskriminasi di tempat kerja, termasuk halangan dalam kenaikan pangkat dan perbezaan gaji. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa 62% wanita pernah mengalami gangguan seksual di tempat kerja, yang menambah tekanan psikologi dan emosi terhadap mereka. Data dari Jabatan Perangkaan Malaysia (2024) menunjukkan bahawa pada tahun 2023, wanita menerima gaji median bulanan sebanyak RM2,464, iaitu 7.9% lebih rendah berbanding lelaki. Dalam sektor profesional, jurang ini lebih ketara, dengan wanita memperoleh 18.6% kurang daripada rakan sejawat lelaki. Ketidakseimbangan ini turut tercermin dalam perwakilan wanita di peringkat pengurusan tertinggi, di mana hanya 26% wanita memegang jawatan tersebut dalam sektor swasta, jauh daripada sasaran nasional 30%. Situasi ini menunjukkan bahawa wanita bukan sahaja menghadapi diskriminasi dalam aspek gaji dan peluang kenaikan pangkat, tetapi juga terdedah kepada tekanan kerja yang tinggi akibat beban tanggungjawab tambahan dan kurangnya sokongan institusi, menjadikan isu ini sebagai cabaran berterusan dalam usaha mencapai kesaksamaan gender di tempat (Selvaratnam dan Yeng, 2011).

Pengambilan pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia masih menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya disebabkan oleh kekurangan infrastruktur sokongan yang mesra OKU. Kajian oleh Nur Ilham (2024) menyoroti bahawa kekurangan keupayaan, kurangnya pendedahan kepada latihan kemahiran, dan kekangan fizikal menjadi antara faktor utama yang menghalang penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan. Walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk meningkatkan akses pekerjaan bagi golongan OKU, termasuk program *Return To Work* (RTW) yang telah membantu lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

70,000 pencari kerja OKU sejak 2020, namun penglibatan mereka dalam sektor pekerjaan masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Salah satu punca utama adalah infrastruktur bangunan yang tidak mesra OKU, yang dikenal pasti sebagai penghalang kepada pengambilan pekerja OKU oleh majikan. Selain itu, kemudahan awam seperti perkhidmatan bas, rel, lapangan terbang, dan feri masih belum memenuhi standard keselamatan dan kebolehgunaan yang diperlukan oleh golongan OKU, menyukarkan mereka untuk menggunakan perkhidmatan awam sebagai pengangkutan utama. Walaupun terdapat peruntukan dalam Belanjawan 2025 untuk memperbaiki kemudahan mesra OKU di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan program pemulihan dalam komuniti, pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan adalah penting untuk memastikan keberkesanan inisiatif ini.

Kajian kesediaan graduan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya. Kajian oleh Sarmila, et. al (2021). dijalankan ke atas 400 graduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan mendapati bahawa bidang keusahawanan masih kurang dipilih oleh graduan sebagai pilihan kerjaya utama. Walaupun demikian, terdapat kesediaan di kalangan graduan untuk menceburi bidang ini selepas tamat pengajian. Graduan baharu ramai bekerja sendiri, tiada perlindungan sosial. Laporan oleh Institut Kajian Khazanah (2025) menunjukkan bahawa dua pertiga (66.2%) graduan yang bekerja sendiri adalah dalam kalangan usahawan. Daripada jumlah tersebut, 43.6% adalah pemilik tunggal dan 22.6% adalah majikan. Namun, ramai di antara mereka tidak mempunyai perlindungan sosial yang mencukupi. Pengaruh sikap dan kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan. Keinginan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan dipengaruhi oleh sikap dan kemahiran keusahawanan mereka. Faktor-faktor ini memberi kesan langsung terhadap keputusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka untuk memilih kerjaya sendiri, terutamanya selepas berlakunya pandemik COVID-19 yang mengehadkan peluang pekerjaan dengan majikan. Secara keseluruhan, meskipun terdapat minat di kalangan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan, cabaran seperti kekurangan perlindungan sosial dan persediaan yang mencukupi masih menjadi halangan utama.

Menurut Desa dan Choy (2022) dalam kajian mereka menyatakan bahawa ramai belia menolak kerjaya dalam sektor perladangan kelapa sawit meskipun terdapat peluang yang luas. Ini kerana mereka mempunyai persepsi negatif terhadap pekerjaan tersebut. Antara faktor yang menyumbang kepada persepsi ini termasuklah pandangan mengenai kerja yang dianggap sukar, tidak bergaya, serta berisiko tinggi dalam aspek kesihatan dan keselamatan. Selain itu, faktor lain seperti kekurangan pengetahuan mengenai kemajuan teknologi dalam sektor perladangan, serta kurangnya pendedahan tentang manfaat jangka panjang seperti pendapatan stabil dan peluang untuk berkembang juga turut menyumbang kepada penolakan kerjaya ini di kalangan belia. Oleh itu, perlunya usaha untuk mengubah persepsi belia terhadap sektor ini, serta memperkenalkan program latihan dan pembangunan kemahiran yang lebih menarik dan relevan.

Merujuk kepada Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (2024) oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) merujuk kepada kajian melibatkan 5,867 responden berusia 15 hingga 30 tahun. Ia menunjukkan skor purata 71.91 yang mencerminkan tahap kesihatan mental yang sederhana. Kajian ini menilai tujuh domain: gaya hidup, persekitaran, ciri peribadi, pengalaman hidup, sokongan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosial, mekanisme penanggulangan, dan minda sihat. Pengaruh pengangguran terhadap kesihatan mental belia. Kajian menunjukkan bahawa belia yang menganggur berisiko tinggi mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan, dan tekanan. Pengangguran memberi impak negatif terhadap kesejahteraan psikososial mereka.

Peranan kaunseling kerjaya dalam menangani implikasi pengangguran belia. Sarifudin dan Mahmud (2022) dalam kajian mereka meneliti bagaimana kaunseling kerjaya dapat membantu belia menyesuaikan diri dengan pasaran kerja, khususnya semasa dan selepas pandemik. Kesan pandemik terhadap pengangguran belia telah memberi impak besar kepada pasaran kerja. Ianya menyebabkan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan belia di bawah usia 30 tahun. Ramai daripada mereka baru memulakan kerjaya atau masih mencari pekerjaan tetap. Peranan kaunseling kerjaya berfungsi sebagai sokongan psikososial dan praktikal, membantu belia mengenal pasti minat, kemahiran, dan laluan kerjaya yang sesuai. Ianya juga menyediakan strategi untuk mengatasi cabaran dalam mencari pekerjaan dan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran kerja. Pengukuhan kaunseling kerjaya yang dilakukan termasuklah program kaunseling kerjaya diperluas dan diperkukuhkan. Ianya adalah latihan untuk kaunselor dan penggunaan teknologi dalam sesi kaunseling untuk memastikan belia mendapat sokongan yang berkesan dalam menghadapi cabaran pasaran kerja.

Keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi merupakan cabaran utama bagi wanita bekerja di Malaysia, terutamanya dalam konteks budaya, struktur organisasi, dan peranan tradisional dalam keluarga. Cabaran keseimbangan kerja-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan. Wanita bekerja sering menghadapi tekanan untuk memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadi secara serentak. Kajian oleh Rabiatul Adawiyah et al. (2024) mendapati bahawa kekurangan sokongan organisasi, beban kerja yang tinggi, dan kekangan masa menjadi faktor utama ketidakseimbangan ini. kesan terhadap kesejahteraan dan produktiviti. Ketidakseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi boleh mengakibatkan tekanan emosi, keletihan mental, dan konflik dalam rumah tangga. Kajian oleh Shaamilah (2024) menekankan bahawa wanita bekerja perlu mengurus masa dengan bijak dan mendapatkan sokongan sosial untuk mengurangkan tekanan ini. Kedudukan Malaysia dalam indeks keseimbangan kerja kehidupan. Malaysia telah disenaraikan sebagai negara kedua terburuk di dunia dalam aspek keseimbangan kerja dan kehidupan (Remote, 2024). Faktor seperti waktu kerja yang panjang dan gaji minimum yang rendah menyumbang kepada kedudukan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulan, isu-isu tentang kerjaya masa kini sangat kian mencabar dan memerlukan pendekatan menyeluruh daripada semua pihak. Pihak yang terlibat termasuk kerajaan, institusi pendidikan, majikan dan individu sendiri. Penyesuaian dasar pendidikan, peningkatan latihan kemahiran, pemerkasaan perlindungan sosial serta perubahan budaya kerja yang lebih inklusif dan lestari adalah antara langkah penting yang perlu diambil. Dalam dunia kerjaya yang semakin dinamik, setiap individu perlu sentiasa bersedia untuk belajar, menyesuaikan diri dan berkembang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.15 Kajian penguasaan kemahiran abad ke-21

Kajian-kajian ini menekankan kepentingan penguasaan kemahiran abad ke-21 dalam meningkatkan gaya pembelajaran, motivasi, dan pencapaian murid. Penerapan kemahiran ini dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid bersedia menghadapi cabaran masa depan dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat global.

Kajian oleh Nikmarijal, et al., (2022) menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran abad ke-21 secara signifikan mempengaruhi keputusan kerjaya murid di sekolah vokasional (SMK). Kajian itu mendapati korelasi yang kuat antara kemahiran ini dan pilihan yang dibuat oleh murid mengenai profesion masa depan mereka. Semasa murid mengemudi laluan kerjaya mereka, keupayaan untuk menggunakan kemahiran abad ke-21 dengan berkesan adalah penting untuk kesediaan dalam tenaga kerja, menonjolkan kepentingan kecekapan ini dalam

Seterusnya kajian oleh Aparecio, et a., (2024) bagi menilai kemahiran murid kolej abad ke-21 di Monkayo, Davao de Oro, mendedahkan bahawa murid dalam program BEED, BSA, dan BSED mempamerkan kecekapan yang lebih kukuh berbanding murid BSBA. Jantina, peringkat tahun dan jabatan akademik mempengaruhi tahap kemahiran dengan ketara. Secara keseluruhannya, murid menunjukkan kecekapan yang sederhana dalam kemahiran abad ke-21, menunjukkan bahawa walaupun mereka memiliki kecekapan penting, terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam tema antara disiplin, yang penting untuk keputusan dan minat kerjaya yang termaklum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya kajian oleh Atabey danTopçu (2021) mendapati hubungan yang signifikan secara statistik antara kemahiran abad ke-21 murid sekolah menengah dan minat mereka untuk meneruskan kerjaya STEM. Ini menunjukkan bahawa kecekapan murid dalam bidang seperti pemikiran kritis, kerjasama, dan komunikasi dikaitkan dengan minat kerjaya mereka dalam bidang STEM. Namun, walaupun tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya STEM antara murid lelaki dan perempuan, perbezaan yang signifikan telah dicatatkan dalam kemahiran abad ke-21 mereka, menunjukkan jantina boleh mempengaruhi pembangunan kemahiran.

Sementara itu, kajian oleh Denk, et al., (2024) mendapati bahawa pelaksanaan Model Pembinaan Pengetahuan Bersama (CKCM) mempengaruhi secara positif kemahiran abad ke-21 murid gred 7 dan minat terhadap kerjaya STEM. Murid dalam kumpulan eksperimen menunjukkan perkembangan yang lebih ketara dalam bidang ini berbanding dengan kumpulan kawalan. Temu bual mendedahkan bahawa pendidikan yang disokong CKCM meningkatkan pemahaman mereka tentang sains, memupuk budaya perbincangan, meningkatkan kesedaran tentang isu sosio-saintifik, dan akhirnya meningkatkan minat mereka untuk meneruskan kerjaya dalam bidang STEM.

Kompetensi murid abad ke-21, yang dikenali sebagai kemahiran 4C, termasuk pemikiran kritis, komunikasi, kerjasama dan kreativiti. Menurut Wang, L, et al., (2023) menyatakan kemahiran ini penting untuk murid membuat keputusan kerjaya yang termaklum dan menyesuaikan diri dengan pasaran kerja yang berubah dengan pantas yang dipengaruhi oleh teknologi. Penyepaduan ICT dalam pembelajaran meningkatkan kecekapan ini, membolehkan murid bekerja secara berkesan dalam pasukan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyelesaikan masalah yang kompleks, dan berinovasi, yang penting untuk kerjaya masa depan mereka dalam era digital.

Dapatan kajian oleh Sundberg (2017) menekankan bahawa keputusan dan minat kerjaya murid harus sejajar dengan kecekapan pembelajaran abad ke-21 yang digariskan dalam rangka kerja antarabangsa. Kecekapan ini menekankan kemahiran seperti pemikiran kritis, kerjasama, dan literasi digital, yang penting untuk kejayaan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan dalam cara pendidikan dan majikan mengutamakan kecekapan ini, yang membawa kepada jurang kemahiran yang dirasakan. Pelaburan dalam pendidikan wajib disyorkan untuk memastikan murid memperoleh dan membentangkan kecekapan ini dengan berkesan kepada bakal majikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian oleh Asri, et al., (2023) menunjukkan keputusan kerjaya murid pada abad ke-21 semakin dipengaruhi oleh keperluan untuk menguasai kecekapan penting seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi dan kerjasama, secara kolektif dikenali sebagai kemahiran 4C. Kecekapan ini membolehkan murid menyesuaikan diri dengan pasaran pekerjaan yang berubah dengan pantas dan persaingan global. Selain itu, empat tunjang kehidupan belajar untuk mengetahui, belajar untuk melakukan, belajar untuk menjadi, dan belajar untuk hidup bersama seterusnya membimbing murid dalam membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk kerjaya yang berjaya pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran abad ke-21 yang penting untuk keputusan kerjaya murid termasuk pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi, kerjasama dan celik digital. Kemahiran ini menurut Wrahatnolo (2018) membolehkan murid menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran kerja dan memupuk keusahawanan. Selain itu, kecekapan seperti fleksibiliti, inisiatif, pengurusan diri dan pembelajaran sepanjang hayat adalah penting untuk mengemudi laluan kerjaya yang pelbagai. Sistem pendidikan harus menyepadukan kemahiran ini ke dalam kurikulum untuk menyediakan murid dengan berkesan menghadapi cabaran dan peluang masa depan dalam kehidupan profesional mereka.

Pelaksanaan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan melengkapkan murid dengan kecekapan penting untuk keputusan dan minat kerjaya mereka. Kemahiran ini menurut Sulistyaningsih, et al., (2019) termasuk fleksibiliti dan kebolehsuaian, inisiatif dan hala tuju diri, kebolehan sosial dan silang budaya, produktiviti dan akauntabiliti, serta kepimpinan dan tanggungjawab. Dengan memupuk kemahiran ini, murid menjadi bersedia bekerja dan lebih bersedia untuk mengharungi kerumitan tenaga kerja moden, menyelaraskan minat mereka dengan tuntutan pelbagai profesion dan meningkatkan prospek kerjaya mereka secara keseluruhan.

Sementara itu, kajian oleh Huang, et al., (2022) mendapati minat kerjaya murid dalam STEM meningkat dengan ketara selepas menyertai program STEM dan khidmat masyarakat bersepadu selama 8 minggu, dengan skor minat selepas kerjaya purata 4.19 berbanding 3.52 pra-program. Selain itu, murid menunjukkan kemahiran abad kedua puluh satu yang dipertingkatkan, termasuk pemikiran kreatif, kerjasama dan ketabahan, dengan peningkatan ketara dalam bidang ini. Program ini secara berkesan memupuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecekapan dan minat murid dalam kerjaya STEM, sejajar dengan matlamat untuk memupuk kemahiran penting untuk tenaga kerja moden.

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran abad ke-21 memainkan peranan penting dalam meningkatkan gaya pembelajaran, motivasi, dan pencapaian murid. Penerapan kemahiran ini dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid bersedia menghadapi cabaran masa depan dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat global.

2.16 Rumusan

Dalam bab ini pengkaji telah memilih dan menghuraikan teori-teori yang telah dihubungkaitkan dalam kajian ini iaitu Teori Pilihan Terapi Realiti, Model Penerokaan Kerjaya Stumpt dan Model Membuat Keputusan Kerjaya PIC. Manakala bagi kajian-kajian lepas pula, pengkaji telah memperolehi daripada sumber kepustakaan dan menjelaskan perkaitan kepada modul kelompok bimbingan TPTR, penerokaan kerjaya, membuat keputusan kerjaya dan isu yang berkaitan kerjaya. Kajian-kajian lepas yang dikumpulkan dalam bab ini merujuk kepada kajian peringkat tempatan dan luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan bahagian ini melibatkan merekabentuk modul, menggubal modul dan prosedur kajian yang akan dijalankan. Aspek-aspek yang akan dijelaskan adalah mengenai pembinaan modul, reka bentuk kajian, populasi dan sampel, pemboleh ubah, instrumen kajian. Selain itu juga, penyelidikan ini dijalankan untuk mengukur keberkesanan subjek yang menerima intervensi dan tidak menerima intervensi MKBTPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Kajian kuasi eksperimen

Kajian ini menggunakan kaedah rekabentuk kajian kuasi eksperimen. Menurut Rosenbaum (2017), kajian kuasi eksperimen adalah kaedah kajian yang menyatakan sebab dan akibat dengan cara melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan atau eksperimen. Kaedah dijalankan kepada kumpulan ujian pra dan ujian pos dengan kumpulan kawalan. Menurut Recker (2021) satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar akan dimanipulasi oleh pengkaji dalam keadaan terkawal dengan tujuan mengetahui sejauh mana pengaruh pembolehubah tidak bersandar mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan kaedah kuasi eksperimen adalah kerana sesuai digunakan untuk melihat sebab dan musabab sesuatu kejadian. Selain itu kuasi eksperimen juga mempunyai nilai-nilai yang khusus kepada ahli psikologi sosial, ahli sosiologi dan pendidik kerana ia boleh disesuaikan kepada kajian yang berkaitan masalah sosial dan pendidikan dalam bidang psikologi, sosiologi dan pendidikan.

Seterusnya, Berawi (2017) menjelaskan tujuan kuasi eksperimental dijalankan untuk menyiasat hubungan sebab dan kesan ke atas satu atau lebih kumpulan percubaan kepada satu atau lebih kumpulan rawatan dengan membandingkan keputusan kepada satu atau lebih rawatan dengan yang tidak menerima rawatan. Oleh itu, kajian kuasi eksperimen lebih realistik kerana dilakukan dalam persekitran semula jadi dan keputusannya boleh digeneralisasikan dan dijalankan dalam konteks kajian sebenar. Namun bagi Usman dan Akbar (2022) kuasi eksperimen adalah reka bentuk yang seakan-akan kajian eksperimen sebenar kecuali pemilihan sampel rawak tidak dilaksanakan dalam kuasi eksperimen kerana pengasingan subjek tidak boleh dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara rawak. Ariës (2018) berpendapat kuasi eskperimen tidak memenuhi tiga syarat utama kajian eksperimen sebenar iaitu manipulasi, kawalan dan rawak.

Seterusnya Usman dan Akbar (2022) menyatakan kuasi eksperimen dijalankan memandangkan kajian tidak dilaksanakan dalam suasana makmal, ditambah dengan subjek bebas dengan aktiviti kehidupan seharian seperti persekolahan. Dengan itu, Finch dan French (2018). menyatakan biarpun tidak melalui pemilihan secara rawak namun masih boleh menggunakan sampel yang sama dengan memenuhi syarat dalam aspek penting secara setara seperti umur, latarbelakang, pengalaman akademik dan pengetahuan sedia ada. Oleh itu, Miller, Smith dan Pugatch (2020) berpendapat kuasi eksperimen merupakan kajian yang menggunakan reka bentuk kajian eksperimen namun tidak semua ekstranus dapat dikawal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, Usman dan Akbar (2022) mengesyorkan kajian kuasi eksperimen dengan mengggunakan sebuah sekolah bagi mewakili kumpulan rawatan dan sekolah yang lain bagi mewakili kumpulan kawalan. Akan tetapi pengkaji harus melaksanakan ujian pra kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi memastikan unsur setara dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Langkah-langkah yang lain seterusnya yang diikuti seperti kajian eksperimen. Analisis statistik kajian kuasi eksprimen yang digunakan sama kajian eksperimen seperti ujian-t dan ANOVA. Oleh kerana sampel dipilih tidak secara rawak, ujian statistik ANCOVA lebih sesuai digunakan kerana pengiraannya menghilangkan pemboleh ubah yang membezakan antara kumpulan yang dibandingkan seperti skor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian ini menggunakan ujian pra dalam rekabentuk kajian bagi mengawal pemboleh ubah luaran melalui pemilihan subjek daripada kumpulan rawak sebagai subjek kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi ujian pra dan ujian pos kajian. Pemboleh ubah bebas kajian ini adalah MKBTPTR manakala pemboleh ubah bersandar adalah penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen bagi melihat perbandingan antara perbezaan ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan melalui manipulasi pemboleh ubah bebas bagi melihat kesan ke atas pembolehubah bersandar. Pengumpulan data kajian dijalankan secara kaedah kuantitatif. Manakala subjek kajian dipilih secara persampelan rawak *(random sampling).*

Pengkaji menggunakan dua kumpulan subjek iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam reka bentuk kajian ini. Kemudian satu ujian peringkat pra ujian diberikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Keputusan skor pra ujian diperolehi daripada subjek kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Seterusnya dijalankan rawatan mennggunakan MKBTPTR kepada kumpulan rawatan manakala kumpulan kawalan hanya menjalani program yang sedia ada dan kehidupan harian seperti biasa. Selesai menjalankan rawatan ke atas kumpulan rawatan, kedua-dua subjek kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan diberikan ujian pos. Keputusan hasil skor kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan merupakan skor ujian pos. Analisis skor ujian pra dan ujian pos daripada subjek kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dilakukan untuk melihat perbandingan perbezaan skor ujian pra dan ujian pos. Berdasarkan hasil perbandingan skor dapat menentukan MKBTPTR yang dijalankan kepada kumpulan rawatan memberi kesan terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya murid berbanding kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini terdiri daripada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan KBK dan KBB merupakan kumpulan subjek yang menerima rawatan TPTR dan kumpulan K adalah kumpulan kawalan sahaja.

Jadual 3.1

Reka bentuk kajian

Kumpulan	Pemilihan kumpulan	Ujian Pra	Rawatan	Ujian Pos
KBK1	R	X1	O1	X2
KBK2	R	X1	O1	X2
KBK3	R	X1	O1	X2
KBB	R	X1	O1	X2
K	R	X1	O2	X2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Petunjuk :

KBK	Kelompok Bimbingan Kecil (Rawatan)
KBB	Kelompok Bimbingan Besar (Rawatan)
K	Kawalan
R	Rawak dan bertujuan
X1	Ujian Pra
X2	Ujian Pos
O1	Rawatan (MKBTPTR)
O2	Kawalan (Progam sedia ada di sekolah)

Sumber : Lee, Piaw, Kutty dan Hoon (2021)

Reka bentuk pada Jadual 3.1 menunjukkan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam kajian. Kajian ujian pra dan ujian pos adalah untuk menunjukkan terdapat satu kumpulan yang tidak menerima rawatan dengan membandingkan kesan rawatan kepada kumpulan yang diberikan rawatan. Reka bentuk eskperimental adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbandingan yang dilakukan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan setelah rawatan diberikan kepada kumpulan rawatan. Leavy (2022).

Subjek kumpulan rawatan yang menjalani rawatan MKBTPTR iaitu kumpulan KBK dan KBB yang menjadi fokus perbezaan antara kumpulan kawalan iaitu subjek kumpulan K. Pengisian MKBTPTR meliputi mengenali diri, dunia realiti, impian diri, terokai sekitaran, mari lakukan, pilihan hati, perancangan ku. Kumpulan Rawatan menjalani pelbagai kaedah seperti ceramah, bengkel, latihan dalam kumpulan, model, simulasi, sketsa dan sebagainya. Pengisian aktiviti menggunakan MKBTPTR dilakukan oleh GBK yang terlibat setelah memahami garis panduan bagi menjalankan modul daripada pengkaji. GBK yang terlibat memiliki pengalaman dan berkelulusan dalam bidang bimbingan dan kaunseling serta kaunselor berdaftar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) mempunyai kelebihan kerana sudah berada dalam sistem sekolah dan mempunyai akses langsung kepada murid. Mempunyai latihan asas dalam kemahiran kaunseling dan boleh melaksanakan intervensi bimbingan. Mahir dalam pengurusan kelompok dan memahami konteks psikososial pelajar. Cabaran bagi mereka adalah tidak semua GBK dilatih khusus dalam TPTR, jadi mereka mungkin hanya mengaplikasikan prinsip TPTR secara umum. Kesan modul mungkin kurang mendalam jika tiada kefahaman teori yang mendalam. Oleh itu cadangan agar GBK boleh melaksanakan modul dengan syarat mereka telah menjalani latihan TPTR yang sistematik, seperti bengkel oleh ahli berdaftar dengan William Glasser Institute atau menjalani kursus pensijilan TPTR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengamal TPTR terlatih, kelebihan mereka kerana mempunyai kemahiran mendalam dalam aplikasi prinsip Teori Pilihan dan teknik Terapi Realiti. Boleh menyampaikan intervensi dengan lebih autentik dan berkesan mengikut falsafah William Glasser. Lebih peka terhadap bahasa dan teknik utama TPTR contohnya, mengelak label negatif, fokus kepada kawalan kendiri, tumpuan pada masa kini. Menurut Glasser (1998), pengamal Teori Pilihan Terapi Realiti perlu memahami prinsip utama seperti keperluan asas, kawalan kendiri, dan fokus masa kini untuk menyampaikan intervensi yang berkesan. Cabaran kepada mereka mungkin sukar diakses di peringkat sekolah jika bukan GBK atau bukan kakitangan tetap. Kurang pendedahan terhadap dinamik persekitaran sekolah dan pelajar jika bukan bekerja secara langsung dalam sistem pendidikan. Kesimpulan, modul berasaskan TPTR boleh dijalankan oleh GBK, dengan syarat mereka telah menerima latihan khusus dalam TPTR. Idealnya, gabungan GBK terlatih TPTR adalah paling sesuai, kerana mereka memahami keperluan murid dalam konteks sekolah dan menguasai teori serta teknik TPTR. Wubbolding (2011) menyarankan agar pengamal yang menjalankan intervensi TPTR dilatih secara formal agar dapat mengaplikasikan struktur WDEP *(Want, Doing, Evaluation, Planning)* secara tepat. Dalam konteks pendidikan, guru bimbingan dan kaunseling (GBK) boleh menjalankan modul berasaskan TPTR sekiranya telah menerima latihan sistematik, kerana mereka berada dalam posisi yang paling hampir dengan murid (Sidek dan Jamaludin, 2005).

Subjek kumpulan O2 merupakan kumpulan kawalan yang mengikuti program dan aktiviti sedia ada dirancang oleh pihak sekolah. Mereka tidak diberi rawatan seperti kumpulan KK dan KB iaitu MKBTPTR. Kumpulan ini menjalani program dan aktiviti yang telah sedia dirancang oleh pihak sekolah. Kaedah rancangan yang dirangka oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pihak sekolah untuk mereka agak konvensional seperti aktiviti ceramah, latihan dan sebagainya.

Kajian peringkat pertama iaitu sebelum kajian (ujian pra) dan peringkat kedua selepas kajian (ujian pos). kelebihan kajian reka bentuk ini ialah pengukuran daripada ujian pra, maklumat tentang situasi sebenar subjek. Kemudian membandingkan keputusan ujian pos setelah subjek menjalani rawatan (Lee, et.al, 2021). Alat ukur yang digunakan pada kedua-dua peringkat tersebut kepada semua subjek. Ujian pra diberikan kepada kedua kumpulan KBK, KBB dan K sebelum kajian dijalankan. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data secara kuantitatif. Manakala ujian pos dilakukan untuk kedua-dua subjek sebaik program rawatan tamat dengan menggunakan alat ukuran yang sama pada peringkat ujian pra bagi mengumpul data kuatitatif ujian pos ke atas subjek yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Analisis Kesahan Dalaman dan Kaedah Kawalan Kajian

Terdapat beberapa ancaman terhadap kesahan bahawa intervensi yang memberi kesan bukannya daripada faktor lain. Pengkaji yang menjalankan kajian eksperimen perlu mengenal pasti ancaman kepada kesahan dalaman supaya ia tidak akan wujud atau dapat diminimumkan. Kesahan dalaman meliputi prosedur eksperimen, rawatan atau pengalaman peserta yang boleh menjejaskan kajian pengkaji. Seterusnya membawa kesimpulan yang betul berkaitan data populasi dalam eksperimen (Leavy, 2022). Merujuk dalam Jadual 3.2 menerangkan ancaman kesahan dalaman dan kaedah kawalan terhadap ancaman tersebut bagi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Ancaman kesahan dalaman dan kaedah kawalan kajian

Ancaman Kesahan Dalaman	Kaedah Kawalan
Sejarah- Peristiwa yang berlaku di luar kawalan pengkaji yang akan mempengaruhi subjek kajian	Merancang dengan teliti tempoh masa yang sesuai untuk melaksanakan kajian ini. Tempoh masa yang ditetapkan mengikut kesesuaian sesi dan aktiviti yang dilaksanakan. Sebanyak lapan sesi dan 13 aktiviti untuk dilaksanakan menggunakan MKBTPTR.
Kematangan- Perubahan yang dialami oleh subjek semasa eksperimen dijalankan	Pemilihan subjek adalah dalam kalangan murid tingkatan empat. Murid hampir sama dalam kalangan umur dan tahap kefahaman.
Regresi- Kesan skor ekstrem subjek kajian	Murid diberi peluang yang sama untuk dipilih sebagai subjek kajian. Pemilihan adalah berdasarkan subjek kajian yang mempunyai skor min yang ditetapkan.
Mortaliti- Peserta yang menarik diri dari menyertai kajian	Pengkaji menggunakan populasi dan sampel yang besar. Kawalan kepada sampel kajian dengan mengisi borang aku janji mengikuti kajian sebaiknya.
Pemberian Rawatan- kumpulan rawatan dan kawalan saling berkomunikasi	Pengkaji mengasingkan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
Demoralisasi- Kumpulan kawalan diabaikan	Menguatkuasa kawalan dan menjalankan kaedah yang berbeza kepada kumpulan kawalan tanpa mengganggu intervensi kumpulan rawatan.
Persaingan antara kumpulan	Memberi kefahaman dan pendedahan terhadap kedua-dua kumpulan tentang kepentingan dan keberhasilan pelaksanaan modul
Pengujian- Pengaruh pengujian umumnya	Menjarakkan tempoh masa pelaksanaan bagi melakukan pengujian seterusnya. Pengujian yang dilakukan pada hari tertentu adalah secara mingguan.
Penggunaan Instrumen	Penggunaan instrumen yang sama bagi mengukur penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik CESR dan CDDQR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 menunjukkan sebanyak sembilan ancaman kesahan dalam dan kaedah kawalan yang dijelaskan mengenainya. Dengan itu, tindakan yang diambil terhadap ancaman tersebut maka pengawalan kajian dapat diatasi dengan sebaiknya sebelum dan semasa kajian dilaksanakan.

3.4 Modul Bimbingan

Perbincangan bahagian ini meliputi antaranya konsep modul, jenis-jenis modul, ciri-ciri modul, pembinaan modul dan pembinaan MKBTPTR. Penjelasan setiap bahagian tersebut dinyatakan secara keseluruhannya.

3.4.1 Konsep Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Mahmud, Noah, Ahmad, dan Jaafar (2017) modul merupakan satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat. Pembelajaran diadakan secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan murid belajar secara bersendirian. Modul dalam bidang pendidikan dianggap sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar bagi memudahkan pemahaman murid.

Menurut Awang dan Jais (2020) modul adalah terdiri daripada rangkuman unit-unit yang keseluruhan lebih besar, lengkap dan berkait rapat antara satu sama lain. Dalam pengertian yang lain modul bermaksud unit-unit dalam satu mata muridan. Dengan itu pembelajaran bermodul mengandungi unit-unit yang tertentu dan mempunyai hubungan antara satu unit modul dengan unit-unit modul yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul merupakan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan secara terancang untuk menyampaikan isi kandungan pengajaran bagi mencapai objektif yang ditetapkan dalam sukatan muridan yang dilaksanakan sama ada secara sedikit demi sedikit atau menggunakan langkah-langkah khusus. Ariffin, Hasnan, Zakaria, Rubani, dan Hamzah (2020). Pembinaan modul berdasarkan objektif sesuatu pembelajaran dikenali melalui pelbagai nama seperti unipack, pakej pembelajaran individu, pakej kegiatan dan sebagainya.

Modul yang digunakan oleh guru dalam bidang pendidikan untuk pengajaran guru mengandungi isi kandungan mata muridan, strategi, tindakan dan gerak kerja untuk pembelajaran murid dan penilaian isi kandungan sesuatu mata muridan. Modul juga diterapkan sebagai suatu pengajaran individu yang mengandungi unsur-unsur peneguhan pembelajaran dan penilaian melalui pelbagai strategi atau aktiviti pembelajaran dan juga boleh dimurnikan mengikut kecepatan murid. Selain itu, terdapat juga gabungan beberapa unit muridan yang menunjukkan kesinambungan bahagian-bahagian tertentu sesuatu mata muridan untuk dibentukkan modul (Ibrahim, 2016).

Selain itu, satu kaedah yang disyorkan adalah menggunakan modul pengajaran kendiri bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran yang bermutu. Pakej modul pengajaran kendiri adalah direka bentuk secara terancang, teratur dan sistematik untuk pembelajaran secara individu dengan mengambilkira latar belakang, minat, tahap kebolehan, motivasi dan lain-lain Octavia (2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul juga terdiri daripada satu bahan, alat dan sumber untuk pelbagai aktiviti yang telah dirancang secara sistematik bagi memudahkan murid mencapai dan menguasai objektif-objektif yang telah ditetapkan dalam bidang motivasi dan pembangunan diri (Mahmud et.al, 2017). Modul yang terdiri daripada aktiviti peningkatan diri, kegemaran, pengembaraan dan rekreasi, dapat digunakan juga dalam aktiviti yang bukan berbentuk akademik (Yusop et al., 2015).

Dengan itu, modul boleh digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran akademik di dalam kelas yang formal dan juga boleh dilaksanakan secara individu atau kelompok dalam pelbagai aktiviti bimbingan dan perkembangan diri ke arah mencapai pembentukan kendiri yang positif. Penggunaan modul memudahkan proses pembelajaran berlangsung dengan lebih tersusun dan berfokus serta dapat mencapai sesuatu objektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Jenis-Jenis Modul

Terdapat beberapa jenis modul yang digunakan sebagai alat untuk panduan mengendalikan sesuatu rawatan. Russel (1974) mengkategorikan modul kepada tiga jenis iaitu modul pengajaran secara individu, modul kelompok kecil mengandungi ahlinya seramai empat hingga enam orang dan modul kelompok besar yang terdiri ahlinya seramai 30 orang. Manakala Jamaludin (2008) pula mengkategorikan modul kepada dua jenis iaitu modul yang berbantukan fasilitator, moderator atau pengendali dan modul yang tidak berbantukan fasilitator, moderator atau pengendali. Penggunaan modul berbantukan fasilitator merupakan modul yang dilaksanakan dengan bantuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fasilitator, moderator atau pengendali seperti Modul Bersepadu Perkembangan Kerjaya, Modul Latihan, Modul Motivasi, Modul Kemahiran dan seumpamanya. Manakala, modul yang digunakan tanpa memerlukan bantuan fasilitator, moderator, pengendali, guru atau sebagainya merupakan modul yang lengkap untuk dimuridi dan dikuasai yang terdiri daripada Modul Pembelajaran Kendiri, Modul Pengajaran dan Pembelajaran, Modul Akademik dan seumpamanya.

Sidek dan Jamaludin (2005), membahagikan modul kepada empat jenis iaitu Modul Pengajaran Modul Motivasi, Modul Latihan dan Modul Akademik. Penerangan kepada jenis modul tersebut dihuraikan selanjutnya.

a. Modul Pengajaran iaitu modul yang berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah, menengah, kolej dan universiti. Modul yang berfokus kepada pembelajaran secara individu untuk dilaksanakan secara persendirian melalui panduan dan arahan yang terdapat di dalam modul. Tujuan pembinaan modul pengajaran untuk membantu murid yang lemah dalam akademik.

b. Modul Motivasi iaitu Modul ini akan digunakan oleh guru, moderator, motivator atau fasilitator. modul ini biasanya mengandungi pelbagai aktiviti, latihan dan permainan. Para peserta akan mengikut dan melakukan segala arahan, penerangan dan pelaksanaan berdasarkan modul. Modul yang dibina bertujuan membantu murid mencapai matlamat yang ditetapkan dengan meningkatkan motivasi dalaman.

c. Modul Latihan adalah modul yang dikendalikan oleh individu atau swasta dalam bentuk kursus jangka pendek atau jangka panjang. Pihak-pihak tertentu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilantik mengendalikan kursus dan para peserta kursus mengikuti segala arahan yang diberikan oleh mereka. Modul ini kebiasaannya diusahakan oleh pihak-pihak tertentu untuk meningkatkan kecekapan di kalangan kakitangan sesebuah organisasi untuk latihan perkembangan.

d. Modul Akademik iaitu modul mengandungi bahan nota lengkap yang disediakan oleh para pensyarah bagi memudahkan dan memperkayakan pengetahuan mereka. Modul yang berkonsepkan untuk memberi kemudahan khusus kepada para murid kolej atau universiti bagi mengikuti pengajian mereka di pusat-pusat pengajian tinggi sama ada secara separuh masa atau sepenuh masa.

Merujuk kajian ini, modul yang dibina dapat dikategorikan dalam jenis modul motivasi. Kategori jenis ini dapat memenuhi huraian yang dibincangkan oleh Sidek dan Jamaludin (2005). Modul dalam kajian ini dapat mencapai matlamat yang ditetapkan dalam memfokuskan kepada penerokaan dan membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Ciri-Ciri Modul

Sesuatu modul yang mahu dibina perlu mengambil kira ciri-ciri tertentu. Apabila modul telah siap ia akan memberi impak dan kesan yang menggalakkan kepada para peserta yang dilibatkan. Ini kerana setiap individu mempunyai kemampuan, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman yang berbeza-beza. Dengan itu, sebuah modul yang hendak dibina perlu mengambil kira tahap prestasi, kebolehan, kecekapan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemampuan murid. Justeru, modul yang dibina akan mencapai tujuan membantu dan membolehkan murid menguasai objektif yang hendak dicapai (Jamaludin, 2008).

Modul pembelajaran kendiri membolehkan murid memmuridi mengikut tahap kebolehan masing-masing yang tersendiri. Ini kerana modul tersebut mengambil kira perbezaan individu dalam kalangan para murid. Dengan itu, mereka boleh memilih cara pembelajaran yang paling sesuai untuk diri mereka. Justeru, modul pembelajaran kendiri mengandungi ciri-ciri pengajaran yang memberi kebebasan kepada para murid untuk memilih pembelajaran mereka mengikut kadar sendiri, lengkap diri dan mudah lentur yang mendorong ke arah mencapai objektif pembelajaran (Octavia, 2020).

Ariffin et.al (2020) menyatakan ciri-ciri modul mengandungi kebebasan kepada murid untuk belajar mengikut masa, keselesaan dan kecepatan sendiri, pembinaan mengambilkira untuk kemudahan pembelajaran, menggabungkan dengan media yang lain, mudah diuruskan dan diaturkan dengan pelbagai kaedah, dan murid berpeluang untuk belajar melaksanakan di dalam pelbagai kegiatan.

Usman dan Akbar (2022) mencirikan modul yang dibina oleh pembina modul dengan mengambil kira penekanan supaya modul dapat memberi manfaat kepada pengguna. Ciri-ciri yang beliau huraikan melibatkan antaranya satu sasaran penggunan, satu atau lebih konsep yang digunakan, pernyataan objektif tingkah laku, isi kandungan mencapai objektif, pelbagai penggunaan media, memenuhi sebahagian atau keseluruhan kursus, petunjuk penguasaan yang tersendiri, pelbagai strategi, persaingan kecepatan tersendiri, peneguhan yang segera, latihan yang memadai, penilaian berdasarkan objektif dan ujian penggunaan modul. Pembinaan modul bagi kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan cuba memenuhi ciri-ciri dengan sebaiknya seperti yang dihuraikan. Dengan itu, modul yang dibina akan mencapai sebagaimana objektif yang digariskan untuk dicapai dalam kajian ini.

Pengujian yang dilaksanakan secara r merujuk kepada aktiviti penilaian atau ujian yang dijalankan setiap minggu sepanjang tempoh intervensi atau program. Tujuan utamanya adalah untuk memantau perkembangan atau perubahan yang berlaku pada peserta dari minggu ke minggu. Dalam konteks kajian, ini melibatkan pengujian format seperti ujian bertulis soal selidik, inventori psikologi, ujian objektif, pemerhatian berstruktur, refleksi kendiri mingguan dan penilaian berbentuk skala misalnya skala penerokaan kerjaya atau skala efikasi membuat keputusan. Seterusnya tujuan diadakan pengujian mingguan adalah mengukur kesan jangka pendek setiap sesi modul terhadap pemboleh ubah kajian seperti tahap penerokaan kerjaya atau kejelasan keputusan kerjaya. Mengesan trend peningkatan atau penurunan skor sepanjang tempoh intervensi. Membolehkan penyesuaian awal dilakukan sekiranya keberkesanan modul tidak seperti yang diharapkan. Memberi peluang kepada pelajar untuk membina kesedaran kendiri dan refleksi terhadap perkembangan kerjaya mereka. Pelaksanaannya, jika modul bimbingan kerjaya berlangsung selama 6 minggu, maka minggu 1 diadakan Pre-test ujian asas sebelum intervensi. Minggu 2 hingga 5 diadakan pengujian mingguan setiap kali selesai sesi. Pada minggu 6 dijalankan post-test untuk menilai kesan keseluruhan. Manfaat yang diperoleh dalam kajian adalah meningkatkan validiti dalaman dengan mengesan perubahan secara berperingkat. Memberi data longitudinal jangka pendek. Membantu mengesahkan sama ada intervensi benar-benar mempunyai kesan atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Justifikasi pemilihan modul bimbingan kelompok berdasarkan TPTR

Dalam konteks kajian, pengkaji telah memilih TPTR sebagai asas teoritikal untuk membina Modul Kelompok Bimbingan berdasarkan soroton literatur. kelompok Bimbingan dan program berdasarkan TPTR berupaya untuk membantu murid-murid sekolah memilih pilihan masing-masing dengan berkesan. Malahan menurut Wubbolding (2000), TPTR sesuai dilaksanakan dalam sesuatu program yang memerlukan tempoh perlaksanaan yang pendek. Andaian awal bahawa dalam TPTR menekankan keperluan asas terhadap individu untuk membuat pilihan (Glasser, 1998). Oleh itu dalam konteks sekolah, proses WDEP boleh digunakan untuk membantu mengenal pasti keperluan asas murid (Wulbbolding, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pandangan Wubbolding (2017) TPTR sesuai digunakan dalam pelbagai bidang dan lapangan seperti kerjaya. Dalam kajian Modul Kelompok Bimbingan untuk penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya adalah berdasarkan falsafah TPTR. Proses kaunseling berorientasikan *Reality Therapy* telah menghasilkan kerangka konseptual untuk melihat penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya yang dilakukan oleh GBK. Model ini dinamakan sistem WDEP yang dikemukakan oleh Glasser (1968, 1998) dan Wulbbolding (2000). W adalah akronim kepada kehendak, keinginan dan persepsi *(wants, needs and perceptions).* Dalam tahap ini GBK akan menggunakan *Reality Therapy* untuk meneroka kehendak dan keinginan murid berasaskan kepada keperluan psikologi diri. Dalam terapi ini keperluan psikologi adalah rasa menyayangi dan disayangi *(love and belonging),* rasa gembira dengan kehidupan *(fun),* rasa kebebasan *(freedom)* dan rasa diiktiraf oleh orang lain *(power).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil gabungan keperluan psikologi akan membentuk keperluan fisiologi yang dinamakan sebagai proses meneruskan kelangsungan hidup *(survival).*

Oleh itu, *Choice Theory* dibangunkan oleh Glasser (1968) memberi penjelasan tentang motivasi. Aspek utama TPTR adalah keyakinan secara dalaman bukan bermotivasi secara luaran. *Choice Theory* memperlihatkan perilaku secara dalaman mengembangkan pengertian tentang apa yang paling penting dan yang memberi kepuasan. Menurut Glasser (1968) *Reality Therapy* adalah kaedah kaunseling yang didasarkan pada *Choice Theory* bertujuan membantu individu mendapatkan kawalan yang lebih berkesan atas kehidupan mereka sendiri. *Reality Therapy* didasarkan pada keyakinan bahawa kita semua memilih apa yang kita lakukan dalam kehidupan dan individu bertanggungjawab dengan pilihan itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terapi ini sesuai di aplikasi dalam kajian ini dengan memberikan kebebasan kepada klien untuk berfikir secara rasional, menilai dan menentukan dan membuat keputusan sendiri. *Reality Therapy* digunakan secara konkrit, jelas dan realistik yang menampilkan keberkesanan dan dinilai terutamanya apabila kontrak dibuat dan dipersetujui oleh GBK dan klien. Terapi ini mempunyai pelan induk yang dirancang dengan sistematik dan realistik oleh klien sebagai panduan penyelesaian masalah (Sapora dan Ruhaya, 2012). Terapi ini telah menggunakan masa yang pendek untuk membantu klien kalau dibandingkan dengan teori-teori yang lain seperti psikoanalisis dan pemusatan insan. Konsep masa kini relevan dalam pengertian *Reality Therapy*. Masa yang dipentingkan adalah sekarang. Individu tidak boleh mengubah perkara yang lalu, tindakan yang perlu dilaksanakan adalah masa sekarang dan akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan *Reality Therapy* boleh diterapkan dalam konteks sekolah di Malaysia asalkan GBK itu sudah dapat menjiwai konsep abstrak yang digunakan dalam terapi ini, memudahkan perubahan perlakuan bagi pelajar-pelajar (Sapora, 2013). Corey (2013) menyatakan pendekatan *Reality Therapy* sebagai menjana proses mental yang aktif dan Loyd (2005) berpendapat bahawa *Reality Therapy* sebagai terapi jangka pendek dan sesuai dalam perasekitaran di sekolah. Justeru itu, penggunaan TPTR dalam kajian ini amat sesuai dengan tempoh masa yang dilaksanakan dan sampel yang digunakan. Malah dengan penggunaan WDEP itu dapat menerokai lebih mendalam diri murid dalam mencapai matlamat diri mereka.

3.6 Bias pengkaji terhadap TPTR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Choice Theory Reality Therapy (TPTR), yang diasaskan oleh William Glasser, merupakan pendekatan kaunseling yang menekankan tanggungjawab individu terhadap pilihan tingkah laku mereka. Di Malaysia, TPTR telah mendapat perhatian dalam kalangan pengamal kaunseling, terutamanya dalam konteks pendidikan dan intervensi pelajar. Kajian oleh Ahmad Jazimin Jusoh, et. al (2011) menunjukkan bahawa daripada 532 kaunselor yang disoal selidik, hanya 61 menggunakan Terapi Realiti dalam amalan mereka. Kebanyakan kaunselor ini memperoleh pengetahuan tentang Terapi Realiti semasa pengajian siswazah, dan aplikasi mereka cenderung menumpukan pada dua komponen awal model WDEP (Wants dan Doing), dengan kurang penekanan pada Evaluation dan Planning. Selain itu, kajian oleh Adawiah dan Azemi (2017) mendapati bahawa Modul Bimbingan Terapi Realiti Teori Pilihan yang dibangunkan menunjukkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, dengan skor Alpha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cronbach masing-masing 0.80 dan 0.90, menunjukkan potensi modul ini dalam mengurangkan tingkah laku negatif pelajar.

Soalan yang menyentuh tentang bias pengkaji, khususnya berkait dengan sejauh mana pengkaji benar-benar memahami dan menguasai Teori Pilihan dan Terapi Realiti. Kepentingan penguasaan terhadap TPTR oleh pengkaji. Untuk menghasilkan kajian yang sah dan mendalam, adalah sangat penting bagi pengkaji untuk mendalami prinsip-prinsip asas TPTR (seperti lima keperluan asas, dunia berkualiti, tingkah laku total, dan kitaran pemulihan). Mempunyai latihan atau pengalaman profesional dalam menggunakan TPTR sama ada melalui kursus, pensijilan, atau amalan klinikal. Membaca karya-karya William Glasser (pengasas TPTR) dan pengkaji-pengkaji lain yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Risiko bias jika pengkaji tidak mahir. Jika pengkaji tidak cukup mahir atau hanya mempunyai pemahaman separa tentang TPTR, maka Interpretasi konsep mungkin tersasar atau terlalu umum. Kajian boleh berkecenderungan untuk menyokong TPTR tanpa kritikan yang objektif. Data mungkin diinterpretasi mengikut kefahaman yang terhad, bukan berdasarkan prinsip sebenar terapi. Contohnya, pengkaji yang terlalu memihak kepada TPTR mungkin tidak memberi ruang kepada kelemahan atau batasan teori, lalu menjadikan hasil kajian tidak seimbang. Bagaimana menilai tahap kepakaran pengkaji. Beberapa petunjuk untuk menilai tahap penguasaan TPTR oleh pengkaji. Latar belakang akademik, Adakah pengkaji memiliki kelayakan dalam kaunseling atau psikologi? Pengalaman amali, Adakah pengkaji telah menggunakan TPTR dalam sesi kaunseling sebenar? Penglibatan dalam komuniti TPTR, misalnya, menjadi ahli William Glasser Institute. Kepelbagaian rujukan, Adakah pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merujuk karya-karya seminal TPTR atau hanya merujuk sumber sekunder? Cadangan, jika anda sedang menilai atau menulis kajian berkaitan TPTR, nyatakan dengan jelas latar belakang pengkaji dalam TPTR. Jelaskan bagaimana pengkaji mengatasi kemungkinan bias contohnya melalui triangulasi, perbincangan bersama pakar, atau audit luar. Elakkan terlalu memihak atau menolak teori seimbangkan dengan kritikan dan bukti.

Walaupun TPTR diiktiraf sebagai pendekatan yang berkesan, beberapa faktor mempengaruhi tahap penguasaan kaunselor terhadapnya. Pendedahan yang terhad kebanyakan kaunselor hanya mendapat pendedahan kepada TPTR semasa kuliah, tanpa latihan praktikal yang mencukupi. Kekangan masa dan sumber, kaunselor menghadapi cabaran dalam meluangkan masa untuk menguasai dan mengaplikasikan pendekatan ini secara mendala. Kesesuaian konteks, walaupun TPTR sesuai untuk pelbagai konteks, terdapat keperluan untuk menyesuaikannya dengan budaya dan nilai tempatan. Kesimpulan, walaupun TPTR telah diperkenalkan dan digunakan dalam kalangan kaunselor di Malaysia, tahap penguasaan dan pendalaman terhadap pendekatan ini masih berbeza-beza. Terdapat keperluan untuk latihan lanjutan dan sokongan berterusan bagi memastikan kaunselor dapat mengaplikasikan TPTR secara berkesan dalam amalan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Pembinaan Modul

Dalam pembinaan modul, Usman dan Akbar (2022) menyatakan sesuatu bahan atau modul pembelajaran haruslah memenuhi urutan langkah pembinaan modul dan bersesuaian dengan tahap kebolehan dan kecerdasan seseorang. Oleh itu, sesuatu modul yang mahu dibina agar dapat menjamin modul berkenaan benar-benar memenuhi keperluan murid iaitu dengan mengambil kira sasaran dan latar belakang perbezaan individu.

Menurut Jamaludin (2008), modul yang baik akan memberi kesan yang baik apabila seseorang peserta mengikuti sesuatu modul dengan dapat menguasai objektif yang telah digariskan di dalam modul tersebut. Dengan itu, modul yang melalui prosedur dan peraturan yang harus diikuti oleh pembina-pembina modul akan memberi kejayaan dan kesan yang baik kepada peserta yang mengikutinya.

Daripada Rusell (1974), Sharifah Alwiah (1981), Sidek dan Jamaludin (2005) dan sebagainya telah mengemukakan pelbagai model bagi binaan modul. Justeru itu, melalui pelbagai pendekatan dan prosedur yang dikemukakan, matlamat akhir sesuatu binaan modul yang berkenaan adalah untuk melahirkan modul yang berkualiti dan bermutu. Kajian ini akan menggunakan model Sidek dan Jamaludin (2005) sebagai panduan kerana merupakan model modul integrasi yang lebih komprehensif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.7.1 Model Pembinaan Modul Sidek

Satu model pembinaan modul telah diperkenalkan oleh Sidek dan Jamaludin (2005) yang berintegrasi dan komprehensif. Model ini melibatkan dua peringkat iaitu peringkat menyediakan draf modul dan peringkat mencuba dan menilai modul. Peringkat penyediaan draf mempunyai sembilan langkah bermula dengan membina matlamat sehinggalah penyatuan draf modul. Manakala peringkat kedua iaitu mencuba dan menilai modul melalui kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Model pendekatan pembinaan modul ini dapat diteliti seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

Rajah 3.1

Model Reka Bentuk Pembinaan Modul Sidek dan Jamaludin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sumber: Sidek dan Jamaludin (2005)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, Pembinaan MKBTPTR akan menggunakan model pembinaan modul Sidek yang merupakan model integrasi dan komprehensif. Pembinaan modul melalui model ini melalui proses percubaan atau kajian rintis untuk mengesan kelemahan dan kekurangan kesan yang akan wujud. Selain itu, bagi memastikan modul yang bermutu diperolehi yang melalui ujian kesahan dan kebolehpercayaan modul. Dengan itu, pelaksanaan modul dapat dilakukan dalam eksperimen bagi menentukan keberkesanannya.

3.7.2 Peringkat Pertama: Penyediaan Draf Modul

Pada peringkat penyediaan draf MKBTPTR, sebanyak sembilan langkah dilalui. Penyediaan draf MKBTPTR ini untuk diintervensikan kepada kumpulan rawatan. Kumpulan rawatan terdiri Kelompok Bimbingan Kecil (KBK) dan Kelompok Bimbingan Besar (KBB).

Langkah pertama ialah pembinaan matlamat bagi mengenal pasti tujuan pembinaan modul MKBTPTR. Kandungan yang bersesuaian dapat ditentukan melalui pembinaan matlamat. Matlamat umum MKBTPTR dalam kajian ini adalah untuk meningkatkan penerokaan dan mengurangkan kesukaran membuat keputusan kerjaya murid. Bagi objektif khusus dinyatakan secara lebih terperinci di setiap modul yang dibina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah kedua untuk mengenal pasti teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran dan tempoh masa. Teori merupakan asas kepada pembinaan dan pembentukan modul. Dalam kajian ini, sebelum pembinaan modul, pengkaji telah mengenal pasti teori atau model yang terlibat iaitu model penerokaan kerjaya dan PIC membuat keputusan kerjaya. TPTR akan menjadi teras utama kepada pembinaan modul ini.

Langkah ketiga pula menjalankan kajian keperluan pembinaan modul. Kajian keperluan MKBTPTR dijalankan dengan membuat rujukan kepada dapatan kajian-kajian lepas yang menyatakan keperluan aspek penerokaan dan membuat keputusan dalam bimbingan dan rawatan untuk meningkatkan penerokaan dan mengurangkan kesukaran membuat keputusan kerjaya murid. Pengkaji juga menjalankan tinjauan keperluan melalui pertanyaan dalam talian daripada guru-guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah untuk mendapatkan maklumat daripada maklumbalas mereka berkaitan keperluan modul MKBTPTR terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid sekolah.

Langkah keempat adalah menetapkan objektif dalam setiap pembinaan modul. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), objektif modul adalah bersifat tingkah laku bermaksud aspek yang boleh dilihat dan diukur di akhir pelaksanaan modul. Aspek-aspek tersebut melibatkan siapa yang akan terlibat, perkara yang akan dicapai, tahap penguasaan kemahiran yang perlu dikuasai dan tempoh jangka masa yang diperlukan untuk sesuatu kemahiran yang disampaikan akan dikuasai. Dalam pembinaan MKBTPTR, objektif dinyatakan secara jelas yang berunsurkan tingkah laku dan dapat diukur pada akhir pelaksanaan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah kelima adalah memilih isi kandungan. Pemilihan isi kandungan dilaksanakan dengan menyenaraikan, memilih dan menyaring supaya bersesuaian dan bertepatan bagi mencapai matlamat dan objektif yang ditentukan untuk dicapai. (Sidek dan Jamaludin, 2005; Mohammad Aziz Shah, 2018). Kandungan MKBTPTR ini adalah berdasarkan kepada teori TPTR daripada dokumen penulisan Glasser dan rakan-rakannya. Pengkaji turut mendapatkan pandangan pakar berkaitan isi kandungan yang bersesuaian di dalam MKBTPTR. Dapatan dokumen, bahan dan pandangan pakar berkaitan pembinaan modul akan disenaraikan, dipilih dan disaring berdasarkan objektif pada setiap modul.

Langkah keenam adalah memilih strategi. Strategi dan langkah-langkah adalah penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan modul yang seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Strategi yang dipilih berkait kepada objektif pembelajaran yang dinyatakan. Termasuk juga isi kandungan atau pengetahuan yang akan dapat dikuasai oleh murid pada akhir pembelajaran. Zain (2017). Di antara strategi pelaksanaan MKBTPTR terkandung adalah perbincangan, perkongsian, kerja rumah, taklimat ringkas dan lain-lain.

Langkah ketujuh pemilihan logistik. Pemilihan logistik merupakan fasaliti, insfrastruk atau apa-apa sahaja bahan yang digunakan sebagai alat bantuan dan sokongan kepada pembelajaran. Perancangan yang teliti menyediakan beberapa perkara-perkara tersebut adalah untuk mendapatkan pembelajaran yang berkesan. Penggunaan dan pemilihan logistik dapat menentukan akan sesuatu pencapaian dan yang akan murid menemuinya hasil dari sesuatu pembelajaran yang dikuti, Rahman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Alias (2020). Pemilihan logistik dalam modul ini terdiri pentas, kerusi, kipas, lampu, alat tulis, bahan-bahan bercetak dan lain-lain.

Langkah kelapan pemilihan media. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), penggubal modul menentukan kaedah modul yang akan disampaikan kepada kumpulan sasaran. Pemilihan media digalakkan sama ada secara tunggal atau gabungan dua ataupun gabungan pelbagai media. Ciri penting terhadap media yang digunakan adalah mempunyai kemampuan untuk menarik minat, memotivasikan dan merangsang kumpulan sasaran bagi mengikuti modul yang dihasilkan. Dalam modul ini pemilihan media yang digunakan adalah berunsurkan teknologi maklumat, bahan maujud dan lain-lain.

Langkah kesembilan adalah menyatukan draf modul. Setelah melalui semua peringkat yang dinyatakan sebelumnya, langkah yang seterus adalah menyatukan draf modul. Modul yang belum dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaannya bermaksud draf modul. Pada langkah ini modul MKBTPTR akan disatukan untuk melalui proses berikutnya iaitu mencuba dan menilai modul.

Peringkat seterusnya ialah mencuba dan menilai modul. Perkara yang terlibat pada peringkat ini adalah kajian rintis. Langkah berikutnya itu pula adalah untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan modul. Setelah daripada itu pula dilaksanakan eksperimen bagi mengukur keberkesanan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.3 Peringkat Kedua: Mencuba dan Menilai Modul

Percubaan bagi menilai modul dilaksanakan pada peringkat kedua. Modul yang telah digubal akan melalui kajian rintis bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan modul yang dibangunkan. Modul yang memperolehi kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi adalah dinilai sebagai modul yang lengkap.

3.8 Pembinaan MKBTPTR

Modul MKBTPTR merupakan modul bimbingan bagi pembentukan diri meneroka dan membuat keputusan kerjaya yang dilalui oleh murid dalam menentukan kerjaya ketika dalam persekolahan. Modul ini membimbing murid mengenal potensi diri dan memahami tingkah laku negatif yang akan mendatangkan permasalahan dan kesukaran dalam menentukan kerjaya. Modul ini juga membantu klien agar berusaha menyingkirkan tingkah laku yang melemahkan atau negatif tingkah laku kepada tingkah laku yang baik atau positif dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya.

Proses seterusnya melalui usaha meningkatkan penerokaan kerjaya dengan melakukan tindakan yang positif dengan mengembangkan sifat-sifat diri terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Modul ini merupakan satu intervensi yang bukan sahaja bersifat luaran akan tetapi meliputi keperluan pembangunan manusia secara menyeluruh dari aspek emosi dan intelek. Disamping itu juga memerlukan komitmen, rasa tanggungjawab untuk meningkatkan potensi diri, berperingkat dan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertahap mengikut latar diri murid. Pada Rajah 3.2 menunjukkan rangka konseptual bagi pembinaan modul MKBTPTR.

Rajah 3.2

Rangka konseptual pembinaan modul MKBTPTR



Berdasarkan Rajah 3.2, MKBTPTR merupakan modul latihan perkembangan kendiri berperspektif pemikiran dan tingkahlaku yang dibina untuk bertanggungjawab dalam meningkatkan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid. Modul MKBTPTR juga merupakan satu pendekatan komprehensif ke arah pembentukan personaliti individu yang bertanggungjawab dalam kehidupan yang dilalui. Matlamat umum MKBTPTR adalah :

a. Membentuk kesedaran tentang matlamat hidup sebagai seorang murid yang bertanggungjawab.

b. Memberi kesedaran tentang potensi diri yang boleh berubah dan berkembang dalam menjalani kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Menyemai kesedaran untuk mengubah tingkah laku yang melemahkan diri dan meningkatkan tingkah laku yang memberi kekuatan. Seterusnya disusuli pula dengan proses berusaha meningkatkan potensi diri dengan bertanggungjawab melakukan tindakan yang positif dengan mengembangkan sifat-sifat diri terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya.


MKBTPTR modul yang berasaskan model yang disesuaikan dengan model Ahmad Jazimin, et. al., (2016). Modul yang dibina ini merupakan satu pendekatan kepada proses pembentukan diri melalui kesedaran dan celik akal agar bertanggungjawab untuk mengubah ciri dan tingkah laku negatif dalam meneroka dan membuat keputusan kerjaya. Penerokaan dan membuat keputusan kerjaya dilakukan dengan mengenal potensi diri, mengenal kekuatan dan kelemahan diri serta mengenal tingkah laku negatif yang melemahkan seterusnya mengenal pasti tindakan untuk meningkatkan penerokaan dan mengurangkan kesukaran membuat keputusan kerjaya. Proses ini disusuli dengan usaha peningkatan kualiti diri dengan mengembangkan sifat-sifat positif secara berfokus melalui kehendak yang diingini, melaksanakan keinginan, menilai keinginan yang dikehendaki dan memutuskan pilihan yang dikehendaki sehingga melahirkan tingkah laku yang positif dan bertanggungjawab sebagaimana rujukan dalam Rajah 3.3 Model MKBTPTR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3

Model MKBTPTR



Sumber : Modul Kaunseling Kelompok TPTR Ahmad Jazimin et. al. (2016)

Model MKBTPTR dalam Rajah 3.3 meletakkan lapan konstruk utama dalam TPTR iaitu pengenalan dan membina hubungan, melihat dunia sebenar, melihat dunia dalaman, memahami keperluan, melakukan keperluan, menilai keperluan, membuat perancangan dan keputusan serta penamatan. Manakala dikombinasikan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya melibatkan Di mana- Meneroka Persekitaran, Di mana- Meneroka kendiri, Bagaimana meneroka - Bertujuan-Sistematik (Kendiri dan persekitaran), P =

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prescreening, I = *In depth screening* (Penilaian yang menjurus), C=*Choice,* I= *implementing the decision* (Melaksanakan pilihan keputusan) dan penapamtan.

Model yang bersifat integrasi dan komprehensif dalam konteks penyelidikan, pendidikan, psikologi, atau pembangunan intervensi. Model yang bersifat integrasi dan komprehensif dalam konteks penyelidikan, pendidikan, psikologi, atau pembangunan intervensi. Model yang bersifat integrasi bermaksud menggabungkan pelbagai teori, pendekatan atau komponen yang relevan. Tidak bergantung hanya kepada satu teori tunggal, tetapi mengambil kekuatan daripada beberapa sumber untuk membentuk satu model yang lebih mantap (Norcross dan Goldfried, 2019). Contohnya, dalam kaunseling, satu model mungkin mengintegrasikan pendekatan kognitif, tingkah laku, dan humanistik untuk menghasilkan intervensi yang lebih sesuai dengan pelbagai keperluan klien. Contohnya, model ini bersifat integrasi kerana ia menggabungkan prinsip Terapi Realiti dengan elemen pendekatan Humanistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model yang bersifat komprehensif merujuk kepada satu pendekatan atau kerangka kerja yang merangkumi pelbagai aspek penting secara menyeluruh, termasuk dimensi kognitif, emosi, tingkah laku, sosial, dan persekitaran, bagi memastikan intervensi atau pelaksanaan sesuatu program adalah lengkap dan efektif. Dalam konteks kaunseling atau pendidikan, model komprehensif biasanya membina suatu struktur yang menyepadukan objektif, kandungan, strategi, dan penilaian dalam satu sistem yang holistik. Membolehkan intervensi atau pemahaman yang lebih holistik dan tidak terhad (Gysbers dan Henderson, 2014). Contoh dengan ayat, “Model komprehensif ini menangani bukan sahaja aspek tingkah laku pelajar, tetapi juga emosi, persekitaran, dan sokongan sosial mereka.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila satu model itu integratif dan komprehensif, ia menggabungkan pelbagai teori (integrasi) dan meliputi pelbagai aspek penting (komprehensif). Model ini bersifat integratif dan komprehensif, kerana ia menggabungkan pelbagai teori dan pendekatan kaunseling, serta merangkumi dimensi kognitif, emosi, tingkah laku dan sosial secara menyeluruh, bagi memastikan intervensi yang holistik dan berkesan. Seperti yang dinyatakan oleh Norcross dan Goldfried (2019), integrasi terapi membolehkan pemilihan konsep daripada pelbagai pendekatan secara fleksibel, manakala Gysbers dan Henderson (2014) menekankan pentingnya model komprehensif dalam merangkumi pelbagai komponen dan tahap dalam satu sistem yang tersusun. Contohnya, satu model sokongan psikososial untuk remaja mungkin menggabungkan TPTR, sokongan keluarga, pendidikan nilai, dan pendekatan spiritual, serta mengambil kira aspek individu, persekitaran, dan budaya maka ia integratif dan komprehensif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MKBTPTR merupakan satu proses rawatan yang melalui beberapa tahap bagi mewujudkan kesejahteraan kepada individu. Perhubungan dibina dengan individu bagi mewujudkan rasa keselesaan dalam menjalani perhubungan. Individu didedahkan tentang kekuatan dan potensi diri di samping kelemahan diri sendiri melalui dunia dalaman. Individu juga harus mengetahui matlamat dalam kehidupan dunia sebenar, mengetahui kelemahan dan masalah yang dialami dalam dunia sebenar. Proses asas penting bagi menimbulkan keyakinan tentang gambaran kehidupan diri pada masa kini dan kelangsungan kehidupan mereka. Proses ini perlu bersesuaian dengan profil dan tahap individu agar ianya mampu untuk dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses seterusnya ialah memahami keperluan asas dan kehendak dunia sebenar yang diperlukan individu. Keperluan individu dijelaskan dengan menentukan keperluan dan kehendak yang dialami secara dalam diri dan keperluan dalam dunia sebenar atau luaran. Seterusnya proses yang dilalui adalah arahan dengan menujukkan cara untuk melakukan keperluan yang diingini. Individu diberikan tunjuk ajar dan panduan agar bertanggungjawab terhadap keperluan yang diingini. Proses selanjutnya menjelaskan arah tuju yang dikehendaki. Dengan itu individu menilai terhadap pilihan yang dipilih dan bertanggungjawab dengan pilihannya. Seterusnya perancangan dilaksanakan terhadap pilihannya untuk mendapatkan keputusan. Proses akhir iaitu penamatan bagi mengakhiri proses-proses yang telah dijalankan sebelumnya.

3.9 Pelaksanaan MKBTPTR dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan MKBTPTR dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya bermula dengan penentuan masalah kajian oleh pengkaji. Setelah pengkaji mengenal pasti masalah kajian, MKBTPTR dibina. Pembinaan modul ini melibatkan proses kesahan dan kebolehpercayaan dalam memastikan MKBTPTR ini dapat digunakan dalam lapangan yang sebenar. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan intervensi MKBTPTR terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Bagi mengukur kesan modul tersebut pengkaji telah menggunakan inventori yang telah yang diubahsuai untuk mengukur penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Inventori yang telah diubahsuai ini turut menjalani proses kesahan dan kebolehpercayaan bagi tujuan menguji ketekalan inventori tersebut. Sebelum modul dilaksanakan terhadap murid, pengkaji telah mengadakan *Traning of Traineer (TOT*). TOT ini dijalankan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

GBK sekolah yang terlibat dalam kajian. Tujuan TOT ini dijalankan adalah untuk mengelakkan bias dalam kalangan GBK semasa menjalankan intervensi MKBTPTR.

Kajian kuasi eksperimen ini menggunakan dua kelompok iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Bagi tujuan pemilihan subjek kajian, pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada murid yang terlibat. Pemilihan subjek kajian adalah berdasarkan nilai skor min yang rendah dan sederhana yang diperoleh murid. Setiap sekolah diwakili oleh murid tingkatan empat dari sekolah yang ditentukan. Seterusnya, pengkaji membahagikan kelompok kepada dua kumpulan iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan secara rawak berpadanan. Kesan MKBTPTR terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya diukur berdasarkan jenis jantina dan sosioekonomi. MKBTPTR yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap murid adalah untuk menjadikan murid yang bersedia mempunyai kemahiran meneroka dan membuat keputusan kerjaya. Penerangan kepada perkara seterusnya dengan merujuk kepada Rajah 3.4 fasa-fasa pelaksanaan MKBTPTR dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Penjelasan setiap fasa, dikemukakan sebagaimana yang berikut:

a) Fasa Pertama : Penentuan masalah kajian

Fasa pertama ini adalah berkaitan dengan penentuan masalah kajian. Terdapat dua masalah kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Pertama adalah personaliti diri. Kedua adalah persekitaran merupakan salah satu daripada masalah yang wujud dalam kajian ini. Selain itu, terdapat juga saranan daripada kajian terdahulu dianjurkan melakukan kajian seumpama ini. Seterusnya perkara-perkara tersebut menjadi penentuan untuk mengkaji kajian dalam meneroka dan membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Fasa Kedua: Membangunkan MKBTPTR

Kaedah yang digunakan dalam fasa kedua ini adalah berdasarkan kepada analisis dokumen. Bagi kajian kepustakaan berkaitan dengan meneroka dan membuat keputusan kerjaya. Modul Kaunseling Kelompok TPTR oleh Ahmad Jazimin et.al (2016) dijadikan sebagai analisis dokumen dalam memahami konsep dan jenis dan juga berkaitan sesi yang terdapat di dalam modul ini. Pengkaji membuat penelitian terhadap modul ini supaya dapat dijadikan panduan dengan menjalankan pemurnian terhadap modul tersebut agar bersesuaian dengan MKBTPTR dalam kajian yang akan dilaksanakan.

c) Fasa Ketiga: Kesahan modul

Fasa ketiga merujuk kepada kesahan berkaitan dengan modul. Pengkaji telah menjalankan proses kesahan muka bagi melihat kesesuaian modul dari aspek bahasa dan konteks yang sesuai kepada pakar penilai. Seterusnya pengkaji mendapatkan kesahan pakar dengan menghantar kepada panel pakar bagi mendapatkan penilaian modul dari segi kesahan muka dan kesahan kandungan. Yuh dan Kenayathulla (2020) menyatakan dalam menentukan kesahan kandungan sesuatu alat ukuran terdiri daripada tiga bahagian iaitu isi kandungan, menentukan bahagian isi kandungan yang akan diukur oleh setiap pengukuran item dan membuat perbandingan struktur pengukuran dengan struktur isi kandungan. Kesahan bagi MKBTPTR diperoleh adalah melalui dua kaedah pengesahan pakar. Pengesahan yang pertama adalah berdasarkan kaedah Russell (1974) yang mempunyai lima penyataan mengenai kesahan modul. Manakala pengesahan yang kedua adalah penilaian dari segi kesahan sesi dan aktiviti yang dicadangkan oleh Mohammad Aziz Shah (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan Modul Russel (1974) menyatakan bahawa bagi sesuatu modul penilaian kesahan harus mempunyai lima perkara utama iaitu; a) menepati sasaran populasi (mengambil kira tingkah laku subjek), b) situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian, c) masa yang diperuntukkan untuk menjalankan sesuatu modul adalah mencukupi, d) matlamat yang ingin dicapai dan e) mengubah tingkah laku individu. Seterusnya, kesahan modul dinilai secara berasingan pada setiap sesi dan aktiviti-aktiviti dalam sesi. Ia bertujuan bagi memperolehi penilaian kandungan yang lebih tepat pada setiap sesi dan aktiviti dalam modul (Ahmad Jazimin, et.al, 2016). Proses untuk mendapatkan kesahan modul ini adalah dengan menghantar salinan lengkap berkaitan dengan MKBTPTR kepada panel pakar bagi proses penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) Fasa Keempat: Kebolehpercayaan modul

Seterusnya dalam fasa keempat pengkaji telah menjalankan proses untuk mendapatkan kebolehpercayaan modul. Kebolehpercayaan menentukan sesuatu modul itu dapat digunakan dalam kajian yang sebenar atau tidak. Pengkaji membina soal selidik dengan memfokuskan kepada objektif setiap sesi dan aktiviti di dalam modul bagi menjalankan analisis kebolehpercayaan. Analisis data statistik dilakukan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan modul adalah melalui penggunaan kaedah pekali kebolehpercayaan *Cronbach Alpha*. Kesahan dan kebolehpercayaan yang mempunyai nilai yang tinggi akan membuktikan modul tersebut dapat digunakan dalam kajian yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebolehpercayaan modul bagi Fraenkel, et al., (2012) merujuk kepada tahap konsistensi, kestabilan dan kebergantungan modul dalam menghasilkan kesan yang sama apabila digunakan berulang kali dalam situasi yang serupa. Ia penting untuk memastikan bahawa modul yang dibangunkan boleh dipercayai, sah dan berkesan apabila dilaksanakan oleh pelaksana berbeza dan dalam konteks berbeza. Dalam mana-mana pembangunan modul intervensi, kebolehpercayaan modul perlu diuji untuk memastikan modul itu konsisten, stabil, dan boleh diguna pakai dalam konteks berbeza tanpa hasil yang bercanggah. kaedah utama untuk mengukur kebolehpercayaan modul dari sudut teknikal dan praktikal.

Tujuan menguji kebolehpercayaan dalaman (Internal Consistency) adalah untuk menilai sama ada item-item atau aktiviti dalam modul konsisten antara satu sama lain dalam mengukur konstruk yang sama. Menggunakan kaedah Alpha Cronbach (Cronbach's Alpha). Biasanya digunakan apabila modul mengandungi instrumen soal selidik, latihan reflektif, atau penilaian kendiri. Nilai $\alpha \geq 0.70$ dianggap boleh diterima. Contohnya modul ini dinilai dari segi kebolehpercayaan dalaman menggunakan pekali Alpha Cronbach dan memperoleh nilai 0.84, menunjukkan tahap konsistensi yang tinggi. Kebolehpercayaan antara penilai (inter-rater reliability) dilakukan jika modul melibatkan penilaian oleh fasilitator, guru atau panel penilai, uji kesepakatan antara penilai. Ianya digunakan apabila penilaian bersifat kualitatif atau observasi misalnya rubrik atau senarai semak. Contoh menggunakan kaedah Kappa Cohen atau Intraclass Correlation Coefficient (ICC). Menjalankan Ujian-Ulang Uji (Test-Retest Reliability) bagi menilai kestabilan skor modul dari semasa ke semasa. Modul diuji kepada kumpulan sama dua kali dengan jarak masa tertentu. Jika skor stabil, ia menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konsistensi masa. Ini sesuai untuk modul dengan soal selidik atau penilaian kuantitatif (Sidek, 2008).

Penilaian oleh Pakar (Expert Review). Walaupun ini lebih kepada kesahan (validity), pakar juga menilai kejelasan, konsistensi, dan ketepatan struktur modul. Boleh menggunakan Borang Penilaian Modul dengan skala Likert dan analisis min, sisihan piawai, dan komen pakar. Contohnya lima orang pakar bidang telah menilai modul dari aspek kebolehgunaan, kejelasan aktiviti, dan kesesuaian kandungan. Purata skor menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Mengadakan percubaan rintis (pilot study). Menjalankan modul kepada kumpulan kecil sasaran sebenar dan lihat sama ada hasil dan respons adalah stabil dan konsisten. Membantu bagi mengenalpasti kelemahan awal dan menambahbaik modul sebelum pelaksanaan penuh (Fraenkel, et al., 2012). Kesimpulannya, contoh bagi menentukan kebolehpercayaan modul, satu ujian rintis telah dijalankan ke atas 30 peserta menggunakan borang penilaian keberkesanan modul. Pekali Alpha Cronbach yang diperoleh adalah 0.87, menunjukkan bahawa modul mempunyai tahap kebolehpercayaan dalaman yang tinggi dan sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Untuk menilai keberkesanan modul intervensi, soal selidik yang digunakan telah dianalisis dari segi kebolehpercayaan dalaman menggunakan pekali Alpha Cronbach. Nilai kebolehpercayaan bagi skala yang digunakan dalam soal selidik ini adalah antara 0.85 hingga 0.91, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan konsisten. Menurut Fraenkel et al., (2012), nilai pekali melebihi 0.70 dianggap memadai untuk menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang baik dalam kajian sosial. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah sesuai bagi mengukur kesan intervensi yang dilaksanakan melalui modul TPTR.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah melalui proses pengadaptasian dan diterjemah secara sistematik berdasarkan garis panduan Beaton et al. (2000). Ujian kesahan kandungan telah dilakukan oleh tiga orang pakar dalam bidang kaunseling dan psikologi pendidikan, manakala nilai kebolehpercayaan dalaman diuji melalui Alpha Cronbach dan memperoleh nilai antara 0.85 hingga 0.91, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Fraenkel et al., 2012). Oleh itu, soal selidik ini boleh dianggap sebagai instrumen yang sah dan boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian ini.

e) Fasa Kelima: Pengujian kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Alat Kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah dimurnikan oleh pengkaji berdasarkan soal selidik asal yang di bina oleh Stumpf, Colarelli dan Hartman (1983) dan Gati, Saka, dan Krausz (2001). Soal selidik yang telah siap dimurnikan oleh pengkaji untuk melalui proses kesahan.

Kemudian, dalam menentukan kebolehpercayaan alat kajian tersebut pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap 35 orang murid bagi memperoleh nilai kebolehpercayaan. Data kajian telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) bagi memperoleh nilai *Cronbach Alpha*. Nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan baik membuktikan alat kajian tersebut dapat digunakan dalam kajian yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f) Fasa Keenam: *Training of Trainer* (TOT)

Fasa keenam merujuk kepada kursus TOT yang dijalankan untuk memberi pendedahan kepada GBK berkaitan dengan teori TPTR. Kursus ini akan diadakan salah satu lokasi kajian. Peserta kursus merupakan para GBK yang terlibat dalam kajian ini iaitu GBK dalam kawalan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu. Kursus ini telah dikendalikan oleh pengkaji sendiri. TOT ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengelakkan bias semasa GBK mengendalikan MKBTPTR terhadap murid.

g) Fasa Ketujuh: Menguji kesan MKBTPTR


Fasa ketujuh ialah merujuk kepada kajian eksperimental yang bertujuan bagi mengukur kesan modul terhadap kumpulan kajian. MKBTPTR yang telah dimurnikan oleh pengkaji sedia digunakan bagi mengukur kesannya terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid. Kajian ini memberi fokus kepada dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan merujuk kepada kumpulan yang menerima intervensi MKBTPTR manakala kumpulan kawalan mengikuti aktiviti dan program yang sedia ada di sekolah. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005) sesuatu modul yang dapat memberikan kesan yang baik terhadap subjek kajian, boleh dikategorikan sebagai modul yang lengkap. Modul ini sesuai digunakan dalam kajian yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.4

Pelaksanaan MKBTPTR dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Lokasi kajian

Sekolah merupakan lokasi kajian bagi menjalankan kajian eksperimen. Sebanyak dua buah sekolah menengah menjadi lokasi kajian iaitu dilabelkan sekolah A dan sekolah B yang terletak di daerah Hulu Terengganu, Terengganu. Sekolah berkenaan menjadi lokasi yang sesuai dan mewakili sampel kajian apabila mendapat saranan perbincangan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Sekolah yang menjadi pilihan mempunyai ciri-ciri lokasi yang hampir sama iaitu terletak di luar bandar dan mempunyai keputusan pencapaian akademik yang keseluruhan adalah sederhana. Ciri-ciri demografi subjek di kedua-dua sekolah adalah hampir sama dalam pencapaian akademik dan sederhana dari segi tahap sosioekonomi pendapatan perkapita keluarga. Kedua-dua buah sekolah yang dipilih memerlukan kajian diteliti dari sudut tugasan pemerhatian, penumpuan dan prosedur serta melalui tempoh masa yang sesuai. Sesi rawatan untuk kelompok rawatan dalam tempoh selama lapan minggu. Manakala minggu awal dan minggu akhir kajian, diperuntukkan untuk melaksanakan praujian dan posujian. Lokasi kajian ditetapkan setelah ianya memenuhi secara tepat ciri-ciri sekolah dan subjek yang diperlukan (Saedah, et. al., 2020).

3.11 Pemilihan Subjek

Peringkat pemilihan subjek kajian adalah antara proses yang penting dalam kajian. Pemilihan subjek kajian bertujuan memilih subjek yang sesuai bagi mengikuti sesi kelompok rawatan atau kelompok kawalan dalam kajian eksperimen. Dengan itu pemilihan subjek dilaksanakan dengan mengikut tatacaranya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saiz subjek kajian adalah faktor penting yang ditentukan dalam kajian eskperimen. Penentuan jumlah subjek bagi tujuan kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa pandangan. Nordin dan Hassan (2019) menyatakan jumlah subjek kajian yang sangat besar dalam kajian eksperimen akan menyebabkan sukar untuk mengolah pembolehubah bersandar, sukar mencerap kesan latihan pembolehubah bebas pada pembolehubah bersandar dan sukar mengawal kesan kehadiran pembolehubah ekstranus. Menurut Gladding (2015) saiz kelompok yang ideal terdiri daripada lapan hingga 12 orang ahli bagi membolehkan setiap ahli kelompok berpeluang untuk mengekspresikan diri masing-masing tanpa membentuk subkelompok yang lain.

Manakala Aziz, Zakaria dan Ab Razak (2021) menyatakan ahli kelompok perkembangan boleh terdiri 12 hingga 40 orang. Dengan jumlah itu murid dalam kelas persekolahan terdiri 35 orang adalah jumlah yang biasa wujud di dalam sesebuah kelas. Sementara itu McLeod (2019) menjelaskan, kelompok perkembangan memfokuskan kepada penyampaian maklumat dan perkongsian pengalaman melalui aktiviti yang terancang. Aktiviti yang diadakan berasaskan kepada bimbingan, pemberian maklumat dan sebagainya. Merujuk kepada kajian ini, bilangan ahli KBK terdiri seramai 10 orang dalam setiap kelompok daripada tiga kelompok. Manakala bilangan ahli bagi KBB terdiri 30 orang ahli dalam satu kelompok sahaja. Kumpulan kawalan pula terdiri 60 orang ahli juga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11.1 Proses pemilihan subjek

Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan secara rawak mudah (simple random sampling) daripada populasi murid yang memenuhi kriteria kajian, iaitu murid Tingkatan 4 yang menunjukkan skor rendah dan sederhana dalam skala penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Seramai 130 orang murid telah dikenal pasti sebagai populasi layak berdasarkan skor yang diperoleh daripada instrumen praujian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 orang peserta telah dipilih secara rawak menggunakan fungsi penjana nombor rawak dalam perisian *Microsoft Excel*. Setiap murid diberikan nombor pengenalan, dan 120 nombor rawak telah dijana untuk menentukan senarai peserta akhir. Seterusnya, peserta-peserta ini dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan: kumpulan eksperimen (n = 60) yang menerima intervensi menggunakan modul berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR), dan kumpulan kawalan (n = 60) yang tidak menerima sebarang intervensi. Pemilihan rawak ini bertujuan mengurangkan bias pemilihan dan memastikan kesaksamaan antara kumpulan sebelum intervensi dijalankan.

Peringkat pertama pemilihan dijalankan secara persampelan rawak mudah. Ia bertujuan memilih subjek secara bebas. Manakala peringkat kedua ialah secara persampelan kriteria dengan tujuan mendapatkan subjek seimbang daripada pembahagian jantina bagi setiap kelompok. Subjek kajian dipilih daripada kalangan murid tingkatan empat di dua buah sekolah menengah harian di daerah Hulu Terengganu. Pemilihan sekolah dilakukan melalui Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu yang mencadangkan dua sekolah yang berdasarkan ciri-ciri sekolah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

subjek yang hampir serupa sebagaimana dalam konteks kajian oleh pengkaji. Pemilihan subjek adalah berdasarkan yang mempunyai ciri yang pertama adalah subjek berada di tingkatan empat berumur 16 tahun dalam peringkat remaja.

Manakala dari sosioekonomi, keluarga yang tergolong berpendapatan 40% terendah (Golongan B40) yang mempunyai kelas pendapatan bulanan isi rumah dibawah daripada RM3,860.00 sebulan. Jumlah pendapatan bagi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM940.00 ke bawah yang digariskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2015).

Selanjutnya pencapaian akademik subjek yang sederhana dan rendah berdasarkan pencapaian keputusan dalam peperiksaan Penilaian Tingkatan Tiga dengan memperolehi subjek sederhana dalam lima subjek yang teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah. Pencapaian gred subjek diberikan mata dengan gred A diberi 5 mata, gred B diberi 4 mata, gred C diberi 3 mata, gred D diberi 2 mata dan gred E diberi 1 mata. Tahap mata maksimum yang diperoleh adalah 25 mata manakala tahap mata minimum adalah 5 mata. Pecahan tahap mata yang dicapai oleh murid dikelompokkan kepada tiga kategori iaitu 5 mata hingga 11 mata adalah kategori rendah, 12 mata hingga 18 mata bagi sederhana dan 19 mata hingga 25 mata untuk tinggi. Oleh itu untuk pemilihan subjek kajian ditetapkan mata bagi kategori sederhana iaitu 12 mata hingga 18 mata.

Seterusnya subjek yang mencapai skor yang sama dan hampir sama dalam pembolehubah bersandar iaitu skor sederhana rendah dalam penerokaan kerjaya dan efikasi membuat keputusan kerjaya. Selain itu, perjumpaan dengan GBK dan guru kelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi menemubual mereka untuk meninjau ciri-ciri personaliti yang selari untuk dipilih subjek kajian. Setelah itu, gabungan ciri-ciri subjek yang didapati memenuhi kriteria, dilaksanakan pula pemilihan subjek secara rawak bagi memperoleh subjek mewakili kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Sebagaimana menurut Corey, et. al., (2018) berpendapat keseragaman pada tahap kelas sosial, tahap daya pemikiran dan ciri-ciri psikologi membantu membina kelompok yang baik.

Dengan merujuk kepada Rajah 3.5, menunjukkan populasi murid tingkatan empat daripada dua buah sekolah dalam daerah Hulu Terengganu. Peringkat pertama pemilihan, borang biodata dan latarbelakang keluarga diedarkan kepada subjek. Analisis dijalankan ke atas latar belakang dan biodata subjek yang mempunyai ciri-ciri dikehendaki. Proses analisis dibuat ke atas maklumat subjek daripada keluarga golongan berpendapatan 40% terendah (Golongan B40) yang mempunyai kelas pendapatan bulanan isi rumah dibawah daripada RM3,860.00 bulan. Pendapatan purata keluarga subjek dan jumlah lingkungan pendapatan yang dinyatakan diambil kira untuk pemilihan. Ini termasuk juga Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu di bawah daripada RM940.

Pemilihan subjek melalui akademik berdasarkan kepada pencapaian keputusan peperiksaan yang terkini yang diduduki di tingkatan 3 di rendah dan sederhana dalam lima matapelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, dan Sejarah. Penetapan mata pada ditetapkan dengan gred A diberi 5 mata, gred B diberi 4 mata, gred C di beri 3 mata, gred D diberi 2 mata dan gred E diberi 1 mata. Daripada itu, murid akan memperolehi mata dalam lingkungan mata maksium adalah 25 dan mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minimum adalah 5. Pemilihan subjek diambilkira pencapaian akademik yang sederhana dengan memperolehi mata purata dalam kategori sederhana iaitu 12 hingga 18 mata.


Peringkat kedua pemilihan subjek dilaksanakan dengan menggunakan set soal selidik yang ditadbir untuk ujian penapisan dan praujian yang mengandungi biodata subjek, *CESR* dan *CDDQR*. Subjek yang mempunyai ciri-ciri kajian dengan skor min sederhana rendah daripada analisa soal selidik *CESR* dan *CDDQR* dalam peringkat kedua ini. Seterusnya, proses pemilihan peringkat ketiga pula adalah untuk memasukkan subjek kajian ke dalam kelompok rawatan dan kelompok kawalan. pada peringkat ketiga ini, terdapat dua peringkat pemilihan subjek dilakukan dengan peringkat pertama secara persampelan rawak mudah untuk mendapatkan subjek bebas. Pada peringkat kedua pula ciri persampelan bertujuan dilakukan untuk memperolehi subjek yang setara dan seimbang bagi agihan jantina dalam kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.5

Carta aliran pemilihan populasi, sampel dan subjek eksperimen



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikutnya pula, subjek kelompok rawatan, kelompok kawalan dan jantina diagihkan secara teratur untuk mendapatkan jumlah angka yang seimbang. Subjek yang memenuhi kriteria diperolehi daripada sekolah A dan sekolah B dengan jumlah masing-masing. Bagi sekolah A seramai 30 subjek (15 Lelaki dan 15 perempuan) 30 subjek bagi sekolah B (15 lelaki dan 15 perempuan). Selanjutnya nama-nama subjek dan jantina di tulis pada kertas berasingan. Nama dicabut secara persampelan bebas bagi diletakkan dalam kelompok rawatan dan kelompok kawalan mengikut sekolah masing-masing. Seperti contoh, sekolah A, untuk KBK , nama setiap subjek sekolah A yang ditulis pada kertas berasingan, diletakkan dalam bekas yang berlainan mengikut jantina lelaki dan jantina perempuan (15 Lelaki dan 15 perempuan).

Seterusnya, kelompok rawatan dan kelompok kawalan dicabut secara berselang seli dari bekas jantina lelaki dan bekas jantina perempuan. Kaedah persampelan kriteria digunakan ketika cabutan nama dilakukan untuk mencukupkan bilangan nisbah 1:1 lelaki dan perempuan adalah mencukupi. Agihan pembahagian ini hampir sama yang dilakukan dengan jumlah agihan pembahagian populasi sebenara subjek disekolah-sekolah tersebut. Cabutan nama yang tidak memenuhi kriteria nisbah jantina lelaki dan perempuan, nama tersebut dikembalikan semula dalam bekas untuk dibuat cabutan yang lain bagi memperolehi nisbah jantina yang dikehendaki. Cara yang sama dilaksanakan di sekolah B dan pembentukan bagi kelompok kawalan terhadap subjek di sekolah A dan sekolah B.

Manakala pengagihan dan pembahagian subjek dalam Jadual 3.3 bagi subjek rawatan sekolah A ialah 30 subjek daripada tiga kelompok (KBK 1 =10 subjek, KBK 2 = 10 subjek, dan KBK 3 = 10). Sekolah B sebanyak 30 subjek dengan nisbah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditetapkan bagi kelompok rawatan besar. Bagi kelompok kawalan pula seramai 60 subjek (sekolah A= 30 subjek dan sekolah 30 subjek). Kedua-dua subjek sekolah A dan sekolah B dicantumkan untuk pengiraan statistik. Apabila berlaku subjek dari kelompok rawatan atau kelompok kawalan yang menarik diri sebelum rawatan dilaksanakan, prosedur dilakukan dengan mencabut semula nama subjek yang lain dari bekas yang sama dan nisbah yang ditetapkan. Jika rawatan telah dijalankan subjek yang menarik diri tidak digantikan kerana telah melibatkan proses rawatan dan subjek secara kesemuanya.

Jadual 3.3

Taburan subjek kelompok rawatan dan kelompok kawalan

		Kelompok KBK (R1)		**Kelompok KBB (R2)**	**Kelompok Kawalan (KK)**	**Jumlah (n)**
Jantina	R1a	R1b	R1c	R2	KK	
Lelaki	5	5	5	15	30	60
Perempuan	5	5	5	15	30	60
Jumlah	10	10	10	30	60	120

Oleh itu, pemilihan subjek dilakukan untuk memastikan murid yang sebenarnya memenuhi ciri sahaja yang terlibat menjadi subjek sama ada kelompok rawatan atau kelompok kawalan. Pemilihan subjek meilbatkan tapisan dari pihak sekolah, sosioekonomi, pencapaian akademik dan pencapaian skor min sederhana rendah dalam soal selidik. Kemudian diagihkan subjek secara rawak bertujuan mengikut jantina dalam pembahagian kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11.2 Kesan saiz

Kesan saiz ialah satu ukuran seberapa besar atau pentingnya perbezaan atau hubungan dalam satu kajian. Ia merupakan kaedah pengukuran bagi menentukan kecukupan darjah ralat hipotesis nul di kenali kesan saiz bagi mengatasi kebarangkalian kesan kesalahan yang terdapat semasa pemilihan populasi dan subjek latihan. Menurut pendapat Cohen (2016) ia merujuk kepada magnitud atau kekuatan hubungan antara pembolehubah dalam sesuatu kajian, terutamanya dalam kajian eksperimen. Ia bukan sekadar menentukan sama ada kesan itu wujud seperti yang dilakukan oleh ujian hipotesis, tetapi mengukur sejauh mana kesan itu berlaku. Kadang-kadang satu keputusan statistik itu signifikan secara statistik, tapi kesannya terlalu kecil untuk bermakna dalam dunia sebenar. Kesan saiz membantu penyelidik, pengamal, dan pembuat polisi faham kepentingan praktikal satu keputusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan saiz penting dalam kajian eksperimen atas beberapa perkara. Mengatasi keterbatasan nilai p *(p-value)*, nilai p hanya menunjukkan sama ada sesuatu hasil itu signifikan secara statistik, tetapi tidak memberitahu betapa besarnya kesan tersebut. Kajian dengan sampel besar mungkin menghasilkan nilai p yang signifikan walaupun kesannya sangat kecil dan tidak bermakna secara praktikal. Memberi maklumat tentang kepentingan praktikal *(practical significance)*, dengan mengetahui kesan saiz, penyelidik dan praktisioner boleh menilai sama ada intervensi atau rawatan itu mempunyai impak yang relevan dalam dunia sebenar. Membantu dalam meta-analisis, kesan saiz membolehkan perbandingan antara kajian yang berbeza serta digabungkan dalam analisis meta untuk menghasilkan pemahaman yang lebih kukuh. Perancangan saiz sampel *(power analysis)*, dalam perancangan kajian, soal selidiksaiz yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijangkakan digunakan untuk menentukan saiz sampel yang mencukupi supaya kajian mempunyai kuasa statistik yang mencukupi untuk mengesan kesan tersebut.

Justeru, saranan kuasa statistik bagi bilangan subjek untuk menentukan kejituan kajian maka ianya dilaksanakan. Terdapat pandangan yang berbeza dalam kalangan tokoh dan pengakaji terhadap tahap kuasa yang mempengaruhi kesan saiz. Pada asas kuasa ujian statistik berpandukan kepada aras *k* yang ditetapkan oleh pengkaji, saiz sampel dan kesan saiz. Cohen (2016) telah memperkenalkan pelbagai jenis kesan saiz bergantung pada jenis analisis statistik d (Cohen's d). Digunakan untuk membandingkan dua kumpulan contohnya, kumpulan eksperimen vs kawalan dengan nilai kecil: 0.2, sederhana: 0.5 dan besar: 0.8. Dengan nilai kuasa 0.8 atau $1 - \beta = 0.8$ dijadikan tahap kuasa yang besar dan bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada pandangan tersebut, pengkaji menggunakan kesan saiz besar iaitu 0.8 yang memberikan kuasa statstik 0.81 dengan saiz subjek 30. Justeru, pengkaji mengambil subjek 30 murid menjadikan tiga kelompok kecil bagi kelompok rawatan kaunseling berstruktur dan seramai 30 kelompok rawatan bimbingan besar serta 60 murid untuk kelompok kawalan. Dengan itu masing-masing mempunyai kuasa statistik 0.82 pada kelompok-kelompok tersebut. Kesan saiz ialah ukuran penting dalam kajian eksperimen kerana ia memberi maklumat kuantitatif tentang impak sebenar sesuatu rawatan atau intervensi. Rujukan kepada Cohen (2016) menjadi asas utama dalam bidang psikologi dan sains sosial untuk memahami dan melaporkan kesan saiz secara sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12 Soal selidik kajian

Menurut Fauzi et.al (2014) sesuatu alat kajian perlu dibincangkan dengan jelas sebelum digunakan dalam sesuatu kajian. Perbincangan melibatkan isu-isu tentang kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian termasuk alat kajian yang digubalkan secara sendirian. Menurut Mohd Majid (2009) instrumen yang sempurna menjadi pengukur yang tepat bagi kepada pembolehubah yang diukur dan mencapai objektif sesutau kajian. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini melibatkan tiga bahagian bagi mencapai tujuan kajian. Bahagian A mengandungi soal selidik untuk mendapatkan biodata murid, bahagian B mengandungi dua soal selidik kajian. Manakala bahagian C mengandungi Modul Kelompok Bimbingan TPTR.

a) Bahagian A: Maklumat biodata murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahagian A mengandungi maklumat untuk mendapatkan data peribadi murid seperti nama, umur, tingkatan, jantina dan agama. Bagi maklumat akademik pula mengandungi lima matapelajaran yang diperolehi daripada keputusan peperiksaan terkini di tingkatan 3 iaitu bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah. Maklumat yang akhir tentang keluarga murid termasuklah tempat tinggal, bilangan adik beradik, maklumat ibu bapa contohnya umur, agama, tahap pendidikan, pekerjaaan jumlah pendapatan isi rumah. Maklumat-maklumat tersebut penting untuk kegunaan rekod kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Bahagian B : Soal selidik kajian

Terdapat dua soal selidik dalam bahagian B iaitu soal selidik CESR dan CDDQR.

i) Soal selidik CESR

Penerokaan kerjaya diukur dengan menggunakan *Career Exploration Survey* (CESR). Stumpf et al., (1983), yang mencipta untuk menilai pelbagai dimensi penerokaan kerjaya. Penerokaan kerjaya CES yang asal mengandungi tujuh dimensi proses penerokaan kerjaya, tiga reaksi eksplorasi dan enam dimensi kepercayaan.

Untuk menyesuaikan CESR untuk digunakan dengan populasi yang remaja, pengubahsuaian dibuat ke atas empat item tambahan yang baharu pada dimensi Penerokaan Kendiri dan menambah dimensi iaitu Pengukuran Membuat Keputusan Kerjaya oleh Blustein (1988). Versi semakan CESR diperolehi dari Blustein (1988) dan 65 item yang terdiri daripada 17 dimensi CESR dalam soal selidik yang disusunkan dengan kebolehpercayaan mulai daripada Jumlah Maklumat (α = .68), Kepuasan dengan Maklumat (α = .79), Fokus (α = .88), Penerokaan Sistematik (α = 70), Penerokaan Persekitaran (α = .87), Penerokaan Kendiri (α = .83), *Outlook* Pekerjaan (α = .89), Kepastian Dapatan Penerokaan Kerjaya (α = .82), Kekerapan (item tunggal), Pengukuran Membuat Keputusan Kerjaya (α = .75), Pengukuran Kajian Persekitaran (α = .60), Pengukuran Kajian Kendiri (α = .82), Pengukuran Kaedah (α = 85), Kepentingan Mendapatkan Pilihan Kedudukan (α = .89), Tekanan Penerokaan (α = .78), dan Tekanan Pemutusan (α = .85), dan Bilangan Pertimbangan Pekerjaan (item tunggal).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Respon terhadap keseluruhan item CESR sebanyak 65 pada skala Likert 5-mata yang berbeza-beza pada setiap 17 dimensi CESR mengandungi sejumlah item yang berbeza. Sebagai contoh, di tandai 1 untuk sedikit atau tiada, tidak berpuas hati atau sangat rendah manakala 5 di tandai untuk sangat berpuas hati atau sangat tinggi. Pengecualian kepada skala 6-mata untuk dimensi *Outlook* Pekerjaan dari 1 tidak baik hingga 6 tidak berkenaan bagi dimensi untuk Kekerapan dengan maklumbalas 4 mata iaitu antara 1 tiada hingga 4 melebihi lima. Skala 7 mata digunakan untuk kedua-dua dimensi Tekanan Penerokaan dan Tekanan Keputusan yang terdiri daripada 1 tidak tertekan hingga 7 yang paling tertekan. Bilangan Pekerjaan adalah item tunggal mempunyai respon terbuka, ditanda pada 5 atau lebih. Alpha pekali kebolehpercayaan untuk 17 skala CESR adalah dari .60 hingga .89 dan keseluruhan ialah .86.

Dalam kajian ini, menggunakan soal selidik CESR daripada kajian yang telah dijalankan oleh Nasta (2007) dan Thanh dan Van Nhan (2021). Sebanyak 28 soalan sahaja yang dipilih daripada versi asal untuk digunakan dalam kajian mereka dan juga turut digunakan dalam kajian ini. Item soalselidik dalam kajian ini dipermudahkan kegunaannya pada sampel kajian. Ia melibatkan penyesuaian maklumat pada tahap persekolahan dan pendidikan. Soal selidik yang digunakan dalam kajian dan seperti juga yang digunakan oleh Nasta (2007) dan Thanh dan Van Nhan (2021), CESR dipecahkan kepada tiga sub skala iaitu Penerokaan Persekitaran *(Enviroment Exploration),* Penerokaan Kendiri *(Self Exploration)* dan Penerokaan Sistematik Terancang *(Intended-Systematic Exploration)*. Manakala sub skala yang selain daripada itu tidak dimasukkan. Ini adalah kerana tidak mengukur dengan jelas tingkah laku penerokaan seperti Kekerapan *(Frequency)* dan Jumlah Formasi *(Amount Of Information)*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Soal selidik CDDQR.

Penggunaan soal selidik CDDQR diambil daripada versi asal bahasa Inggeris kemudian diterjemahkan kepada bahasa Melayu untuk disesuaikan penggunaannya di peringkat tempatan. Struktur Instrumen CDDQR menyediakan pengukuran pelbagai peringkat kerjaya. Pembinaan awal terdiri daripada 44 item. Kemudian disemak semula versi yang dipendekkan merangkumi 34 item dengan skala respon 9 mata termasuk 2 item sahih dan mengandungi 2 hingga 5 item setiap kategori (Gati, et.al, 2001). Setiap item mewakili satu daripada 10 kategori kesukaran dan tiga kumpulan utama iaitu kekurangan kesediaan, kekurangan maklumat, dan maklumat tidak konsisten. Gati dan Asher (2001) merekodkan versi CDDQR yang disemak semula dan dipendekkan mempunyai 34 item dengan skala tindak balas 9 mata iaitu 1 = tidak menerangkan tentang saya kepada dan 9 = menggambarkan saya dengan baik. Versi CDDQR kependekkan ini digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CDDQR mudah ditadbir kerana mengambil masa lima hingga lapan minit dan sesuai untuk murid berumur 14 hingga 17 tahun yang dijalankan kepada murid sekolah menengah Israel. Ujian ini juga sesuai untuk pentadbiran kelompok atau individu. Hasil pengujian kebolehpercayaan CDDQR memiliki ketekalan dalaman yang baik. Nilai-nilai kebolehpercayaan bagi tiga atau subskala kekurangan kesediaan nilai a = .58, subskala kekurangan maklumat nilai a = . 88, subskala maklumat tidak konsisten nilai a = .87. Bagi kebolehpercayaan atau ketekalan dalaman CDDQR ialah melebihi .91 (Gati et. al, 2001). Kesahan kandungan item CDDQR ialah .77 yang dijalankan kepada murid di Amerika (n = 403). CDDQR membantu dalam kesukaran membuat keputusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerjaya yang dilaporkan oleh kaunselor mengenai murid yang menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya, Gati dan Levin (2014).

iii) Bahagian C: Modul Kelompok Bimbingan TPTR

Bahagian C ialah MKBTPTR yang digubal oleh pengkaji berdasarkan pendekatan rawatan TPTR. MKBTPTR mempunyai lapan sesi kelompok dan 13 aktiviti yang dijalankan dalam KBK dan KBB. Bagi pelaksanaan MKBTPTR beberapa bahan modul diisi oleh subjek rawatan sepanjang sesi kelompok dijalankan. Antaranya ialah borang aktiviti kendiri, pengisian perasaan subjek dalam borang refleksi diri dan helaian kerja rumah. Selain itu juga analisis konsep TPTR dan perancangan dan penilaian tindakan yang disertakan pada setiap sesi kelompok. Berasaskan kelompok yang dijalankan, terdapat dua bahan modul digunakan oleh pengkaji untuk perbincangan keberkesanan rawatan. Bahan tersebut iaitu a) helaian refleksi diri bagi sesi kelompok tertentu dan b) kerja rumah perancangan dan penilaian tindakan bagi penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Berdasarkan analisis bahan modul yang diisi oleh subjek, pengkaji akan dapat menilai perkembangan positif atau negatif murid kesan daripada rawatan KBK dan KBB yang diikuti. Analisis bahan modul yang dijalankan akan memfokuskan kepada aspek pemikiran subjek yang mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran subjek dalam konteks pendekatan TPTR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.13 Modul Kelompok Bimbingan TPTR

MKBTPTR telah dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan Modul Kaunseling Kelompok TPTR oleh Ahmad Jazimin, et.al (2016). Modul Kaunseling Kelompok TPTR mengandungi lapan sesi yang dilaksanakan secara berstruktur mengikut enam peringkat di dalam proses kaunseling kelompok seperti yang dinyatakan oleh Corey, Corey Callanan dan Russell (2014) iaitu pra kelompok, permulaan, peralihan, perjalanan, penamatan dan pos kelompok. Berdasarkan Modul Kaunseling Kelompok TPTR setiap sesi yang dilaksanakan mempunyai objektifnya yang tersendiri yang berfokus kepada perkara yang perlu dicapai pada akhir sesi tersebut.

Modul Kaunseling Kelompok TPTR juga mempunyai nilai kesahan yang tinggi dan boleh diterima. Nilai pekali kesahan yang minimum bagi Modul Kaunseling Kelompok TPTR adalah .85 manakala nilai kesahan yang maksimum adalah .92. Kesahan bagi keseluruhan sesi dan aktiviti Modul Kaunseling Kelompok juga menunjukkan nilai yang tinggi iaitu .89 (89%). Nilai pekali kesahan yang tinggi menunjukkan Modul Kaunseling Kelompok TPTR dapat digunakan dalam lapangan yang sebenar. Sub-sub modul yang terdapat di dalam modul telah dijalankan proses kesahan oleh Ahmad Jazimin et.al (2016). Proses kesahan telah menerima pandangan pakar secara khusus oleh pakar bidang kaunseling dan *Choice Theory Reality Therapy.* Di antara pakar yang telah dijadikan sumber rujukan ialah Glasser, Wubbolding, Corey dan Jacobs. Bagi kebolehpercayaan, Modul Kaunseling Kelompok TPTR juga mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .83. Modul Kaunseling Kelompok TPTR mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima mengikut sub konstruk sesi dan aktiviti modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menjalankan pemurnian terhadap Modul Kaunseling Kelompok TPTR dengan mengubahsuai aktiviti mengikut kesesuaian dan objektif kajian ini. Kandungan MKBTPTR yang dimurnikan adalah seperti dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Modul Kelompok Bimbingan TPTR (MKBTPTR)

Sesi kelompok / Jangka masa	Aktiviti	Tingkah laku penerokaan dan membuat keputusan kerjaya	TPTR (Pilhan guna teori dan teknik)
Pra Sesi (45 minit)	Mengenal pasti ahli Memberi taklimat		Taklimat jadual dan pengisian kursus
Sesi 1 Pengenalan Kelompok dan Membina hubungan (90 minit)	Aktiviti 1: Angin Sepoi-sepoi Aktiviti 2: Salam Perkenalan Aktiviti 3: Oh! Kita Sama Aktiviti 4: Fokus Diri		Perkenalan antara ahli membina ikatan Kerja rumah: - Memahami konseptual TPTR
Sesi 2 Melihat dunia sebenar (*Real World)* Meneroka Persekitaran (90 minit)	Aktiviti 1: Inilah Aku Aktiviti 2: Macam-macam ada	Di mana- Meneroka Persekitaran	*Real world* - Mengenali identiti diri - Menilai kemampuan dan kebolehan diri
Sesi 3 Memahami keseluruhan *(Quality World)* Meneroka Kendiri (90 minit)	Aktiviti 1: Jika Aku Jadi…	Di mana- Meneroka kendiri	*Quality world* faktor dalam pemilihan kerjaya -Memahami dan mengenalpasti kehendak sendiri -mengetahui sistem kepercayaan tingkah lakunya
Sesi 4 Kemahuan *(Wants)* Konflik keperluan asas (*Basic Needs)* dan Dunia sebenar *(Real World)* Meneroka Kendiri dan Persekitaran (90 minit)	Aktiviti 1: Bukalah Hatimu	Bagaimana meneroka - Bertujuan- Sistematik (Kendiri dan persekitaran)	*Wants* Terokai keperluan asas, dunia sebenar dan merancang strategi kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi kelompok / Jangka masa	Aktiviti	Tingkah laku penerokaan dan membuat keputusan kerjaya	TPTR (Pilhan guna teori dan teknik)
Sesi 5 Melakukan dan menunjuk arah (*Doing and direction)* Semakkan menjurus (90 minit)	Aktiviti 1: Kenali Kerjaya Pilihaku	P= *Prescreening*	*Doing and direction* mengenalpasti kehendak berdasarkan - tingkah laku semasa *(current behaviour)* atau - keseluruhan tingkah laku kini *(total behaviour)* -meneroka dan membuat pilihan tepat keperluan kerjaya
Sesi 6 Penilaian/ arah tuju (*Evaluating)* Penilaian yang menjurus (90 minit)	Aktiviti 1: Misi yang Belum Selesai	I=*In depth screening* (Penilaian yang menjurus)	*Evaluating* -Perlakuan bagi mencapai kerjaya yang diinginkan -Menilai semula tingkah laku -Bersedia untuk membuat perubahan
Sesi 7 Membuat perancangan dan menilai perancangan *(planning*) Melaksanakan pilihan keputusan (90 minit)	Aktiviti 1: Menuju Destinasi	C=*Choice* I= *implementing the decision* (Melaksanakan pilihan keputusan)	*Planning* -Melakukan untuk mencapai kerjaya pilihan mereka -Menggantikan tingkah laku mereka yang tidak sesuai -Membuat plan tindakan yang jelas untuk mencapai matlamat
Sesi 8 Penamatan dan penilaian (60 minit)	Aktiviti 1: Doakan Saya Aktiviti 2: Rumusan akhir		-Membantu ahli yang masih perlukan bantuan -Penilaian kelompok

Sumber : Gabungan pendekatan TPTR, Model Tingkah Laku Penerokaan dan Model Membuat Keputusan Kerjaya dalam MKBTPTR berdasarkan Model Modul Kaunseling Kelompok TPTR Ahmad Jazimin et. al. (2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MKBTPTR yang telah dimurnikan oleh pengkaji melalui tiga fasa dalam memastikan modul ini dapat diaplikasikan dengan berkesan di lapangan sebenar. Peringkat pertama melibatkan tatacara iaitu membina aktiviti yang bertujuan mengkaji TPTR terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid. Selanjutnya modul disusun mengikut urutan dan kandungan yang berdasarkan pada modul asal yang dibina oleh Ahmad Jazimin et.al (2016).

Huraian MBKCRT berdasarkan jumlah sesi, aktiviti dan jangka masa adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4. Pengkaji telah membina lapan sesi kelompok yang dirangkumkan dalam 13 aktiviti kelompok dan 9 tugasan kerja rumah iaitu; Sesi 1: Perkenalan Kelompok Dan Membina Hubungan (Aktiviti 1: Angin Sepoi-sepoi, Aktiviti 2: Salam Perkenalan, Tapi Berbeza Aktiviti 3: Oh! Rupanya Kita Sama, dan aktiviti 4 ; Fokus Diri), Sesi 2: Melihat dunia sebenar (Aktiviti 1: Inilah Aku, Aktiviti 2: Kemahiran Komunikasi), Sesi 3: Memahami Dunia Kualiti (*quality world*), keperluan asas (*basic needs*) (Aktiviti 1: Jika Aku Jadi…), Sesi 4: Konflik *Basic Needs* dengan *Real World* (Aktiviti 1: Bukalah Hatimu), Sesi 5: Melakukan dan menunjuk arah (*doing and direction*) kerjaya (Aktiviti 1: Kenali Kerjaya Pilihaku), Sesi 6: Penilaian kendiri (*self evaluation*) kerjaya (Aktiviti 1: Misi yang Belum Selesai), Sesi 7: Perancangan dan penilaian (planning) kerjaya (Aktiviti 1: Menuju Destinasi) dan Sesi 8: Rumusan dan Penamatan Kelompok (Aktiviti 1: Doakan Saya, Aktiviti 2: Rumusan akhir). Di samping itu, MKBTPTR mengadakan helaian lampiran aktiviti seperti refleksi diri dan kerja rumah penilaian kognitif bagi sesi dan aktiviti yang tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.13.1 Menyemak kejituan bahasa dan kefahaman MKBTPTR

Menurut Beaton et al. (2000) proses adaptasi atau ubah suai soal selidik sangat penting kerana ia melibatkan penyesuaian instrumen penyelidikan untuk memastikan ia relevan dan sesuai dengan konteks kajian tempatan, tanpa mengubah maksud asal instrumen tersebut. Proses ini perlu dilakukan dengan teliti, terutama untuk soal selidik yang diterjemah atau diubah suai untuk digunakan dalam kajian tertentu. Adaptasi merujuk kepada penyesuaian soal selidik asal agar ia lebih relevan dengan konteks budaya, bahasa, dan situasi kajian. Ubah suai merangkumi penyesuaian dalam bentuk soalan, struktur, atau terminologi untuk memastikan ia lebih sesuai dengan sampel sasaran. Contoh soal selidik asal mungkin menggunakan istilah atau contoh yang lebih sesuai untuk budaya Barat, tetapi dalam konteks Malaysia, terjemahan dan perubahan mungkin diperlukan untuk memastikan ia difahami dengan betul oleh peserta tempatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pilih soal selidik yang sesuai dengan objektif kajian dan pastikan instrumen asal memiliki rekod kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Soal selidik ini mungkin berasal dari kajian terdahulu yang telah diuji di negara lain atau dalam konteks berbeza. Terjemahan literal iaitu terjemahkan soal selidik ke dalam bahasa sasaran contoh Bahasa Melayu. Penterjemah berkelayakan dan pastikan penterjemah memahami konteks kajian dan terminologi yang digunakan dalam instrumen asal. Pengesahan terjemahan dibuat setelah terjemahan dilakukan, lakukan *back-translation* terjemahan semula ke dalam bahasa asal untuk memastikan tiada kehilangan makna atau konteks. Contoh soal selidik asal yang berbahasa Inggeris diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia oleh dua penterjemah berkelayakan yang fasih dalam kedua-dua bahasa. Terjemahan semula ke dalam bahasa asal dilakukan untuk mengesahkan ketepatan makna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyesuaian istilah dan contoh dibuat jika soal selidik mengandungi istilah atau contoh yang tidak relevan dengan konteks budaya Malaysia, maka ubah suai istilah tersebut agar lebih sesuai. Contoh, jika soal selidik asal menggunakan contoh aktiviti di luar negara, contoh tersebut boleh digantikan dengan aktiviti yang lebih relevan di Malaysia contoh menonton wayang, aktiviti berkelah, atau membeli-belah di pusat membeli-belah tempatan.

Praujian *(pilot test)* soal selidik yang telah diterjemah atau diubah suai kepada sekumpulan kecil peserta yang serupa dengan kumpulan sasaran. Tujuan praujian adalah untuk memastikan soal selidik mudah difahami dan tidak membingungkan peserta. Soal selidik dipertingkatkan berdasarkan maklum balas daripada peserta praujian, sama ada berkaitan dengan kefahaman, struktur soalan, atau kebolehlaksanaan soalan. Contoh satu sesi praujian telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar untuk menguji kefahaman terhadap soal selidik yang telah diterjemah dan diubah suai. Berdasarkan maklum balas, beberapa istilah telah dipinda untuk meningkatkan kefahaman. Analisis kesahan dan kebolehpercayaan perlu dijalankan selepas soal selidik diubah suai. Menggunakan analisis statistik seperti *Alpha Cronbach* untuk menguji kebolehpercayaan. Menguji kesahan kandungan dengan mendapatkan maklum balas daripada pakar untuk memastikan semua aspek penting dalam kajian diliputi dalam soal selidik. Contoh analisis kebolehpercayaan menggunakan *Alpha Cronbach* menunjukkan nilai 0.82, yang menunjukkan kebolehpercayaan yang baik. Penilaian oleh dua pakar psikologi turut mengesahkan kesahan kandungan soal selidik yang diubah suai ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, unsur-unsur utama dalam proses adaptasi soal selidik melibatkan terjemahan yang tepat dan jelas dengan memastikan tiada makna yang hilang semasa terjemahan. Penyesuaian budaya yang disesuaikan soal selidik untuk konteks budaya sasaran. Pilihan kata yang sesuai dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh peserta sasaran. Penyelidikan awal untuk memastikan soal selidik yang diubah suai mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang telah diuji sebelumnya dalam kajian lain. Prosedur adaptasi dan terjemahan ini adalah sejajar dengan garis panduan yang disarankan oleh Beaton et al. (2000) dalam penyesuaian silang budaya bahan intervensi dan turut berpandukan model pembangunan modul oleh Sidek (2008).

Penggunaan bahasa dan istilah-istilah dalam MKBTPTR digubal sebaiknya. Akan tetapi, bagi mengukuhkan lagi penggunaan bahasa bahasa dan kefahaman yang tepat, MKBTPTR akan disampaikan kepada tiga orang GBK sekolah menengah untuk membuat semakan ketepaan bahasa dan kefahamannya. Setelah itu MKBTPTR disemak pula secara lebih terperinci oleh tiga pakar bahasa dari Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk ditambahbaik berdasarkan syor-syor mereka. Selesai pakar-pakar bahasa menyemak, dengan cadangan pembaikkan bahasa, susun dan struktur ayat dan penggunaan istilah-istilah dan kefahaman dalam MKBTPTR. Berdasarkan yang diperolehi syor dari pakar-pakar bahasa dan pembetulan penambahbaikan, pengkaji membaikinya semula menurut pandangan pakar bahasa agar penggunaan istilah-istilah lebih tepat dan bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.13.2 Menguji kesahan kandungan MKBTPTR

Penggubalan MKBTPTR diuji bagi mendapatkan kesahan kandungan modul. Bagi MKBTPTR kesahan pakar luar diaplikasikan. Oleh itu, kesahan pakar bagi MKBTPTR dilakukan bagi membolehkan ianya digunakan kepada kedua-dua jenis kelompok rawatan iaitu Kelompok Bimbingan Kecil (KBK) dan Kelompok Bimbingan Besar (KBB). Bagi mendapatkan kesahan kandungan formula khusus digunakan. Menggunakan jumlah skor yang diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor keseluruhan (y) dan didarabkan dengan seratus. Sesuatu modul adalah disahkan apabila mempunyai kesahan yang tinggi. Kategori tahap tinggi dengan memperoleh markah melebihi 70% dan ke atas (Jamaludin 2008; Sidek dan Jamaludin 2005). Ringkasan formulanya;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$\frac{\text{Jumlah Skor pakar (x)}}{\text{Jumlah Skor Keseluruhan (y)}} \times 100\% = \text{Tahap Kesahan Kandungan Modul}$$

Terdapat dua kaedah pengesahan pakar dilakukan dalam kajian ini, iaitu; a) kesahan pada pembahagian konstruk (sesi) dan pada subkonstruk (aktiviti dalam sesi) dan b) pengesahan berdasarkan kaedah Sidek (2005) yang mempunyai lima pernyataan mengenai kesahan modul. Menurut Mohd Majid (2009) seramai tiga orang panel pakar sudah memadai untuk membuat penilaian terhadap kesahan pakar bagi sesuatu soal selidik. Namun Fauzi et.al (2014) mengesyorkan enam hingga sembilan orang panel pakar adalah memadai bagi melakukan penilaian terhadap konstruk dan item kajian. Namun Kamaruzaman (2013) pula berpendapat, jumlah pakar luar yang sesuai bagi menilai sesuatu instrumen ialah antara lima hingga sembilan orang. Berasaskan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah pengkritik luar, pengkaji menggunakan lima orang panel pakar bagi mengkritik dan menilai MKBTPTR. Pemilihan panel pakar ini berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pembinaan modul dan pengalaman yang meluas dalam bidang akademik psikologi dan kaunseling.

Bagi melaksanakan proses tersebut, pengkaji telah menyediakan salinan lengkap daripada penggubalan MKBTPTR. Salinan tersebut mengandungi pengenalan kajian dan manual modul latihan. Selain itu, ia juga mengandungi pengenalan, objektif, arahan aktiviti, rumusan dan lampiran-lampiran yang berkaitan untuk mendapatkan kritikan dan cadangan pakar bagi setiap modul dan aktiviti. Skala untuk memberi nilaian mata adalah sepuluh mata pilihan iaitu 1 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju). Hasil penilaian panel pakar, nilai kesahan diperolehi bagi sesi dan aktiviti MKBTPTR seperti Jadual 3.5 bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Pekali Nilai Kesahan Sesi dan Aktiviti MKBTPTR berdasarkan penilaian panel pakar

Sesi	Aktiviti	Jumlah Skor	Peratus Kesahan	Pandangan Pakar
Sesi 1 Pengenalan Kelompok dan Membina hubungan	Aktiviti 1: Angin Sepoi-sepoi Aktiviti 2: Salam Perkenalan Aktiviti 3: Oh! Kita Sama Aktiviti 4: Fokus Diri	88	88%	Diterima
Sesi 2 Melihat dunia sebenar (*Real World)* Meneroka Persekitaran	Aktiviti 5: Inilah Aku Aktiviti 6: Macam-macam ada	92	92%	Diterima
Sesi 3 Memahami keseluruhan *(Quality World)* Meneroka Kendiri	Aktiviti 7: Jika Aku Jadi…	82	82%	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi	Aktiviti	Jumlah Skor	Peratus Kesahan	Pandangan Pakar
Sesi 4 Kemahuan *(Wants)* Konflik keperluan asas (*Basic Needs)* dan Dunia sebenar *(Real World)* Meneroka Kendiri dan Persekitaran	Aktiviti 8: Bukalah Hatimu	86	86%	Diterima
Sesi 5 Melakukan dan menunjuk arah (*Doing and direction)* Semakkan menjurus	Aktiviti 9: Kenali Kerjaya Pilihaku	88	88%	Diterima
Sesi 6 Penilaian/ arah tuju (*Evaluating)* Penilaian yang menjurus	Aktiviti 10: Misi yang Belum Selesai	92	92%	Diterima
Sesi 7 Membuat perancangan dan menilai perancangan *(planning*) Melaksanakan pilihan keputusan	Aktiviti 11: Menuju Destinasi	92	92%	Diterima
Sesi 8 Penamatan dan penilaian	Aktiviti 12: Doakan Saya Aktiviti 13: Rumusan akhir	90	90%	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.5 menunjukkan nilai kesahan sesi dan aktiviti MKBTPTR daripada penilaian oleh 5 orang pakar. Penilaian diberikan terhadap 13 aktiviti dan lapan sesi yang terkandung dalam MKBTPTR. Bagi peratusan minimum ialah 82% iaitu bagi Sesi 3, Aktiviti 7: Jika Aku Jadi.... Manakala peratusan maksimum ialah 92% iaitu bagi Sesi 2, Aktiviti 5: Inilah Aku dan Aktiviti 6: Macam-macam ada, Sesi 6 Aktiviti 10: Misi yang Belum Selesai dan Sesi 7 Aktiviti 11: Menuju Destinasi. Justeru, berdasarkan analisis keseluruhan nilai peratusan adalah melebihi 70%. Ini bermakna bahawa tahap kesahan MKBTPTR adalah boleh dipercayai dan mempunyai ketekalan yang kuat. Dengan itu, MKBTPTR dipercayai dalam peningkatan ukuran yang sepatutnya diukur iaitu penerokaan dan membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping penilaian kesahan modul berdasarkan sesi dan aktiviti, pengkaji telah membina soal selidik khas berdasarkan kesahan modul Russel (1974) yang menyatakan bahawa bagi sesuatu modul penilaian kesahan harus mempunyai lima perkara utama iaitu; a) menepati sasaran populasi (mengambil kira tingkah laku subjek), b) situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian, c) rnasa yang diperuntukkan untuk menjalankan sesuatu modul adalah mencukupi, d) modul berjaya menyebabkan berlakunya peningkatan pencapaian pelajar dalam aspek yang disasarkan, dan e) modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang. Oleh itu, penilaian panel pakar berdasarkan kesahan modul oleh Russel (1974) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Nilai Peratusan Kesahan MKBTPTR mengikut Kesahan Modul Russel (1974) berdasarkan penilaian panel pakar

Pernyataan	Peratusan Kesahan Kandungan	Pandangan Pakar
Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya.	90%	Diterima
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.	88%	Diterima
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan.	88%	Diterima
Kandungan modul ini boleh meningkatkan tahap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid.	90%	Diterima
Kandungan modul ini boleh mengubah tingkah laku penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid ke arah lebih cemerlang.	90%	Diterima

Jadual 3.6 menunjukkan bahawa nilai peratusan minimum ialah 88% bagi pernyataan bahawa kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna. Manakala peratusan maksimum ialah 90% iaitu pernyataan bahawa kandungan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini menepati sasaran populasinya. Keseluruhannya, kandungan modul menepati dan bersesuaian dengan lima pernyataan kesahan modul yang dinilai. Perbezaan nilai kesahan yang minimum dan maksimum yang tidak ketara juga menunjukkan dalam menilai MKBTPTR tidak wujud perbezaan pandangan pakar yang ketara.

Melalui proses kesahan kandungan modul yang telah dijalankan, panel pakar yang dilantik turut juga memberi maklum balas penambahbaikan terhadap modul. Pengkaji telah memperoleh komen daripada penilai secara kualitatif. Dengan itu, pengkaji dapat mengenal pasti kekurangan terhadap modul. Pengkaji mengambil maklum balas yang diberikan dan melakukan penambahbaikan terhadap aspek yang dicadangkan. Data mentah yang diperoleh daripada panel penilai bagi maklum balas penambahbaikan oleh pakar dapat dilihat pada Jaduai 3.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Penambahbaikan kesahan kandungan dan sesi modul

Pakar	Pandangan Pakar Penilai
Pakar 1	Keseluruhan modul baik dan menepati objektif. Keseluruhan sesi menarik dan menepati objektif. Penggunaan teori juga dinyatakan dalam aktiviti dan memurnikan penggunaan bahasa.
Pakar 2	Modul dan sesi adalah sesuai dan diterima untuk dilaksanakan dalam kelompok bimbingan.
Pakar 3	Modul yang ringkas tetapi bersistematik. Penerangan langkah dalam modul memudahkan untuk difahami dan diikuti. Keperluan bahan sesi dan aktiviti menyenangkan untuk dilaksanakan.
Pakar 4	Mempastikan peserta kajian mempunyai aras kematangan dan pemikiran yang hampir sama. Aktiviti yang dicadang perlu mudah difahami dan dilaksanakan. Suatu modul yang bagus. Penambahbaikan dari segi tempoh masa dan aktiviti perlu diperincikan untuk setiap slot agar lebih difahami oleh fasilitator yang akan melaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Pandangan Pakar Penilai
Pakar 5	Kejayaan modul ini dipengaruhi oleh penyampaian fasilitator kepada peserta. Syabas dan tahniah di atas penghasilan modul kelompok bimbingan TPTR ini. Penerangan fasilitator dan kompetensi beliau memainkan peranan yang besar bagi memastikan maklumat difahami oleh peserta sasaran. Ketelusan pelaksanaan modul ini memberi impak bermakna dan bermanfaat kepada peserta dalam membuat keputusan kerjaya masa depan mereka.

Pada Jadual 3.7 menunjukkan maklumbalas yang dikemukakan oleh pakar, pemurnian modul telah dilakukan. Secara keseluruhannya berasaskan maklumbalas daripada pakar-pakar penilai terhadap sesi dan aktiviti menunjukkan MKBTPTR menepati objektif yang dinyatakan.

3.13.3 Menterjemahkan item-item soal selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik CDDQR jarang digunakan oleh pengkaji lain di Malaysia. Oleh itu, soal selidik tersebut diterjemahkan oleh pengkaji mengikut prosedur yang ditetapkan. Soal selidik CDDQR berasal dalam Bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu mengikut kaedah *back translation* seperti yang dilaksanakan oleh pengkaji Zuraimi et al., (2017). Justeru, pengkaji memilih panel pakar berdasarkan kepakaran mereka yang diperlukan untuk proses penterjemahan ini. Panel yang dipilih terdiri daripada tiga orang pakar bahasa Melayu pengkhususan dalam bidang psikologi kaunseling. Manakala tiga pakar bidang bahasa Inggeris dan tiga orang pakar bidang bahasa Melayu. Proses terjemahan dimulakan dengan tiga orang panel bidang psikologi kaunseling yang mahir dalam Bahasa Inggeris menterjemahkan soal selidik CDDQR versi asal bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu. Setelah itu, tiga orang panel pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Inggeris akan menterjemahkan semula terjemahan dalam bahasa Melayu tadi ke dalam Bahasa Inggeris semula. Bagi memastikan pemantapan proses terjemahan, kedua-dua pihak berbincang penterjemahan. Tujuan melakukan pengubahsuaian adalah memastikan ketepatan penggunaan istilah selaras menurut konstruks asal item dan tepat pada perspektif psikologi. Setelah selesai proses terjemahan, terjemahan akhir mereka diserahkan kepada dua orang pensyarah dalam bidang Bahasa Melayu. Mereka akan membuat syor serta ulasan bagi kejituan makna, perkataan dan struktur bahasa pada setiap item dalam soal selidik yang akan digunakan.

3.13.4 Menyemak ketepatan bahasa dan kefahaman item soal selidik

Item-item soal selidik CESR dan CDDQR disemak dari sudut kejituan bahasa dan kefahamannya. Soal selidik CESR dan CDDQR diambil daripada pengkaji terdahulu kemudian melakukan semula kesahan bahasa untuk mengukuhkan lagi soal selidik tersebut. Oleh itu, soal selidik tersebut telah diberikan kepada sekumpulan murid tingkatan empat untuk dinilai dari sudut kejituan bahasa dan kefahaman oleh murid. Berasaskan pandangan dan syor dari para murid maka pengubahsuaian. Berdasarkan pandangan dan cadangan dari para murid maka pengubahsuaian kepada struktur ayat dan istilah item dalam soal selidik kajian. Setelah itu khidmat pakar bahasa digunakan bagi menyemak, memberi syor cadangan membaiki item-item aspek ketepatan bahasa dan struktur ayat dalam soal selidik. Daripada cadangan dan pembetulan oleh pakar bahasa, pengkaji membaiki item-item untuk menjadikan lebih bersesuaian dan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.14 Kajian rintis instrumen kajian

Sebelum menjalankan kajian di lapangan yang sebenar, pengkaji akan menjalankan kajian rintis terlebih dahulu. Kajian rintis merupakan proses yang melibatkan responden yang kecil untuk menguji kesuaian soalan dan kefahaman. Menurut Zainal, Matore, Musa dan Hashim (2020), kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian terutamanya melibatkan proses menguji, tempoh yang diperlukan untuk menjawab soal selidik, menyemak semua item dan arahan agar jelas. Termasuk juga, jika perlu, menggugurkan item-item yang tidak menghasilkan data yang diperlukan. Responden kajian rintis adalah sebahagian daripada pelajar yang terlibat dalam kajian sebenar dijalankan seperti mana ditegaskan oleh Nordin dan Hassan (2019) bahawa secara idealnya responden kajian rintis diperoleh daripada responden sasaran kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kajian ini, pengkaji menjalankan kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu soalselidik *Career Exploration Servey-Revised* (CESR) dan *Career Decision Difficulties Questionnaire-Reverse* (CDDQR). Setelah itu, instrumen ini ditadbir pula kepada sekumpulan pelajar tingkatan empat di dua sekolah menengah di daerah Hulu Terengganu dengan tujuan untuk mendapatkan respon mereka terhadap kebolehpercayaan setiap item-item instrumen berkenaan. Seramai 35 orang pelajar akan dijadikan sampel dalam kajian rintis ini. Pelajar-pelajar yang dipilih sebagai sampel kajian dipilih daripada populasi yang hampir menyamai ciri-ciri sampel kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.14.1 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti (Mohd Majid, 2009).

Pengkaji telah menyediakan satu set borang penilaian bagi mendapatkan kritikan dan penilaian setiap item oleh panel pakar. Pengkaji menetapkan respon soal selidik ini kepada sepuluh mata pilihan 1 - 10 terhadap semua item merangkumi item positif dan item negatif. Menurut Mohd Najib (2005), enam hingga sembilan orang pakar adalah memadai untuk membuat penilaian tersebut. Menurut Kamaruzaman (2013) pula, jumlah pakar luar yang sesuai bagi menilai sesuatu instrumen ialah antara lima hingga sembilan orang. Pemilihan panel pakar dilakukan berdasarkan kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pembinaan soal selidik dan pengalaman yang mendalam sebagai ahli akademik bidang psikologi dan kaunseling.

Bagi kajian ini, pengkaji menetapkan seramai lima orang pakar dalam bidang psikologi dan kaunseling daripada empat buah universiti tempatan. Menurut Zainol (2016), kaedah pengesahan pakar seperti ini pemah dilaksanakan pengkaji peringkat Ijazah Kedoktoran sebeium ini seperti Kamaruzaman (2013), Md Noor (2012) dan Abdullah (2015). Senarai pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar 1 : Penolong Ketua Setiausaha Psikologi Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pakar 2 : Profesor Psikologi Kaunseling, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Pakar 3 : Pensyarah Kanan, Psikologi Kaunseling, Universiti Malaysia Terengganu (UMT),

Pakar 4 : Pensyarah Kanan, Psikologi Kaunseling, UPSI

Pakar 5 : Kaunselor Organisasi, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor (PPDHS)

Proses kesahan semua item dan kandungannya dalam CESR dan CDDQR menggunakan skala penilaian sepuluh mata pilihan iaitu 1 (sangat tidak setuju) hinggalah 10 (sangat setuju). Bagi menentukan tahap kesahan kandungan modul, maka jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus. Menurut Tuckman dan Waheed (1981), Sidek dan Jamaluddin (2005), sesuatu instrumen itu mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila memperoleh 70% dan dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.14.2 Proses Kesahan Instrumen Kajian

Instrumen perlu melalui proses kesahan. Kesahan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti (Mohd Majid, 2009). Kesahan adalah ukuran yang merujuk kepada kestabilan dan ketekalan alat kajian sama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ada ia dapat menjawab soalan kajian yang telah dibina. Menurut Creswell (2018) instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi jika instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Pendapat ini disokong oleh Mohd Majid (2009) yang menyatakan sesuatu instrumen tersebut mempunyai kesahan yang tinggi jika darjah kebolehan mengukur apa yang sepatutnya yang diukur adalah tinggi.

Item-item di dalam CESR dan CDDQR pengkaji melakukan proses yang sama oleh pengkaji terdahulu iaitu kaedah kritikan luar *(external criticism)* dengan mendapatkan pekali kesahan *(validity coefficient)* berdasarkan purata daripada skor kumulatif yang diperoleh daripada penilaian pakar (Mertler dan Charles, 2010). Kaedah kesahan ini pemah digunakan oleh pengkaji terdahulu seperti Ahmad Jazimin et. al. 2016), Jamaludin dan Nurul Fatin (2011) dan Md Noor (2012). Menurut Cresswell (2018), sesuatu soal selidik yang digunakan oleh pengkaji terdahulu telah diuji rintis akan tetapi soal selidik perlu diuji semula kesahan dan kebolehpercayaan kerana inferens yang diperoleh hanya sesuai untuk tujuan dan sampel dalam kajian tertentu sahaja.

Kesahan konstruk sesuatu instrumen boleh diukur dengan menggunakan nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor berkenaan. Hal ini dapat dilakukan dengan menggunakan analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk berkenaan. Menurut Abu Bakar (1987), nilai pekali korelasi yang minimum dan boleh diterima pakai adalah 0.30. Manakala, Nunally dan Bernstein (1994) menyatakan nilai korelasi antara item dengan jumlah skor yang yang melebihi 0.25 adalah dianggap tinggi. Cohen (2016) pula menyatakan, nilai korelasi antara 0.10 hingga 0.29 adalah dianggap kecil, nilai pekali korelasi antara 0.30 hingga 0.49

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dianggap sederhana dan nilai pekali korelasi antara 0.50 hingga 1.00 adalah dianggap tinggi. Bagi kajian ini, pengkaji menetapkan nilai kesahan yang boleh diterima ialah pada aras nilai signifikan .05.

3.14.3 Kesahan Instrumen

Analisa data yang diperolehi daripada set borang penilaian panel pakar, dirujuk bagi mendapatkan nilai kesahan CESR dan CDDQR. Nilaian yang diperolehi adalah seperti dipaparkan dalam Jadual 3.8 dan Jadual 3.9 di bawah;

Jadual 3.8

Kesahan Instrumen CESR

Subkonstruk	Penilaian pakar					Skor (%)
	1	2	3	4	5	
Penerokaan sistematik bertujuan	46	45	47	44	47	92
Penerokaan persekitaran	80	51	76	79	84	82
Penerokaan kendiri	126	126	135	123	133	92

Keseluruhan peratusan kesahan = 280 ÷ 280 x 100 = 100% (jumlah skor bahagikan dengan skor sebenar dan darab dengan seratus)

Jadual 3.9

Kesahan Instrumen CDDQR

Sub konstruk	Penilaian pakar					Skor (%)
	1	2	3	4	5	
Kekurangan kesediaan	102	78	107	107	106	83
Kekurangan maklumat	108	83	107	99	110	85
Maklumat tidak konsisten	86	45	89	79	89	78

Keseluruhan peratusan kesahan = 340 ÷ 340 x 100 = 100% (jumlah skor bahagikan dengan skor sebenar dan darab dengan seratus)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.8 dan Jadual 3.9 di atas, hasil penilaian lima orang pakar yang telah dijalankan pengkaji ke atas instrumen CESR mendapati skor konstruk Penerokaan sistematik bertujuan dan skor konstruk penerokaan kendiri ialah 92% manakala penerokaan persekitaran ialah 82%. Bagi instrumen CDDQR pula, skor peratusan konstruk kekurangan kesediaan 83% manakala bagi konstruk kekurangan maklumat ialah 85%. Skor bagi konstruk maklumat tidak konsisten puala 78%. Berdasarkan penilaian pakar didapati keseluruhan skor memperoleh peratusan yang tinggi bagi semua konstruk yang dinilai. Dapatan ini membuktikan item-item ini sangat sesuai bagi menjalankan kajian.

Manakala nilai kesahan CESR dan CDDQR berdasarkan skor purata, peratusan skor purata dan pekali kesahan ditunjukkan dalam Jadual 3.10 dan Jadual 3.11 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Nilai kesahan instrumen CESR

Subkonstruk	Bil Item	Skor Purata	% Skor Purata	Pekali kesahan
Penerokaan sistematik bertujuan	5	45.8	91.60	.916
Penerokaan persekitaran	9	41.1	82.22	.822
Penerokaan kendiri	14	45.9	91.86	.918
Keseluruhan	28	44.3	88.56	.885

Jumalah peratus skor purata = 88.56
Pekali kofisien kesahan = 88.56 ÷ 10 = 0.885 = .885

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11

Nilai kesahan instrumen CDDQR

Subkonstruk	Bil Item	Skor Purata	% Skor Purata	Pekali kesahan
Kekurangan Kesediaan	12	41.7	83.33	.833
Kekurangan Maklumat	12	42.3	84.50	.845
Maklumat Tidak Konsisten	10	38.8	77.60	.776
Keseluruhan	34	40.91	81.81	.818

Jumlah peratus skor purata = 81.81
Pekali kofisien kesahan = 81.81 ÷ 10 = 0.818 = .818

Berdasarkan Jadual 3.9 dan Jadual 3.10 di atas, hasil nilai ke atas instrumen CESR mendapati skor konstruk Penerokaan sistematik bertujuan yang jumlah item lima memperolehi skor purata 45.8 dengan peratusan 91.6% menjadikan pekali kesahan sebanyak .916. bagi skor purata konstruk penerokaan kendiri ialah 45.9 menjadikan peratusan 91.86% dengan pekali kesahan sebanyak .916 pada jumlah item 14. Manakala penerokaan persekitaran ialah 82.22%.bagi skor purata dengan item sebanyak 9 menjadikan pekali kesahan ialah .822. Bagi instrumen CDDQR pula, konstruk Kekurangan Kesediaan peratusan skor purata ialah 83.33% dengan pekali kesahan .833 pada item sebanyak 12 item dan skor purata 41.7. Manakala bagi konstruk kekurangan maklumat ialah 84.5% peratusan skor purata menjadikan pekali kesahan .845 pada skor purata 42.3 dengan sebanyak 12 item. Peratusan skor bagi konstruk Maklumat Tidak Konsisten pula 77.6%. menjadikan pekali kesahan .776 dengan item sebanyak 10 item dan skor purata 38.8. Berdasarkan dapatan tersebut, membuktikan item-item sangat sesuai dan membolehkan pelaksanaan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.14.4 Proses Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Menurut Creswell (2018), kebolehpercayaan instrumen kajian adalah merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik. Menurut Anastasi (2012) pula, kebolehpercayaan instrumen kajian adalah merujuk kepada ketekalan dalaman sesuatu instrumen atau kebolehan sesuatu instrumen. Instrumen tersebut mengukur sesuatu fenomena secara tekal walaupun ditadbir pada masa yang berlainan pula. Bagi mengukur ketekalan dalaman sesuatu konstruk terutamanya yang melibatkan instrumen berskala likert, nilai *Cronbach Alfa* sering kali dirujuk. Nilai *Cronbach Alfa* yang melebihi 0.60 sering kali digunakan dalam mengukur indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian (Mohd Majid, 2009; Chua, 2011). Dalam kajian rintis, data instrumen dikumpulkan dan diukur tahap kebolehpercayaannya menggunakan Ujian Statistik *Crobanch's Alpha* menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) Versi 23.0.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi Kerlinger (2009) pula, nilai kebolehpercayaan yang baik pada konstruk bagi sesuatu instrumen adalah mempunyai nilai *a* melebihi 0.6 pada aras kesignifikanan .05. Namun, konstruk yang terbaik pada sesuatu instrumen, nilai *a* adalah melebihi .70. Akan tetapi nilai *a* melebihi 0.60 masih boleh diterima (Gay, 1996). Selari dengan itu juga Ahmad Jazimin at.el. (2016) dan Md Noor (2012), berpendapat tahap kebolehpercayaan sesuatu instrumen dianggap baik apabila nilai alpha melebihi .60.

Berdasarkan skor kebolehpercayaan yang diperolehi, instrumen kajian telah melalui pengubahsuaian dan penambahbaikkan selaras dengan keperluan kajian. Oleh itu, dalam menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian, pengkaji memilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan nilai *Cronbach Alfa* berdasarkan pandangan Creswell (2018), Mohd Majid (2009) dan Kerlinger (2009). Dengan itu, pengkaji membuat ketetapan kebolehpercayaan item-item dan konstruk-konstruk bagi setiap instrumen mempunyai nilai *a* lebih daripada 0.7 pada aras kesignifikanan .05.

3.14.5 Kebolehpercayaan Modul MKBTPTR

Menurut Jamaludin (2008) pembinaan item-item soal selidik modul untuk mengukur sejauh mana sampel kajian dapat memahami dan memenuhi sesutau objektif yang dinyatakan dalam modul. Sidek dan Jamaludin (2005) berpendapat, kaedah menentukan kebolehpercayaan modul dan instrumen mempunyai persamaan iaitu pembinaan soal selidik berdasarkan objektif sesuatu modul atau langkah-langkah pelaksanaan dalam modul bagi menguji nilai pekali kebolehpercayaan modul. Alat penilaian keberkesanan dan kesempumaan modul boleh dilakukan dengan dua cara, iaitu melalui soalan item yang dicipta berdasarkan objektif sesuatu modul. Kedua, melalui soalan item berdasarkan aktiviti-aktviti yang dinyatakan di dalam sesuatu modul. Menurut Sidek (2005), konsistensi berkait dengan kebolehpercayaan. Dengan itu, sesuatu ujian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi melalui skor dan individu yang sama diperolehi namun pada masa yang berbeza.

Dalam kajian Ahmad Jazimin at. el (2016) juga membina soal selidik bagi mendapat kebolehpercayaan modul kaunseling kelompok TPTR. Pengkaji telah membina satu soal selidik bagi mendapatkan kebolehpercayaan modul. Soal selidik ini adalah berdasarkan skala likert empat mata. Nilai skor bermula daripada 1 iaitu sangat tidak setuju, 2 iaitu tidak setuju, 3 setuju dan 4 iaitu sangat setuju. Pernyataan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan dalam pembinaan soal selidik adalah memfokuskan kepada objektif setiap sesi. Jadual 3.12 menunjukkan pemarkatan bagi soal selidik kebolehpercayaan MKBTPTR.

Jadual 3.12

Pemarkatan bagi soal selidik kebolehpercayaan MKBTPTR

Jawapan Item	Nilai Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Setuju	3
Sangat Setuju	4

Pada Jadual 3.12 menunjukkan skala likert empat mata yang dimasukkan dalam soal selidik untuk menguji kebolehpercayaan modul. Skala tersebut turut juga digunakan dalam menguji kebeolehpercayaan instrumen kajian. Jawapan item bagi Sangat Tidak Setuju diberikan mata skor satu,nilai skor dua bagi jawapan item Tidak Setuju, nilai skor tiga bagi jawapan item yang diberikan Setuju dan nilai skor bagi Sangat Setuju yang dberikan adalah empat.

Seramai 36 sampel yang dilibatkan memberi maklumbalas soal selidik. Sampel terdiri 18 orang masing-masing daripada KBK dan KBB. Sampel mengisi maklumbalas instrumen setelah menjalani setiap sesi. Soal seldik yang dijawab oleh sampel dianalisis bagi medapatkan nilai kebolehperayaan. Pengkaji menganalisa data diperolehi daripada maklumbalas sampel dalam kajian rintis. Data yang diperolehi daripada soal selidik di analisis menggunakan perisian *Statistical Package Sosial Science* (SPSS) versi 23.0. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi dikenali sebagai *Cronbach Alpha*. Jadual 3.13 menunjukkan nilai kebolehpercayaan MKBTPTR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13

Nilai kebolehpercayaan MKBTPTR

Modul	Nilai Alpha
MKBTPTR	.819

Jadual 3.13 menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan MKBTPTR ialah .819. Menurut Mohamad Najib (1999) dan Mohd Majid (2009), nilai pekali alfa 0.60 juga sudah memadai bagi instrumen sains sosial dalam bidang pendidikan. Dengan itu, nilai *alpha cronbach* adalah 0.60 dianggap nilai yang baik. Merujuk nilai kebolehpercayaan yang diperolehi MKBTPTR, ia mempunyai tahap konsistensi yang baik. Oleh itu, MKBTPTR sesuai untuk digunakan dalam lapangan yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji juga melakukan pengujian berdasarkan sub konstruk sesi dan aktiviti modul bagi mendapat nilai kebolehpercayaan. Penilaian kebolehpercayaan terhadap sub konstruk juga merujuk kepada nilai cronbach alpha iaitu melebihi 0.7. Namun nilai alpha 0.6 juga dikira baik dan boleh diterima. Pada Jadual 3.14 menunjukkan nilai kebolehpercayaan mewakili bagi setiap konstruk yang diuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.14

Nilai Kebolehpercayaan Sesi MKBTPTR

Modul /Sub Modul	Aktiviti	Nilai *a*
Sesi 1 Pengenalan Kelompok dan Membina hubungan	Aktiviti 1: Angin Sepoi-sepoi Aktiviti 2: Salam Perkenalan Aktiviti 3: Oh! Kita Sama Aktiviti 4: Fokus Diri	.821
Sesi 2 Melihat dunia sebenar (*Real World)* Meneroka Persekitaran	Aktiviti 5: Inilah Aku Aktiviti 6: Macam-macam ada	.815
Sesi 3 Memahami keseluruhan *(Quality World)* Meneroka Kendiri	Aktiviti 7: Jika Aku Jadi…	.809
Sesi 4 Kemahuan *(Wants)* Konflik keperluan asas (*Basic Needs)* dan Dunia sebenar *(Real World)* Meneroka Kendiri dan Persekitaran	Aktiviti 8: Bukalah Hatimu	.809
Sesi 5 Melakukan dan menunjuk arah (*Doing and direction)* Semakkan menjurus	Aktiviti 9: Kenali Kerjaya Pilihaku	.812
Sesi 6 Penilaian/ arah tuju (*Evaluating)* Penilaian yang menjurus	Aktiviti 10: Misi yang Belum Selesai	.813
Sesi 7 Membuat perancangan dan menilai perancangan *(planning*) Melaksanakan pilihan keputusan	Aktiviti 11: Menuju Destinasi	.812
Sesi 8 Penamatan dan penilaian	Aktiviti 12: Doakan Saya Aktiviti 13: Rumusan akhir	.817

Merujuk paparan Jadual 3.14, ialah nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi daripada pengujian maklumbalas daripada sampel bagi sub konstruk MKBTPTR. Nilai alpha menunjukkan nilai yang baik iaitu melebihi .60. Dengan itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai kebolehpercayaan dapat ditunjukkan dengan yang paling baik iaitu sub konstruk pengenalan kelompok, Membina Hubungan iaitu .821. Diikuti dengan sub konstruk penamatan dan penilaian sesi iaitu .817. Seterusnya sub konstruk Melihat dunia sebenar (*Real World)* Meneroka Persekitaran iaitu .815. Kemudian sub konstruk Penilaian/ Arah Tuju (*Evaluating)* Penilaian yang Menjurus iaitu .813. Manakala sub konstruk Melakukan dan menunjuk arah (*Doing and direction)* Semakkan menjurus dan Membuat perancangan dan menilai perancangan *(planning*) Melaksanakan pilihan keputusan menunjukkan nilai yang sama iaitu .812. Kemudian yang terakhir dengan nilai .809 yang sama bagi sub konstruk Memahami keseluruhan *(Quality World)* Meneroka Kendiri dan Kemahuan *(Wants)* Konflik keperluan asas (*Basic Needs)* dan Dunia sebenar *(Real World)* Meneroka Kendiri dan Persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.14.6 Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Mohd Majid (2009) kebolehpercayaan sesuatu alat ukur menjadi pengukur kepada dapatan atau hasil kajian. Setiap dapatan daripada penyelidikan akan menjadi bermakna melalui alat pengukuran tersebut yang mengukur apa yang ingin diukur. Kalkbrenner (2021) berpandangan tahap kebolehpercayaan sesuatu soal selidik kajian adalah merujuk kepada ketekalan dalaman sesuatu instrumen. Sama maksudnya juga iaitu kebolehan soal selidik tersebut untuk mengukur fenomena secara tekal walaupun ditadbir dengan cara yang berbeza. Miyasaki, Demo, Costa dan Fogaça (2021) menyatakan nilai kebolehpercayaan yang baik bagi sesuatu konstruk dalam instrumen adalah apabila ia mempunyai nilai 0.6 pada aras kesignifikanan .05. Nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik CESR dapat dilihat berdasarkan Jadual 3.15.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.15

Nilai kebolehpercayaan bagi CESR

Soal selidik	Nilai *a*
CESR	.831

Merujuk Jadual 3.15, instrumen CESR memperolehi Nilai *a* yang baik iaitu 0.83 pada nilai pekali kebolehpercayaan. Dengan itu, nilai yang diperolehi menunjukkan instrumen CESR dapat digunakan untuk mengenal pasti penerokaan kerjaya.

Selanjutnya, pengkaji turut menguji ketekalan soal selidik CESR berdasarkan sub konstruk penerokaan kerjaya. Nilai pekali kebolehpercayaan sub konstruk adalah ditetapkan melebihi 0.7 pada aras Alpha Cronbach. Jadual 3.16 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan CESR mengikut sub konstruk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.16

Nilai kebolehpercayaan bagi CESR mengikut sub konstruk

Sub konstruk	Nilai *a*
Penerokaan sistematik bertujuan	.826
Penerokaan persekitaran	.828
Penerokaan kendiri	.829

Berdasarkan Jadual 3.16 nilai pekali kebolehpercayaan mengikut sub konstruk menunjukkan nilai *a* yang baik dan melebihi .70. Sub konstruk yang mempunyai nilai alpha yang paling tinggi adalah sub konstruk iaitu Penerokaan Kendiri .829. Kemudian diikuti dengan sub konstruk Penerokaan Persekitaran iaitu .828. Seterusnya sub konstruk yang ketiga iaitu Penerokaan Sistematik Bertujuan .826. Pada Jadual 3.17

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan CESR mengikut item bagi sub konstruk pertama iaitu Penerokaan Sistematik Bertujuan.

Jadual 3.17

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Mengikut Item Sub Konstruk Penerokaan Sistematik Bertujuan

Penerokaan Sistematik Bertujuan	Nilai *a*
Keseluruhan item	.826
Saya melakukan percubaan ke atas aktiviti kerjaya yang berbeza-beza.	.822
Saya menunjukkan sesuatu kemahiran vokasional yang dimiliki kepada rakan-rakan.	.823
Saya mempratikkan tugasan kerja yang diminati setelah memperhatikannya.	.822
Saya mengambil bahagian sebagai sukarelawan dalam bidang kerjaya diminati.	.821
Saya berbincang bersama rakan-rakan di sekolah tentang kerjaya yang diminati.	.824

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.17 nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi pada item sub konstruk Penerokaan Sistematik Bertujuan. Nilai nilai *a* menunjukkan nilai yang baik dan melebihi .70. Item yang mempunyai nilai alpha yang paling tinggi adalah Saya berbincang bersama rakan-rakan di sekolah tentang kerjaya yang diminati iaitu .824. Kemudian item nilai *a* yang paling rendah ialah Saya mengambil bahagian sebagai sukarelawan dalam bidang kerjaya diminati iaitu .821. Pada Jadual 3.18 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan CESR mengikut item bagi sub konstruk pertama iaitu Penerokaan Persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.18

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Mengikut Item Sub Konstruk Penerokaan Persekitaran

Penerokaan Persekitaran	Nilai *a*
Keseluruhan item	.828
Saya meneroka kerjaya yang bersesuaian pada saya.	.823
Saya mengikuti aktiviti mengenali kerjaya melalui program kerjaya.	.823
Saya mencari maklumat mengenai ciri-ciri istimewa sesuatu bidang pekerjaan.	.825
Saya mengumpul maklumat tentang tawaran asas dalam sesuatu bidang pekerjaan.	.823
Saya mencari maklumat mengenai pengkhususan pekerjaan dalam bidang kerjaya.	.824
Saya mendapatkan panduan kerjaya daripada guru.	.823
Saya mencari maklumat kerjaya di bilik Bimbingan dan Kaunseling sekolah.	.822
Saya mendapatkan maklumat kerjaya secara melayari di *internet* (alam maya).	.826
Saya menyelidiki kesesuaian maklumat diri dengan kerjaya yang sesuai.	.823
Saya menghadiri pameran mengenai kerjaya.	.822
Saya mencari maklumat melanjutkan pengajian daripada agensi pendidikan.	.821
Saya berbincang dengan keluarga tentang maklumat kerjaya.	.823
Saya mengumpul maklumat pendidikan yang memenuhi keperluan kerjaya.	.823
Saya berbincang dengan guru tentang kesesuaian matapelajaran dengan kerjaya.	.823

Merujuk Jadual 3.18 nilai *a* yang diperolehi pada item sub konstruk Penerokaan Persekitaran. Item yang mempunyai nilai alpha yang paling tinggi adalah Saya mendapatkan maklumat kerjaya secara melayari di *internet* (alam maya) iaitu .826. Kemudian item nilai *a* yang paling rendah ialah Saya mencari maklumat melanjutkan pengajian daripada agensi pendidikan iaitu .821. Pada Jadual 3.19 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan CESR mengikut item bagi sub konstruk pertama iaitu Penerokaan Kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.19

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Mengikut Item Sub Konstruk Penerokaan Kendiri

Penerokaan Kendiri	Nilai *a*
Keseluruhan item	.829
Saya memikirkan kehidupan yang lalu mempengaruhi kerjaya pada masa depan.	.825
Saya memikirkan tentang kesukaan melakukan sesuatu berhubung kait dengan suatu pekerjaan.	.823
Saya memikirkan tentang kerjaya yang sesuai kepada diri saya.	.822
Saya memikirkan mengenai suatu pekerjaan semenjak dahulu hingga kini.	.819
Saya memikirkan tingkah laku masa lalu dengan sekarang yang berhubung kait kerjaya masa depan saya.	.821
Saya menjawab ujian psikometrik untuk mengetahui maklumat kecenderungan bidang kerjaya.	.826
Saya memikirkan kerjaya yang telah menjadi pilihan terbaik kepada diri saya.	.823
Saya memikirkan secara menyeluruh aspek yang sesuai dengan kerjaya saya.	.823
Saya membuat suatu perancangan kerjaya bagi masa depan saya.	.821

Pada Jadual 3.19 menunjukkan nilai *cronbach alpha* yang paling rendah adalah .819 iaitu Saya memikirkan mengenai suatu pekerjaan semenjak dahulu hingga kini.. Manakala nilai yang paling tinggi pula ialah .826 pada item menjawab ujian psikometrik untuk mengetahui maklumat kecenderungan bidang kerjaya. Nilai *cronbach alpha* bagi keseluruhan item penerokaan Kendiri adalah .829. Pada Jadual 3.20 menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik bagi CDDQR.

Jadual 3.20

Nilai kebolehpercayaan bagi CDDQR

Soal selidik	Nilai *a*
CDDQR	.791

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk Jadual 3.19, soal selidik CDDQR memperolehi nilai *a* yang baik iaitu 0.791 pada nilai pekali kebolehpercayaan. Oleh itu, nilai yang diperolehi menunjukkan instrumen CDDQR dapat digunakan untuk mengenalpasti membuat keputusan kerjaya secara keseluruhan.

Selanjutnya, pengkaji menguji ketekalan soal selidik CDDQR berdasarkan sub konstruk. Nilai pekali kebolehpercayaan sub konstruk adalah ditetapkan melebihi 0.7 pada aras Alpha Cronbach. Jadual 3.21 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan CDDQR mengikut sub konstruk.

Jadual 3.21

Nilai kebolehpercayaan bagi CDDQR mengikut sub konstruk

Sub konstruk	Nilai *a*
Kekurangan Kesediaan	.785
Kekurangan Maklumat	.789
Maklumat Tidak Konsisten	.787

Berdasarkan Jadual 3.21 ialah nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi mengikut sub konstruk. Nilai pekali kebolehpercayaan menunjukkan nilai *a* yang baik dan melebihi .70. Sub konstruk yang mempunyai nilai alpha yang paling tinggi adalah sub konstruk iaitu Kekurangan Maklumat dengan .789. Kemudian diikuti dengan sub konstruk Maklumat Tidak Konsisten iaitu .787 nilai *a*. Seterusnya sub konstruk yang ketiga iaitu Kekurangan Kesediaan dengan nilai *a* ialah .785. Pada Jadual 3.22 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan CDDQR mengikut item bagi sub konstruk pertama iaitu Kekurangan Kesediaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.22

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Mengikut Item Sub Konstruk Kekurangan Kesediaan

Kekurangan Kesediaan	Nilai *a*
Keseluruhan item	.785
Saya tiada motivasi untuk membuat keputusan pilihan kerjaya pada masa sekarang.	.781
Saya tidak bimbang isu pemilihan kerjaya kerana pekerjaan bukanlah perkara paling penting dalam hidup seseorang.	.781
Saya tidak perlu memilih kerjaya sekarang kerana masa akan datang menentukan kerjaya yang "tepat" kepada saya.	.782
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya.	.781
Saya memerlukan sokongan dari seseorang yang profesional untuk membuat keputusan kerjaya.	.778
Saya takut kepada kegagalan.	.781
Saya suka lakukan sesuatu perkara dengan cara tersendiri	.783
Saya dapat menyelesaikan masalah peribadi dengan menceburi kerjaya pilihan saya.	.779
Saya percaya hanya ada satu kerjaya sahaja yang sesuai dengan saya.	.782
Saya dapat memenuhi impian melalui kerjaya yang saya pilih.	.776
Saya percaya kerjaya adalah suatu pilihan dan komitmen sepanjang hayat.	.781
Saya melakukan apa yang diarahkan walaupun ianya bertentangan dengan kehendak saya	.779

Pada Jadual 3.22, memaparkan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi pada item sub konstruk Kekurangan Kesediaan dalam CDDQR. Nilai pekali kebolehpercayaan menunjukkan nilai *a* yang baik dan melebihi .70. Item yang memperolehi nilai *a* yang tinggai ialah item Saya suka lakukan sesuatu perkara dengan cara tersendiri iaitu .783. Manakala nilai *a* pada item yang rendah diperolehi ialah Saya dapat memenuhi impian melalui kerjaya yang saya pilih iaitu .776. Pada Jadual 3.23 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan CDDQR mengikut item bagi sub konstruk kedua iaitu Kekurangan Maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.23

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Mengikut Item Sub Konstruk Kekurangan Maklumat

Kekurangan Maklumat	Nilai *a*
Keseluruhan item	.789
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui langkah-langkah yang perlu saya lakukan.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui faktor-faktor yang perlu saya pertimbangkan.	.781
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui kaedah menggabungkan maklumat diri dengan maklumat kerjaya.	.786
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui pekerjaan yang bersesuaian untuk saya.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak pasti tentang kecenderungan bidang kerjaya.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana kekurangan maklumat tentang kemahiran diri.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui kemampuan diri pada masa depan.	.778
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana kekurangan maklumat tentang pelbagai pekerjaan yang tersedia ada.	785
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana kekurangan maklumat mengenai bidang pekerjaan yang menarik minat saya.	.782
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui prospek kerjaya pada masa depan.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui kaedah untuk memperolehi maklumat tambahan diri.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui kaedah untuk mendapatkan maklumat tepat tentang ciri-ciri pekerjaan yang terkini.	.782

Berdasarkan Jadual 3.23, menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi pada item sub konstruk Kekurangan Maklumat. Kesemua item memperolehi nilai pekali kebolehpercayaan nilai *a* yang baik dan melebihi .70. Item yang tinggi memperolehi nilai *a* ialah item Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui kaedah menggabungkan maklumat diri dengan maklumat kerjaya iaitu .786. Manakala item yang rendah memperolehi nilai *a* ialah pada item Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tidak mengetahui kemampuan diri pada masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

depan iaitu .778. Pada Jadual 3.24 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan mengikut item bagi CDDQR pada sub konstruk ketiga iaitu Maklumat Tidak Konsisten.

Jadual 3.24

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Mengikut Item Sub Konstruk Maklumat Tidak Konsisten

Maklumat Tidak Konsisten	Nilai *a*
Keseluruhan item	.787
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana pilihan kerjaya saya yang berubah-ubah.	.781
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana mempunyai maklumat yang bercanggah tentang kebolehan diri saya.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana maklumat diri saya bertentangan dengan kehendak pekerjaan.	.778
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tertarik dengan kerjaya yang lain.	.775
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana jika diambil bekerja, saya tidak berminat dengan pekerjaan tersebut.	.779
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana pekerjaan yang saya minati, ciri-cirinya mengganggu saya.	.785
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana keinginan saya tidak dapat ditunaikan dalam kerjaya.	.783
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana kebolehan diri tidak sepadan dengan keperluan pekerjaan yang saya minati.	.781
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana ibu bapa tidak bersetuju dengan pilihan kerjaya saya.	.779
Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana percanggahan cadangan oleh individu penting tentang kerjaya yang sesuai untuk saya.	.778

Jadual 3.24, menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi pada item sub konstruk Maklumat Tidak Konsisten. Item pada kedudukan yang tinggi memperolehi nilai *a* ialah item Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana pekerjaan yang saya minati, ciri-cirinya mengganggu saya iaitu .785. Manakala item dikedudukan rendah memperolehi nilai *a* ialah pada item Saya sukar untuk membuat keputusan kerjaya kerana tertarik dengan kerjaya yang lain iaitu .775. Manakala nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a keseluruhan item sub konstruk Maklumat Tidak Konsisten ialah .787. Oleh itu, kesemua item sub konstruk tersebut memperolehi nilai pekali kebolehpercayaan yang baik dengan nilai *a* melebihi .70.

3.15 Tatacara dan pertimbangan melaksanakan intervensi

Perbincangan tatacara dan pertimbangan intervensi adalah perkara perlu sebelum melaksanakan kajian di lapangan sebenar. Perkara-perkara yang melibatkan tatacara dan perbincangan termasuklah penetapan tempat kajian dan kebenaran menjalankan kajian, perbincangan kelompok rawatan dan kelompok kawalan, pertimbangan Kelompok Bimbingan Besar (KBB) dan Kelompok Bimbingan Kecil (KBK), fokus kelompok, kepimpinan dan pengendalian kelompok, kerelaan termaklum, pengisian, aliran dan perjalan kelompok intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.1 Penetapan tempat kajian dan kebenaran menjalankan kajian

Sebelum menjalankan kajian, penting untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian. Kebenaran pihak-pihak yang berkaitan sebelum kajian dijalankan akan memudahkan pelaksanaan kajian melalui kerjasama yang diperolehi daripada pihak berkenaan. Dengan itu, pengkaji memohon kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengkaji turut memohon kebenaran daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UPSI sebagai syarat universiti kepada pengkaji-pengkaji untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan kajian. Seterusnya kebenaran turut diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu untuk memohon menjalankan kajian. Pengkaji mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu untuk mendapatkan daerah dan sekolah yang bersesuaian dipersetujui dan disepakati bersama.

Hasil perbincangan dan penilaian mendapati daerah Hulu Terengganu adalah lebih bersesuaian untuk dijalankan kajian. Rujukan melalui tinjauan, perbincangan dan data-data yang dinyatakan oleh Jabatan dan Pejabat Pendidikan menjadikan daerah Hulu Terengganu adalah bersesuaian berbanding antara daerah yang lain dari segi kesederhanaan, kedudukan lokasi, status pencapaian akademik dan status sosioekonomi (SES) masyarakat. Bagi pemilihan sekolah pula, penyelidik telah membuat lawatan dan perbincangan dengan pihak Jabatan Pendidikan Daerah Hulu Terengganu untuk memilih sekolah yang sesuai dan memenuhi ciri-ciri kajian. Hasil keputusan dicapai melalui perbincangan dan data-data terdapat dua buah sekolah yang dikenalpasti yang hampir sama dari segi lokasi,pencapaian akademik dan status sosioekonomi.

Dengan kebenaran diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, pengkaji mengadakan kunjungan ke sekolah yang dikenalpasti dengan bertujuan mendapatkan kebenaran daripada pihak pengurusan sekolah untuk menjalankan kajian. pengkaji melawat dan mengadakan perbincangan bagi menjalin hubungan yang baik dengan pengetua dan pengurusan sekolah, unit bimbingan dan kaunseling, guru-guru dan murid-murid yang berkenaan. Hasil lawatan pengkaji di kedua-dua sekolah mendapati adalah bersesuaian dari segi lokasi, demografi pelajar, kerjasama serta mempunyai fasaliti yang diperlukan dengan itu langkah-langkah kajian akan mula dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.2 Kelompok rawatan

Kelompok rawatan merupakan kelompok yang mengikuti intervensi MKBTPTR yang jalankan secara KBB dan KBK. Pendekatan rawatan pula ialah TPTR dan konsep penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Ini untuk mengesahkan kenyataan para sarjana TPTR yang menjadikan pendekatan kaunseling merupakan model yang amat sesuai dan berkesan dalam intervensi membuat pilihan dan keputusan iaitu model yang berasaskan kognitif. Dengan itu, pengkaji ingin membuktikan kesan penggunaan TPTR dalam konteks murid sekolah dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Pendekatan TPTR tidak sama sekali meminggirkan sepenuhnya unsur perasaan, tetapi menyatakan dalam bentuk memodifikasi individu melalui pemusatan kognitif seperti pemikiran, konsep dan proses.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, menjadikan proses intervensi ke atas penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya menjadi lebih berkesan. Dengan ini, pengkaji mengaplikasikan TPTR melalui mengadaptasi MKBTPTR yang dibangunkan oleh Ahmad Jazimin et.al (2016) terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid sekolah menengah. Oleh itu, rawatan KBB dan KBK menggunakan MKBTPTR iaitu menggunakan pendekatan dan teknik WDEP terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya subjek kajian. Selain itu, penerangan kepada ahli kelompok oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) bagi menerangkan tugasan kepimpinan kelompok, penetapan peraturan asas dalam kelompok dan panduan ahli kelompok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketika dalam kelompok. Termasuk juga menandatangani perjanjian kerelaan termaklum dan persetujuan mengikuti kelompok rawatan.

Seterusnya, bagi mengawal permasalahan kesan bias ketika rawatan, terdapat beberapa langkah dimasukkan antaranya ialah i) membina hipotesis yang khusus bagi menentukan dan mengkaji kepada setiap perubahan kepada pemboleh ubah adalah melalui kesan rawatan MKBTPTR dan bukan melalui kesan faktor jantina serta kesan interaksi faktor rawatan dengan faktor jantina, ii) membina hipotesis yang khusus bagi menentukan dan mengkaji bahawa setiap perubahan kepada pemboleh ubah adalah disebabkan kesan rawatan peningkatan konsep kendiri dan bukan dipengaruhi oleh kesan faktor sosioekonomi, kesan interaksi faktor rawatan dengan faktor sosio ekonomi, iii) GBK kepada KBB dan KBK latar mempunyai latar belakang dan memiliki kemahiran yang hampir sama serta dilatih khusus oleh pengkaji, iv) jarak masa subjek menduduki praujian dan posujian adalah tempoh masa yang hampir sama iaitu seminggu bagi sebelum dan selepas intervensi dijalankan, v) tempoh masa sesi kelompok rawatan bagi setiap jenis kelompok dijalankan adalah hampir sama secara mingguan antara jam 2.30 petang hingga 4.00 petang selama lapan minggu berturut-turut, iv) tempat sesi kelompok dijalankan adalah tetap dan hampir sama termasuklah kemudahan fasaliti dan suasana kelompok bagi setiap jenis kelompok rawatan, v) sesi kelompok bagi KBB dan KBK pula menggunakan modul yang sama untuk mencapai matlamat kajian.

Kelompok rawatan kecil merujuk kepada sesi intervensi seperti bimbingan atau kaunseling yang dijalankan dalam kumpulan kecil, biasanya terdiri daripada 5 hingga 10 orang peserta. Saiz kumpulan ini dianggap optimum kerana ia membolehkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

interaksi yang lebih mendalam antara peserta dan fasilitator, serta antara peserta sendiri. Menurut Yalom dan Leszcz (2020), kumpulan dengan 5 hingga 10 ahli adalah sesuai, dengan saiz ideal sekitar 7 orang, kerana kumpulan yang terlalu kecil mungkin kekurangan dinamika kumpulan, manakala kumpulan yang terlalu besar boleh menyukarkan pengurusan oleh fasilitator. Selain itu, kajian oleh Fulkerson, Hawkins, dan Alden (1981) mendapati bahawa kumpulan dengan 5 ahli adalah paling memuaskan bagi ahli kumpulan, dan mencadangkan bahawa 5 adalah bilangan minimum yang diperlukan untuk proses kumpulan terapeutik yang berkesan.

Bilangan ahli dalam kumpulan kecil dan kumpulan besar dalam intervensi bimbingan kerjaya mungkin disamakan atas beberapa sebab yang berkaitan dengan reka bentuk kajian dan keberkesanan intervensi. Mengekalkan konsistensi dalam reka bentuk kajian dengan menyamakan bilangan peserta antara kumpulan kecil dan besar membantu mengekalkan konsistensi dalam reka bentuk kajian. Ini penting untuk memastikan bahawa sebarang perbezaan dalam hasil intervensi dapat dikaitkan dengan saiz kumpulan, bukan faktor lain seperti bilangan peserta. Selain itu, kawalan dengan mengekalkan bilangan peserta yang sama dalam kedua-dua kumpulan, penyelidik dapat mengawal pemboleh ubah yang mungkin mempengaruhi hasil kajian. Ini termasuk faktor seperti dinamika kumpulan, interaksi antara peserta, dan beban kerja fasilitator.

Termasuk juga keberkesanan intervensi dalam saiz kumpulan berbeza. Kajian telah menunjukkan bahawa keberkesanan intervensi boleh berbeza bergantung pada saiz kumpulan. Dengan menyamakan bilangan peserta, penyelidik dapat menilai dengan lebih tepat bagaimana saiz kumpulan mempengaruhi keberkesanan intervensi (Codding dan Lane, 2015). Seterusnya pertimbangan logistik dan sumber dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesetengah keadaan, menyamakan bilangan peserta dalam kumpulan kecil dan besar mungkin disebabkan oleh pertimbangan logistik, seperti ketersediaan fasilitator, ruang, dan masa. Ini memastikan bahawa setiap kumpulan mendapat perhatian dan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan intervensi dengan berkesan.

Bilangan ahli kelompok rawatan kecil yang sama dengan kelompok rawatan besar boleh berlaku dalam konteks reka bentuk kajian eksperimen atau kuasi-eksperimen. Menurut NC3Rs (n.d.) terdapat beberapa sebab logik dan metodologi di sebaliknya. Antaranya adalah mengawal kebolehbandingan *(comparability)* apabila bilangan ahli dalam kedua-dua kelompok adalah sama. Jadi ia mengurangkan varians yang tidak perlu antara kumpulan, meningkatkan kesaksamaan dalam pembahagian rawatan dan memudahkan perbandingan kesan intervensi secara statistic. Contohnya jika kajian ingin membandingkan keberkesanan modul bimbingan dalam kelompok kecil dengan kelompok besar, bilangan peserta yang sama mengawal saiz sampel sebagai pemboleh ubah yang berpotensi mengganggu keputusan.

Memastikan kuasa statistik (statistical power) seimbang. Saiz sampel yang seimbang antara kumpulan membolehkan analisis statistik seperti ANOVA atau MANOVA dijalankan dengan lebih tepat dan sah. Ketidakseimbangan dalam saiz kumpulan boleh mengakibatkan bias dalam varians, seterusnya mempengaruhi keputusan signifikan statistik. Rekaan Seimbang *(Balanced Design)* dalam kajian kuantitatif adalah digalakkan untuk memaksimumkan kecekapan analisis dan mengurangkan kesan gangguan luaran. Ia juga memudahkan proses randomisasi atau pembahagian kumpulan yang adil. Pertimbangan Praktikal dalam kajian mungkin menetapkan jumlah peserta yang sama bagi setiap kumpulan atas sebab praktikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh yang terlibat seperti kekangan masa dan sumber kaunselor yang mengendalikan sesi, kemudahan pengurusan sesi bimbingan dan keadilan dalam penyertaan pelajar. Sebagai bertujuan perbandingan keberkesanan saiz Kumpulan. Sekiranya objektif kajian adalah untuk membandingkan keberkesanan antara saiz kumpulan antara kecil dengan besar, maka bilangan peserta yang sama dalam setiap kumpulan membolehkan perbezaan yang dikesan benar-benar berpunca daripada faktor saiz kelompok, bukan saiz sampel. Rumusannya menyamakan bilangan ahli dalam kelompok rawatan kecil dan besar adalah satu pendekatan metodologi yang sah dan strategik untuk memastikan kesahan dalaman kajian, mengawal pembolehubah luar dan memudahkan perbandingan yang adil.

Pembentukan kelompok kecil dalam intervensi bimbingan kerjaya dilihat pada rasionalnya. Pembentukan kelompok kecil dalam intervensi bimbingan kerjaya adalah strategi yang berkesan untuk meningkatkan penglibatan peserta dan keberkesanan program. Kumpulan kecil membolehkan interaksi yang lebih mendalam antara peserta dan fasilitator, serta antara peserta sendiri, yang dapat memperkukuh proses pembelajaran dan refleksi kendiri. Menurut kajian oleh Wang dan Liu (2022), intervensi bimbingan kerjaya secara berkumpulan kecil dapat meningkatkan kebolehsuaian kerjaya pelajar sekolah menengah, termasuk aspek keprihatinan kerjaya, kawalan, keingintahuan, dan keyakinan. Kumpulan kecil menyediakan persekitaran yang selamat dan menyokong untuk pelajar meneroka pilihan kerjaya mereka dan membina kemahiran membuat keputusan yang lebih baik. Selain itu, kajian oleh Rabie et al. (2020) menunjukkan bahawa intervensi bimbingan kerjaya secara berkumpulan kecil dapat meningkatkan kesedaran kendiri dan pengetahuan tentang peluang kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan pelajar, yang seterusnya membantu mereka membuat keputusan kerjaya yang lebih bermakna dan sesuai dengan aspirasi peribadi mereka.

Pelaksanaan kelompok rawatan kecil bergantung pada reka bentuk kajian yang digunakan, objektif intervensi, dan kesesuaian konteks kajian. Kelompok rawatan kecil biasanya merujuk kepada satu sesi intervensi seperti sesi bimbingan atau kaunseling yang dijalankan dalam kumpulan yang terdiri daripada bilangan peserta yang kecil, contohnya 5 hingga 10 orang, bergantung kepada keperluan dan keselesaan pengendalian. Ciri pelaksanaan kelompok rawatan kecil terdiri daripada bilangan peserta yang kecil, biasanya antara 5 hingga 10 peserta untuk memastikan penglibatan aktif. Saiz kecil membolehkan perhatian lebih dekat, interaksi mendalam, dan hubungan rapat antara ahli dan fasilitator. Intervensi modul disampaikan secara bersemuka atau dalam talian, bergantung pada konteks. Fokus kepada dinamika kumpulan yang pada setiap sesi memberi ruang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman, berbincang secara terbuka, dan menjalani aktiviti bimbingan seperti penilaian kendiri, latihan membuat keputusan kerjaya, refleksi nilai, dan sebagainya. Fasilitator contohnya guru bimbingan dan kaunseling memainkan peranan sebagai pemudah cara, bukan pemberi ceramah sepenuhnya.

Reka bentuk sampel dan kumpulan rawatan dalam kajian mengandungi rawatan kecil sahaja yang dibahagi kepada 3 kumpulan untuk pengurusan. Terdapat 3 kelompok rawatan kecil, tetapi semua menerima rawatan yang sama. Pembahagian hanya dibuat kepada tiga kumpulan kerana had bilangan pelajar yang boleh dikendalikan dalam satu masa, ketersediaan ruang atau fasilitator dan tujuan logistik atau jadual waktu. Dalam hal ini, ketiga-tiga kumpulan kecil adalah subkumpulan rawatan kecil, bukan rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbeza. Pembahagian ini dibuat untuk memudahkan pengurusan logistik dan memastikan keberkesanan dinamika kumpulan kecil, sejajar dengan cadangan Gladding (2016) bahawa kumpulan kecil membolehkan keterlibatan lebih mendalam dalam proses perubahan tingkah laku dan kognitif pelajar.

Dalam kajian ini, kelompok rawatan kecil dibentuk sebagai satu daripada tiga kumpulan intervensi yang menerima modul bimbingan berdasarkan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR). Disebabkan pertimbangan logistik seperti kapasiti ruang, masa, dan keberkesanan dinamika kumpulan, kelompok rawatan kecil dibahagikan kepada tiga subkumpulan, yang setiap satunya terdiri daripada 6 hingga 8 pelajar. Kesemua subkumpulan rawatan kecil menerima kandungan intervensi yang sama, dikendalikan oleh fasilitator terlatih yang mengaplikasikan pendekatan TPTR dalam suasana bimbingan kelompok. Pembahagian kepada tiga subkumpulan dibuat bagi mengekalkan kualiti pelaksanaan intervensi dan memastikan setiap pelajar mendapat ruang interaksi dan refleksi kendiri yang mencukupi. Model bimbingan dalam kumpulan kecil terbukti berkesan dalam meningkatkan keterlibatan pelajar kerana ia membenarkan dinamika interpersonal yang lebih kukuh dan perhatian yang lebih mendalam daripada fasilitator (Gladding, 2016). Dalam konteks intervensi kerjaya, kumpulan kecil juga menyediakan suasana yang selamat untuk eksplorasi kendiri dan perkongsian pengalaman kerjaya (Gibson dan Mitchell, 2011). Rumusan, pembentukan tiga subkumpulan rawatan kecil dilakukan atas sebab logistik, selaras dengan pandangan bahawa kumpulan kecil dapat meningkatkan penglibatan dan keberkesanan bimbingan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.3 Kelompok kawalan

Kelompok kawalan dibentuk melalui dua sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Ini adalah lebih tepat kerana subjek kelompok kawalan mewakili kedua-dua sekolah dan kedua-dua jenis kelompok yang terlibat dalam kajian. Seramai 30 subjek dari sekolah A dan 30 subjek dari sekolah B terlibat sebagai subjek kelompok kawalan (menunggu) serta tidak diberi sebarang rawatan. Menurut Coelho, Marchante dan Jimerson (2017) subjek kawalan dari setiap sekolah yang menyertai kajian dipilih secara rawak dan perlu dikawal untuk tidak menerima intervensi melalui pengantaraan guru, pelajar atau pengkaji. Oleh itu, subjek kelompok kawalan diberi diberi penerangan secara berasingan, menjawab posujian secara berasingan dan sepanjang proses rawatan diberi perhatian khusus agar tidak berinteraksi serta berbincang dengan kelompok rawatan mengenai pengisian rawatan sepanjang proses rawatan dan sehingga proses pengumpulan data pos kajian selesai dijalankan. Di samping itu, memberi panduan dan penerangan yang jelas ahli kelompok kawalan turut menandatangani perjanjian kerelaan termaklum untuk menjadi kumpulan kawalan. Bagi memenuhi etika penyelidikan dan mengelakkan bias, setelah proses penyelidikan ini selesai kesemua subjek dalam kelompok kawalan menjalani pula sesi KBB dan KBK di sekolah masing-masing. Ketetapan lokasi, persekitaran, matlamat dan prosedur sesi kelompok yang dilalui adalah sama sebagaimana dilalui oleh kelompok rawatan sebelumnya ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.4 Pertimbangan kelompok bimbingan kecil dan kelompok besar

Terdapat pelbagai asas penting perlu dipertimbangkan apabila menentukan pemilihan sesuatu kelompok. Pemilihan kelompok adalah bergantung kepada pendekatan, tujuan, proses dan bilangan ahli kelompok. Asas pengkategorian kelompok ialah kelompok bimbingan dan kelompok kaunseling.

Bagi kajian ini penyelidik menggunakan kategori kelompok bimbingan yang diaplikasikan dalam dua jenis kelompok rawatan iaitu KBB dan KBK. Pemilihan kelompok bimbingan juga dibuat kerana ia adalah kelompok berstruktur yang berbeza dengan kelompok tidak berstruktur. Kelompok berstruktur seperti kelompok bimbingan biasanya mempunyai jangka masa yang ditetapkan (seperti lapan sesi selama empat minggu) dan direka bentuk untuk menangani bidang masalah yang khusus seperti meningkatkan kepimpinan, kerjaya, perceraian atau untuk mengajarkan kemahiran yang khusus seperti kemahiran relaksasi, komunikasi atau kemahiran belajar. GBK memberi lebih arahan dan berorientasikan tugasan dan mempunyai perancangan dan objektif yang tetap untuk dicapai bagi setiap sesi.

Ini berbeza dengan kelompok kaunseling tidak berstruktur seperti kelompok kaunseling dan psikoterapi di mana jangka masa, objektif tugasan tidak diberikan secara khusus oleh kaunselor. Sebaliknya, memberi kebebasan kepada ahli-ahli kelompok untuk menetapkan tema, jangka masa dan memulakan topik mereka sendiri dengan berdasarkan isu-isu yang mereka hadapi. Pertimbangan penyelidik memilih kelompok bimbingan dan berstruktur berdasarkan tujuan berikut, iaitu; a) kelompok terdiri daripada ahli-ahli yang ditapis khas iaitu subjek yang rendah dan sederhana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penerokaan dan membuat keputusan kerjaya, b) objektif kelompok adalah iaitu meningkatkan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya, c) bilangan ahli KBK 10 peserta (dicampur tiga kumpulan = 30 peserta) dan KBB 30 peserta adalah lebih sesuai untuk kelompok berstruktur, d) proses kelompok adalah berstruktur berdasarkan manual intervensi MKBTPTR yang dirangka secara berstruktur berdasarkan pendekatan TPTR.

Terdapat dua jenis kelompok binbingan yang sering digunakan iaitu kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar (Zuraidah, 2010). Menurut Wangid et al., (2023) kelompok bimbingan kecil mempunyai ahli antara lapan sehingga 15 orang, justeru apabila ahli kelompok melebihi 15 murid ia adalah kelompok bimbingan besar. Pada kebiasaannya kelompok bimbingan besar dijalankan berdasarkan saiz kelas iaitu 25 hingga 35 ahli. Namun terdapat juga kelompok bimbingan besar yang melebihi 100 ahli. Bagi kajian ini pemilihan KBK dibuat kerana ia berorientasikan kelompok kecil (n=10) yang dijalankan dalam tiga kelompok. Bilangan ahli yang agak kecil ini membolehkan bimbingan, penerokaan permasalahan dan hubungan emosi yang agak rapat antara ahli kelompok dan kaunselor dapat dibina. Manakala bagi KBB pemilihan kelompok himbingan besar dilakukan berdasarkan situasi persekolahan dan GBK di sekolah yang lebih berkepentingan menjalankan kelompok bimbingan besar seperti dalam dewan, sewaktu kelas gantian dan program intervensi. Tambahan kelompok besar lebih bersesuaian kerana menjimatkan masa, tenaga dan dapat menjalankan jumlah pelajar yang ramai dan serentak. Namun, oleh kerana dipengaruhi oleh bilangan ahli kelompok yang ramai (n=30) menyebabkan tahap penerokaan dan perkongsian emosi ahli-ahli kelompok tidak mendalam dan corak perhubungan ahli-ahli dan GBK kelompok adalah tidak rapat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.5 Fokus kelompok

Berdasarkan Berg, Landreth dan Fall (2017) terdapat tiga jenis tumpuan utama dalam kelompok iaitu tumpuan ekstrapersonal, tumpuan interpersonal dan tumpuan intrapersonal. Tumpuan ekstrapersonal lebih berstruktur, mengutamakan proses, menekankan aspek perkembangun dan pencegahan, memberi perhatian kepada masa kini darpada masa lampau dan masa depan. Bilangan ahli kelompok antara 5 hingga 20 orang dan memerlukan bilangan 5 hingga 20 sesi. Bagi kelompok tumpuan ekstrapersonal, Gladding (2015) menjelaskan ia mengutamakan tugasan dan tindakan seperti aspek latihan dan perkembangan serta hanya memberi tumpuan masa akan datang. Bilangan ahli adalah sehingga 30 orang atau lebih dan jumlah pertemuan antara 1 hingga 30 sesi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, bagi kelompok tumpuan intrapersonal adalah seperti proses terapi atau pemulihan yang mengutamakan masa lampau dan tidak berstruktur. Jumlah keahliannya adalah kecil antara 5 hingga 10 orang dan bertemu antara 10 hingga 20 sesi. Berdasarkan pertimbangan ini, pengkaji mengaplikasikan fokus kelompok interpersonal bagi kelompok rawatan kaunseling berstruktur yang dijalankan. Ini kerana bersesuaian dengan ciri-ciri yang berstruktur tetapi tidak terlampau berstruktur dan mengutamakan perkembangan dan pencegahan. Jumlah ahli dan sesi juga memenuhi ciri fokus kelompok ini. Bagi kelompok rawatan bimbingan besar pula penyelidik mengaplikasikan fokus kelompok ekstrapersonal. Ini kerana ia lebih sesuai dan memenuhi ciri aplikasi dalam kelompok besar seperti menekankan aspek latihan dan perkembangan, sangat berstruktur dan bilangan ahli yang ramai iaitu 30 subjek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.6 Kepimpinan dan pengendalian kelompok

Terdapat tiga gaya kepimpinan kelompok yang utama iaitu demokratik, autokratik dan *leissre-faire* (Zuraidah 2010; Galdding 2015; Abdul Rashid, Mohd Zaliridzal dan Nor Hamizah (2021). Ketiga-tiga gaya kepimpinan ini mempunyai kelebihan masing-masing. Namun pertimbangan pengkaji mendapati pendekatan kepimpinan demokratik dalam kelompok lebih sesuai. Ini kerana ia mewujudkan perhubungan dan komunikasi dua hala dengan ahli kelompok, mesra dan memenuhi ciri-ciri kelompok yang dijalankan. Pemilihan corak kepimpinan kelompok demokratik juga adalah selaras dengan pendekatan KBK dan KBB yang menggunakan model MKBTPTR. Ini kerana pendekatan MKBTPTR bercorak pengajaran dan arahan yang jelas di samping mewujudkan sifat saling memahami dan komunikasi dua hala antara ahli kelompok dan GBK.

Selain itu, konsep pengendalian kelompok bimbingan pula, mengikut Myrick (2011) terdapat tiga jenis pengendalian kelompok bimbingan iaitu; a) kelompok bimbingan berpandukan GBK, b) kelompok bimbingan berpandukan guru dan c) kelompok bimbingan berpandukan guru-GBK. Justeru, dalam penyelidikan ini pengkaji mempertimbangkan kelompok bimbingan berpandukan GBK yang lebih sesuai dengan kajian. Dengan ini, KBK dan KBB yang berteraskan pendekatan MBTPTR dijalankan oleh GBK yang terlatih dan diberikan latihan MKBTPTR untuk menghayati konsep pendekatan MKBTPTR, panduan kepimpinan kelompok dan sifat kepimpinan kelompok bimbingan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.7 Kerelaan termaklum

Kerelaan termaklum adalah sangat penting sebagai kesediaan, kerelaan dan persetujuan daripada murid dan ibu bapa/ penjaga mereka untuk subjek mengikuti sesi-sesi kelompok yang dijalankan. Ia penting diperoleh secara persetujuan lisan dan bertulis. Dalam kajian ini, penyelidik telah mendapatkan persetujuan dari murid dan ahli kelompok secara bertulis, antara kandungan kerelaan termaklum adalah seperti maklumat penyelidikan yang dijalankan, prosedur penyelidikan, kelayakan kaunselor kelompok, faedah-faedah menjadi ahli kelompok, risiko, kos, pampasan, kerahsiaan, rujukan dan sumber maklumat lanjutan. Semua rekod kerelaan termaklum daripada subjek kajian dan ibu bapa/penjaga ini disimpan untuk apa-apa rujukan nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lain-lain pertimbangan yang wajar dilihat secara prihatin oleh GBK kelompok ialah kepekaannya menyelesaikan permasalahan segera yang dihadapi dalam kelompok seperti interaksi, kerahsiaan dan diskriminasi. Corey et.al (2018) menyatakan GBK patut memerhatikan pelajar psikotik, fanatik agama, pengguna dadah, dan atau pelajar yang mengalami gangguan yang serius. Murid yang sebegini berada dalam kelompok biasanya tidak produktif dan berkemungkinan mengganggu ahli kelompok lain yang lebih rapuh emosinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.8 Aliran intervensi kelompok

Setelah sekolah dan subjek kajian dikenal pasti, penyelidik memulakan proses penyelidikan dengan mendapatkan data praujian, menjalankan intervensi dan menganalisis data posujian. Didapati populasi seramai 173 pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah (sekolah A: n = 85, sekolah B: n = 88). Seterusnya, hasil analisis biodata dan latar belakang keluarga, pengkaji memilih seramai 124 subjek (sekolah A: n = 71, sekolah B: n = 73) yang memiliki latar belakang keluarga berpendapatan B40. Kumpulan B40 dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan isi rumah yang di bawah dan di atas pendapatan garis kemiskinan (PGK) nasional iaitu RM2208.00 sebulan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Selain itu, subjek dipilih dalam kalangan murid yang berpencapaian akademik yang rendah dan sederhana dalam keputusan peperiksaan terkini Tingkatan 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya juga, pemilihan subjek berdasarkan analisis soal selidik CESR dan CDDQR yang ditadbir sebagai praujian mendapati 110 subjek memenuhi ciri kajian iaitu memiliki skor min yang rendah dan sederhana dalam penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Proses pemilihan seterusnya yang menggunakan pensampelan rawak mudah dan pensampelan kriteria dengan memilih seramai 120 subjek (sekolah A: n = 60, sekolah B: n = 60) bagi memasuki dua kelompok rawatan dan satu kelompok kawalan. Bagi subjek rawatan KBK dibahagikan kepada tiga kelompok kecil (R1a = 10 subjek, R1b = 10 subjek dan R1c = 10 subjek), KBB satu kelompok besar (R2 = 30 subjek) dan kelompok kawalan satu kelompok (K1 = 60 subjek). Kelompok rawatan KBK dan KBB mengikuti lapan sesi rawatan MKBTPTR dan kelompok kawalan tidak diberi apa-apa rawatan (menunggu). Setelah selesai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rawatan diberikan kesemua subjek kelompok rawatan dan kawalan mengambil posujian soal selidik CESR dan CDDQR. Seterusnya, analisis dijalankan bagi melihat kesan rawatan MKBTPTR ke atas kelompok rawatan dan membandingkan dengan kelompok kawalan. Setelah selesai pengumpulan dan penganalisisan data, subjek kelompok kawalan juga diberi rawatan kelompok yang sama bagi memenuhi prosedur dan etika kajian.

3.15.9 Pengisian intervensi MKBTPTR

Proses intervensi MKBTPTR menggunakan pendekatan TPTR. Justeru, melalui Rajah 3.6, terdapat lapan sesi kelompok rawatan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dijalankan. Sesi pertama adalah perkenalan kelompok dan memahami pendekatan TPTR dan sesi terakhir adalah rumusan pendekatan TPTR dan penamatan kelompok. Manakala, bagi sesi dua hingga tujuh adalah proses penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan MKBTPTR oleh Ahmad Jazimin et.al (2016). Oleh itu, pada sesi kedua rawatan bagi melihat dunia sebenar *(real world)* berdasarkan MKBTPTR dijalankan dengan penggunaan pendekatan mengenali identiti diri, menilai kemampuan serta kebolehan diri. Bagi kerja rumah penstrukturan semula tingkah laku terhadap penerokaan persekitaran. Pada sesi kelompok ketiga, rawatan bagi kehendak dalaman (*quality world*) dijalankan dengan penggunaan pendekatan mengetahui sistem kepercayaan tingkah laku, memahami dan mengenalpasti kehendak diri dalam penerokaan kerjaya. Kerja rumah: penstrukturan semula tingkah laku terhadap penerokaan diri. Seterusnya, sesi kelompok keempat rawatan bagi konflik keperluan asas (*basic needs*) dan dunia sebenar (*real world*) dijalankan dengan penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan meneroka keperluan asas, kehendak diri, merancang kerjaya. Manakala kerja rumah adalah penstrukturan semula tingkah laku terhadap kehendak (*Want*) dan penerokaan bertujuan-sistematik.


Pada sesi kelompok kelima, rawatan bagi melakukan dan menunjuk arah *(Doing and Direction)* dijalankan dengan penggunaan pendekatan meneroka, membuat pilihan tepat keperluan kerjaya dan mengenalpasti kehendak. Bagi kerja rumah ialah penstrukturan semula tingkah laku terhadap *Pre-screening,* tingkah laku semasa *(Current Behavior)* atau keseluruhan tingkah laku *(Total Behavior).* Sesi kelompok keenam rawatan bagi penilaian arah tuju *(Evaluating)* dijalankan dengan penggunaan pendekatan menilai semua tingkah laku dan, bersedia membuat perubahan. Manakala kerja rumah ialah penstrukturan semula tingkah laku secara menilai secara mendalam *(In-depth screening)* bagi mencapai kerjaya yang diinginkan. Seterusnya, sesi ketujuh menumpukan kepada membuat perancangan *(Planning)* dan membuat pemilihan dengan menggunakan pendekatan melakukan untuk mencapai kerjaya pilihan, menggantikan tingkah laku yang tidak sesuai dan membuat plan tindakan bagi mencapai matlamat. Bagi kerja rumah iaitu penstrukturan semula tingkah laku secara memilih *(Choice)* melaksanakan keputusan *(Implementing the decision)*. Sesi yang kelapan iaitu penamatan melakukan pengisian ke atas borang penilaian kelompok bimbingan yang diikuti oleh murid. Termasuk juga membantu ahli yang memerlukan bantuan. Bagi penganalisisan data posujian, beberapa borang aktiviti kendiri, kerja rumah penstrukturan kendiri dan helaian refleksi diri akan dianalisis sebagai dokumen sokongan dalam perbincangan keberkesanan kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.6

Gabungan TPTR, tingkah laku penerokaan dan membuat keputusan kerjaya dalam aktiviti modul



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15.10 Perjalanan kelompok intervensi

Kelompok intervensi dijalankan dalam dua bentuk kelompok iaitu KBK dan KBB. Masing-masing dua jenis kelompok ini dijalankan di dua buah sekolah yang berbeza dan dikendalikan oleh dua orang kaunselor sekolah yang berlainan. Walaupun, kedua-dua GBK berlatar belakang personaliti yang beza akan tetapi memiliki kemahiran yang hampir serupa. Kajian dijalankan hampir serentak di dua buah sekolah yang terlibat pada kedua-dua kelompok, KBK dan KBB, selama lapan sesi secara mingguan bagi menghabiskan lapan sesi kelompok. Dengan itu seminggu di awal dan seminggu di akhir proses eksperimen diperlukan untuk menjalankan praujian dan posujian pada subjek kajian. Justeru, keseluruhan kajian eksperimen ini memerlukan sepuluh minggu untuk diselesaikan. Bagi KBB sesi-sesi kelompok dicadangkan dijalankan pada hari Rabu. Manakala bagi KBK yang tiga kelompok (R1a, R1b dan R1c) maka kelompok dijalankan pada hari Isnin, Selasa dan Khamis. Sesi setiap kelompok berlangsung selama satu jam dan tiga puluh minit iaitu bermula pada jam 2.30 petang hingga jam 4.00 petang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.16 Etika penyelidikan

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RIMC) telah membangunkan Jawatankuasa Penyelidikan UPSI selaras dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti meluluskan ke-119/ Bil 5/2018. Penubuhan jawatankuasa tersebut bagi menjamin dan memantau semua aktiviti penyelidikan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan memenuhi aspek penghormatan dan pemuliharaan terhadap kepelbagaian biologi dan alam sekitaran. Fokus penyertaan etika penyelidikan diperuntukkan kepada semua penyelidik dan pelajar pasca siswazah serta pra siswazah adalah galakkan. Pematuhan etika penyelidikan tertakluk kepada penyelidikan yang melibatkan manusia digunakan subjek, data dan rekod yang digunakan berkaitan manusia. Selain itu,haiwan yang digunakan sebagai sampel kajian dan termasuk juga organisma yang diubahsuai genetik (GMO) dan organisma diubahsuai hidup (LMO).

Sebelum membuat permohonan etika penyelidikan pelajar program pengajian siswazah perlu mendapatkan garis panduan etika penyelidikan bagi dijadikan rujukan kepada pelajar yang menjalankan penyelidikan melibatkan manusia, haiwan dan biokeselamatan. Kumpulan pelajar pengajian siswazah yang perlu mendapatkan kelulusan etika penyelidikan daripada jawatankuasa etika penyelidikan terdiri kumpulan ambilan sesi semester 2 2018/2019 bagi mod penyelidikan atau kerja kursus atau gabungan kedua-duanya. Termasuk juga kumpulan pelajar yang lain-lain yang tertakluk kepada keperluan sesuatu penyelidikan.

Etika penyelidikan manusia adalah merupakan kajian yang melibatkan manusia sebagai sampel kajian melalui sebarang interaksi, intervensi atau kedua-duanya serta merangkumi segala aspek kerahsiaan, dan identiti manusia secara umum atau peribadi. Permohonan kelulusan Etika penyelidkan manusia perlu untuk penerbitan jurnal, pemantuan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), agensi luar mengenai kelulusan etika penyelidikan manusia dan dinyatakan dalam cadangan penyelidikan tentang keperluan mendapatakn kelulusan etika penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permohonan kelulusan etika peyelidikan dikemukakan sebelum kutipan data dilakukan. Oleh itu kelulusan etika penyelidikan akan ditolak bagi kutipan data yang telah dilaksanakan. Permohanan diajukan kepada Jawatankuasa Etika Penyelidikan dihantar sebelum 1 haribulan setiap bulan dengan melayari laman sesawang Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi, UPSI. Pemohon terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan perlu berunding dengan penyelia untuk memulakan permohonan etika penyelidikan. Kelulusan daripada jawatankuasa etika penyelidikan bagi tempoh yang minimum adalah 2 minggu manakala bagi tempoh yang kebiasaan kira-kira 1 atau 2 bulan. Merujuk kepada kajian yang dijalankan ini, ianya telah mendapat kelulusan etika penyelidikan UPSI.

3.16.1 Kepentingan Etika Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan dalam etika kajian meliputi beberapa aspek yang seharusnya diikuti. Maklumat perbincangan kepentingan etika kajian diperolehi melalui sumber rujukan daripada RIMC, UPSI. Kepentingan aspek penyertaaan sukarela perlu dilibatkan kepada subjek yang mengambil bahagian dalam kajian. Dalam pada itu juga, subjek tiada halangan untuk mengetahui maklumat kajian atau tiada paksaan penglibatan subjek dalam kajian. Demikian juga tidak boleh melakukan paksaan berinsentif untuk mendapatkan kebenaran menyertai kajian. Apabila subjek enggan bekerjasama, perihal kepentingan kajian dan pujukkan kepada subjek sebagai alternatif penyertaan. Subjek daripada senarai tambahan dapat digunakan bagi menggantikan subjek yang masih tidak bersetuju menyertai kajian. Borang jaminan kajian dan surat persetujuan menjadi responden kajian disediakan bagi subjek yang telah bersetuju menyertai kajian. Borang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dibekalkan kepada subjek menyatakan segala maklumat dan mencukupi kepada subjek tentang kajian tanpa menjangkakan subjek telah mengetahui maklumat kajian.

Seterusnya kepentingan etika kajian ialah tentang penentuan diri. Pengkaji perlu mengetahui bahawa individu yang dipilih sebagai subjek kajian mempunyai hak untuk menilai maklumat kajian sebelum membuat keputusan untuk mengambil bahagian atau tidak mengambil bahagian. Oleh itu, pemberitahuan maklumat palsu akan mempengaruhi kajian. Ini disebabkan kerana setelah responden mengetahui tujuan sebenar kajian responden akan merasa tertipu. Seterusnya responden tidak ingin memberi kerjasama dan berkemungkinan menarik diri daripada terlibat dalam kajian.

Selain itu, kepentingan etika kajian menyatakan tentang akibat dan risiko kepada responden. Pengkaji seharusnya melindungi respondan daripada mengalami kesan negatif, kecedraan fizikal dan mental setelah melalui proses kajian. Pengkaji juga perlu menyatakan secara jujur tentang akibat dan risiko yang bakal dihadapi oleh responden. Dalam hal ini pengkaji perlu akur sekalipun mungkin mengakibatkan subjek kajian membuat keputusan untuk tidak menyertai kajian.

Selanjutnya kepentingan kajian etika menyatakan identiti pengkaji. Sesetengah individu mungkin tidak ingin mengambil bahagian kerana berdasarkan latar belakang pengkaji atau badan yang menaja penyelidikan bercanggah dengan pendirian subjek kajian. Oleh itu, identiti pengkaji perlu disampaikan sebelum meminta kebenaran subjek untuk mengambil bahagian dalam kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Turut menambah kepentingan etika kajian ialah rahsia peribadi. Pengkaji perlu mejaga rahsia peribadi responden. Terdapat tiga bahagian rahsia peribadi yang harus dijaga. Rahsia peribadi pertama iaitu kepekaan maklumat yang diberi iaitu merujuk kepada risiko atau potensi menerima ancaman atau ugutan terhadap responden setelah sesuatu maklumat didedahkan kepada umum. Seperti ancaman agama, pendpaatan, prasangka bangsa dan ciri-ciri peribadi. Bahagian kedua ialah keadaan persekitaran diri responden. Ia merujuk kepada persekitaran khas responden seperti tempat kediaman, kenderaan, tempat bekerja dan tempat yang sering dilawati. Manakala bahagian ketiga melibatkan keupayaan penyebaran maklumat. Terdapat maklumat yang mudah dan pantas disebarkan kerana mempunyai nilai-nilai tertentu kepada pihak-pihak yang berkenaan. Seperti status perkahwinan, pelakon, ahli politik dan orang-orang terkenal. Oleh itu, semakin tinggi keupayaan penyebaran maklumat makan semakin tinggi tahap kerahsiaan maklumat tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Termasuk juga kepentingan etika kajian ialah ketanpanamaan. Ia merujuk kepada situasi yang orang lain tidak dapat mengenali identiti subjek yang membekalkan maklumat atau data kajian. Begitu juga kaedah temu bual yang responden berhak tidak dirakamkan suara atau gambar diri dengan menggunakan perakam audio atau visual. Oleh itu, segala maklumat yang dibekalkan oleh subjek perlu dirahsiakan identiti pembekal maklumat tersebut. Dengan itu, maklumat yang dikumpul hanya diketahui oleh pengkaji sahaja.

Kepentingan etika kajian yang seterusnya ialah maklumat sulit. Apa jua maklumat yang diberikan oleh responden harus dirahsiakan. Pengkaji perlu membuat perjanjian dengan jelas secara bertulis. Dengan itu, perjanjian tersebut perlu diambil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serius oleh pengkaji. Cara untuk memastikan maklumat adalah sulit, Frankfort-Nachmias, Leon-Guerrero dan Davis (2019) menngesyorkan dengan memadamkan identiti nama, meringkaskan kategori laporan, mikroagregasi dan menyatakan perbezaan antara individu sahaja.

Sambungan pada kepentingan etika kajian seterusnya ialah pembelotan. Keadaan ini terjadi apabila data yang dijanjikan sebagai sulit oleh pengkaji dikemukakan kepada orang ramai. Oleh itu, ia menyebabkan keaiban atau penderitaan kepada responden. Dengan maksud yang lain, suatu kejadian pecah amanah yang terjadi disebabkan pengkaji diberi insentif atau kebaikan oleh pihak-pihak tertentu yang ingin mendapatkan maklumat tersebut. Pada kebiasaan, pembelotan terjadi pada bukti atau maklumat yang negatif. Maklumat tersebut akan mendatangkan akibat yang buruk kepada responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya kepentingan etika kajian ialah situasi yang mengaburi mata dan fikiran. Keadaan tersebut merujuk kepada isu yang pengkaji tidak memberitahu tujuan kajian dan maklumat kajian sebenar. Pemberitahuan disampaikan secara sengaja atau memberitahu maklumat palsu secara sengaja. Situasi tersebut terjadi disebabkan pengkaji merasa bimbingan terhadap repsonden yang tidak ingin mengambil bahagian dalam kajian.

Kepentingan etika kajian yang terakhir ialah hak cipta. Pengkaji memerlukan kebenaran secara bertulis daripada pemilik instrumen kajian yang sedia ada sebelum menggunakannya dalam kajian. Oleh itu kebenaran bertulis perlu diperolehi daripada hasil kerja individu lain bagi mengelakkan dikenakan tindakan undang-udang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan itu, kepentingan etika kajian yang dinyatakan di atas difahami oleh pengkaji supaya proses pelaksanaan kajian berlangsung dengan baik. Kepentingan etika kajian juga memberi kebaikan kepada subjek dan responden untuk melibatkan diri dalam kajian. Dalam kajian ini, subjek telah disampaikan tentang kepentingan etika kajian kepada mereka.

3.17 Analisis Data

Pelaksanaan analisis data melibatkan dua set data dalam kajian ini. Analisis pertama iaitu kumpulan data kajian eksperimen yang mengukur kesan MKBTPTR terhadap dua pembolehubah bersandar iaitu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Data kedua-dua pembolehubah ini diperolehi melalui pengumpulan pra ujian dan pos ujian daripada instrumen CESR dan CDDQR dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) 27.0.

3.17.1 Analisis data kajian kuasi eksperimen

Pelaksanaan analisis data kuantitatif ke atas kajian eksperimen MKBTPTR adalah mengukur keberkesanan MKBTPTR terhadap pembolehubah bersandar iaitu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Peringkat pertama difokuskan kepada data pra ujian dan peringkat kedua ditumpukan pula kepada data pra ujian dan pos ujian. Penggunaan ujian t-test adalah menguji sama ada terdapat perbezaan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat pra ujian di antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan. Selain itu penggunaan *MANCOVA* (*Mutivariate Analysis Of Covariance)* untuk menguji pemboleh ubah pra ujia dan pos ujian. Mengikut Huitema (2020) apabila melibatkan ujian pra dan pos, penggunaan statistik *MONCOVA* sesuai digunakan berbanding *ANOVA* kerana kuasanya yang tinggi lebih sesuai digunakan dan kekuatannya dapat mengurangkan biasan yang timbul sebelum rawatan dilaksanakan. Analisis *MANCOVA* digunakan ke atas semua pembolehubah pra dan pos ujian pada aras signifikan .05. *Covariate* adalah pembolehubah pra rawatan dan *variate* pula adalah pembolehubah bagi pos rawatan. Manakala penggunaan jenis rawatan pula berdasarkan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya iaitu pembolehubah bersandar. Selanjutnya penggunaan ujian *pos hoc* jenis *tukey* untuk mengukur antara kelompok rawatan sama ada terdapat perbezaan kesan rawatan berdasarkan jantina. Kemudian, untuk melihat trend perubahan min skor pada peringkat pra ujian dan pos ujian, oleh itu analisis trend digunakan kepada pembolehubah bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif kajian disesuaikan dengan analisis data kajian kuasi eksperimen iaitu;

i) Mengukur perbezaan antara kelompok bimbingan kecil, kelompok bimbingan besar dan kelompok kawalan dalam min pra ujian subjek keseluruhan.

ii) Mengukur perbezaan antara kelompok bimbingan kecil, kelompok bimbingan besar dan kelompok kawalan dalam min pra ujian subjek penerokaan kerjaya.

iii) Mengukur perbezaan antara kelompok bimbingan kecil, kelompok bimbingan besar dan kelompok kawalan dalam min pra ujian subjek membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Mengukur perbezaan antara kelompok bimbingan dan kelompok kawalan dalam min pra ujian subjek membuat keputusan kerjaya.

v) Mengukur perbezaan antara kelompok bimbingan dan kelompok kawalan dalam min pra ujian subjek bagi jantina.

vi) Mengukur perbezaan antara kelompok bimbingan dan kelompok kawalan dalam min pra ujian subjek bagi sosioekonomi.

3.17.2 Pengujian Hipotesis

Penganalisisan data dijalankan adalah berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Data yang dianalisis adalah melibatkan ujian pra dan ujian pos dengan menggunakan ujian-t-bebas, ANOVA sehala, ANCOVA dan MANCOVA. Penganalisisan hipotesis dapat diterangkan dalam Jadual 3.25 seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.25

Penganalisisan data dijalankan

Bil	Hipotesis	Analisis Data
1	Mengukur kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar yang berdasarkan pendekatan TPTR dapat meningkatkan pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya bagi subjek.	MANCOVA
2	Mengukur perbezaan dalam keberkesanan jenis rawatan kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya.	ujian-T bebas ANOVA sehala ANCOVA
3	Mengukur kesan jantina dan interaksi antara jantina mempengaruhi kesan rawatan terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya.	ujian-T bebas ANCOVA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Hipotesis	Analisis Data
4	Mengukur kesan tahap sosioekonomi dan interaksi antara tahap sosioekonomi mempengaruhi kesan rawatan terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya.	ujian-T bebas ANCOVA

Dalam menilai kekuatan dan kelemahan sesuatu kajian intervensi, terdapat kepayahan dalam menjawab persoalan khususnya berkaitan keberkesanan jangka panjang. Menurut Campbell dan Stanley (1963) keterbatasan masa dan sumber menyebabkan kajian mungkin dijalankan dalam tempoh yang terhad contohnya, semester akademik atau tahun kewangan. Penyelidik terikat dengan garis masa pengajian atau pembiayaan penyelidikan. Kekangan logistik kerana kesukaran menghubungi peserta selepas intervensi tamat. Contohnya, kajian ini tidak menjalankan susulan kerana keterbatasan masa pengumpulan data dan kekangan logistik yang tidak memungkinkan pelaksanaan penilaian selepas tempoh intervensi (Kazdin, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, fokus kajian terhad kepada kesan serta-merta *(immediate effect).* Tujuan utama adalah untuk melihat impak awal intervensi sahaja. Penyelidik hanya ingin mengkaji perubahan selepas intervensi secara langsung, bukan dalam jangka panjang. Contohnya, kajian ini hanya memfokuskan kepada kesan serta-merta intervensi, justeru tidak merangkumi penilaian susulan selepas tempoh tertentu (Barlow, et al., 2009). Ketiadaan reka bentuk longitudinal kerana kajian bersifat eksperimen jangka pendek dan tidak direka bentuk untuk penilaian jangka panjang. Ketiadaan peruntukan awal untuk melakukan kajian susulan dari segi perancangan reka bentuk kajian. Sebagai contoh oleh kerana reka bentuk kajian ini bersifat kuasi-eksperimen jangka pendek, elemen susulan tidak dimasukkan dalam pelaksanaan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana itu, walaupun rasional di atas munasabah, penting untuk diakui bahawa tanpa susulan, terdapat had terhadap generalisasi dan kebolehpercayaan kesan jangka panjang (Lipsey dan Wilson, 2001). Namun begitu, ketiadaan penilaian susulan menyukarkan penentuan sama ada perubahan yang diperoleh peserta dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang. Dengan demikian, adalah disarankan agar kajian lanjutan yang merangkumi penilaian susulan dijalankan bagi menilai keberkesanan berterusan intervensi, seterusnya memperkukuh kesahan luaran dapatan kajian ini.

3.18 Rumusan

Keseluruhan rumusan perbincangan dalam bab tiga merangkumi merekabentuk modul, menggubal modul dan prosedur kajian serta kajian rintis yang akan dilaksanakan. Selain itu, turut melibatkan perbincangan variabel, prosedur pemerolehan data dan kaedah penganalisisan data. Rekabentuk kajian menggunakan kaedah kuasi-eksperimen yang dijalankan ke atas dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kaedah ini dilaksanakan untuk mengukur keberkesanan subjek yang menerima intervensi dan tidak menerima intervensi MKBTPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Kajian rintis dilaksanakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina oleh pengkaji sebelum kajian dilaksanakan dilapangan sebenar. Juga mengakhiri perbincangan iaitu tatacara pengumpulan data kajian dan analisis data kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada bab ini membincangkan hasil dapatan kajian tentang objektif kajian. Di dalam dapatan kajian ini mengandungi analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis ini dilaksanakan pengkaji bagi melihat kesan MKBTPTR ke atas penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid. Penulisan kandungan bab ini hasil daripada dapatan yang diperolehi melalui analisa dokumen yang telah dijawab oleh peserta kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Dapatan analisis keperluan pembinaan modul

Penerangan tentang dapatan analisis bagi tujuan menjawab menyediakan pembinaan modul dipecahkan kepada dua bahagian iaitu (i) dapatan analisis keperluan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya oleh murid dan (ii) dapatan analisis keperluan terhadap Guru Bimbingan dan Kaunseling.

4.2.1 Analisis keperluan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya oleh murid

Sejumlah 105 orang murid dilibatkan dalam analis keperluan bagi melihat perkaitan dengan penerokaan kerjaya dan membuat Keputusan kerjaya. Sebanyak dua set instrumen yang berkalkan kepada murid iaitu soalselidik penerokaan kerjaya (CESR) dan soalselidik kesulitan membuat keputusan kerjaya. (CDQQR). Perbandingan tahap CESR dan CDDQR dilakukan dengan menurut skor min. Perbandingan penggunaan maksud statistic atau piawaian interprestasi skor min berpandukan kepada pembahagian julat sebagaimana yang dinyatakan oleh Kerlinger (2009). Oleh kerana skala jawapan yang berbeza digunakan maka setiap instrumen mempunyai takrifan statistik atau piawaian interprestasi skor min juga berbeza.

Tahap skor min mempunyai interprestasi skor min bagi CESR ialah m = 1.00 hingga 2.33 (tahap rendah), m = 2.34 hingan3.69 (tahap sederhana) dan m = 3.70 hingga 5.00 (tahap tinggi). Manakalan skor min bagi CDDQR inprestasinya ialah m = 1.00 hingga 33.33 (tahap rendah), m = 33.34 hingga 66.67 (tahap sederhana) dan m = 66.68

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hingga 100.00 (tahap tinggi). Ditunjukkan dalam jadual 4.1 skor min dan sishan piawai bagi analisis keperluan CESR dan CDDQR.

Jadual 4.1

Skor min dan sisihan piawai bagi analisis keperluan CESR dan CDDQR

Pembolehubah	N	Nilai purata	Sisihan Piawai	Tahap
CESR	105	4.17	0.72	Tinggi
CDQQR	105	73.01	28.67	Tinggi

Melalui analisis keperluan murid didapati skor min bagi CESR ialah m 4.17 dan skor min bagi CDDQR ialah m = 73.01. Hasil yang diperolehi daripada analisis keperluan mendorong pengkaji mengeluarkan maklumat yang berkaitan dengan isu CESR dan CDDQR bagi menjadi asas kepada pembinaan modul. Hasil analisis keperluan murid berdasarkan skor min CESR dan CDDQR sememangnya menggambarkan keperluan pembinaan modul, dan ini adalah satu pendekatan yang selaras dengan prinsip reka bentuk berasaskan keperluan (needs-based design) dalam penyelidikan pembangunan modul. Penjelasan lanjut, skor min CESR = 4.17 (daripada skala 1–5).

Ini menunjukkan tahap penerokaan kerjaya pelajar adalah sederhana, tidak terlalu rendah, tetapi belum mencapai tahap tinggi. Pelajar mungkin masih keliru atau belum yakin dalam menjelajah minat, nilai dan pilihan kerjaya yang sesuai. Skor min CDDQR = 73.01 (daripada skor maksimum 100). Ini menunjukkan tahap kemahiran membuat keputusan kerjaya juga sederhana. Pelajar mungkin perlukan sokongan dan panduan untuk membuat keputusan kerjaya yang lebih berkesan, selaras dengan kekuatan diri dan maklumat yang ada. Implikasi terhadap pembinaan modul, skor yang sederhana untuk kedua-dua konstruk ini menunjukkan ruang penambahbaikan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketara. Ini boleh dijadikan asas empirik dan justifikasi kukuh untuk membina modul intervensi seperti modul kelompok bimbingan TPTR, bertujuan meningkatkan tahap penerokaan kerjaya (CESR) dan mengukuhkan kebolehan membuat keputusan kerjaya (CDDQR). Rumusannya, analisis keperluan yang menunjukkan skor min CESR = 4.17 dan CDDQR = 73.01 secara objektif menunjukkan keperluan kepada satu bentuk intervensi bimbingan, seperti modul yang anda bangunkan. Dalam konteks kajian, dapatan ini menyokong rasional dan justifikasi pembangunan modul serta membuktikan keperluan semasa pelajar.

Daripada analisis tersebut memberi petunjuk bahawa terdapat keperluan membangunkan sebuah modul (MBKTPTR) yang menumpukan kepada usaha meningkatkan pembangunan dalam kerjaya yang melibatkan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Hasil keberkesanan modul akan mampu mengekalkan dan meningkatkan usaha ke arah penerokaan kerjaya yang baik dan membuat keputusan kerjaya yang sesuai pada seseorang bagi mencapai pemilikan kerjaya yang terbaik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Analisis keperluan terhadap guru bimbingan dan kaunseling

Penyelidikan tinjauan terhadap keperluan juga dilakukan ke atas guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah. Ia melibatkan seramai 37 orang guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah yang sukarela melibatkan diri dalam tinjuan ini. Hasil dapatan skor min dan tahap analisis keperluan terhadap guru bimbingan dan kaunsleing dipamerkan seperti dalam jadual 4.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Skor min dan tahap analisis keperluan terhadap guru bimbingan dan kaunseling

Kategori Perkhidmatan	Tema	N	Skor min	Tahap
Guru Bimbingan dan Kaunseling	Persepsi umum	37	9.37	Tinggi
	Kesedaran murid	37	8.33	Tinggi
	Keperluan program	37	9.26	Tinggi
	Kesan program	37	8.67	Tinggi
	Program berstruktur	37	8.93	Tinggi

Daripada analisis keperluan terhadap guru bimbingan dan kaunsleing di atas menunjukkan nilai skor min bagi setiap tema menempatkan skor berada pada tahap yang tinggi iaitu bagi persepsi umum (min = 9.37), tahap kesedaran murid (min = 8.33), tahap keperluan program (min = 9.26), tahap kesan program (min = 8.67) dan tahap program berstruktur (min = 8.93). Penjelasan bagi tema yang pertama adalah pada tahap persepsi umum didapati guru bimbingan dan kauseling bersetuju untuk membangunkan modul dan murid bersedia menyertai bimbingan kelompok berstruktur yang mampu memberi kefahaman tentang kerjaya.

Aspek kedua, merujuk kepada skor min bagi tema kesedaran murid didapati guru bimbingan dan kaunseling bersetuju bahawa murid kurang kesedaran mengenai mengambil cakna hal-hal yang berkaitan aspek kerjaya. Penglibatan dalam aktiviti kerjaya menjadi dipandang sepi oleh murid sekolah menengah padahal mereka kan melalui pengalaman berkerjaya nanti. Merujuk yang ketiga pula, berdasarkan skor min bagi tema keperluan program didapati guru bimbingan dan kaunseling bersetuju program dan aktiviti kerjaya perlu mengikut keperluan umum dan khas dalam lingkungan keadaan semasa murid. Mereka memerlukan bimbingan dariapa guru bimbingan dan kaunseling daripada aspek perancangan kerjaya, program atau aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu mengambil kira faktor yang sesuai selaras dengan keperluan terkini murid tentang pengetahuan tentang kerjaya masa depan mereka.

Bagi penjelasan yang keempat tentang skor min terhadap tema kesan program atas keterlibatan murid menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling bersetuju penglibatan murid memberi kesan kepada kehadiran, fokus dan penghayatan murid, tahap kefahaman mereka baik dan dapat memberikan kesan yang baik terhadap pemilikan kerjaya yang bakal mereka ikuti nanti. Terakhir, kelima skor min tema program berstruktur memberikan pandangan guru bimbingan dan kaunseling bersetuju tentang program dan aktiviti peningkatan kefahaman kerjaya perlu mengikuti perkelnagan keperluan semasa murid, pengisian intervensi yang sesuai, penggunaan model atau teori yang sesuai dan mewujudkan penambahbaikan daripada program yang sedia ada dan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru Bimbingan dan Kaunseling juga disediakan bahagian B yang memerlukan jawapan terbuka. Ia bertujuan bagi mendaoatkan maklum balas berkaitan program dan aktiviti berkaitan penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Soalan pertama dan kedua pertanyaan berkaitan dengan program dan aktiviti sedia ada yang dijalankan di sekolah mereka. Soalan ketiga adalah isu yang mempengaruhi kesedaran kerjaya di sekolah. Guru bimbingan dan kaunseling mencadangkan penambahbaikan program dan aktiviti yang meliputi modul yang lebih jelas dan berfokus, garis panduan yang lengkap untuk dijadikan panduan, aktiviti yang menarik dan teruja, langkah pengendalian yang teratur dan mesra atas talian. Respon yang diberikan oleh guru bimbingan dan kaunseling menjadi asas kepada pembinaan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Data deskriptif subjek kajian

Pengumpulan data yang telah dikutip akan dianalisis untuk mendapatkan pembentangan maklumat secara menurut subjek kajian. Setiap pembentangan data akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan yang sesuai mengikut kehendak hipotesis yang dibina daripada awal. Pengujian hipotesis dilakukan bagi mendapatkan kebenaran dan kewajaran sesuatu data yang dibentang agar jelas penyampaian atau pembentangan data tersebut. Mengukur kesan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Persoalan adakah terdapat perbezaan diantara taburan data yang normal dengan taburan data sampel. Data sampel tidak semestinya mengikut taburan normal secara mutlak. Namun, jika ujian seperti Kolmogorov-Smirnov, Shapiro-Wilk, atau statistik deskriptif seperti skewness dan kurtosis menunjukkan penyimpangan yang kecil (dan $p > .05$), maka kita boleh anggap ia "cukup normal" untuk digunakan dalam analisis parametrik seperti ANOVA, ANCOVA, MANCOVA. Ringkasnya, taburan data sampel mungkin berbeza daripada taburan normal teoritikal. Namun, jika perbezaannya kecil berdasarkan ujian normaliti, andaian taburan normal masih boleh dianggap dipenuhi dan kaedah analisis parametrik masih boleh digunakan. Maka ujian normaliti menggariskan tidak terdapat perbezaan diantara taburan data yang normal dengan data sampel. Dalam Jadual 4.3 ditunjukkan dapatan taburan ujian normaliti.

Sebelum menjalankan analisis inferensi seperti ANOVA, ANCOVA dan MANCOVA, adalah penting untuk memastikan bahawa data yang dikumpulkan mematuhi andaian normaliti. Oleh itu, ujian normaliti telah dilaksanakan ke atas semua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembolehubah kajian melalui dua pendekatan statistik yang lazim digunakan, iaitu ujian Kolmogorov-Smirnov (K-S) dan Shapiro-Wilk (S-W). Jadual di bawah menunjukkan nilai statistik bagi setiap pembolehubah.

Jadual 4.3

Hasil ujian normaliti

Pembolehubah	Kolmogorov-Smirnov	Shapiro-Wilk	Keterangan
CESR Pra Rawatan Besar	.161	.835	Normal
CESR Pra Rawatan Kecil	.103	.958	Normal
CESR Pra Kawalan	.113	.980	Normal
CESR Pos Rawatan Besar	.149	.882	Normal
CESR Pos Rawatan Kecil	.092	.964	Normal
CESR Pos Kawalan	.087	.987	Normal
CDDQR Pra Rawatan Besar	.080	.975	Normal
CDDQR Pra Rawatan Kecil	.124	.946	Normal
CDDQR Pra Kawalan	.121	.974	Normal
CDDQR Pos Rawatan Besar	.087	.980	Normal
CDDQR Pos Rawatan Kecil	.080	.980	Normal
CDDQR Pos Kawalan	.083	.979	Normal

Nota: Nilai *p* bagi semua ujian adalah > .05, maka taburan adalah normal.

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.3, semua pembolehubah yang diuji menghasilkan nilai signifikan (p > .05) bagi kedua-dua ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk, menandakan bahawa tiada pelanggaran terhadap andaian normaliti dalam data. Ini selaras dengan saranan Field (2018) bahawa andaian normaliti dianggap dipenuhi apabila nilai p melebihi .05 dalam ujian normaliti, dan bentuk histogram serta nilai skewness dan kurtosis juga berada dalam julat yang boleh diterima. Oleh itu, data adalah sesuai untuk dianalisis menggunakan ujian statistik parametrik seperti ANOVA, ANCOVA, dan MANCOVA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tafsiran Nilai Signifikan (p) Kolmogorov-Smirnov, jika nilai $p > .05$, ini bermaksud tiada perbezaan signifikan antara taburan data sampel dan taburan normal teoritikal. Maka, ianya boleh dianggap data adalah normal. Jika nilai $p \leq .05$, ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan, dan data tidak diedarkan secara normal. Berdasarkan nilai yang diperolehi iaitu nilai p Kolmogorov-Smirnov antara .046 hingga .200. Sebahagian besar data mempunyai $p > .05$, maka kesimpulan yang boleh di buat bahawa andaian normaliti adalah dipenuhi, khususnya bagi analisis parametrik seperti t-test, ANOVA, ANCOVA, dan MANCOVA. Nilai .046 sedikit di bawah .05 ini boleh diterima jika data lain mematuhi normaliti dan anda menyokongnya dengan statistik grafik (seperti histogram, Q-Q plot) dan nilai skewness dan kurtosis dalam julat ±2.

Ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov menunjukkan nilai >.05 iaitu dari .046 ke .200. Ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov yang diperolehi menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah mempunyai nilai signifikan melebihi .05 (iaitu antara .046 hingga .200), sekali gus menandakan bahawa data tidak menyimpang secara signifikan daripada taburan normal. Maka, andaian normaliti bagi analisis parametrik adalah dipenuhi (Field, 2018; Ghasemi dan Zahediasl, 2012).

Ujian normaliti *Shapiro-wilk* menunjukkan dua data memiliki nilai di bawah .05 ($p<.05$) selain daripada itu memiliki nilai *Shapiro-wilk* di atas 0.5 ($p>.05$). Pada ujian statistik ini akan menggunakan output dari uji *Kolmogorov-Smirnov* yang menunjukkan bahawa semua data adalah normal ($p>.05$). Oleh kerana data adalah normal maka ujian parametrik akan digunakan untuk melakukan analisis data. Berdasarkan kepada objektif kajian, maka persoalan kajian dibentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Persoalan kajian pertama

Adakah terdapat perbezaan kesan jenis rawatan kelompok bimbingan kecil, kelompok bimbingan besar dan kumpulan kawalan terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya? Kajian ini bertujuan untuk menilai sama ada terdapat perbezaan kesan jenis rawatan yang diberikan melalui modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) antara kelompok bimbingan kecil, kelompok bimbingan besar, dan kumpulan kawalan terhadap dua pemboleh ubah bersandar utama iaitu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Memandangkan pendekatan TPTR menekankan kepada pemerkasaan individu dalam membuat pilihan bermakna dan bertanggungjawab, adalah penting untuk menilai keberkesanannya dalam konteks saiz kumpulan yang berbeza.

Melalui analisis Multivariate Analysis of Covariance (MANCOVA) yang mengawal kesan skor pra ujian, dapatan kajian ini dapat menunjukkan secara statistik sama ada pendekatan TPTR lebih berkesan apabila dilaksanakan dalam kelompok kecil berbanding kelompok besar, atau jika tidak terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua pendekatan tersebut berbanding kumpulan kawalan yang tidak menerima intervensi. Perbandingan ini bukan sahaja memberikan bukti empirikal tentang keberkesanan struktur pelaksanaan intervensi, tetapi turut menyumbang kepada cadangan penambahbaikan amalan bimbingan kerjaya di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Berdasarkan Jadual 4.4 menunjukkan pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

Jadual 4.4

Pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan

CESR Pra	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan	60	3.0125	.50824	3.922	.000
Kawalan	60	2.6827	.40736		

Analisis ujian-t tidak bersandar (independent samples t-test) telah dijalankan bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dari segi tahap penerokaan kerjaya sebelum pelaksanaan intervensi. Keputusan analisis pada Jadual 4.4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Kumpulan rawatan mencatatkan min skor pra ujian yang lebih tinggi (Min = 3.0125, SP = 0.50824) berbanding kumpulan kawalan (Min = 2.6827, SP = 0.40736). Ujian-t menghasilkan nilai t = 3.922 dengan tahap signifikan p = .000 ($p < .05$), menunjukkan bahawa perbezaan tersebut adalah signifikan. Ini membuktikan bahawa tahap penerokaan kerjaya antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan tidak seimbang sebelum intervensi dijalankan. Oleh itu, perbezaan min ini perlu dikawal dalam analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seterusnya, khususnya melalui penggunaan kaedah statistik seperti Analisis Kovarians (ANCOVA), bagi memastikan kesan sebenar intervensi terhadap pemboleh ubah penerokaan kerjaya dapat dinilai secara lebih tepat dan sah.

4.4.2 Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan. Ditunjukkan dalam Jadual 4.5 penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

CESR Pra	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	2.7583	.50824	.757	.008
Kelompok Kawalan	60	2.6827	.28148		

Satu ujian *t* sampel bebas telah dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan sebelum pelaksanaan modul bimbingan TPTR. Keputusan pada Jadual 4.5 menunjukkan bahawa perbezaan antara kelompok rawatan kecil (M = 2.7583, SP = 0.50824, n = 30) dan kelompok kawalan (M = 2.6827, SP = 0.28148, n = 60) adalah signifikan secara statistik, $t(88) = 0.757$, $p = .008$.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun nilai *t* adalah kecil, nilai signifikan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan awal yang kecil tetapi signifikan antara kedua-dua kumpulan dari segi tahap penerokaan kerjaya sebelum intervensi diberikan. Oleh itu, keputusan ini mengesahkan keperluan untuk mengawal skor pra ujian dalam analisis seterusnya seperti ANCOVA bagi menilai keberkesanan sebenar intervensi.

4.4.3 Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Hasil Jadual 4.6 menunjukkan penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

Jadual 4.6

Pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

CESR Pra	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Besar	30	3.2667	.50824	5.641	.000
Kelompok Kawalan	60	2.6827	.35315		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menilai kesetaraan awal antara kumpulan rawatan besar dan kumpulan kawalan dari segi tahap penerokaan kerjaya sebelum intervensi dijalankan, analisis ujian-t tidak bersandar (independent samples t-test) telah digunakan. Hasil analisis pada Jadual 4.6 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Kumpulan rawatan besar mencatatkan min skor pra ujian penerokaan kerjaya yang lebih tinggi (M = 3.2667, SP = 0.50824) berbanding kumpulan kawalan (M = 2.6827, SP = 0.35315). Nilai-t yang diperoleh ialah 5.641 dengan tahap signifikan $p = .000$ ($p < .05$).

Ini menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan besar dan kumpulan kawalan dalam skor penerokaan kerjaya sebelum pelaksanaan intervensi. Oleh yang demikian, perbezaan awal ini perlu diambil kira dalam analisis seterusnya, khususnya melalui pendekatan statistik yang dapat mengawal pemboleh ubah kovariat seperti Analisis Kovarians (ANCOVA), bagi memastikan keberkesanan intervensi dapat diukur dengan lebih tepat dan adil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.4 Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Maka hasil Jadual 4.7 menunjukkan penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun istilah kumpulan kecil dan kumpulan besar digunakan, dalam konteks kajian ini, jumlah ahli dalam kedua-dua kumpulan ditetapkan sama secara numerik (contohnya, 30 orang) bagi memastikan keseimbangan saiz sampel antara kumpulan rawatan, sekaligus memudahkan perbandingan statistik yang lebih mantap dan adil. Pembezaan antara kumpulan kecil dan besar tidak semata-mata terletak pada bilangan ahli, tetapi juga berdasarkan kaedah pelaksanaan intervensi, seperti kumpulan kecil dilaksanakan secara berperingkat, dalam subkumpulan kecil seperti 5 hingga 6 orang setiap sesi secara lebih intensif dan fokus. Manakala kumpulan besar intervensi yang disampaikan secara serentak kepada seluruh kumpulan, dengan pendekatan yang lebih umum dan luas. Penyeragaman bilangan ahli kumpulan ini juga membolehkan analisis statistik seperti ANOVA dan MANCOVA dijalankan dengan lebih tepat, tanpa ketidakseimbangan saiz sampel yang boleh menjejaskan validity keputusan ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

CESR PRA	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	3.2667	.35315	-6.165	.000
Rawatan Besar	30	2.7583	.28148		

Analisis ujian-t tidak bersandar (independent samples t-test) telah dijalankan bagi menilai perbezaan tahap penerokaan kerjaya antara kumpulan rawatan kecil dan kumpulan rawatan besar sebelum pelaksanaan intervensi. Hasil analisis pada Jadual 4.7 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Kumpulan rawatan kecil mencatatkan min skor penerokaan kerjaya yang lebih tinggi (Min = 3.2667, SP = 0.35315) berbanding kumpulan rawatan besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Min = 2.7583, SP = 0.28148). Nilai t yang diperoleh ialah -6.165 dengan tahap signifikan p = .000 (p < .05), menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan kecil dan rawatan besar dari segi skor pra ujian penerokaan kerjaya.

Keputusan ini menunjukkan bahawa wujud ketidakseimbangan tahap penerokaan kerjaya antara kedua-dua kumpulan rawatan sebelum intervensi dimulakan. Oleh itu, perbezaan awal ini perlu diambil kira dalam analisis pascaintervensi melalui pendekatan seperti Analisis Kovarians (ANCOVA), bagi memastikan keberkesanan intervensi dapat dinilai dengan lebih tepat dan adil.

4.4.5 Hipotesis 5: Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu ujian ANOVA telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Dalam Jadual 4.8 menunjukkan pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Kumpulan	N	Skor min	Sisihan piawai
Kelompok Rawatan Kecil	30	3.2667	.50824
Kelompok Rawatan Besar	30	2.7583	.35315
Kelompok Kawalan	60	2.6827	.28148

Satu analisis deskriptif dilakukan untuk meneliti perbezaan skor min penerokaan kerjaya pada peringkat pra ujian bagi tiga kumpulan kajian, iaitu kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Keputusan pada Jadual 4.8 menunjukkan bahawa skor min tertinggi dicatatkan oleh kelompok rawatan kecil (M = 3.2667, SP = 0.50824, *n* = 30), diikuti oleh kelompok rawatan besar (M = 2.7583, SP = 0.35315, *n* = 30), dan kelompok kawalan (M = 2.6827, SP = 0.28148, *n* = 60). Perbezaan skor min ini menunjukkan bahawa tahap penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta tidak seimbang antara kumpulan sebelum pelaksanaan intervensi. Oleh yang demikian, analisis lanjutan seperti ANCOVA diperlukan untuk mengawal pengaruh skor pra ujian agar keberkesanan sebenar intervensi dapat dikenal pasti secara lebih tepat dan adil.

Jadual 4.9

Ujian ANOVA pra ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

CESR Pra Kelompok Rawatan Dan Kawalan	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	7.138	2	3.569	19.740	.000
Dalam Kumpulan	21.154	117	.181		
Jumlah	28.293	119			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu analisis varians satu hala (One-Way ANOVA) telah dijalankan bagi menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor penerokaan kerjaya pada peringkat pra ujian antara kumpulan rawatan kecil, kumpulan rawatan besar dan kumpulan kawalan. Keputusan ujian ANOVA pada Jadual 4.9 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kumpulan-kumpulan tersebut, $F(2, 117) = 19.740$, $p < .001$. Nilai min kuasa dua antara kumpulan ialah 3.569, manakala nilai min kuasa dua dalam kumpulan ialah 0.181. Jumlah kuasa dua keseluruhan ialah 28.293.

Keputusan ini menunjukkan bahawa tahap penerokaan kerjaya sebelum intervensi berbeza secara signifikan antara ketiga-tiga kumpulan. Oleh yang demikian, kewujudan perbezaan awal ini perlu diambil kira dalam analisis keberkesanan intervensi, khususnya dengan menggunakan pendekatan Analisis Kovarians (ANCOVA) bagi mengawal perbezaan awal dan menilai kesan sebenar intervensi terhadap penerokaan kerjaya secara lebih sah dan objektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.6 Hipotesis 6: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok rawatan besar. Dalam Jadual 4.10 menunjukkan pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil.

Jadual 4.10

Pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil.

CESR Kelompok Rawatan Kecil	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	30	2.7583	.28148	-4.896	.000
Pos Ujian	30	3.1512	.33747		

Bagi menilai keberkesanan intervensi modul terhadap tahap penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan rawatan kecil, analisis ujian-t sampel berpasangan (paired-samples t-test) telah dijalankan. Keputusan analisis pada Jadual 4.10 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara skor pra ujian dan skor pos ujian penerokaan kerjaya. Skor min pra ujian adalah 2.7583 (SP = 0.28148), manakala skor min pos ujian meningkat kepada 3.1512 (SP = 0.33747). Ujian-t menunjukkan nilai $t(29) = -4.896$, $p < .001$.

Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam tahap penerokaan kerjaya selepas pelaksanaan intervensi dalam kalangan peserta kumpulan rawatan kecil. Secara keseluruhannya, keputusan ini memberikan bukti empirikal bahawa intervensi yang dijalankan melalui modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti berkesan dalam meningkatkan tahap penerokaan kerjaya pelajar yang terlibat dalam kumpulan rawatan kecil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.7 Hipotesis 7: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Oleh itu, Jadual 4.11 menunjukkan pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar.

Jadual 4.11

Pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar

CESR Kelompok Rawatan Besar	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	30	3.2667	.32135	-6.337	.000
Pos Ujian	30	3.8190	.35315		

Bagi menilai kesan intervensi modul terhadap tahap penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan rawatan besar, analisis ujian-t sampel berpasangan (paired-samples t-test) telah dijalankan. Keputusan pada Jadual 4.11 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara skor pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya. Skor min pra ujian ialah 3.2667 (SP = 0.35315), manakala skor min pos ujian meningkat kepada 3.8190 (SP = 0.32135). Ujian-t menghasilkan nilai $t(29) = -6.337$, $p < .001$. Saiz kesan dikira menggunakan Cohen's *d*, dan hasilnya menunjukkan nilai $d = 1.16$, yang mewakili saiz kesan besar menurut interpretasi Cohen (1988). Ini bermaksud bahawa kesan modul TPTR terhadap peningkatan penerokaan kerjaya adalah bukan sahaja signifikan secara statistik, malah juga signifikan secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

praktikal. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam tahap penerokaan kerjaya selepas intervensi dilaksanakan dalam kalangan peserta kumpulan rawatan besar. Keputusan ini memberikan bukti bahawa modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti berkesan dalam meningkatkan tahap penerokaan kerjaya dalam kalangan pelajar yang mengikuti intervensi secara berkelompok besar.

4.4.8 Hipotesis 8: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min min pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Dalam Jadual 4.12 menyatakan tentang pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan.

Jadual 4.12

Pra ujian dengan pos ujian bagi penerokaan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan

CESR Kelompok Kawalan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	60	2.6827	.50824	-1.023	.308
Pos Ujian	60	2.7815	.54925		

Bagi menentukan sama ada terdapat perubahan dalam tahap penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan kawalan sepanjang tempoh kajian, satu analisis ujian-t sampel berpasangan (paired-samples t-test) telah dijalankan. Keputusan pada Jadual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.12 menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara skor pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan ini. Skor min pra ujian ialah 2.6827 (SP = 0.50824), manakala skor min pos ujian ialah 2.7815 (SP = 0.54925). Ujian-t menghasilkan nilai $t(59) = -1.023$, $p = .308$ ($p > .05$), menandakan bahawa perbezaan antara kedua-dua skor adalah tidak signifikan secara statistik. Keputusan ini mencadangkan bahawa, tanpa pendedahan kepada intervensi modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti, tahap penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan kawalan tidak berubah secara signifikan. Ini mengukuhkan lagi keberkesanan modul intervensi yang dijalankan ke atas kumpulan rawatan.

4.4.9 Hipotesis 9: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min min pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Jadual 4.13 menunjukkan pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan.

Jadual 4.13

Pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

CESR Pos Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	3.1512	.54925	3.376	.001
Kawalan	60	2.7815	.33747		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menilai perbezaan tahap penerokaan kerjaya antara kumpulan rawatan kecil dan kumpulan kawalan selepas pelaksanaan intervensi, satu ujian t bebas telah dijalankan. Keputusan ujian pada Jadual 4.13 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan dalam skor pos ujian penerokaan kerjaya. Skor min bagi kumpulan rawatan kecil adalah 3.1512 (SP = 0.33747), manakala kumpulan kawalan mencatatkan skor min yang lebih rendah iaitu 2.7815 (SP = 0.54925). Ujian t menghasilkan nilai $t(88) = 3.376$, $p = .001$, yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan pada pos ujian penerokaan kerjaya.

Keputusan ini menunjukkan bahawa intervensi yang diterima oleh kumpulan rawatan kecil telah memberikan impak yang signifikan terhadap peningkatan tahap penerokaan kerjaya, berbanding dengan kumpulan kawalan yang tidak terlibat dalam sebarang intervensi. Ini memberi bukti bahawa modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti berkesan dalam mempengaruhi penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan rawatan kecil.

4.4.10 Hipotesis 10: : Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min min pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kelompok rawatan besar. Oleh itu, Jadual 4.14 menunjukkan pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar.

Jadual 4.14

Pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

CESR Pos Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	3.8190	.33747	-7.850	.000
Rawatan Besar	30	3.1512	.32135		

Bagi menilai perbezaan tahap penerokaan kerjaya selepas intervensi antara kumpulan rawatan kecil dan kumpulan rawatan besar, satu ujian t bebas telah dijalankan. Keputusan ujian pada Jadual 4.14 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan pada pos ujian penerokaan kerjaya. Skor min bagi kumpulan rawatan kecil ialah 3.8190 (SP = 0.33747), sementara kumpulan rawatan besar mencatatkan skor min yang lebih rendah iaitu 3.1512 (SP = 0.32135). Ujian t menghasilkan nilai $t(58) = -7.850$, $p < .001$, menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah signifikan secara statistik.

Keputusan ini mencadangkan bahawa intervensi dalam kumpulan rawatan kecil telah membawa kepada peningkatan yang lebih besar dalam tahap penerokaan kerjaya berbanding dengan kumpulan rawatan besar. Oleh itu, modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti terbukti lebih berkesan dalam meningkatkan penerokaan kerjaya dalam kalangan peserta yang mengikuti intervensi secara kelompok kecil berbanding dengan kelompok besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.11 Hipotesis 11: Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan

Satu ujian ANOVA telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan post ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Dalam Jadual 4.15 menunjukkan pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok kawalan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

Jadual 4.15

Pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok kawalan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Kumpulan	N	Skor min	Sisihan piawai
Pos CESR kelompok rawatan kecil	30	3.8190	.40821
Pos CESR kelompok rawatan besar	30	2.9048	.32135
Pos CESR Kawalan	60	2.7815	.54925
Jumlah	120	3.0717	.63689

Satu analisis deskriptif telah dijalankan untuk menilai perbezaan skor min penerokaan kerjaya (CESR) dalam ujian selepas intervensi (pos ujian) antara tiga kumpulan: kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan. Hasil analisis pada jadual 4.15 menunjukkan bahawa kelompok rawatan kecil memperoleh min skor tertinggi (M = 3.8190, SP = 0.40821), diikuti oleh kelompok rawatan besar (M = 2.9048, SP = 0.32135), manakala kelompok kawalan mencatatkan min terendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(M = 2.7815, SP = 0.54925). Skor keseluruhan bagi semua peserta (N = 120) menunjukkan min sebanyak 3.0717 dengan sisihan piawai sebanyak 0.63689.

Perbezaan skor min yang ketara antara kumpulan mencadangkan bahawa intervensi yang dilaksanakan melalui modul bimbingan TPTR memberi kesan positif terhadap tahap penerokaan kerjaya peserta, khususnya dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kelompok rawatan kecil. Keputusan ini menyokong keberkesanan pendekatan berstruktur dalam bimbingan kelompok, dengan peningkatan lebih jelas dalam kumpulan yang menerima perhatian lebih intensif dan interaksi lebih mendalam. Walau bagaimanapun, untuk menentukan sama ada perbezaan ini adalah signifikan secara statistik dan bukan disebabkan oleh variasi rawak, ujian inferensi lanjut seperti ANCOVA atau ANOVA perlu dilakukan dengan mengambil kira nilai pra ujian sebagai kovariat. Analisis tersebut juga akan membolehkan pelaporan saiz kesan (contohnya, η^2 atau *Cohen's d*) bagi menilai magnitud kesan sebenar intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Ujian ANOVA pos ujian bagi penerokaan kerjaya antara kelompok kawalan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

CESR Pos Kelompok Rawatan dan Kawalan	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	22.643	2	11.322	51.691	.000
Dalam Kumpulan	25.626	117	.219		
Jumlah	48.269	119			

Satu analisis varians sehala (ANOVA) telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pos ujian penerokaan kerjaya (CESR) antara tiga kumpulan pelajar: kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok kawalan. Keputusan pada Jadual 4.16 ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan, $F(2, 117) = 51.69$, $p < .001$.

Statistik ANOVA menunjukkan jumlah kuasa dua antara kumpulan ialah 22.643 dengan min kuasa dua sebanyak 11.322. Manakala, jumlah kuasa dua dalam kumpulan ialah 25.626 dengan min kuasa dua sebanyak 0.219. Ini menunjukkan bahawa variasi antara kumpulan menyumbang secara signifikan kepada keseluruhan variasi skor pos ujian CESR. Ini menunjukkan bahawa kira-kira 46.9% daripada varians dalam skor penerokaan kerjaya selepas intervensi boleh dijelaskan oleh jenis kumpulan rawatan, yang menurut garis panduan Cohen (1988), merupakan kesan besar (*large effect*). Keputusan ini menyokong keberkesanan modul bimbingan kelompok berasaskan TPTR, dengan kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam penerokaan kerjaya berbanding kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.12 Hipotesis 12: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.17 menunjukkan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan

CDDQR Pra Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Kelompok Rawatan	60	4.9093	.74677	-4.120	.000
Kelompok Kawalan	60	4.3755	.67070		

Bagi menilai perbezaan tahap membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan pada pra ujian, analisis ujian t bebas telah dijalankan. Keputusan ujian pada Jadual 4.17 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Skor min bagi kumpulan rawatan adalah 4.9093 (SP = 0.74677), manakala kumpulan kawalan mencatatkan skor min yang lebih rendah iaitu 4.3755 (SP = 0.67070). Ujian t menghasilkan nilai $t(118) = -4.120$, $p < .001$, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan dalam skor membuat keputusan kerjaya pada pra ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan ini menunjukkan bahawa pada peringkat awal kajian, terdapat perbezaan dalam tahap membuat keputusan kerjaya antara peserta yang berada dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Perbezaan ini perlu diambil kira apabila menilai kesan intervensi, dan selanjutnya perlu dilakukan analisis menggunakan pendekatan yang mengawal perbezaan awal seperti ANCOVA untuk menilai keberkesanan modul intervensi terhadap membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.13 Hipotesis 13: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian rawatan kecil dan pra ujian kelompok kawalan. Oleh demikian, Jadual 4.18 menunjukkan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan.

Jadual 4.18

Pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CDDQR Pra Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	4.9093	.74677	-1.992	.049
Kelompok Kawalan	60	4.5951	.61256		

Bagi menilai perbezaan tahap membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan kecil dan kumpulan kawalan pada pra ujian, analisis ujian t bebas telah dijalankan. Keputusan ujian pada Jadual 4.18 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Skor min bagi kumpulan rawatan kecil adalah 4.9093 (SP = 0.74677), manakala kumpulan kawalan mencatatkan skor min yang lebih rendah iaitu 4.5951 (SP = 0.61256). Ujian t menghasilkan nilai $t(88) = -1.992$, $p = .049$, yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan dalam skor membuat keputusan kerjaya pada pra ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan ini menunjukkan bahawa pada peringkat awal kajian, terdapat perbezaan dalam tahap membuat keputusan kerjaya antara peserta yang berada dalam kumpulan rawatan kecil dan kumpulan kawalan. Oleh itu, perbezaan ini perlu dipertimbangkan dalam analisis seterusnya, dan untuk menilai kesan sebenar intervensi terhadap membuat keputusan kerjaya, analisis menggunakan pendekatan ANCOVA akan dijalankan untuk mengawal perbezaan awal antara kumpulan.

4.4.14 Hipotesis 14: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian rawatan besar dan pra ujian kelompok kawalan. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19 pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

Jadual 4.19

Pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

CDDQR Pra Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Besar	30	4.9093	.74677	- 4.677	.000
Kelompok Kawalan	60	4.1559	.66345		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menilai perbezaan tahap membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan besar dan kumpulan kawalan pada pra ujian, analisis ujian t bebas telah dijalankan. Keputusan ujian pada Jadual 4.19 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Skor min bagi kumpulan rawatan besar adalah 4.9093 (SP = 0.74677), manakala kumpulan kawalan mencatatkan skor min yang lebih rendah iaitu 4.1559 (SP = 0.66345). Ujian t menghasilkan nilai $t(88) = -4.677$, $p < .001$, yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan dalam skor membuat keputusan kerjaya pada pra ujian.

Keputusan ini menunjukkan bahawa pada peringkat awal kajian, terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan besar dan kumpulan kawalan. Oleh itu, perbezaan ini perlu diambil kira dalam analisis seterusnya untuk menilai kesan intervensi terhadap membuat keputusan kerjaya. Dalam kajian ini, penggunaan teknik ANCOVA untuk mengawal perbezaan skor pra ujian akan membantu menilai keberkesanan intervensi yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.15 Hipotesis 15: Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar (ujian-t bebas). Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok pra ujian rawatan kecil dan pra ujian kelompok rawatan besar. Dalam Jadual 4.20 memaparkan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar.

Jadual 4.20

Pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

CDDQR Pra Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	4.5951	.66345	2.664	.010
Rawatan Besar	30	4.1559	.61256		

Bagi menilai sama ada terdapat perbezaan awal dalam tahap membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan kecil dan kumpulan rawatan besar sebelum intervensi dilaksanakan, ujian *t* sampel bebas telah dijalankan. Keputusan analisis pada Jadual 4.20 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Skor min bagi kumpulan rawatan kecil adalah 4.5951 (SP = 0.66345), manakala skor min bagi kumpulan rawatan besar adalah 4.1559 (SP = 0.61256). Ujian *t* menghasilkan nilai $t(58) = 2.664$, $p = .010$, yang menunjukkan bahawa perbezaan antara kumpulan adalah signifikan pada aras 0.05.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap membuat keputusan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan rawatan kecil adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding peserta kumpulan rawatan besar sebelum intervensi dijalankan. Oleh itu, perbezaan ini perlu diambil kira dalam analisis lanjutan, seperti ujian ANCOVA, untuk mengawal pembolehubah kovariat yang berpotensi mempengaruhi kesan intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.16 Hipotesis 16: Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan

Satu ujian ANOVA sehala telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian rawatan kecil, pra ujian kelompok rawatan besar, pra ujian kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.21 menunjukkan pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Kumpulan	N	Skor min	Sisihan piawai
CDDQR Pra Kelompok Rawatan Kecil	30	4.5951	.61256
CDDQR Pra Kelompok Rawatan Besar	30	4.1559	.66345
CDDQR Pra Kelompok Kawalan	60	4.9093	.74677
Jumlah	120	4.6424	.75588

Analisis deskriptif telah dijalankan bagi meneliti perbezaan skor purata pra ujian membuat keputusan kerjaya (Career Decision-Making Difficulties Questionnaire, CDDQR) antara tiga kumpulan: kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan. Keputusan pada Jadual 4.21 menunjukkan bahawa skor min tertinggi dicatatkan oleh kelompok kawalan (M = 4.91, SP = 0.75), diikuti oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok rawatan kecil (M = 4.60, SP = 0.61), dan yang paling rendah ialah kelompok rawatan besar (M = 4.16, SP = 0.66). Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 120 orang.

Perbezaan skor min ini mencerminkan sedikit variasi awal dalam tahap kesukaran membuat keputusan kerjaya antara kumpulan sebelum intervensi dilaksanakan. Skor purata kumpulan kawalan yang lebih tinggi menunjukkan bahawa mereka mungkin mengalami kesukaran yang lebih besar dalam membuat keputusan kerjaya sebelum intervensi, berbanding dengan kumpulan rawatan kecil dan besar. Namun begitu, perbezaan skor min ini masih perlu disokong dengan analisis inferensi seperti ujian ANOVA untuk menentukan sama ada perbezaan tersebut adalah signifikan secara statistik. Sekiranya $p < .05$, maka terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan dari segi skor pra ujian CDDQR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.22

Ujian ANOVA pra ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

CDDQR Pra Kelompok Rawatan Dan Kawalan	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	11.443	2	5.721	11.838	.000
Dalam Kumpulan	56.549	117	.483		
Jumlah	67.991	119			

Analisis varians (ANOVA) satu hala telah dijalankan untuk menilai perbezaan tahap membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan kecil, kumpulan rawatan besar, dan kumpulan kawalan pada pra ujian. Keputusan analisis pada Jadual 4.22 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara ketiga-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tiga kumpulan, $F(2, 117) = 11.838$, $p < .001$. Jumlah kuasa dua antara kumpulan adalah 11.443 dengan min kuasa dua antara kumpulan sebanyak 5.721. Manakala jumlah kuasa dua dalam kumpulan adalah 56.549, dengan min kuasa dua dalam kumpulan sebanyak 0.483. Hasil ini menunjukkan bahawa terdapat variasi yang signifikan dalam skor membuat keputusan kerjaya antara ketiga-tiga kumpulan.

Dengan keputusan ini, jelas bahawa intervensi yang diberikan dalam kumpulan rawatan kecil dan rawatan besar memberikan perbezaan yang signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan. Oleh itu, perbezaan yang signifikan ini perlu dipertimbangkan apabila menilai keberkesanan modul intervensi dalam mempengaruhi keputusan kerjaya. Untuk mengetahui kumpulan mana yang berbeza secara signifikan antara satu sama lain, ujian post-hoc seperti Ujian Tukey boleh dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.17 Hipotesis 17: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian rawatan kecil dan post ujian kelompok rawatan kecil. Oleh itu, Jadual 4.23 menunjukkan pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23

Pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan kecil

CDDQR Rawatan Kecil	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	30	4.5951	.61256	-6.811	.000
Pos Ujian	30	5.7216	.66742		

Bagi menilai keberkesanan intervensi terhadap tahap membuat keputusan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan rawatan kecil, ujian t sampel berpasangan telah dijalankan bagi membandingkan skor pra ujian dan pos ujian. Hasil analisis pada Jadual 4.23 menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam skor membuat keputusan kerjaya selepas intervensi dijalankan. Skor min pada pra ujian adalah 4.5951 (SP = 0.61256), manakala skor min pada pos ujian meningkat kepada 5.7216 (SP = 0.66742). Ujian *t* menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik, $t(29) = -6.811$, $p < .001$.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan ini menunjukkan bahawa intervensi berdasarkan modul yang dilaksanakan ke atas kumpulan rawatan kecil memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan tahap membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar. Peningkatan min yang ketara mengukuhkan keberkesanan pendekatan intervensi yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.18 Hipotesis 18: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian rawatan besar dan post ujian kelompok rawatan besar.. Jadual 4.24 menunjukkan pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar.

Jadual 4.24

Pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok rawatan besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CDDQR Rawatan Besar	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	30	4.1559	.66345	-10.613	.000
Pos Ujian	30	5.7931	.52320		

Bagi menilai keberkesanan intervensi terhadap tahap membuat keputusan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan rawatan besar, ujian *t* sampel berpasangan telah dijalankan untuk membandingkan skor pra ujian dan pos ujian. Hasil analisis pada Jadual 4.24 menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam skor membuat keputusan kerjaya selepas intervensi. Skor min pada pra ujian adalah 4.1559 (SP = 0.66345), manakala skor min pada pos ujian meningkat kepada 5.7931 (SP = 0.52320). Ujian *t* menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah signifikan secara statistik, $t(29) = -10.613$, $p < .001$. Dapatan ini menunjukkan bahawa modul intervensi yang digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan rawatan besar telah memberikan impak yang signifikan terhadap peningkatan kebolehan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar. Peningkatan yang besar dari pra ke pos ujian membuktikan keberkesanan pendekatan bimbingan yang dilaksanakan dalam kumpulan rawatan besar.

4.4.19 Hipotesis 19: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian kawalan dan post ujian kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.25 ditunjukkan pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.25

Pra ujian dengan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya dalam kalangan kelompok kawalan

CDDQR Kelompok Kawalan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	60	4.9093	.74677	-2.937	.004
Pos Ujian	60	5.3044	.72660		

Ujian *t* sampel berpasangan telah dijalankan bagi menilai sama ada terdapat perubahan dalam tahap membuat keputusan kerjaya dalam kalangan peserta kumpulan kawalan antara pra ujian dan pos ujian. Hasil analisis pada jadual 4.25 menunjukkan peningkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang signifikan dalam skor membuat keputusan kerjaya. Skor min pada pra ujian ialah 4.9093 (SP = 0.74677), manakala skor min pada pos ujian meningkat kepada 5.3044 (SP = 0.72660). Ujian *t* menunjukkan bahawa peningkatan ini adalah signifikan secara statistik, $t(59) = -2.937$, $p = .004$.

Walaupun kumpulan kawalan tidak menerima intervensi yang dirancang dalam kajian ini, peningkatan yang signifikan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor luar seperti pengalaman pembelajaran secara umum, pendedahan kepada maklumat kerjaya secara tidak formal, atau pengaruh rakan sebaya dan guru. Dapatan ini menunjukkan kepentingan untuk mengawal pemboleh ubah luar dalam kajian eksperimen dan mempertimbangkan kemungkinan kesan semula jadi atau ancaman kepada kesahan dalaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.20 Hipotesis 20: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pos ujian kelompok rawatan kecil dan post ujian kelompok kawalan. Satu Jadual 4.26 ditunjukkan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.26

Pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok kawalan

CDDQR Pos Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	5.7216	.66742	2.636	.010
Kelompok Kawalan	60	5.3044	.72660		

Perbandingan skor pos ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kawalan. Ujian *t* sampel bebas telah dijalankan bagi membandingkan skor membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan kecil dan kumpulan kawalan selepas intervensi dilaksanakan. Hasil analisis pada Jadual 4.26 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Skor min bagi kumpulan rawatan kecil ialah 5.7216 (SP = 0.66742), manakala skor min bagi kumpulan kawalan ialah 5.3044 (SP = 0.72660). Ujian *t* menunjukkan nilai $t(88) = 2.636$, $p = .010$, yang menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah signifikan pada aras 0.05.

Dapatan ini menunjukkan bahawa intervensi yang dilaksanakan dalam kumpulan rawatan kecil memberi kesan yang lebih besar dalam meningkatkan tahap membuat keputusan kerjaya berbanding kumpulan kawalan yang tidak menerima intervensi tersebut. Keputusan ini menyokong keberkesanan modul intervensi dalam memperkukuhkan kemahiran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.21 Hipotesis 21: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pos ujian kelompok rawatan kecil dan post ujian kelompok rawatan besar. Dalam Jadual 4.27 menunjukkan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar.

Jadual 4.27

Pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil dan kelompok rawatan besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CDDQR Pos Ujian	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Rawatan Kecil	30	5.7931	.66742	.462	.046
Rawatan Besar	30	5.7216	.52320		

Ujian *t* sampel bebas telah dijalankan bagi membandingkan keberkesanan intervensi terhadap tahap membuat keputusan kerjaya antara kumpulan rawatan kecil dan kumpulan rawatan besar selepas intervensi dilaksanakan. Hasil analisis pada Jadual 4.27 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan. Skor min bagi kumpulan rawatan kecil ialah 5.7931 (SP = 0.66742), manakala skor min bagi kumpulan rawatan besar ialah 5.7216 (SP = 0.52320). Nilai $t(58) = 0.462$ dengan nilai signifikan $p = .046$, menunjukkan bahawa perbezaan tersebut adalah signifikan pada aras 0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ini menunjukkan bahawa kumpulan rawatan kecil memperoleh skor yang sedikit lebih tinggi dalam membuat keputusan kerjaya berbanding kumpulan rawatan besar selepas intervensi. Walaupun perbezaan min adalah kecil, keputusan ini memberi isyarat bahawa saiz kumpulan yang lebih kecil dalam pelaksanaan modul intervensi mungkin memberikan sedikit kelebihan dari segi keberkesanan intervensi, berkemungkinan disebabkan oleh interaksi yang lebih dekat, peluang bimbingan yang lebih fokus, dan penglibatan yang lebih aktif dalam sesi kelompok.

4.4.22 Hipotesis 22: Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan

Satu ujian ANOVA sehala telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pos ujian rawatan kecil, pos ujian kelompok rawatan besar, pos ujian kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.28 menunjukkan pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.28

Pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Kumpulan	N	Skor min	Sisihan piawai
CDDQR Pos Kelompok Rawatan Kecil	30	5.7931	.66742
CDDQR Pos Kelompok Rawatan Besar	30	5.7216	.52320
CDDQR Pos Kelompok Kawalan	60	5.3044	.72660
Jumlah	120	5.5309	.69956

Satu analisis deskriptif telah dijalankan bagi menilai tahap kesukaran membuat keputusan kerjaya selepas intervensi dilaksanakan menggunakan Modul Kelompok Bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR), berdasarkan skor pos ujian CDDQR. Tiga kumpulan yang dibandingkan ialah kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan. Keputusan pada Jadual 4.28 menunjukkan bahawa kelompok rawatan kecil mencatatkan skor min tertinggi (M = 5.79, SP = 0.67), diikuti rapat oleh kelompok rawatan besar (M = 5.72, SP = 0.52), manakala kelompok kawalan mencatatkan skor min yang lebih rendah (M = 5.30, SP = 0.73). Ini mencerminkan bahawa kedua-dua kumpulan rawatan menunjukkan tahap kesukaran membuat keputusan kerjaya yang lebih rendah (iaitu pencapaian yang lebih baik) selepas mengikuti intervensi berbanding kumpulan kawalan.

Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 120 orang, dan skor min keseluruhan adalah 5.53 (SP = 0.70). Perbezaan skor ini mencadangkan bahawa intervensi TPTR berpotensi memberi kesan positif terhadap peningkatan keupayaan pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Walau bagaimanapun, bagi mengesahkan sama ada perbezaan ini signifikan secara statistik, analisis inferensi seperti ujian ANOVA atau ANCOVA perlu dijalankan. Sekiranya nilai signifikan (*p*) adalah kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada .05, maka dapat disimpulkan bahawa perbezaan antara kumpulan adalah signifikan.

Jadual 4.29

Ujian ANOVA pos ujian bagi membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

CDDQR Pos Kelompok Rawatan Dan Kawalan	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	6.232	2	3.116	7.010	.001
Dalam Kumpulan	52.005	117	.444		
Jumlah	58.237	119			

Satu analisis varians sehala (ANOVA) telah dijalankan bagi menilai keberkesanan modul bimbingan kelompok berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti(TPTR) terhadap kebolehan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar daripada tiga kumpulan iaitu kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan, berdasarkan skor pos ujian *Career Decision-Making Difficulties Questionnaire – Revised* (CDDQR). Keputusan pada Jadual 4.29 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam skor pos ujian membuat keputusan kerjaya antara kumpulan, $F(2, 117) = 7.010$, $p = .001$. Nilai min kuasa dua antara kumpulan adalah 3.116, manakala min kuasa dua dalam kumpulan adalah 0.444.

Interpretasi kesan, nilai *p* yang kurang daripada .05 menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya satu kumpulan mempunyai perbezaan skor min yang signifikan berbanding kumpulan lain. Oleh itu, hipotesis nol yang menyatakan tiada perbezaan signifikan antara kumpulan ditolak. Ini memberi bukti bahawa program intervensi TPTR memberi kesan terhadap kebolehan membuat keputusan kerjaya pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saiz Kesan (Effect Size) dapat dikira menggunakan formula Eta Kuasa Dua (η^2). Menurut garis panduan Cohen (1988), nilai $\eta^2 = 0.107$ menunjukkan saiz kesan yang sederhana. Kesimpulan, keputusan ini mencadangkan bahawa intervensi melalui modul TPTR telah memberikan impak yang signifikan terhadap peningkatan keupayaan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar. Perbezaan ini wajar diterokai selanjutnya melalui analisis pos hoc bagi mengenal pasti pasangan kumpulan yang menunjukkan perbezaan signifikan.

4.4.23 Hipotesis 23: Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penentuan pemboleh ubah kovariat (*covariate*) dalam analisis statistik seperti ANCOVA atau MANCOVA adalah langkah penting untuk mengawal pengaruh pemboleh ubah yang tidak dikaji secara langsung tetapi berpotensi mempengaruhi pemboleh ubah bersandar (DV). Kovariat mestilah berskala selanjar *(continuous)* seperti skor pra ujian, umur, IQ, gred dan lain-lain. Kovariat perlu mempunyai hubungan linear yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar *(dependent variable)*. Ini biasanya diuji melalui analisis korelasi (contohnya Pearson) atau diperiksa dalam model ANCOVA (jika $p < .05$, hubungan adalah signifikan). Kovariat tidak seharusnya berinteraksi secara signifikan dengan pemboleh ubah bebas (IV), agar tidak melanggar andaian *homogeneity of regression slopes*. Dalam kajian eksperimen atau kuasi-eksperimen, pra ujian lazim digunakan sebagai kovariat untuk mengawal tahap asas peserta sebelum intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu ujian ANCOVA telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pos ujian rawatan kecil, pos ujian kelompok rawatan besar, pos ujian kelompok kawalan. Sementara itu kovariatnya adalah kelompok pra ujian rawatan kecil, pra ujian kelompok rawatan besar, pra ujian kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.30 ditunjukkan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

Jadual 4.30

Modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Pemboleh ubah bersandar : POS CESR

	Min	**Std. Deviation**	**N**
CESR rawatan kecil	3.8190	.40821	30
CESR rawatan besar	2.9048	.32135	30
CESR kawalan	2.7815	.54925	60
Jumlah	3.0717	.63689	120

Perbandingan skor posujian penerokaan kerjaya (CESR) antara kumpulan rawatan kecil, rawatan besar dan kawalan. Bagi menilai kesan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) terhadap tahap penerokaan kerjaya murid, skor posujian daripada Soal Selidik Penerokaan Kerjaya (CESR) dibandingkan antara tiga kumpulan: rawatan kecil, rawatan besar, dan kumpulan kawalan. Keputusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

analisis pada Jadual 4.30 menunjukkan bahawa kumpulan rawatan kecil mencatatkan min skor tertinggi dalam penerokaan kerjaya (M = 3.82, SD = 0.41, *n* = 30), diikuti oleh kumpulan rawatan besar (M = 2.90, SD = 0.32, *n* = 30), manakala kumpulan kawalan merekodkan skor min terendah (M = 2.78, SD = 0.55, *n* = 60).

Perbezaan ini menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan kecil, yang menerima intervensi TPTR dalam kumpulan yang lebih kecil, beroleh peningkatan yang lebih besar dalam tahap penerokaan kerjaya selepas intervensi. Sementara itu, kumpulan rawatan besar turut menunjukkan peningkatan berbanding kumpulan kawalan, namun kesannya tidak setinggi rawatan kecil. Hal ini mencadangkan bahawa saiz kumpulan yang lebih kecil dalam pelaksanaan modul TPTR mungkin memberikan impak yang lebih mendalam terhadap perubahan tingkah laku penerokaan kerjaya. Interpretasi ini memberi sokongan kepada keberkesanan modul TPTR, khususnya apabila dijalankan dalam suasana kumpulan kecil yang membolehkan lebih banyak interaksi, perhatian individu, dan pemprosesan kendiri dalam sesi bimbingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.31

Ujian ANCOVA modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Pemboleh ubah bersandar : Pos CESR

Sumber	Type III Sum of Squares	Df	Min Square	F	Sig.	Partial Eta Squared
Model dibaiki	43.509[a]	3	14.503	353.406	.000	.901
Intercept	.200	1	.200	4.883	.029	.040
Pra CESR	20.866	1	20.866	508.450	.000	.814
Ujian 2	3.315	2	1.657	40.389	.000	.411

(aras signifikan: $p < 0.05$)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu analisis kovarians (ANCOVA) telah dijalankan untuk menilai keberkesanan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) terhadap penerokaan kerjaya pelajar, dengan mengawal skor pra ujian penerokaan kerjaya (CESR). Pemboleh ubah bersandar ialah skor pos ujian CESR, manakala pemboleh ubah kovariat ialah skor pra ujian CESR. Tiga kumpulan telah dibandingkan: kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan.

Keputusan pada Jadual 4.31 menunjukkan bahawa terdapat kesan utama yang signifikan bagi kumpulan rawatan terhadap skor pos ujian penerokaan kerjaya setelah mengawal skor pra ujian, $F(2, 115) = 40.389$, $p < .001$, $\eta^2 = .411$. Ini menunjukkan bahawa intervensi modul TPTR mempunyai kesan yang besar terhadap penerokaan kerjaya, dengan saiz kesan yang besar (partial eta squared = .411).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, skor pra ujian CESR didapati memberi kesan signifikan terhadap skor pos ujian CESR, $F(1, 115) = 508.450$, $p < .001$, $\eta^2 = .814$, menunjukkan bahawa skor asas memainkan peranan penting dalam perubahan yang berlaku dalam pos ujian. Nilai *intercept* juga signifikan, $F(1, 115) = 4.883$, $p = .029$. Secara keseluruhan, model ANCOVA adalah signifikan, $F(3, 115) = 353.406$, $p < .001$, dengan 90.1% ($\eta^2 = .901$) varians dalam skor pos ujian CESR dijelaskan oleh model, termasuk kesan kumpulan rawatan dan skor pra ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.24 Hipotesis 24: Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Satu ujian ANCOVA telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan terhadap membuat keputusan kerjaya. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pos ujian rawatan kecil, pos ujian kelompok rawatan besar, pos ujian kelompok kawalan.

Sementara itu covariatenya adalah kelompok pra ujian rawatan kecil, pra ujian kelompok rawatan besar, pra ujian kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.32 ditunjukkan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.32

Modul kelompok bimbingan TPTR terhadap membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Pemboleh ubah bersandar : Pos CDDQR

	Min	Std. Deviation	N
CDDQR rawatan kecil	5.7931	.66742	30
CDDQR rawatan besar	5.7216	.52320	30
CDDQR kawalan	5.3044	.72660	60
Total	5.5309	.69956	120

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual deskriptif bagi skor pos ujian membuat keputusan kerjaya pada Jadual 4.32 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor purata antara kumpulan rawatan yang menerima intervensi modul kelompok bimbingan TPTR dan kumpulan kawalan. Pelajar dalam kelompok rawatan kecil mencatatkan min skor tertinggi (M = 5.79, SD = 0.67), diikuti oleh kelompok rawatan besar (M = 5.72, SD = 0.52), manakala kelompok kawalan mencatatkan min skor paling rendah (M = 5.30, SD = 0.73). Secara keseluruhan, skor purata pos ujian bagi ketiga-tiga kumpulan adalah (M = 5.53, SD = 0.70), melibatkan seramai 120 orang pelajar.

Interpretasi awal ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan rawatan yang menerima intervensi TPTR menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam aspek membuat keputusan kerjaya berbanding kumpulan kawalan. Implikasi penemuan, perbezaan skor min yang dilihat memberikan indikasi awal bahawa intervensi modul TPTR memberi kesan positif terhadap peningkatan kemahiran membuat keputusan kerjaya. Walaupun dapatan ini perlu disokong oleh ujian inferensi (seperti ANOVA atau ANCOVA) untuk menentukan signifikan statistiknya, pola peningkatan skor dalam kumpulan rawatan selaras dengan objektif modul TPTR, iaitu memperkukuh kemahiran membuat pilihan berdasarkan kejelasan kendiri dan tanggungjawab dalam membuat keputusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.33

Ujian ANCOVA Modul kelompok bimbingan TPTR terhadap membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Pemboleh ubah bersandar : Pos CDDQR

Sumber	Type III Sum of Squares	Df	Min Square	F	Sig.	Partial Eta Squared
Model dibaiki	24.085[a]	3	8.028	27.268	.000	.414
Intercept	24.712	1	24.712	83.936	.000	.420
PRA CESR	17.853	1	17.853	60.639	.000	.343
Ujian 2	15.579	2	7.789	26.457	.000	.313

(aras signifikan: $p < 0.05$)

Satu analisis kovarian (ANCOVA) telah dijalankan untuk menguji keberkesanan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap tahap membuat keputusan kerjaya (diukur melalui skor pos CDDQR), setelah mengawal pengaruh skor pra CDDQR sebagai kovariat. Analisis ini melibatkan tiga kumpulan: kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan. Keputusan ANCOVA pada Jadual 4.33 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam skor pos CDDQR antara ketiga-tiga kumpulan selepas mengawal pengaruh skor pra ujian, $F(2, 116) = 26.46$, $p < .001$, $\eta^2_p = .313$. Ini menunjukkan bahawa jenis intervensi (kelompok rawatan kecil, besar, dan kawalan) memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan membuat keputusan kerjaya.

Kesan kovariat juga signifikan, di mana skor pra CDDQR memberi pengaruh yang ketara terhadap skor pos CDDQR, $F(1, 116) = 60.64$, $p < .001$, $\eta^2_p = .343$. Ini menunjukkan bahawa tahap awal membuat keputusan kerjaya turut menyumbang kepada prestasi pelajar dalam ukuran pos ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model ANCOVA secara keseluruhan adalah signifikan, $F(3, 116) = 27.27$, $p < .001$, dengan nilai Partial Eta Squared keseluruhan sebanyak .414, yang menandakan bahawa 41.4% varians dalam skor pos ujian membuat keputusan kerjaya dapat dijelaskan oleh model ini, termasuk pengaruh kovariat dan kumpulan rawatan. Rumusannya, hasil ini memberikan bukti empirikal bahawa modul kelompok bimbingan TPTR memberi kesan positif yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar, berbanding pelajar yang tidak menerima intervensi. Saiz kesan yang sederhana ke besar ($\eta^2_p = .313$) menunjukkan intervensi ini berkesan dan praktikal untuk digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam persekitaran sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.25 Hipotesis 25: Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

Satu ujian MANCOVA telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan bagi penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya

Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pos penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan. Sementara itu covariatenya adalah pra penerokaan kerjaya dan membuat keputusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besardan kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.34 menunjukkan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan.

Jadual 4.34

Modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

		Min	**Sisihan piawai**	**N**
MANCOVA Pos CESR	Rawatan Kecil	3.8190	.54925	30
	Rawatan Besar	2.9048	.40821	30
	Kawalan	2.7815	.32135	60
	Jumlah	3.0717	.63689	90
MANCOVA Pos CDDQR	Rawatan Kecil	5.7931	.72659	30
	Rawatan Besar	5.7216	.66742	30
	Kawalan	5.3044	.52320	60
	Jumlah	5.5309	.69955	120

Analisis deskriptif pos ujian penerokaan dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan kumpulan rawatan. Satu analisis perbandingan min telah dijalankan untuk menilai keberkesanan modul kelompok bimbingan TPTR terhadap dua domain dalam pembangunan kerjaya, iaitu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Ukuran ini diambil selepas intervensi, melibatkan tiga kumpulan: kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar, dan kelompok kawalan.

Skor min pos ujian bagi penerokaan kerjaya pada Jadual 4.34 menunjukkan bahawa pelajar dalam kelompok rawatan kecil memperoleh skor tertinggi (M = 3.82, SD = 0.55, *n* = 30), diikuti oleh kelompok rawatan besar (M = 2.90, SD = 0.41, *n* = 30),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kelompok kawalan (M = 2.78, SD = 0.32, *n* = 60). Skor purata keseluruhan adalah M = 3.07 (SD = 0.64, *n* = 120). Dapatan ini mencadangkan bahawa intervensi TPTR, khususnya dalam format kelompok kecil, memberikan impak positif yang lebih besar dalam membantu pelajar meningkatkan tahap penerokaan kerjaya mereka berbanding kumpulan lain.

Dalam domain membuat keputusan kerjaya, pelajar dalam kelompok rawatan kecil juga mencatatkan min skor tertinggi (M = 5.79, SD = 0.73, *n* = 30), diikuti oleh kelompok rawatan besar (M = 5.72, SD = 0.67, *n* = 30), dan kelompok kawalan (M = 5.30, SD = 0.52, *n* = 60). Min keseluruhan bagi semua kumpulan adalah M = 5.53 (SD = 0.70, *n* = 120). Dapatan ini menunjukkan bahawa modul TPTR memberi kesan positif terhadap kebolehan membuat keputusan kerjaya, dan perbezaan skor antara kelompok rawatan dan kawalan menyokong keberkesanan intervensi, walaupun perbezaan antara kelompok rawatan kecil dan besar adalah kecil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusan, secara keseluruhan, dapatan deskriptif ini menyokong hipotesis bahawa modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti(TPTR) memberikan kesan yang positif terhadap peningkatan penerokaan kerjaya dan kemahiran membuat keputusan kerjaya. Format kelompok kecil dilihat memberikan kelebihan tambahan dalam memaksimumkan hasil intervensi, terutamanya dalam aspek penerokaan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.35

Ujian MANCOVA Modul kelompok bimbingan TPTR terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam ukuran pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan kecil, kelompok rawatan besar dan kelompok kawalan

	Nilai	F	Hipotesis df	Ralat df	Sig.	Partial Eta Square
Intercept	.661	29.226[b]	2.000	114.000	.000	.339
MANCOVA Pra CESR	.182	255.775[b]	2.000	114.000	.000	.818
MANCOVA Pra CDDQR	.182	255.775[b]	2.000	114.000	.000	.818
	.421	30.874[b]	4.000	228.000	.000	.351

Analisis MANCOVA bagi kesan intervensi modul TPTR terhadap penerokaan dan keputusan kerjaya. Untuk menilai kesan modul bimbingan kelompok berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) terhadap dua pemboleh ubah bersandar, iaitu penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya, satu analisis kovarian multivariat (MANCOVA) telah dijalankan. Pemboleh ubah kovariat yang dikawal dalam analisis ini ialah skor pra-ujian bagi CESR *(Career Exploration Scale Revised)* dan pra-ujian bagi *CDDQR (Career Decision-Making Difficulties Questionnaire-Revised).*

Keputusan MANCOVA pada Jadual 4.35 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan multivariat yang signifikan antara kumpulan rawatan kecil, rawatan besar dan kawalan terhadap pemboleh ubah bersandar apabila kesan skor pra ujian dikawal secara statistik: Wilks' Lambda = .421, $F(4, 228) = 30.874$, $p < .001$, partial $\eta^2 = .351$. Nilai eta kuasa dua separa (partial $\eta^2 = .351$) menunjukkan kesan bersaiz besar berdasarkan garis panduan Cohen (1988), yang membayangkan bahawa intervensi TPTR mempunyai kesan yang signifikan secara praktikal terhadap gabungan kedua-dua pemboleh ubah bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan Kovariat pra CESR dan pra CDDQR kedua-duanya menunjukkan kesan signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar: Pra CESR: Wilks' Lambda = .182, F(2, 114) = 255.775, $p < .001$, partial $\eta^2 = .818$. Pra CDDQR: Wilks' Lambda = .182, F(2, 114) = 255.775, $p < .001$, partial $\eta^2 = .818$. Ini menunjukkan bahawa nilai awal kedua-dua pemboleh ubah, pra CESR dan pra CDDQR, menyumbang secara signifikan terhadap variasi skor pos ujian. Kesan Intercept juga dilaporkan signifikan secara statistik: Wilks' Lambda = .661, F(2, 114) = 29.226, $p < .001$, partial $\eta^2 = .339$.

Kesimpulan, secara keseluruhan, dapatan MANCOVA menunjukkan bahawa modul bimbingan kelompok berasaskan TPTR mempunyai kesan yang signifikan secara statistik dan praktikal dalam meningkatkan penerokaan kerjaya dan kecekapan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar. Keputusan ini memberikan sokongan empirikal terhadap keberkesanan pendekatan TPTR dalam konteks pembangunan kerjaya remaja sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Persoalan kajian kedua

Adakah kesan jantina dan interaksi antara jantina mempengaruhi kesan rawatan terhadap pemboleh ubah bersandar penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya? Dalam konteks pembangunan kerjaya remaja, faktor jantina telah dikenal pasti sebagai salah satu pemboleh ubah penting yang boleh mempengaruhi proses penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Kajian ini turut meneliti sama ada terdapat kesan utama jantina serta interaksi antara jantina dan jenis rawatan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan melalui modul kelompok bimbingan TPTR terhadap dua pemboleh ubah bersandar tersebut. Pendekatan ini penting untuk menentukan sama ada keberkesanan modul adalah sejagat merentas jantina, atau jika terdapat keperluan untuk menyesuaikan pendekatan bimbingan berdasarkan ciri jantina murid.

Melalui analisis MANCOVA, pengkaji mengkaji kesan utama jantina, serta kesan interaksi jantina dengan rawatan terhadap hasil skor pascaujian yang telah dikawal dengan skor praujian. Dapatan daripada analisis ini dapat memberi gambaran tentang keberkesanan relatif modul TPTR ke atas murid lelaki dan perempuan, serta membantu pembuat dasar dan kaunselor sekolah merancang intervensi yang lebih responsif terhadap keperluan gender. Jika didapati wujud kesan interaksi yang signifikan, ini menunjukkan bahawa kesan rawatan mungkin berbeza mengikut jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1 Hipotesis 26: Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan

Satu ujian ANOVA sehala telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian rawatan kecil, pra ujian kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Jadual 4.36 menunjukkan pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.36

Pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

Kumpulan	N	Skor min	Sisihan piawai
CESR Pra Kelompok Rawatan lelaki	29	3.0468	.45267
CESR Pra Kelompok Rawatan Perempuan	31	2.9804	.36455
CESR Pra Kelompok Kawalan	60	2.6827	.50824
Jumlah	120	2.8476	.48760

Perbandingan pra ujian penerokaan kerjaya mengikut jantina dalam kalangan kelompok rawatan dan kawalan. Satu analisis deskriptif telah dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan skor purata pra ujian penerokaan kerjaya (Career Exploration Survey Revised; CESR) antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan, dan kelompok kawalan. Hasil analisis pada Jadual 4.36 menunjukkan bahawa kelompok rawatan lelaki mencatatkan skor min pra ujian yang tertinggi (M = 3.05, SP = 0.45), diikuti oleh kelompok rawatan perempuan (M = 2.98, SP = 0.36), manakala kelompok kawalan mencatatkan skor min yang paling rendah (M = 2.68, SP = 0.51).

Secara keseluruhan, jumlah skor min bagi ketiga-tiga kumpulan adalah M = 2.85 (SP = 0.49). Pemerhatian terhadap nilai min ini mencadangkan bahawa peserta dalam kumpulan rawatan (lelaki dan perempuan) mempunyai tahap penerokaan kerjaya yang sedikit lebih tinggi sebelum intervensi berbanding peserta dalam kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, perbezaan skor min ini perlu disahkan melalui analisis inferensi seperti ANOVA satu hala bagi menentukan sama ada perbezaan tersebut adalah signifikan secara statistik. Dalam konteks ini, ujian ANOVA atau ANCOVA (sekiranya skor pos ujian dan kovariat dikawal) boleh dilaksanakan untuk menguji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hipotesis secara lebih tepat. Namun, berdasarkan dapatan deskriptif sahaja, didapati terdapat perbezaan awal tahap penerokaan kerjaya antara kumpulan sebelum intervensi dimulakan.

Jadual 4.37

Ujian ANOVA Pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan

CESR Pra Kelompok Rawatan lelaki, Kelompok Kawalan	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	3.328	2	1.664	7.799	.001
Dalam Kumpulan	24.964	117	.213		
Jumlah	28.293	119			

Ujian ANOVA pra ujian penerokaan kerjaya mengikut kumpulan jantina dan kawalan. Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pra ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan, dan kelompok kawalan, satu analisis varians satu hala (ANOVA) telah dijalankan. Hasil ujian ANOVA pada Jadual 4.37 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara ketiga-tiga kumpulan, $F(2, 117) = 7.799$, $p = .001$.

Analisis ini menjelaskan bahawa skor min penerokaan kerjaya pada peringkat pra ujian adalah berbeza antara kumpulan yang dikaji, dengan nilai kuasa dua min bagi perbezaan antara kumpulan sebanyak 1.664, dan nilai kuasa dua min dalam kumpulan sebanyak 0.213. Jumlah keseluruhan varians yang dijelaskan oleh model adalah 28.293, di mana 3.328 daripadanya dijelaskan oleh perbezaan antara kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan ini mencadangkan bahawa sebelum intervensi modul TPTR dilaksanakan, tahap penerokaan kerjaya antara pelajar lelaki dalam kelompok rawatan, pelajar perempuan dalam kelompok rawatan, dan pelajar dalam kelompok kawalan adalah tidak seragam. Oleh itu, untuk analisis lanjut seperti ANCOVA atau MANCOVA, pengawalan terhadap perbezaan awal ini adalah penting bagi memastikan kesan intervensi dapat diukur secara lebih tepat.

4.5.2 Hipotesis 27: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan lelaki

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan lelaki. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian kelompok rawatan lelaki dan pos ujian kelompok rawatan lelaki. Dalam Jadual 4.38 pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan lelaki.

Jadual 4.38

Pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan lelaki

CESR Rawatan Lelaki	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	29	3.6470	.45267	-4.558	.000
Pos Ujian	26	3.0468	.52385		

Perbandingan skor pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya bagi kelompok rawatan lelaki. Bagi menilai perubahan dalam tahap penerokaan kerjaya selepas intervensi dijalankan, satu ujian *t* sampel berpasangan telah dijalankan bagi kelompok rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lelaki. Keputusan analisis pada jadual 4.38 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara skor purata pra ujian (Min = 3.0468, SP = 0.45267) dan pos ujian (Min = 3.6470, SP = 0.52385), $t(25) = -4.558$, $p < .001$.

Perbezaan ini menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam tahap penerokaan kerjaya dalam kalangan pelajar lelaki selepas mengikuti modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR). Hasil ini memberikan bukti empirikal bahawa modul TPTR berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan kebolehan pelajar lelaki untuk meneroka pilihan kerjaya secara lebih bermakna. Penemuan ini juga menyokong penggunaan pendekatan intervensi berasaskan teori dalam konteks pendidikan dan bimbingan kerjaya, terutamanya apabila melibatkan pelajar lelaki yang mungkin mempunyai keperluan dan gaya pembelajaran berbeza berbanding pelajar perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.3 Hipotesis 28: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan perempuan

Satu ujian-t bebas telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min antara pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan perempuan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian kelompok rawatan perempuan dan pos ujian kelompok rawatan perempuan. Dalam Jadual 4.39 menunjukkan pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.39

Pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya kelompok rawatan perempuan

CESR Rawatan Perempuan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Pra Ujian	31	2.9804	.36455	-4.210	.000
Pos Ujian	34	3.4065	.44312		

Perbandingan skor pra ujian dan pos ujian penerokaan kerjaya bagi kelompok rawatan perempuan. Bagi menilai keberkesanan modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) terhadap penerokaan kerjaya dalam kalangan pelajar perempuan, satu ujian *t* sampel berpasangan telah dijalankan. Hasil analisis pada Jadual 4.39 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor purata pra ujian (Min = 2.9804, SP = 0.36455) dan pos ujian (Min = 3.4065, SP = 0.44312), $t(30) = -4.210$, $p < .001$.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ini menunjukkan peningkatan yang signifikan secara statistik dalam tahap penerokaan kerjaya selepas pelajar perempuan mengikuti sesi bimbingan kelompok TPTR. Ini memberikan indikasi bahawa modul TPTR berjaya membantu pelajar perempuan mempertingkatkan kefahaman mereka terhadap potensi, minat, serta pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan diri mereka. Penemuan ini selari dengan literatur terdahulu yang menekankan bahawa pendekatan berasaskan teori yang menekankan pemilihan kendiri dan tanggungjawab boleh memperkukuh motivasi intrinsik pelajar, termasuk pelajar perempuan, dalam membuat penerokaan kerjaya yang lebih bermakna dan terarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.4 Hipotesis 29: Tidak terdapat perbezaan signifikan pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan

Satu ujian ANOVA sehala telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Pada analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pos ujian kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.40 menunjukkan pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

Jadual 4.40

Pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan	N	Skor min	Sisihan piawai
CESR Pos Kelompok Rawatan Lelaki	26	3.6470	.52385
CESR Pos Kelompok Rawatan Perempuan	34	3.4065	.44312
CESR Pos Kelompok Kawalan	60	2.7815	.54925
Jumlah	120	3.1461	.63472

Perbandingan skor pos ujian penerokaan kerjaya mengikut jantina dan kumpulan. Analisis deskriptif telah dijalankan bagi menilai perbezaan skor min pos ujian penerokaan kerjaya antara tiga kumpulan iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Hasil analisis pada Jadual 4.40 menunjukkan bahawa pelajar dalam kelompok rawatan lelaki mencatatkan skor min penerokaan kerjaya yang tertinggi (Min = 3.6470, SP = 0.52385), diikuti oleh pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perempuan dalam kelompok rawatan (Min = 3.4065, SP = 0.44312). Sementara itu, kelompok kawalan merekodkan skor min paling rendah (Min = 2.7815, SP = 0.54925).

Perbezaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan rawatan (lelaki dan perempuan) mencatatkan peningkatan tahap penerokaan kerjaya yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Dapatan ini mencerminkan keberkesanan modul TPTR dalam membantu pelajar kedua-dua jantina meningkatkan pemahaman dan keterlibatan mereka dalam proses penerokaan kerjaya. Namun, pelajar lelaki dilihat menunjukkan tahap peningkatan yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan selepas mengikuti intervensi.

Perbezaan ini juga mengisyaratkan bahawa faktor jantina mungkin memainkan peranan dalam respons pelajar terhadap pendekatan bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti. Pelajar lelaki mungkin menunjukkan penerimaan yang lebih kuat terhadap prinsip-prinsip autonomi, pemilikan kendiri, dan kejelasan dalam matlamat yang diterapkan dalam modul TPTR, sekaligus meningkatkan tahap penerokaan kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, analisis inferensi lanjut (misalnya, ANCOVA atau ujian pos hoc) diperlukan untuk mengesahkan sama ada perbezaan antara kumpulan ini adalah signifikan secara statistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.41

Ujian ANOVA Pos ujian penerokaan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

CESR Pos Kelompok Rawatan Jantina dan Kelompok Kawalan	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	16.802	2	8.401	31.566	.000
Dalam Kumpulan	31.139	117	.266		
Jumlah	47.941	119			

Ujian ANOVA pos ujian penerokaan kerjaya mengikut jantina dan kumpulan. Satu analisis varians satu hala (ANOVA) telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pos ujian penerokaan kerjaya (CESR) antara tiga kumpulan pelajar, iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Keputusan ujian pada Jadual 4.41 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kumpulan [$F(2, 117) = 31.566$, $p < .001$]. Hasil ini mencadangkan bahawa penyertaan dalam modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) memberikan kesan positif terhadap tahap penerokaan kerjaya pelajar, dan kesan ini berbeza mengikut kumpulan. Nilai Min Kuasa Dua Dalam Kumpulan = 0.266, manakala Jumlah Kuasa Dua Antara Kumpulan = 16.802, yang menyumbang kepada jumlah keseluruhan varians sebanyak 47.941.

Penemuan ini memperkukuh dapatan deskriptif sebelumnya yang menunjukkan bahawa pelajar dalam kumpulan rawatan lelaki memperoleh skor min penerokaan kerjaya tertinggi, diikuti oleh pelajar perempuan dalam kumpulan rawatan, manakala pelajar dalam kumpulan kawalan memperoleh skor yang paling rendah. Oleh itu, intervensi TPTR terbukti berkesan dalam meningkatkan penerokaan kerjaya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khususnya dalam kalangan pelajar lelaki. Namun demikian, ujian ANOVA ini tidak menjelaskan antara kumpulan manakah perbezaan itu wujud secara signifikan. Justeru itu, analisis lanjutan seperti ujian pos hoc (contohnya Bonferroni atau Tukey HSD) diperlukan untuk mengenalpasti secara spesifik kumpulan-kumpulan yang berbeza secara signifikan antara satu sama lain.

4.5.5 Hipotesis 30: Tidak terdapat perbezaan signifikan pra ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan

Satu ujian ANOVA sehala telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan min pra ujian membuat keputusan antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Pada Analisa ini pembolehubah bebas adalah data kategori, pembolehubah bersandar adalah min data kelompok pra ujian kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan. Dalam Jadual 4.42 menunjukkan pra ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan.

Jadual 4.42

Pra ujian membuat keputusan kerjaya antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan

Kumpulan	N	Skor min	Sisihan piawai
CDDQR Pra Kelompok Rawatan Lelaki	26	4.9093	.74677
CDDQR Pra Kelompok Rawatan Perempuan	31	4.3688	.70626
CDDQR Pra Kelompok Kawalan	60	4.3027	.60866
Jumlah	117	4.6285	.75945

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis deskriptif pra ujian membuat keputusan kerjaya mengikut jantina dan kumpulan. Analisis deskriptif pada Jadual 4.42 telah dijalankan untuk menilai tahap asas membuat keputusan kerjaya (pra ujian) dalam kalangan tiga kumpulan peserta iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan, dan kelompok kawalan. Hasil analisis menunjukkan bahawa skor min tertinggi dicatatkan oleh kelompok rawatan lelaki iaitu min = 4.9093, sisihan piawai = .74677, diikuti oleh kelompok rawatan perempuan (min = 4.3688, sisihan piawai = .70626) dan kelompok kawalan (min = 4.3027, sisihan piawai = .60866). Secara keseluruhan, min gabungan bagi semua peserta adalah 4.6285 dengan sisihan piawai .75945, menunjukkan bahawa tahap asas membuat keputusan kerjaya peserta adalah pada tahap sederhana tinggi.

menunjukkan kecenderungan yang lebih kuat terhadap kerjaya STEM berbanding pelajar perempuan (Bakar dan Mahmud, 2020). Kerjaya TVET, yang memberi tumpuan kepada kemahiran teknikal dan vokasional, juga semakin terkenal di Malaysia. Kerjaya ini dilihat sebagai menyediakan pelajar dengan kemahiran praktikal yang boleh digunakan secara langsung untuk pasaran kerja. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa ramai pelajar, terutamanya yang berada di sekolah menengah rendah, menunjukkan minat yang kuat dalam kerjaya TVET, terutamanya dalam bidang teknologi dan kejuruteraan (Bakar dan Mahmud, 2020). Walau bagaimanapun, persepsi kerjaya TVET sebagai kurang berprestij berbanding kerjaya akademik boleh bertindak sebagai penghalang kepada minat pelajar (Alloway, 2004).

5.15.8 Kesesuaian antara aspirasi dan minat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat tahap keselarasan yang tinggi antara aspirasi kerjaya pelajar dan minat mereka, khususnya dalam bidang kerjaya Sosial, Penyiasatan, dan Realistik (Bakar dan Mahmud, 2020). Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar dapat menyelaraskan pilihan kerjaya mereka dengan minat dan kekuatan peribadi mereka, yang merupakan faktor penting dalam memastikan kepuasan kerja dan kejayaan dalam kerjaya pilihan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.15.9 Perluasan keberkesanan intervensi peringkat komuniti

Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa modul MKBTPTR boleh memperluaskan keberkesanan intervensi dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya di peringkat komuniti. Pendekatan yang praktikal ini membolehkan murid mengekspresikan kemahiran dalam persekitaran yang selamat dan menyokong, seperti melalui kelompok bimbingan yang menggunakan pendekatan TPTR (Deniz dan Sevim, 2022). Pendekatan ini juga dapat meningkatkan sistem sokongan sosial, terutamanya bagi individu yang mengalami tekanan dan isu untuk berkerjaya dalam kehidupan seharian. Kajian oleh Nor Alina Shahira (2022) mendapati bahawa guru sering mengalami tekanan akibat kekurangan sokongan sosial. Oleh itu, pelaksanaan pendekatan kaunseling boleh dijadikan sebagai alat untuk membantu individu memahami konsep jalinan persahabatan dan hubungan kekeluargaan yang lebih erat akan membantu dalam berkerjaya, seperti yang disarankan oleh Glasser (1998), dalam membantu individu menangani tekanan dan meningkatkan kesejahteraan psikologi berkerjaya. Berdasarkan dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan kaunseling boleh menjadi lebih dinamik dan membuka peluang yang lebih menyeluruh dan fleksibel serta menjadikannya lebih mudah diakses oleh masyarakat umum.

Tambahan pula, melalui kajian ini menunjukkan bahawa penerapan modul MKBTPTR memberi impak terhadap pendekatan kaunseling yang sedia ada. Pendekatan yang menggabungkan pelbagai teknik, seperti tatacara, penulisan dan refleksi kendiri dalam satu struktur yang menyeluruh turut memberi impak positif terhadap pendekatan kaunseling dalam berkerjaya. Ianya juga dapat menyalurkan dengan memberi pandangan baharu tentang bagaimana teknik-teknik ini boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalinkan untuk meningkatkan keberkesanannya. Dapatan kajian ini juga memperkayakan lagi kepada aspek pendekatan kaunseling terhadap intervensi dalam bidang kerjaya dan memberikan sumbangan besar kepada teori TPTR dan WDEP (Wubbolding, 2017).

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Nor Hazwani dan Sheerad (2020) menunjukkan intervensi penerokaan kerjaya dapat meningkatkan kesejahteraan klien dengan membantu klien memenuhi keperluan diri dan rasa dimiliki serta menjalani kehidupan yang sihat dan produktif dengan kerjaya pilihannya. Manakala kajian yang dijalankan oleh Siti Almunawwarah et al. (2021) pula menunjukkan aktiviti seni membantu murid menyelesaikan masalah, membina pemikiran abstrak, dan menghasilkan karya seni yang asli serta membantu membangunkan keyakinan untuk berkarya secara bebas. Justeru, berdasarkan dapatan kajian yang ditemui menunjukkan bahawa MKBTPTR boleh dijadikan sebagai salah satu alternatif dalam menjalankan perkhidmatan kaunseling kerjaya. Wubbolding (2017) juga menyatakan bahawa kaunselor perlu mempelbagaikan strategi semasa melaksanakan perkhidmatan kaunseling agar perhubungan menolong dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

MKBTPTR mampu menghasilkan sinergi yang berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan individu. Teori Pilihan Realiti Terapi menekankan bahawa setiap individu mempunyai kawalan terhadap tingkah laku mereka sendiri dan bertanggungjawab atas pilihan yang dibuat. Manakala penerokaan dan membuat keputusan kerjaya pula berfungsi sebagai medium ekspresi yang membantu individu mengurus kerjaya, meningkatkan keyakinan diri meneroka berkerjaya, dan membina pemikiran yang lebih positif dalam memilih kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks pendidikan dan kaunseling, MKBTPTR dapat memperkaya intervensi pembelajaran serta membantu individu membina mekanisme daya tindak yang lebih positif dalam berkerjaya. Oleh itu, ianya berpotensi meningkatkan kesejahteraan emosi, kognitif, dan sosial individu secara menyeluruh. Kesimpulannya, kajian ini memberi implikasi penting terhadap pelaksanaan dan pengembangan pendekatan kaunseling dalam masyarakat. Ia membuka wawasan baharu dalam penggunaan teknik dan modul yang berfokus kawalan diri terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya, melalui penekanan terhadap pendekatan yang lebih praktikal, fleksibel, dan holistik. Implikasi kajian terhadap pendekatan kaunseling kerjaya bukan sahaja mempengaruhi perkembangan teori TPTR, tetapi turut mengembangkan pemahaman terhadap pengurusan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya, serta memberi panduan untuk mengintegrasikan kaunseling kerjaya dengan lebih meluas dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.16 Sumbangan Kajian

Kajian ini memberikan beberapa sumbangan penting kepada bidang kaunseling terutamanya dalam pengembangan dan pendekatan kaunseling yang lebih berkesan, penggunaan modul yang terintegrasi, dan peningkatan penerokaan dan membuat keputusan kerjaya klien. Berikut adalah beberapa sumbangan utama yang dapat diperoleh daripada kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.16.1 Kerjaya dan kemahiran abad ke-21

Kemahiran abad ke-21 merangkumi pelbagai kebolehan yang dianggap penting untuk kejayaan dalam dunia moden. Kemahiran ini termasuk pemikiran kritis, kreativiti, penyelesaian masalah, kerjasama, komunikasi, literasi digital dan kebolehsuaian, antara lain. Kemahiran ini bukanlah baharu sepenuhnya tetapi telah mendapat perkaitan yang semakin meningkat disebabkan oleh kerumitan abad ke-21 (Greiff dan Kyllonen, 2016) (Əliyev, 2024) (Kennedy dan Sundberg, 2020). Rangka kerja teori telah dibangunkan oleh organisasi seperti Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Perkongsian untuk Kemahiran Abad Ke-21 (P21), dan Penilaian dan Pengajaran komuniti Kemahiran Abad Ke-21 (ATCS). Rangka kerja ini mengenal pasti dan menerangkan kemahiran yang diperlukan untuk pelajar berjaya dalam kedua-dua tetapan akademik dan profesional (Greiff dan Kyllonen, 2016) (Garay dan Quintana, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan kemahiran abad ke-21 digariskan oleh peranan mereka dalam menyediakan pelajar untuk dunia yang pesat berubah. Kemahiran ini dilihat sebagai penting untuk menangani cabaran global yang kompleks, seperti kemajuan teknologi, kelestarian alam sekitar dan daya saing ekonomi. Sebagai contoh, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah membolehkan individu mengemudi persekitaran yang tidak menentu dan dinamik, manakala kemahiran kolaborasi dan komunikasi memudahkan kerja berpasukan dan inovasi (Əliyev, 2024) (Todorova, 2024) (Kennedy dan Sundberg, 2020). Selain itu, penekanan pada kemahiran abad ke-21 mencerminkan peralihan daripada tumpuan tradisional pada pengetahuan hafalan kepada pendekatan pendidikan yang lebih holistik. Anjakan ini mengiktiraf bahawa keupayaan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengaplikasikan pengetahuan dalam cara yang praktikal dan inovatif adalah sama pentingnya dengan pengetahuan itu sendiri (Greiff dan Kyllonen, 2016) (Curriculum and 21st century skills, 2023).

Rangka kerja teori memainkan peranan penting dalam membimbing pembangunan dan pelaksanaan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan. Rangka kerja ini menyediakan pendekatan berstruktur untuk memahami kemahiran yang diperlukan untuk abad ke-21 dan menawarkan asas untuk reka bentuk kurikulum, penilaian dan strategi pengajaran. Sebagai contoh, rangka kerja OECD menekankan kepentingan kemahiran kognitif, sosial dan emosi, manakala rangka kerja P21 memfokuskan pada kemahiran seperti kreativiti, kerjasama dan celik digital. Rangka kerja ini juga menyerlahkan keperluan untuk pendekatan antara disiplin terhadap pendidikan, di mana kemahiran disepadukan merentasi bidang mata pelajaran yang berbeza (Greiff dan Kyllonen, 2016) (Garay dan Quintana, 2019).

Salah satu sumbangan praktikal utama kepada pendidikan abad ke-21 ialah reka bentuk semula kurikulum untuk menggabungkan kemahiran abad ke-21. Ini melibatkan penyepaduan kemahiran seperti pemikiran kritis, kreativiti dan literasi digital ke dalam mata pelajaran teras, seperti matematik, sains dan seni bahasa. Sebagai contoh, penyepaduan literasi digital ke dalam kurikulum memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengemudi dan menggunakan teknologi dengan berkesan. Begitu juga, kemasukan kemahiran kerjasama dan komunikasi dalam projek dan pembentangan kumpulan membantu pelajar membangunkan kemahiran interpersonal yang penting (Wrahatnolo dan Munoto, 2018) (Todorova, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian kemahiran abad ke-21 adalah satu lagi bidang kritikal sumbangan praktikal. Kaedah penilaian tradisional, yang memberi tumpuan kepada pengetahuan hafalan, selalunya tidak mencukupi untuk mengukur kemahiran yang kompleks seperti penyelesaian masalah dan kreativiti. Oleh itu, kaedah penilaian baharu, seperti penilaian berasaskan teknologi, telah dibangunkan untuk menilai kemahiran ini dengan lebih berkesan. Penilaian berasaskan teknologi menawarkan beberapa kelebihan, termasuk keupayaan untuk mensimulasikan senario dunia sebenar dan mengukur proses kognitif yang kompleks. Sebagai contoh, simulasi dan penilaian berasaskan senario boleh digunakan untuk menilai kemahiran menyelesaikan masalah dan pemikiran kritis, manakala tugasan kolaboratif boleh menilai kebolehan kerja berpasukan dan komunikasi (Mayrath et al., 2012) (Kennedy dan Sundberg, 2020).

Kejayaan pelaksanaan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan memerlukan guru yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengintegrasikan kebolehan ini ke dalam amalan pengajaran mereka. Oleh itu, program latihan guru dan pembangunan profesional adalah penting untuk menyediakan tenaga pengajar untuk memenuhi tuntutan pendidikan abad ke-21. Program-program ini memberi tumpuan kepada membangunkan pemahaman guru tentang kemahiran abad ke-21 dan menyediakan mereka dengan alat dan strategi untuk memasukkan kemahiran ini ke dalam bilik darjah mereka. Sebagai contoh, program pembangunan profesional mungkin termasuk latihan mengenai pembelajaran berasaskan projek, integrasi teknologi, dan penilaian kemahiran yang kompleks (Roshid dan Haider, 2024) (Andrade, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembaharuan dasar dan sistemik juga penting untuk kejayaan pelaksanaan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan. Pembaharuan ini melibatkan perubahan di peringkat nasional, wilayah dan institusi untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong pembangunan dan penilaian kemahiran abad ke-21. Sebagai contoh, dasar mungkin termasuk penyepaduan kemahiran abad ke-21 ke dalam standard pendidikan kebangsaan, pembangunan rangka kerja penilaian baharu, dan peruntukan sumber untuk latihan guru dan integrasi teknologi. Pembaharuan sistemik juga melibatkan kerjasama antara pihak berkepentingan yang berbeza, seperti kerajaan, sekolah, dan organisasi sektor swasta, untuk memastikan pendekatan yang diselaraskan untuk pembaharuan pendidikan (Wrahatnolo dan Munoto, 2018) (Garay dan Quintana, 2019).

Salah satu cabaran utama dalam melaksanakan pendidikan abad ke-21 ialah kerumitan menilai kemahiran ini. Tidak seperti kemahiran akademik tradisional, yang boleh diukur melalui ujian piawai, kemahiran abad ke-21 selalunya kompleks dan pelbagai rupa, menjadikannya sukar untuk dinilai menggunakan kaedah konvensional. Contohnya, kemahiran seperti kreativiti dan kerjasama memerlukan pendekatan penilaian yang inovatif, seperti tugasan prestasi dan penilaian berasaskan projek. Walau bagaimanapun, kaedah ini boleh memakan masa dan intensif sumber, menjadikannya mencabar untuk dilaksanakan secara besar-besaran (Greiff dan Kyllonen, 2016) (Mayrath et al., 2012).

Cabaran lain ialah keperluan untuk latihan dan sokongan guru. Ramai guru mungkin tidak mempunyai kemahiran atau pengetahuan yang diperlukan untuk mengintegrasikan kemahiran abad ke-21 dengan berkesan ke dalam amalan pengajaran mereka. Ini benar terutamanya di kawasan yang sumbernya terhad dan guru mungkin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak mempunyai akses kepada peluang pembangunan profesional. Oleh itu, menyediakan guru dengan latihan dan sokongan berterusan adalah penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan. Ini termasuk bukan sahaja latihan awal tetapi juga pembangunan profesional yang berterusan untuk memastikan guru mendapat maklumat terkini tentang strategi dan teknologi pengajaran terkini (Roshid dan Haider, 2024) (Andrade, 2016).

Teknologi memainkan peranan penting dalam pendidikan abad ke-21, tetapi ia juga memberikan beberapa cabaran. Sebagai contoh, penyepaduan teknologi ke dalam kurikulum memerlukan pelaburan yang besar dalam infrastruktur, seperti komputer, perisian dan sambungan internet. Selain itu, kepesatan perubahan teknologi bermakna sekolah mesti sentiasa mengemas kini teknologi mereka untuk mengikuti perkembangan terkini. Selain itu, penggunaan teknologi dalam pendidikan menimbulkan persoalan penting tentang ekuiti dan akses. Di banyak bahagian dunia, akses kepada teknologi adalah terhad, mewujudkan jurang digital yang boleh memburukkan lagi ketidaksamaan yang sedia ada dalam pendidikan (Mayrath et al., 2012) (Wrahatnolo dan Munoto, 2018).

Akhir sekali, pelaksanaan pendidikan abad ke-21 memerlukan kerjasama dan penyeragaman global. Sistem pendidikan di seluruh dunia menghadapi cabaran yang sama dalam menyediakan pelajar untuk abad ke-21, dan terdapat keperluan untuk kerjasama antarabangsa untuk berkongsi amalan terbaik dan membangunkan standard umum untuk kemahiran abad ke-21. Sebagai contoh, organisasi antarabangsa seperti OECD dan UNESCO memainkan peranan penting dalam memudahkan kerjasama dan menyediakan panduan tentang pembangunan dan pelaksanaan kemahiran abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Organisasi ini bekerjasama dengan kerajaan dan pendidik untuk menggalakkan integrasi kemahiran abad ke-21 ke dalam sistem pendidikan di seluruh dunia (Greiff dan Kyllonen, 2016) (Garay dan Quintana, 2019).

Kesimpulan, sumbangan teori dan praktikal kepada pendidikan dan kemahiran abad ke-21 adalah luas dan pelbagai aspek. Rangka kerja teori menyediakan asas untuk memahami kemahiran yang diperlukan untuk abad ke-21, manakala sumbangan praktikal memberi tumpuan kepada pelaksanaan kemahiran ini dalam sistem pendidikan di seluruh dunia. Di sebalik cabaran, kepentingan kemahiran abad ke-21 dalam menyediakan pelajar untuk berjaya dalam dunia yang pesat berubah tidak boleh dipertikaikan. Dengan menangani cabaran ini dan terus berinovasi dalam pendidikan, kami dapat memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran yang mereka perlukan untuk berkembang maju dalam abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.16.2 Pembangunan dan penerapan Modul MKBTPTR

Kajian ini menyumbang kepada pembangunan dan penerapan modul MKBTPTR yang menggabungkan elemen-elemen dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya, dan penulisan dalam proses kaunseling. Modul ini memberi alternatif yang inovatif dalam pendekatan kaunseling dalam bidang kerjaya. Melalui integrasi ini, kaunselor dapat memperkenalkan pendekatan yang lebih holistik, memberi klien peluang untuk mengekspresikan diri melalui medium kelompok dalam mencapai pemilihan kerjaya masing-masing melalui penerokaan dan membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan modul MKBTPTR ini merupakan alternatif kepada semua kaunselor di seluruh Malaysia untuk menggunakan modul yang dibangunkan dalam memberikan bantuan kepada murid-murid yang berhadapan dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya mereka.. Pembangunan modul MKBTPTR ini boleh dijadikan salah satu sumbangan dalam melaksanakan intervensi kepada murid-murid yang berdepan dengan isu-isu yang mereka hadapi di dalam meneroka kerjaya dan seterusnya membuat keputusan kerjaya mereka.

Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan panduan oleh guru-guru di sekolah dalam memahami isu yang dihadapi oleh murid mengenai kerjaya baik dari segi meneroka atau membuat keputusan kerjaya. Hal ini disebabkan oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Ibrahim dan Mahbob (2021) menunjukkan bahawa murid-murid akan mengalami kekeliruan dalam memilih kerjaya yang sesuai dengan pilihan mereka ketika berhadapan dengan isu berkerjaya setelah tamat persekolahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.16.3 Penerapan aktiviti kaunseling berasaskan kelompok bimbingan

Salah satu sumbangan utama kajian ini adalah penemuan bahawa pengendalian berasaskan kelompok bimbingan dapat meningkatkan keberkesanan dalam pengagihan maklumat dan pengendalian kelompok bimbingan yang praktikal dan berkesan. Kajian oleh Ahmad, et al., (2022) menunjukkan bahawa kaunselor berjaya membantu murid mengenal pasti keperluan mereka dan memberi panduan tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencapai matlamat mereka. Ini membawa kepada pembentukan pelan tindakan yang lebih disesuaikan dengan situasi dan keperluan murid. Kelompok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bimbingan yang dikendalikan dapat mempertingkatkan keberkesanan proses penerimaan kerana murid merasa lebih dihargai dan didengar, serta lebih berdaya untuk bertindak dalam mengatasi isu dalam bidang kerjaya mereka.

5.16.4 Penggunaan aktiviti yang praktikal

Kajian ini menyumbang kepada pengembangan penggunaan aktiviti-aktiviti sesi yang lebih praktikal dengan menekankan penglibatan aktiviti individu dan berkumpulan yang sesuai sebagai alat untuk mencapai objektif yang disasarkan. Aktiviti yang menggabungkan kemahiran memberi ruang bagi murid untuk mengekspresikan tugasan yang mungkin dapat dinyatakan dengan gerak kerja yang sesuai dengan kemahiran mereka. Teknik ini juga membantu murid mengurangkan rasa kelemahan yang dihadapi, serta memperkenalkan bentuk kemahiran yang tidak formal dan lebih santai, yang seterusnya membantu meningkatkan hubungan yang lebih baik antara kaunselor dan murid. Aktiviti yang digunakan dalam modul ini, seperti menulis dan merespon aktviti, berfungsi untuk membimbing murid dalam memahami perkara-perkara yang dapat membantu mereka mencapai objektif aktiviti. Ini menunjukkan keberkesanan aktiviti dalam membantu individu yang berdepan dengan isu, permasalahan dan membentuk kemahiran yang sesuai (Maree, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.16.5 Peningkatan kefahaman dan keyakinan diri murid

Kefahaman dan peningkatan keyakinan diri yang dicapai oleh murid selepas mengikuti sesi kelompok bimbingan memberi sumbangan besar terhadap pembentukan identiti yang lebih positif. Kajian ini menunjukkan bahawa murid menjadi lebih memahami tentang kerjaya diri mereka, mengidentifikasi pilihan mereka, dan berasa lebih yakin dalam mengambil tindakan untuk memilih kerjaya mereka. Penemuan ini memberikan sumbangan kepada kelompok bimbingan yang menekankan pentingnya kefahaman diri sehingga mencapai kesejahteraan diri. Ia menunjukkan bahawa apabila murid diberi ruang untuk mengenal pasti dan memahami pilihan yang sesuai dan lalu mereka lebih cenderung untuk membuat keputusan yang lebih baik dan lebih proaktif dalam menguruskan kerjaya (Jalil dan Jaafar, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.16.6 Sumbangan terhadap aktiviti kaunseling dalam menghadapi kerjaya

Kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan intervensi kaunseling, khususnya dalam konteks penerokaan dan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid. MKBTPTR telah menunjukkan keberkesanan dalam memperkasa murid bukan sahaja dari segi kognitif dan emosi, tetapi juga dari aspek tindakan konstruktif terhadap masa depan kerjaya mereka. Intervensi ini membantu murid mengurangkan kekeliruan kerjaya dan meningkatkan kelegaan psikologi melalui aktiviti-aktiviti yang menyokong pemikiran positif serta tindakan berfokus penyelesaian (*solution-focused*). Penemuan ini selaras dengan dapatan Akbari dan Dinarvand (2014) yang menunjukkan bahawa pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan Choice Theory mampu mengurangkan tindak balas emosi negatif dan memperkukuh pengambilan keputusan yang lebih berdaya. Selain itu, pendekatan kaunseling berkelompok yang menggabungkan aktiviti praktikal, seperti lakonan peranan (*role-play*), penulisan reflektif, dan simulasi keputusan kerjaya, turut didapati lebih efektif berbanding pendekatan verbal semata-mata (Jalil & Jaafar, 2024; Nor Hernamawarni, 2023). Oleh itu, dapatan ini menyokong perkembangan pendekatan kaunseling yang lebih mesra, holistik, dan bersifat inklusif, sejajar dengan kehendak pendidikan abad ke-21 yang menekankan kesejahteraan emosi, kemahiran membuat keputusan, dan kecekapan diri dalam menghadapi perubahan kerjaya yang dinamik (MOE, 2019; Saad et al., 2021).

5.16.7 Sumbangan meningkatkan keberkesanan kelompok bimbingan dalam kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memberi sumbangan signifikan kepada amalan kaunseling kerjaya khususnya melalui pendekatan kelompok bimbingan yang diterapkan di persekitaran sekolah mahupun komuniti. Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan modul berasaskan MKBTPTR bukan sahaja berkesan dalam memperkasa murid menghadapi cabaran membuat keputusan kerjaya, malah dapat disesuaikan untuk pelajar daripada latar belakang sosioekonomi dan personaliti yang berbeza. Keberkesanan modul ini menunjukkan bahawa kaunselor boleh memainkan peranan lebih proaktif dan strategik dengan mengaplikasikan teknik bimbingan yang bersifat kreatif, reflektif dan berpusatkan klien (Norhayati, 2022; Jalil & Jaafar, 2024). Intervensi yang berfokuskan kepada penerokaan kendiri, nilai, dan tanggungjawab individu ini memberikan dimensi baharu kepada pelaksanaan kaunseling kerjaya, menjadikannya lebih kontekstual dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

holistik. Selain itu, kelompok bimbingan berasaskan pendekatan teori pilihan terapi realiti berpotensi diperluas dalam pelbagai konteks termasuk program bimbingan komuniti, pusat belia, atau inisiatif latihan kerjaya untuk menangani isu kerjaya yang semakin kompleks dalam era globalisasi dan ekonomi digital (Corey, 2016; Saad et al., 2021). Oleh itu, penemuan ini membuka ruang untuk mengembangkan amalan kaunseling kerjaya ke arah yang lebih praktikal, responsif dan relevan dengan cabaran abad ke-21.

5.16.8 Sumbangan kepada teori kaunseling

Kajian ini menyumbang secara signifikan kepada pengembangan teori kaunseling dengan menekankan kepentingan pendekatan integratif dalam menangani isu kerjaya dalam kalangan remaja. Dapatan kajian menyokong kebolehlaksanaan dan keberkesanan gabungan antara teknik kaunseling tradisional seperti refleksi, penstrukturan semula pemikiran, dan dialog realiti dengan aktiviti penerokaan kerjaya yang lebih bersifat praktikal dan interaktif. Pendekatan ini terbukti memberi kesan yang lebih menyeluruh terhadap murid, merangkumi aspek kognitif, emosi, dan tingkah laku. Melalui pelaksanaan modul kelompok bimbingan berasaskan MKBTPTR kajian ini mengukuhkan prinsip asas teori pilihan yang menekankan kebebasan memilih, tanggungjawab kendiri dan kesejahteraan psikologi (Glasser, 1998). Kajian ini turut menyokong pandangan Corey (2016) bahawa intervensi kaunseling yang berkesan perlu mengambil kira nilai dan keunikan individu serta memberi ruang kepada klien untuk membuat keputusan secara sedar dan reflektif. Secara tidak langsung, dapatan ini menyumbang kepada evolusi pendekatan teori kaunseling yang lebih kontekstual,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mesra klien, dan responsif terhadap cabaran semasa dalam bidang pendidikan dan kerjaya. Tambahan pula, dapatan kajian ini memperkukuh teori kesejahteraan psikologi seperti yang dikemukakan oleh Ryff (1989), yang menggariskan bahawa penglibatan aktif dalam proses penetapan matlamat kendiri dan refleksi terhadap nilai hidup merupakan asas kepada pembangunan identiti dan kesejahteraan emosi. Justeru, kajian ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk memperluaskan lagi aplikasi pendekatan kaunseling integratif dalam pelbagai konteks pendidikan dan komuniti.

5.16.9 Sumbangan terhadap latihan dan pendidikan kaunselor

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam aspek latihan dan pendidikan kaunselor dengan mengetengahkan kepentingan penguasaan pendekatan intervensi yang lebih praktikal, tersusun dan berasaskan modul seperti modul kaunseling berasaskan MKBTPTR. Pelaksanaan modul ini dalam sesi kelompok bimbingan memperlihatkan bahawa latihan kaunselor perlu merangkumi penguasaan kemahiran melaksanakan aktiviti interaktif, reflektif, dan berfokuskan klien bagi menangani isu penerokaan serta membuat keputusan kerjaya secara lebih holistik dan bermakna. Modul seperti MKBTPTR menyediakan satu rangka kerja yang boleh dijadikan panduan oleh kaunselor untuk merancang sesi kaunseling secara lebih sistematik. Ia juga membantu kaunselor melibatkan pelajar secara aktif dalam proses kaunseling, sejajar dengan pendekatan abad ke-21 yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar, pembangunan kendiri dan kecerdasan emosi (Corey, 2016; Sidek, 2018). Dalam konteks ini, kaunselor bukan sahaja bertindak sebagai fasilitator tetapi juga sebagai pembimbing dalam membantu murid membina kesedaran diri, menetapkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matlamat kerjaya dan membuat keputusan berdasarkan pertimbangan nilai dan realiti semasa.

Selain itu, dapatan kajian ini memberi implikasi kepada institusi latihan kaunselor agar memasukkan latihan berbentuk amali berasaskan modul dalam kurikulum pendidikan kaunselor. Ini penting bagi membolehkan bakal kaunselor memiliki kecekapan profesional yang tinggi dan bersedia menghadapi kepelbagaian isu kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah dari pelbagai latar belakang sosioekonomi dan budaya. Keupayaan kaunselor untuk mengaplikasikan pendekatan yang relevan dan mesra klien akan meningkatkan lagi keberkesanan intervensi kaunseling yang dijalankan.

Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada pengembangan kelompok bimbingan yang lebih berkesan, kreatif, dan mesra murid, terutamanya bagi mereka yang berhadapan dengan masalah seperti isu dalam bidang kerjaya khusus dalam penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Modul MKBTPTR yang dikaji membuka jalan kepada pendekatan baharu dalam kaunseling, yang boleh diaplikasikan dalam kelompok bimbingan bagi memperbaiki kesejahteraan dalam kerjaya diri individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.16.10 Sumbangan Teori Pilihan Terapi Realiti terhadap penerokaan dan membuat keputusan kerjaya murid sekolah menengah

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa modul bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (Choice Theory and Reality Therapy) memberi kesan positif dalam membantu pelajar sekolah menengah meneroka kerjaya dan membuat keputusan yang lebih bermakna. Implikasi ini dilihat melalui beberapa sumbangan utama teori tersebut terhadap pembangunan kerjaya pelajar. Pertama, pendekatan ini dapat meningkatkan kesedaran kendiri pelajar terhadap pilihan kerjaya mereka. Teori Pilihan menekankan bahawa individu membuat pilihan berdasarkan keperluan asas yang ingin dipenuhi, seperti keperluan untuk kasih sayang, pencapaian, kebebasan, keseronokan dan kelangsungan hidup. Justeru, pelajar yang mengikuti intervensi ini dapat mengenal pasti matlamat hidup dan nilai peribadi mereka dengan lebih jelas, sekaligus membentuk asas yang kukuh dalam pemilihan kerjaya yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua, Terapi Realiti memberi penekanan kepada tanggungjawab dan kawalan kendiri, yang secara langsung membantu pelajar membuat keputusan kerjaya secara lebih matang. Dengan menerapkan prinsip bertanggungjawab terhadap tindakan sendiri, pelajar terdorong untuk menilai pilihan kerjaya secara objektif dan menyedari implikasi jangka panjang daripada keputusan yang dibuat. Ketiga, intervensi berasaskan teori ini turut menyumbang kepada peningkatan kemahiran refleksi dan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar. Melalui penggunaan soalan-soalan sokratik dalam sesi bimbingan, pelajar digalakkan untuk menilai sama ada tingkah laku semasa mereka menyumbang ke arah pencapaian matlamat kerjaya. Ini membolehkan pelajar mengubah tingkah laku yang tidak membantu dan menggantinya dengan tindakan yang lebih produktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keempat, dari aspek motivasi, Teori Pilihan menolak kawalan luaran dan sebaliknya menggalakkan motivasi intrinsik. Ini bermakna pelajar terdorong untuk meneroka kerjaya berdasarkan minat dan aspirasi sebenar mereka, bukannya disebabkan oleh pengaruh luar seperti tekanan rakan sebaya atau kehendak ibu bapa. Akhir sekali, penerapan pendekatan ini juga membantu dalam pembentukan identiti kerjaya pelajar. Melalui pemahaman terhadap keperluan asas dan matlamat jangka panjang, pelajar dapat membina gambaran kendiri yang lebih jelas dan yakin terhadap kerjaya yang ingin diceburi. Secara keseluruhan, pendekatan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti dilihat sangat relevan dalam konteks bimbingan kerjaya di peringkat sekolah menengah. Implikasinya bukan sahaja membantu pelajar membuat keputusan kerjaya dengan lebih bijak, malah turut memperkukuh aspek psikologi diri yang penting dalam perkembangan kerjaya jangka panjang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun tiada kajian khusus yang secara langsung mengaitkan Teori Pilihan Terapi Realiti dengan penerokaan dan keputusan kerjaya pelajar sekolah menengah dalam pangkalan data SciSpace, konsep asas teori ini menyediakan asas kukuh bagi intervensi psikologi dalam bimbingan kerjaya. Teori Pilihan, yang diasaskan oleh William Glasser, menekankan bahawa semua tingkah laku manusia adalah hasil daripada lima keperluan asas: kelangsungan hidup, cinta dan kepunyaan, kuasa, kebebasan, dan keseronokan.

Dalam konteks kerjaya, pelajar yang dibimbing menggunakan pendekatan Terapi Realiti diajar untuk mengenal pasti pilihan yang selari dengan keperluan dan nilai peribadi mereka, seterusnya memupuk kesedaran kendiri dan tanggungjawab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam membuat keputusan. Kaedah ini dapat membantu pelajar mengurangkan kekeliruan kerjaya, meningkatkan motivasi intrinsik, dan membentuk sasaran kerjaya yang lebih realistik dan sesuai. Tambahan pula, pendekatan ini menyokong perkembangan kompetensi metakognitif seperti penilaian kendiri dan pemikiran kritis, yang penting dalam menghadapi ketidaktentuan laluan kerjaya masa depan. Implikasinya kepada amalan bimbingan kerjaya di sekolah ialah kaunselor dapat menggunakan pendekatan ini untuk mencipta ruang reflektif dan kolaboratif yang memfokuskan pada pilihan yang bertanggungjawab dan berdaya saing. Justeru, walaupun bukti empirikal yang spesifik masih terhad, potensi Teori Pilihan dalam mempengaruhi keputusan kerjaya pelajar adalah signifikan, terutama apabila digabungkan dengan strategi bimbingan yang holistik dan kontekstual.

Penerapan Teori Pilihan dalam membuat keputusan kerjaya melibatkan beberapa perkara yang diperbincangakan. Penilaian diri, murid digalakkan untuk meneroka keperluan asas mereka dan bagaimana keperluan ini berkaitan dengan pilihan kerjaya mereka. Sebagai contoh, murid yang menghargai kekuatan dan pengiktirafan mungkin tertarik dengan peranan kepimpinan, sementara murid yang mengutamakan keseronokan mungkin mencari kerjaya dalam bidang kreatif. Tetapan matlamat, murid dibimbing untuk menetapkan matlamat kerjaya yang realistik dan boleh dicapai yang sejajar dengan dunia kualiti mereka. Ini melibatkan mengenal pasti langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai matlamat ini dan membuat rancangan untuk melaksanakannya (Mabeus dan Rowland, 2016) (Ostrishko, 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penerokaan pilihan kerjaya murid digalakkan untuk meneroka pelbagai pilihan kerjaya dan menilai seberapa baik setiap pilihan sesuai dengan keperluan asas dan dunia kualiti mereka. Penerokaan ini mungkin melibatkan penyelidikan, bayangan pekerjaan, dan perbincangan dengan profesional di lapangan (Mabeus dan Rowland, 2016) (Ostrishko, 1997). Pembuatan keputusan, murid diajar untuk membuat keputusan berdasarkan penilaian diri dan penerokaan mereka. Ini melibatkan menilai kebaikan dan keburukan setiap pilihan kerjaya dan memilih yang paling sesuai dengan keperluan dan matlamat mereka. Pelaksanaan dan penilaian, selepas membuat keputusan, murid disokong dalam melaksanakan rancangan kerjaya mereka dan menilai keberkesanannya. Ini mungkin melibatkan mencari pendidikan atau latihan tambahan, memperoleh pengalaman kerja yang relevan, dan terus menilai sama ada pilihan kerjaya mereka terus memenuhi keperluan mereka (Mabeus dan Rowland, 2016) (Ostrishko, 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bukti empirikal menyokong penggunaan terapi realiti dalam pembuatan keputusan kerjaya Beberapa kajian telah menunjukkan keberkesanan Terapi Realiti dalam meningkatkan pengambilan keputusan kerjaya di kalangan murid sekolah menengah. Sebagai contoh, satu kajian yang membandingkan Terapi Realiti dengan Terapi Penerimaan dan Komitmen (ACT) mendapati bahawa kedua-dua terapi itu berkesan dalam mengurangkan pencerobohan dan meningkatkan keberkesanan diri dalam membuat keputusan kerjaya. Walau bagaimanapun, Terapi Realiti didapati lebih berkesan dalam meningkatkan keberkesanan diri pekerjaan berbanding kumpulan kawalan (Farzaneh dan Najmeh, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu lagi kajian yang mengkaji hubungan antara keberkesanan diri membuat keputusan kerjaya, identiti vokasional, dan tingkah laku penerokaan kerjaya mendapati bahawa tahap keberkesanan diri yang lebih tinggi dikaitkan dengan identiti vokasional yang lebih berbeza dan penglibatan yang lebih besar dalam aktiviti penerokaan kerjaya. Ini menunjukkan bahawa intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan diri, seperti Terapi Realiti, boleh memberi kesan positif terhadap hasil kerjaya (Gushue et al., 2006). Rumusannya, Teori Pilihan Terapi Realiti menawarkan rangka kerja yang berharga untuk membantu murid sekolah menengah dalam penerokaan kerjaya dan membuat keputusan. Dengan memberi tumpuan kepada kepuasan keperluan asas dan penyelarasan pilihan kerjaya dengan dunia yang berkualiti, Terapi Realiti menyediakan pendekatan berstruktur dan berkesan untuk kaunseling kerjaya. Bukti empirikal menyokong penggunaan Terapi Realiti dalam meningkatkan keberkesanan diri dan mengurangkan pencerobohan, menjadikannya alat yang berharga untuk kaunselor kerjaya yang bekerja dengan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.17 Cadangan kajian

Berdasarkan dapatan kajian serta perbincangan yang telah dilakukan, beberapa cadangan praktikal dan strategik diutarakan bagi memastikan keberkesanan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) dapat diperluaskan dan diterapkan dengan lebih berkesan dalam konteks pendidikan. Cadangan ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pelaksanaan program bimbingan kerjaya di sekolah, malah juga untuk memperkukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak yang terlibat demi menyokong perkembangan kerjaya murid secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyeluruh. Berdasarkan hasil kajian, terdapat beberapa cadangan yang telah disenaraikan. Cadangan dikategorikan kepada tindakan dan kajian lanjut.

5.17.1 Cadangan untuk kajian tindakan

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan tindakan boleh dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan amalan bimbingan dan kaunseling kerjaya di sekolah menengah. Pertama, modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) wajar diterapkan secara lebih meluas dalam program bimbingan dan kaunseling kerjaya, terutamanya dalam kalangan murid yang masih belum jelas tentang laluan pendidikan atau pekerjaan mereka. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan modul TPTR memberi kesan yang signifikan terhadap peningkatan penerokaan kerjaya dan keupayaan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid. Dengan penerapan modul ini, murid dapat dibantu untuk lebih memahami pilihan kerjaya yang sesuai dengan minat dan kemampuan mereka serta membina kemahiran membuat keputusan yang lebih berkesan.

Tambahan pula, pendekatan yang berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti memberikan penekanan kepada kesedaran kendiri dan tanggungjawab individu dalam proses membuat keputusan, sekaligus memperkukuhkan aspek motivasi intrinsik murid dalam merancang masa depan kerjaya mereka. Modul ini terbukti berkesan dalam membantu murid meningkatkan tahap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya secara signifikan. Oleh itu, pengintegrasian modul TPTR secara meluas dalam program bimbingan dan kaunseling kerjaya mampu meningkatkan keberkesanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

intervensi dan membantu murid menghadapi cabaran dalam perancangan kerjaya dengan lebih yakin dan berdaya saing.

Kedua, pihak pengurusan sekolah dan pentadbir perlu memberikan ruang dan sokongan kepada guru bimbingan dan kaunseling (GBK) untuk melaksanakan sesi bimbingan kelompok secara berkala dengan menggunakan modul yang dibina. Ini termasuk menyediakan jadual waktu yang fleksibel, ruang yang kondusif, serta pengiktirafan terhadap keberkesanan intervensi berbentuk pencegahan dan pembangunan seperti yang dilaksanakan dalam kajian ini. Ini penting bagi memastikan pelaksanaan modul kelompok bimbingan TPTR dapat dijalankan dengan berkesan dan berterusan.

Sokongan daripada pihak pengurusan termasuk menyediakan masa yang mencukupi dalam jadual harian guru, kemudahan yang diperlukan, serta latihan dan pembangunan profesional kepada GBK agar mereka lebih yakin dan mahir menggunakan modul tersebut. Dengan adanya komitmen dan sokongan yang konsisten, guru bimbingan dapat menjalankan intervensi kelompok dengan lebih sistematik dan fokus, sekaligus meningkatkan peluang kejayaan dalam membantu murid meneroka kerjaya dan membuat keputusan kerjaya secara lebih terancang dan efektif. Selain itu, penglibatan aktif pihak pengurusan juga dapat meningkatkan kesedaran dan keutamaan terhadap kepentingan program bimbingan kerjaya dalam konteks pendidikan secara menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) boleh mempertimbangkan integrasi modul TPTR ke dalam panduan pelaksanaan program bimbingan kerjaya sekolah secara sistematik. Latihan profesional dan pembangunan kapasiti GBK juga perlu dipertingkatkan agar mereka dapat melaksanakan modul ini dengan berkesan dan sesuai mengikut konteks tempatan murid. Integrasi ini bertujuan memastikan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) diiktiraf dan digunakan secara meluas di peringkat kebangsaan dan negeri. Dengan memasukkan modul ini dalam panduan rasmi, guru bimbingan dan kaunseling (GBK) akan mempunyai rujukan yang jelas dan sokongan dasar untuk melaksanakan intervensi yang berasaskan teori yang terbukti berkesan.

Selain itu, pendekatan sistematik ini juga dapat memastikan kesinambungan pelaksanaan program bimbingan kerjaya yang lebih terancang dan bersepadu di seluruh sekolah, sekaligus meningkatkan kualiti bimbingan yang diterima oleh murid. Langkah ini juga membuka ruang kepada penyelarasan latihan, pemantauan, dan penilaian keberkesanan modul TPTR secara berterusan oleh pihak berkuasa pendidikan, sekaligus menyumbang kepada pembangunan sumber manusia yang lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran kerjaya masa depan.

Akhir sekali, kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa, dan komuniti wajar diperkukuhkan dalam menyokong proses penerokaan kerjaya dan membuat keputusan murid. Program-program outreach, bengkel kerjaya, dan aktiviti libat urus boleh dijadikan pelengkap kepada intervensi berasaskan modul, selaras dengan pendekatan menyeluruh (whole-school approach) dalam pendidikan kerjaya. Kerjasama ini amat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting kerana keputusan kerjaya yang berkesan memerlukan sokongan bersepadu dari pelbagai pihak dalam ekosistem pendidikan dan sosial murid. Sekolah sebagai pusat pembelajaran bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan bimbingan kerjaya yang holistik, manakala ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi dorongan, motivasi dan bimbingan moral kepada anak-anak mereka.

Selain itu, komuniti, termasuk organisasi tempatan, agensi kerajaan, dan sektor industri, dapat menyediakan peluang pendedahan dan pengalaman dunia sebenar yang membantu murid membuat keputusan kerjaya yang lebih tepat dan berinformasi. Dengan memperkukuhkan jaringan kolaborasi ini, murid akan mendapat sokongan yang berterusan dan pelbagai sumber maklumat yang relevan, sekaligus meningkatkan keberkesanan intervensi modul TPTR dalam membentuk kematangan kerjaya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, pelaksanaan cadangan-cadangan tindakan ini diharap dapat memperkukuhkan lagi keberkesanan modul kelompok bimbingan TPTR dalam membantu murid meneroka dan membuat keputusan kerjaya dengan lebih yakin dan berkesan. Sokongan bersepadu daripada semua pihak berkepentingan amat diperlukan bagi memastikan modul ini dapat diadaptasi dan diaplikasikan secara konsisten dalam program bimbingan kerjaya di sekolah, sekaligus memberi impak positif terhadap pembangunan kerjaya murid pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.17.2 Cadangan untuk kajian lanjutan

Berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan keberkesanan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah, beberapa cadangan penyelidikan lanjutan wajar dikemukakan bagi memperluas skop dan meningkatkan sumbangan penyelidikan dalam bidang kaunseling kerjaya. Cadangan-cadangan ini mengambil kira batasan yang dikenalpasti dalam kajian semasa serta potensi pengembangan dari segi metodologi, kandungan intervensi, dan pendekatan pelaksanaan. Kajian lanjutan yang lebih menyeluruh dan mendalam dijangka dapat memberi pemahaman yang lebih komprehensif terhadap keberkesanan intervensi TPTR dalam pelbagai konteks dan populasi pelajar yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan sampel yang lebih luas dan pelbagai

Kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan empat daripada dua buah sekolah di satu daerah sahaja. Justeru, bagi penyelidikan lanjutan, disarankan agar kajian dilaksanakan dengan saiz sampel yang lebih besar dan merangkumi pelbagai latar belakang sekolah, termasuk sekolah bandar, luar bandar, sekolah berasrama penuh dan sekolah teknikal. Kepelbagaian ini akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan modul TPTR dalam konteks pelbagai sistem pendidikan.

Kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan empat daripada dua buah sekolah menengah dalam satu daerah yang terhad kepada populasi tertentu. Keadaan ini mungkin menghadkan kebolehgunaan (generalisasi) dapatan kepada populasi murid sekolah menengah secara keseluruhan. Oleh itu, bagi penyelidikan lanjutan, disarankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agar sampel kajian diperluas melibatkan lebih banyak sekolah dari pelbagai zon geografi, termasuk kawasan bandar, luar bandar, dan pedalaman.

Selain itu, penyertaan murid dari aliran pendidikan yang berbeza seperti aliran akademik, teknikal, vokasional dan agama juga boleh membantu memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan modul kelompok bimbingan berasaskan TPTR. Dengan sampel yang lebih pelbagai, penyelidik dapat meneliti sejauh mana latar belakang sekolah, budaya, dan pendekatan kurikulum mempengaruhi keberkesanan intervensi.

Melibatkan sampel yang lebih besar dan beragam juga boleh membantu mengukuhkan ketepatan statistik serta meningkatkan kuasa ujian, sekali gus membolehkan kajian mengenal pasti kesan intervensi dalam subkumpulan tertentu seperti mengikut jantina, tahap sosioekonomi, atau kecenderungan kerjaya. Langkah ini juga dapat menyumbang kepada pembangunan dasar pendidikan yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan pelajar yang pelbagai.

Tempoh intervensi yang lebih panjang

Tempoh pelaksanaan modul dalam kajian ini adalah dalam jangka pendek. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk menjalankan intervensi dalam tempoh yang lebih panjang dan berperingkat bagi menilai impak jangka panjang modul terhadap kemahiran penerokaan dan membuat keputusan kerjaya. Kajian longitudinal juga boleh membantu dalam menilai keberkesanan modul terhadap pilihan kerjaya sebenar murid selepas tamat persekolahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pelaksanaan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) dijalankan dalam tempoh intervensi yang terhad, bergantung kepada jadual persekolahan dan kekangan masa yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Walaupun intervensi jangka pendek ini menunjukkan keberkesanan yang signifikan, tempoh pelaksanaan yang singkat mungkin belum mencukupi untuk menghasilkan perubahan jangka panjang dalam aspek penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya pelajar.

Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan tempoh intervensi yang lebih panjang dan berperingkat, sama ada secara mingguan atau bulanan, agar kesan intervensi dapat diperkuat dan dikekalkan dari semasa ke semasa. Intervensi jangka panjang juga memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka nilai, minat, dan matlamat kerjaya mereka secara lebih mendalam dan konsisten, di samping membina keupayaan membuat keputusan yang lebih mantap.

Selain itu, pemanjangan tempoh intervensi membolehkan pelajar mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam situasi kehidupan sebenar, seperti ketika memilih aliran, bidang pengajian, atau merancang kerjaya selepas tamat persekolahan. Ini juga akan memberi peluang kepada kaunselor sekolah untuk memantau perubahan tingkah laku dan tahap perkembangan kerjaya secara lebih berterusan, serta melakukan penyesuaian intervensi berdasarkan keperluan pelajar dari semasa ke semasa. Kesimpulannya, tempoh intervensi yang lebih panjang berpotensi untuk meningkatkan lagi keberkesanan modul TPTR dan memberikan impak yang lebih mendalam terhadap pembangunan kerjaya pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan reka bentuk kajian eksperimen sebenar

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen disebabkan kekangan logistik dan etika. Untuk meningkatkan ketepatan inferens kausal, penyelidikan masa hadapan disarankan untuk menggunakan reka bentuk eksperimen sebenar *(true experimental design)* dengan pengelasan rawak sepenuhnya ke dalam kumpulan rawatan dan kawalan.

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dengan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang tidak ditetapkan secara rawak. Walaupun reka bentuk ini sesuai dalam konteks persekitaran pendidikan yang mempunyai batasan praktikal dan etika, kekurangan dalam kawalan terhadap pemboleh ubah luar boleh menjejaskan ketelitian dalaman kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kajian lanjutan disarankan menggunakan reka bentuk kajian eksperimen sebenar (true experimental design) yang melibatkan penugasan rawak (random assignment) peserta ke dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat mengawal kesan pemboleh ubah perancu secara lebih berkesan, sekali gus meningkatkan kesahihan dalaman dapatan kajian. Penggunaan reka bentuk eksperimen sebenar juga akan memberikan keyakinan yang lebih tinggi bahawa sebarang perubahan yang berlaku pada pemboleh ubah bersandar adalah benar-benar disebabkan oleh intervensi yang dilaksanakan, iaitu modul kelompok bimbingan TPTR. Selain itu, reka bentuk ini membolehkan generalisasi dapatan kepada populasi yang lebih luas dilakukan dengan lebih kukuh sekiranya disokong dengan sampel rawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, penyelidik perlu mengambil kira cabaran praktikal seperti keizinan pihak sekolah, pematuhan etika dalam penempatan rawak, dan pengurusan pelajar dalam kumpulan kawalan yang mungkin tidak menerima intervensi. Kesimpulannya, dengan menggunakan reka bentuk eksperimen sebenar, penyelidikan pada masa hadapan berpotensi menyediakan bukti yang lebih kukuh dan dipercayai terhadap keberkesanan modul TPTR dalam membantu perkembangan kerjaya pelajar.

Penerokaan aspek lain dalam kaunseling kerjaya

Selain penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya, kajian lanjutan boleh mengkaji kesan modul TPTR terhadap aspek lain dalam pembangunan kerjaya seperti efikasi kendiri kerjaya, kebimbangan kerjaya, nilai kerja, atau kesediaan kerjaya. Hal ini penting bagi memahami keberkesanan TPTR dalam membentuk murid yang holistik dari aspek kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya, terdapat pelbagai aspek lain dalam kaunseling kerjaya yang wajar diterokai oleh penyelidik pada masa hadapan. Antara aspek yang penting termasuk efikasi kendiri kerjaya, kesedaran identiti kerjaya, ketahanan kerjaya *(career adaptability)*, kebimbangan kerjaya, dan nilai pekerjaan.

Penerokaan terhadap aspek-aspek ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimana murid membentuk dan menyesuaikan diri dalam laluan kerjaya mereka. Sebagai contoh, efikasi kendiri kerjaya telah dikenal pasti sebagai prediktor penting dalam pemilihan dan pencapaian matlamat kerjaya (Lent, Brown, &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hackett, 2002). Manakala ketahanan kerjaya membolehkan murid menangani perubahan dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar dan tidak menentu.

Dalam konteks modul TPTR, penyelidikan lanjutan boleh menilai sejauh mana modul ini mampu meningkatkan kesedaran kendiri, kemahiran penetapan matlamat, dan kebolehsuaian murid terhadap halangan kerjaya. Ini akan memperkukuh lagi keberkesanan modul dalam menyokong perkembangan kerjaya yang holistik dan berdaya tahan. Oleh itu, penyelidikan masa hadapan digalakkan untuk meluaskan skop pengukuran dalam intervensi bimbingan dan kaunseling kerjaya agar merangkumi lebih banyak domain perkembangan kerjaya, sejajar dengan keperluan murid dalam era globalisasi dan digitalisasi pekerjaan masa kini.

Pembangunan dan penilaian modul digital atau hibrid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan perkembangan teknologi dan pendekatan pendidikan abad ke-21, dicadangkan agar penyelidikan masa hadapan mempertimbangkan pembangunan versi digital atau hibrid modul TPTR untuk digunakan secara dalam talian atau gabungan secara maya dan bersemuka. Penilaian keberkesanan versi ini boleh memperluaskan aplikasi modul dalam konteks pendidikan digital dan pembelajaran fleksibel.

Dalam era pendidikan abad ke-21 yang dipacu oleh teknologi, pembangunan modul bimbingan kerjaya dalam bentuk digital atau hibrid merupakan satu keperluan yang semakin mendesak. Modul TPTR yang dibangunkan secara bersemuka dalam kajian ini boleh diperluaskan bentuknya ke arah pendigitalan kandungan melalui platform e-bimbingan, aplikasi mudah alih, atau *Learning Management System* (LMS) seperti *Google Classroom* dan *Moodle*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul digital berpotensi meningkatkan kebolehcapaian dan keterlibatan murid, terutama dalam situasi di mana bimbingan secara fizikal sukar dijalankan, seperti ketika pandemik atau di kawasan luar bandar yang kekurangan kaunselor. Tambahan pula, penggunaan media interaktif seperti video, simulasi kerjaya, atau kuiz penilaian kendiri secara dalam talian dapat menjadikan proses penerokaan dan membuat keputusan kerjaya lebih menarik dan bermakna.

Modul hibrid pula, yang menggabungkan elemen bersemuka dan dalam talian, memberi fleksibiliti kepada guru bimbingan dan kaunseling (GBK) dalam menyesuaikan intervensi mengikut keperluan murid dan konteks sekolah. Penilaian keberkesanan modul dalam format digital atau hibrid boleh dijalankan menggunakan reka bentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen, serta menggabungkan elemen kualitatif seperti maklum balas pengguna dan kajian kes.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan ini sejajar dengan trend global dalam pendidikan dan bimbingan kerjaya yang mengutamakan pendekatan berpusatkan murid dan penggunaan teknologi pendidikan (edtech) secara optimum (Hooley et al., 2020). Oleh itu, penyelidikan lanjutan harus mempertimbangkan pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian modul TPTR dalam bentuk digital atau hibrid sebagai salah satu pendekatan inovatif untuk memperkukuh sokongan bimbingan kerjaya kepada murid.

Analisis kualitatif tambahan

Kajian ini lebih menumpukan kepada pendekatan kuantitatif. Untuk penyelidikan akan datang, disarankan untuk menggabungkan pendekatan kualitatif seperti temu bual atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jurnal reflektif murid bagi memahami pengalaman subjektif mereka terhadap proses bimbingan menggunakan TPTR. Pendekatan ini boleh memberikan pemahaman mendalam terhadap mekanisme perubahan yang berlaku dalam diri murid semasa mengikuti modul.

Bagi memperkukuh kefahaman terhadap keberkesanan modul TPTR dari sudut pengalaman murid secara menyeluruh, disarankan agar kajian lanjutan turut melibatkan analisis kualitatif sebagai pendekatan pelengkap kepada data kuantitatif. Pendekatan kualitatif ini boleh dilaksanakan melalui temu bual separa berstruktur, perbincangan berfokus *(focus group discussion)*, atau analisis refleksi bertulis murid selepas menjalani intervensi.

Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat menelusuri dimensi pengalaman dalaman murid, seperti perubahan dalam kesedaran kendiri, proses membuat keputusan, persepsi terhadap masa depan kerjaya, dan peranan hubungan kaunselor-murid dalam memberi impak. Selain itu, analisis kualitatif membolehkan pengkaji mengenal pasti faktor kontekstual, seperti pengaruh persekitaran sekolah, sokongan keluarga, dan motivasi peribadi yang mungkin tidak dapat dikesan sepenuhnya melalui soal selidik kuantitatif.

Dapatan kualitatif juga mampu memberikan pandangan mendalam terhadap kekuatan dan kelemahan modul TPTR, termasuk aspek kefahaman, kesesuaian kandungan, kebolehlaksanaan, serta cadangan penambahbaikan daripada perspektif pengguna utama iaitu murid dan guru bimbingan dan kaunseling. Analisis ini dapat dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan fenomenologi bergantung kepada reka bentuk kajian yang dipilih. Secara keseluruhannya, integrasi data kualitatif bersama data kuantitatif dalam pendekatan campuran *(mixed methods)* akan memberikan gambaran yang lebih holistik mengenai keberkesanan modul, dan sekaligus memperkukuh kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian dalam konteks bimbingan kerjaya di sekolah menengah.

Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan yang dikemukakan bertujuan memperkukuh dan memperluas dapatan kajian ini dalam usaha meningkatkan amalan bimbingan dan kaunseling kerjaya di sekolah. Dengan mengambil kira aspek metodologi, populasi sampel, bentuk intervensi serta pendekatan analisis yang lebih pelbagai, penyelidikan lanjutan dapat memberi impak yang lebih besar terhadap pembangunan modul yang bersifat lebih lestari dan kontekstual. Kajian-kajian lanjutan ini juga diharap dapat membantu guru bimbingan dan kaunseling melaksanakan intervensi berasaskan bukti *(evidence-based practice)* yang lebih berkesan dalam membantu murid mengenal pasti hala tuju kerjaya mereka secara lebih yakin dan berinformasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.18 Potensi Penggunaan dan Jaminan Modul

Modul pendidikan yang direka dengan teliti dan berdasarkan prinsip pedagogi yang mantap berpotensi tinggi untuk digunakan oleh pihak lain, khususnya jika ia dapat menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan hasil pembelajaran serta sejajar dengan keperluan kurikulum semasa. Penggunaan modul oleh pihak lain sangat bergantung kepada kualiti reka bentuk, kebolehsuaian terhadap konteks pengguna, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengesahan daripada proses penilaian yang sistematik. Jaminan penggunaan modul biasanya diperoleh melalui beberapa pendekatan. Pertama, dengan menjalankan ujian rintis dan mendapatkan maklum balas daripada pengguna sasaran bagi menunjukkan keberkesanan dan kebolehgunaan modul dalam konteks sebenar.

Kedua, melalui validasi oleh pakar bidang yang memberikan legitimasi akademik dan profesional terhadap kandungan dan struktur modul; ketiga, melalui dokumentasi hak cipta atau penerbitan rasmi yang meningkatkan kepercayaan terhadap kesahihan modul tersebut. Sekiranya modul tersebut juga menyepadukan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kolaborasi, kreativiti, dan literasi digital, ia memberi nilai tambah yang menjadikannya lebih relevan dan menarik untuk diterima pakai oleh institusi lain. Namun begitu, tiada jaminan mutlak bahawa modul akan digunakan oleh orang lain melainkan ia dipromosikan, dibuktikan keberkesanannya melalui data empirikal, dan disesuaikan dengan keperluan tempatan. Oleh itu, tanggungjawab pembangun modul adalah untuk memastikan ia fleksibel, boleh diadaptasi, serta didokumentasi dengan jelas bagi memudahkan penerimagunaan oleh pelbagai pihak dalam ekosistem pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.19 Kesimpulan

Fenomena kesukaran murid dalam memutuskan laluan kerjaya mereka telah ditubuhkan di kalangan murid Malaysia. Semua pihak, termasuk guru sekolah, penasihat, dan kerajaan, harus sedar masalah ini. Tindakan dan usaha yang jelas perlu diambil untuk menyelesaikan masalah ini kerana ia berkaitan dengan pekerja masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

depan di Malaysia. Dalam konteks ini, sekolah mempunyai tanggungjawab untuk melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran kerjaya yang sesuai. Oleh itu, guru atau kaunselor sekolah menekankan penghantaran bahan untuk menyokong pemahaman penerokaan kerjaya murid serta membuat keputusan kerjaya. Dalam kes ini, guru atau kaunselor memerlukan modul yang sesuai atau bahan berkaitan yang boleh menjadi panduan mereka untuk meningkatkan pemahaman penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya murid.

Melalui hasil penyelidikan semasa, ia boleh disimpulkan bahawa modul TPTR mempunyai kesan pada penerokaan kerjaya murid dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kajian ini mendedahkan perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan, yang dibahagikan kepada kumpulan rawatan kecil dan kumpulan rawatan yang besar, dan kumpulan kawalan. Perbezaan signifikan ini mengesahkan perbezaan antara murid yang menggunakan modul TPTR dalam proses pembelajaran mereka dan mereka yang tidak menggunakan modul TPTR. Seterusnya, Modul TPTR mempunyai kesan pada penerokaan kerjaya murid dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina, iaitu lelaki, wanita, dan kumpulan kawalan. Penyelidikan ini mengesahkan kesan signifikan modul TPTR berdasarkan jantina murid. Terdapat kumpulan rawatan yang berbeza berdasarkan jantina, iaitu lelaki dan wanita, dalam kumpulan kawalan. Penyelidikan ini juga mengesahkan purata yang lebih tinggi murid lelaki berbanding murid perempuan selepas mengalami pembelajaran dengan modul TPTR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Modul TPTR mempunyai kesan pada penerokaan kerjaya murid dan membuat keputusan kerjaya berdasarkan faktor sosioekonomi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan berdasarkan status sosial ekonomi, iaitu status sosio-ekonomi yang rendah dan status sosioekonomi sederhana, berbanding dengan kumpulan kawalan. Berdasarkan tiga hasil utama di atas, boleh disimpulkan bahawa modul TPTR mempunyai kesan pada penyelidikan kerjaya murid dan membuat keputusan kerjaya dan boleh digunakan untuk meningkatkan pemahaman kerjaya murid dalam aktiviti bilik darjah.

Kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan modul kelompok bimbingan berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti (TPTR) terhadap penerokaan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah. Kajian menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dengan prajian dan pascaujian, serta melibatkan kumpulan rawatan kecil, kumpulan rawatan besar, dan kumpulan kawalan. Seramai 120 orang murid tingkatan empat dari dua buah sekolah menengah telah dipilih sebagai sampel kajian. Dua instrumen utama digunakan ialah Soal Selidik Penerokaan Kerjaya (CESR) dan Soal Selidik Kesukaran Membuat Keputusan Kerjaya (CDDQR).

Analisis data melibatkan ujian t sampel bebas, ANOVA, ANCOVA, dan MANCOVA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam kedua-dua pemboleh ubah bersandar. Ini membuktikan bahawa modul TPTR mempunyai kesan positif terhadap peningkatan penerokaan kerjaya dan keupayaan membuat keputusan kerjaya murid selepas intervensi dijalankan. Ujian MANCOVA menunjukkan nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wilks' Lambda yang signifikan bagi pemboleh ubah kumpulan rawatan ($\Lambda = .661$, $p < .05$), jantina ($\Lambda = .699$, $p < .05$), dan status sosioekonomi ($\Lambda = .679$, $p < .05$).

Kesimpulannya, modul TPTR didapati berkesan dalam membantu murid mengenal pasti minat dan nilai kendiri, menilai pilihan kerjaya secara realistik, dan membuat keputusan yang lebih mantap terhadap masa depan mereka. Selain itu, keberkesanan modul turut dipengaruhi oleh faktor demografi seperti jantina dan latar belakang sosioekonomi, yang mencadangkan keperluan pendekatan intervensi yang lebih disesuaikan dengan keperluan individu.

Kajian ini memberikan implikasi praktikal terhadap pelaksanaan program bimbingan dan kaunseling di sekolah, serta menyumbang kepada pengukuhan literatur dalam bidang kaunseling kerjaya. Dapatan ini turut menjadi asas yang kukuh untuk pembangunan modul-modul intervensi yang berstruktur dan berasaskan teori dalam sistem pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ab Aziz, N. S. b., Zainal Shah, N., & Abdul Nasir, A. Q. (2023). *Insufficiency of soft skills among graduates within the services and manufacturing industries*. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 6(2), Article 5. https://doi.org/10.35631/ijmtss.625003

Abdi, S., Sharifi, T., Qazanfari, A., & Solati, K. (2019). A comparison of the effectiveness of group reality therapy and positive psychotherapy on irrational beliefs and psychological hardiness in brilliant talent students. *Journal of Shahrekord University of Medical Sciences*, 21(1), 31–38. https://doi.org/10.34172/jsums.2019.06

Abdul Hanid Halit. (2011). *Pembinaan modul program perkembangan kerjaya, kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur*. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.

Abdul Hanid Halit. (2017). *Kemahiran kerjaya: kemahiran program kerjaya remaja*. Nilai: Penerbit USIM Press

Abdul Rashid Abdul Aziz, Mohd Zaliridzal Zakaria, & Nor Hamizah Ab Razak,. (2021). Faktor Pembentukan Kejeleketan dalam Pengendalian Sesi Kaunseling Kelompok. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *6*(8), 69-79.

Abdul Rashid, A. A. (2022). The effectiveness of reality therapy in group counseling to achieve student motivation for academic well-being. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences,* 12(8), 886-898.

Abdullah Ismail. (2015). *Kesan kaunseling kelompok REBT terhadap simptom strees di kalangan staf jabatan dalam sebuah agensi kerajaan*. Tesis PhD. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdullah, N. H., Shamsuddin, A., Wahab, E., Abdul Hamid, N. A., & Azizan, A. Z. (2018). *Women participation in engineering professions: Future intentions and directions*. In *2018 IEEE International Conference on Engineering Education (ICEED)* (pp. 154–158). IEEE. https://doi.org/10.1109/ICEED.2018.8626959

Abdullah, S. M. (2018). Career decision making in college students. *GUIDENA: Jurnal Ilmu Pendidikan, Psikologi, Bimbingan Dan Konseling*, *8*(1), 30-39.

Abdul Razak. (1998). *Perancangan kerjaya di kalangan pelajar-pelajar.* Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Pendidikan: UKM

Abina, A., Kovačič, D., Prucnal, M., Kiratzouli, V., & Zidanšek, A. (2025). Building Sustainable Career Skills in Youth Through Adaptive Learning and Competency Self-Assessment Tools. *Sustainability*, *17*(2), 412. https://doi.org/10.3390/su17020412

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abu Bakar Nordin. (1987). *Pengukuran dan penilaian dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adawiah Idris & Azemi Shaari. (2017). Pembinaan, Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Terapi Realiti Teori Pilihan, *Jurnal Pembangunan Sosial*, Jld 20, hal. 77–87.

Aftab, S. R., & Malik, J. A. (2017). *Mediating Role of Career Thoughts for the Effect of Career Exploration on Career Decision Making*. *1*(2), 1–18. https://doi.org/10.33897/FUJP.V1I2.48

Ahmad Jazimin Jusoh, Mahmud Zuria & Noriah Mohd Ishak, (2008). The patterns of reality therapy usage among Malaysian counselors. *International Journal of Reality Therapy*, *28*(1), 5-14.

Ahmad Jazimin Jusoh, Zakaria Mohamad, Abdul Malek Abdul Rahman, Mohd. Nasir Bistamam, Mohd. Aziz Shah Mohd. Arip & Kamaruzaman Jusoff. (2011). Construction, reliability and validity of choice theory and reality therapy (TPTR) group in Malaysian problematic students, *International Journal of Arts & Sciences*, 4(23):391–404

Ahmad Jazimin Jusoh, Abdul Malek Abdul Rahman, Mohammad Nasir Bistamam & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2016). *Modul Kaunseling Kelompok TPTR: Pendekatan Menangani Permasalahan Disiplin Pelajar*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Ahmad Jazimin Jusoh, Mohammad Nasir Bistaman & Mohammad Aziz Shah. (2016). *Modul Kaunseling Kelompok TPTR*. Tanjong Malim, Perak: UPSI

Ahmad Jazimin Jusoh. (2018). Choice theory and reality therapy in individual and group counseling in a Malaysian context. *International Journal of Choice Theory® and Reality Therapy*, *37*(2), 75.

Ahmad, K. S., Abd Samad, K., Abd Rahman, N. H., Mohd Daud, S. N., Marmaya, N. H., Nasution, Y. S. J., & Hamzah, R. (2024). *Policies improving the well-being of gig workers in Malaysia*. *Information Management and Business Review*, 16(1), Article i. https://doi.org/10.22610/imbr.v16i1(i).3698

Ahmad, N., Abdul Majid, N. H., & Mohamed Sidik, M. S. (2022). Intervensi kaunseling dalam perkembangan psikologi remaja. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 190–198.

Aishah Abdul Mutalib & Mazita Ahmad. (2024). Isu dan cabaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid berkeperluan khas dalam pembelajara. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(Isu Khas 3), 21–30. https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.3.2024

Akbari, M., & Dinarvand, F. (2014). Effectiveness of therapy based on teaching Choice Theory on reduction of negative emotional reactions between couples with marital conflicts. *International Journal of Basic Sciences & Applied Research*, 3, 38–41.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Alainati, S. J. (2024). Enhancing Human Capital: A Case Study of Kuwait's Educational System and Twenty-First Century Skills. *The International Journal of Business & Management*, *12*(1). https://doi.org/10.24940/theijbm/2024/v12/i1/BM2401-006

Alali, R. M. (2024). Enhancing 21st century skills through integrated stem education using project-oriented problem-based learning. *Geojournal of Tourism and Geosites*. https://doi.org/10.30892/gtg.53205-1217

Ali, L. (2022). Manusia: Keharusan dan Kemungkinan Pendidikan. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Holistik (JIPH)*, *1*(1), 1-10.

Allen, T. D., et al. (2023). *The Influence of Work Flexibility on Employee Well-being: A Meta-Analysis*. Journal of Organizational Behavior, 44(2), 179-202.

Alloway, N. (2004). *School students making education and career decisions: aspirations, attitudes and influences: final report*. https://www.voced.edu.au/content/ngv%3A13120

Alnajjar, H., & Abou Hashish, E. A. (2024). Exploring the effectiveness of the Career Guidance and Counseling Program on the perceived readiness for the job market: a lived experience among nursing students. *Frontiers in Public Health*, *12*.

Altman, D. G. (1991). *Practical statistics for medical research.* Chapman and Hall.

American Psychological Association. (2023). *Psychotherapy*. https://www.apa.org/topics/psychotherapy

American Psychological Association. (2009). *Education and Socioeconomic Status*. Retrieved from https://www.apa.org/pi/ses/resources/publications/education

Amir Awang. (1987). *Teori dan amalan psikoterapi*. Pulau Pinang: USM

Amir, T., & Gati, I. (2006). Facets of career decision-making difficulties. *British Journal of Guidance & Counselling*, *34*(4), 483-503.

Amla Mohd Salleh, Zuria Mahmud & Mokhtar Taha. (2007). Bengkel kembara kerjaya dan motivasi belajar di kalangan pelajar berpencapaian rendah. Jurnal PERKAMA. Bil 13, 29-43

Amponsah, K. D., & Peprah, K. A. (2024). Parental characteristics and career choice decision among senior high school students in the Kwahu East District. *International Journal of Humanities and Social Science*, *25*(5), 49–65. https://doi.org/10.9790/0837-2505084965

Anastasi, A. (2012). *Psychological testing* (7th ed.). Pearson Education.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Anoi, N. Z., & Bakar, A. Y. A. (2019). Persepsi Guru Terhadap Keperluan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah Rendah Luar Bandar. *International Journal Of Education,* 4(31), 277-283.

Anonymous. (2021). *Cabaran terhadap guru dalam menangani kepelbagaian sosio budaya dan kepelbagaian kelompok dalam kalangan pelajar.* Retrieved from https://123dok.com/document/ yenen81y-cabaran-menangani-kepelbagaian-budaya-kepelbagaian-kelompok-kalangan-pelajar.html

Aragón Andrade, I. (2016). Orientación de la educación en el siglo XXI. *Educación*, *22*(22), 74–78. https://doi.org/10.33539/EDUCACION.2016.N22.1151

Ariës, R. J. (2018). *An evidence-based approach to working-memory based training in secondary education to improve reasoning test achievements*. TIER.

Ariffin, A., Hasnan, N., Zakaria, N., Rubani, S. N. K., & Hamzah, N. (2020). Pembangunan bahan e-pembelajaran berasaskan model Needham lima fasa bagi topik konkrit. *Online Journal for TVET Practitioners*, *5*(2), 63-70.

Ariyati, I. (2022). Pengembangan Materi Bimbingan dan Konseling Klasikal Bidang Belajar di Sekolah Menengah Pertama. *Bulletin of Counseling and Psychotherapy*, *4*(1), 187-194.

Armstrong, R. A., Eperjesi, F., & Gilmartin, B. (2002). The application of analysis of variance (ANOVA) to different experimental designs in optometry. *Ophthalmic and Physiological Optics*, *22*(3), 248–256. https://doi.org/10.1046/j.1475-1313.2002.00020.x

Asani, S., Panahali, A., Abdi, R., & Gargari, R. B. (2024). Effectiveness of Reality Therapy and Mindfulness-Based Cognitive Therapy in Academic Meaning and Academic Emotions of Procrastinating Students. *Modern Care Journal*, *21*(2).

Ashari, Z. H. M., Azman, N., & Rasul, M. S. (2019). Factors predicting career choice among Malaysian students in skills-based training institutions. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*, *19*, 19-39.

Atiq, S. Z., Morton, S., Abu-Lail, N. I., Kranov, A. A., Kmec, J. A., & DeBoer, J. (2018). *Women's Motivation to Pursue Engineering Education and Careers: a Case Study of Malaysia*. https://peer.asee.org/women-s-motivation-to-pursue-engineering-education-and-careers-a-case-study-of-malaysia

Atkinson, G., & Murrell, P. H. (1988). Kolb's Experiential Learning Theory: A Meta-Model for Career Exploration. *Journal of Counseling and Development*, *66*(8), 374–377. https://doi.org/10.1002/J.1556-6676.1988.TB00890.X

Atkinson, D. R., & Murrell, P. H. (1988). Ethnic group preferences for counselor characteristics. *Journal of Counseling Psychology, 35*(4), 328–333. https://doi.org/10.1037/0022-0167.35.4.328

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Awang, S., & Jais, S. M. (2020). Reliability of the Tazkiyatun NAFS Module. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 10(2).*

Ayu, M. N. K., Widarnandana, I. G. D., & Retnoningtias, D. W. (2022). *Pentingnya Perencanaan Karier Terhadap Pengambilan Keputusan Karier*. *11*(3), 341. https://doi.org/10.30872/psikostudia.v11i3.7021

Aziz, A. R. A., Zakaria, M. Z., & Ab Razak, N. H. (2021). Faktor Pembentukan Kejeleketan dalam Pengendalian Sesi Kaunseling Kelompok. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(8), 69-79.

Aziz, N. A., & Hassan, S. H. (2019). *Socioeconomic factors influencing career decision-making among Malaysian youths*. Journal of Youth Studies, 8(1), 55–65.

Baba, R., Nor, N. Z. M., & Hassan, J. (2022). Tahap Literasi Kewangan, Masalah Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal 'Ulwan*, *7*(2), 173-190.

Bacanlı, F. (2016). Career decision-making difficulties of Turkish adolescents. *International Journal for Educational and Vocational Guidance, 16*(2), 233–250. https://doi.org/10.1007/s10775-015-9304-8

Bakar, A. Y., & Mahmud, M. I. (2020). Profiling of Aspiration and Interest towards STEM and TVET Careers among Lower Secondary Students: A Malaysian Case Study. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists*, *8*(1), 489–500. https://doi.org/10.17478/JEGYS.669034

Balan, S., Zainudin, Z. N., & Jalil, H. A. (2023). Industrial Revolution 4.0 Career Agility and Competencies Among Secondary School Counsellors in Preparing Students Future Skills in Malaysia. *Journal of Public Administration and Governance*, *12*(4S), 168. https://doi.org/10.5296/jpag.v12i4s.20812

Balkin, R. S., & Kleist, D. M. (2022). *Counseling research: A practitioner-scholar approach*. John Wiley & Sons.

Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice-Hall.

Bansal, S. K., & Dalrymple, O. (2016). Instructional Module Development System (IMODS). *Integrating Technology into Computer Science Education*, 258–259. https://doi.org/10.1145/2899415.2925506

Baqutayan, S. M. S., & Razak, R. B. (2022). Can Women in Malaysian be a Changemakers? Political Involvement and Decision-making. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, *12*(4). https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i4/12907

Barlow, D. H., Nock, M. K., & Hersen, M. (2009). *Single case experimental designs: Strategies for studying behavior change* (3rd ed.). Pearson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bartley, C. E., & Robitschek, C. (2000). Psychosocial development and self-efficacy beliefs as predictors of career decision-making difficulties. *Journal of Vocational Behavior, 56*(3), 277–294. https://doi.org/10.1006/jvbe.1999.1715

Beaton, D. E., Bombardier, C., Guillemin, F., & Ferraz, M. B. (2000). *Guidelines for the Process of Cross-Cultural Adaptation of Self-Report Measures*. Spine, 25(24), 3186–3191.

Beehr, T. A., & Schuler, R. S. (1981). Job stress, employee health, and organizational effectiveness: A facet analysis, model, and literature review. *Personnel Psychology, 31*(3), 665–699. https://doi.org/10.1111/j.1744-6570.1981.tb02257.x

Bell, D. E., Raiffa, H., & Tversky, A. (Eds.). (1988). *Decision making: Descriptive, normative, and prescriptive interactions*. Cambridge University Press.

Benjamini, Y., & Hochberg, Y. (1995). Controlling the False Discovery Rate: A Practical and Powerful Approach to Multiple Testing. *Journal of the Royal Statistical Society: Series B (Methodological), 57*(1), 289–300.

Bennett, D., Robertson, R., Mahat, M., & Ananthram, S. (2021). *Ameliorating disadvantage: Creating accessible, effective and equitable careers and study information for low SES students*. Springer.

Benson, J. (2018). *Working more creatively with groups*. Routledge.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Bera, S., Pillai, S., & Pathak, P. (2024). Navigating the AI Impact: Job Markets and Evolving Skillsets. *Social Science Research Network*. https://doi.org/10.2139/ssrn.4851647

Berawi, F. M. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis (UUM Press)*. UUM Press..

Berg, R. C., Landreth, G. L., & Fall, K. A. (2017). *Group counseling: Concepts and procedures*. Routledge.

Betz, N. E., & Voyten, K. K. (1997). Efficacy and outcome expectations influence career exploration and decidedness. *The Career Development Quarterly, 46*(2), 179–189. https://doi.org/10.1002/j.2161-0045.1997.tb01004.x

Bhattacharya, S., Czejdo, B., Zulli, R., & Smith, A. A. (2024). *Enhancing AI Education at an MSI: A Design-Based Research Approach*. https://doi.org/10.1609/aaaiss.v3i1.31258

Bianchi, S. M., & Milkie, M. A. (2010). *Work and Family in the United States: A Critical Review and Synthesis of the Literature*. National Academy Press.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Binkley, M., Erstad, O., Herman, J., Raizen, S., Ripley, M., Miller-Ricci, M., & Rumble, M. (2012). Defining Twenty-First Century Skills. Dalam P. Griffin, B. McGaw, & E. Care (Eds.), *Assessment and Teaching of 21st Century Skills* (hlm. 17–66). Dordrecht: Springer.

Bistamam, M. N., Jusoh, A. J., Jais, S. M., Rahman, A. M. A., Mohamed Arif, M. A. S., & Razali, M. M. S. (2015). The effect of REBT structured counselling group towards the grief and depression among teenagers of divorced parent. *International Journal of Education and Research, 3*(4), 113–124.

Blackham, G.J. (1977). *Counselling, theory, process and practice.* Cal: Wadsworth Publ. Inc.

Blustein, D. L. (1992). Applying current theory and research in career exploration to practice. *The Career Development Quarterly*, 41, 174-184.

Blustein, D. L. (1997). A context-rich perspective of career exploration across the liferoles. *Career Development Quarterly*, 45, 260-274.

Blustein, D. L. (1988). The relationship between motivational processes and career exploration. *Journal of vocational behavior*, *32*(3), 345-357.

Boon, Y., & Selemin, R. (2010). *Penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam pengajaran guru di dua Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from https://eprints.utm.my/10647/

Boslaugh, S. (2007). *Statistics in a Nutshell*. O'Reilly Media.

Bounds, P. S. (2017). Contextual factor related to African American adolescent career development. *The Career Development Quarterly*, 65(2), 131-144.

Bowers-Brown, T., & Harvey, L. (2004). Are there too many graduates in the UK? A literature review and an analysis of graduate employability. *Industry and Higher Education*, *18*(4), 243–254. https://doi.org/10.5367/000000004151341733

Boymurodova, F., & Hamdamova, M. (2025). How to approach choosing a profession for pupils in high school. *International Journal Of Artificial Intelligence*. vol. 05, (03). https://www.academicpublishers.org/journals/index.php/ijai

Brandler, S., & Roman, C. P. (2015). *Group work: Skills and strategies for effective interventions*. Routledge.

Brandon Liaw Ah Kim & Lee Chai Eam. (2019). Keberkesanan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya di Sekolah Rendah, *Jurnal PISMP BK 2019*, Unit Bimbingan dan Kaunseling, Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Brass, T., Kennedy, J., Gabriel, F., Neill, B., Devis, D., & Leonard, S. N. (2023). Learning analytics for lifelong career development: A framework to support sustainable formative assessment and self-reflection in programs developing career self-efficacy. *Frontiers in Artificial Intelligence, 6*, 1173099. https://doi.org/10.3389/frai.2023.1173099

Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.

Brew, M., & Ngman-Wara, E. I. (2018). Influence of Career Self-Efficacy on Career Exploration among Senior High School Students in Relation to Gender. *Int. J. of Multidisciplinary and Current research*, *6*.

Brown, D., & Brooks, L. (Eds.). (1990). *Career choice and development: Applying contemporary theories to practice* (2nd ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Budi, L. S., Sugiharto, D. Y. P., & Sunawan, S. (2021). The Effectiveness of Solution-Focused Brief Career Group Counseling to Reduce Student Career Indecision. *Jurnal Bimbingan Konseling*, *10*(3), 206-213.

Burlingame, G. M., MacKenzie, K. R., & Strauss, B. (2004). *Small Group Treatment: A Handbook of Psychological Practice*. Wiley & Sons.

Cameron, A. (2013). Choice theory and reality therapy applied to group work and group therapy. *International Journal of Choice Theory and Reality Therapy*,32(2), 25-35.

Campbell, D. T., & Stanley, J. C. (1963). *Experimental and quasi-experimental designs for research*. Houghton Mifflin.

Care, E., & Luo, R. (2020). *Skills for a changing world: National perspectives and the global movement*. Brookings Institution.

Carey, T. A. (2010). *Choice Theory and PCT: What are the differences and do they matteranyway?* https://www.livingcontrolsystems.com/intro_papers/ChoiceTheory_PCT.pdf

Carr, D. (2004). The effect of workbook intervention in college students reframes of disfungsional career thoughts, FL: Florida state university.

Cassie, D.V.W., & Chen, C.P.(2012). The gender mediated impact of a cereer development intervention. *Australia journal of career development* , 21(1), 3-13.

Çelik, Ç. B., & Odacı, H. (2018). Psycho-educational group intervention based on reality therapy to cope with academic procrastination. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive-Behavior Therapy, 36*(3), 220–233. https://doi.org/10.1007/s10942-017-0283-1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Che Kasim, M. H., Ashri, M. N. R., & Shahabuddin, S. (2024). Dilema dan cabaran wanita berkerjaya: Satu kajian kes. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective (JCICP)*, 3(1), 31–40.

Chelin, N., Camacho, M. D. M. S., Rouvrais, S., & Matthiasdottir, G. (2020). *Career decision-making learning activities in stem: an integrated capsule model earmarked for higher and vet educations*. 8390–8400. https://doi.org/10.21125/EDULEARN.2020.2064

Chen, E. (2024). Studies on Artificial Intelligence's Effect on the Employment Market in the Future. *SHS Web of Conferences*, *208*, 01021. https://doi.org/10.1051/shsconf/202420801021

Chen, M. W., & Rybak, C. (2017). *Group leadership skills: Interpersonal process in group counseling and therapy*. SAGE Publications.

Chen, S., Xie, J., Wang, G., Wang, H., Cheng, H., & Huang, Y. (2024). From score-driven to value-sharing: Understanding Chinese family use of AI to support decision making of college applications. *arXiv preprint*. https://doi.org/10.48550/arXiv.2411.10280

Chen Yirui. (2025). *Demand for Digital and AI Skills in Healthcare: A NLP Analysis of Job Listings in China*. https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-5867918/v1

Chernobai, L., & Khairulin, O. (2022). Research and development of mental resilience as an adaptive mechanism in servicemen. *Scientific Journal of Polonia University*, *49*(6), 98–105. https://doi.org/10.23856/4913

Choudhury, P. K., & Kumar, A. (2024). Socioeconomic Inequality in Accessing Professional Higher Education in India: New Evidence from a Household Survey. *The Indian Economic Journal*. https://doi.org/10.1177/00194662241260812

Christensen, T. M., & Gray, N. D. (2002). The Application of Reality Therapy and Choice Theory in Relationship Counseling, An Interview with Robert Wubbolding. *The Family Journal*, *10*(2), 244–248. https://doi.org/10.1177/1066480702102020

Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Satu panduan untuk penyelidik pemula* (2nd ed.). McGraw-Hill Education.

Chuck Pistorio. (2006). *Career maturity: career across the curriculum*. http://Orion.neiu.deu/cunning/careerdev/maturity.htm

